

**GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI DALAM NOVEL TAMIL
MALAYSIA, 1970- 2010: KAJIAN PERWATAKAN SURI TELADAN
DAN DEVIAN**

ANNADURAI A/L MUROGAIAH

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI DALAM NOVEL TAMIL
MALAYSIA, 1970- 2010: KAJIAN PERWATAKAN SURI TELADAN
DAN DEVIAN**

ANNADURAI A/L MUROGAIAH

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ANNADURAI A/L MUROGAIAH

No. Pendaftaran / Matrik:

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (“Hasil Kajian Ini”):

GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI DALAM NOVEL TAMIL MALAYSIA, 1970 – 2010:

KAJIAN PERWATAKAN SURI TELADAN DAN DEVIAN

Bidang Penyelidikan: KESUSASTERAAN TAMIL

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 13 Ogos 2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 13 Ogos 2018

Nama : PROF.MADYA DR.KRISHANAN MANIAM

Jawatan: PENSYARAH, JABATAN PENGAJIAN INDIA, FSSS.

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

ABSTRAK

Tesis ini bertajuk ‘Golongan Pemuda-pemudi dalam Novel Tamil Malaysia, 1970-2010: Kajian Perwatakan Suri Teladan dan Devian’. Objektif kajian ini terdiri daripada mengenalpasti perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian, meneliti identiti golongan pemuda-pemudi dan mengkaji perwatakan golongan pemuda-pemudi sebagai pendokong tradisi, warisan dan aspirasi masyarakat Tamil dalam novel Tamil Malaysia. Ini adalah kajian kualitatif. Kaedah deskriptif serta analitikal juga turut digunakan dalam kajian ini. Kaedah perpustakaan juga digunakan untuk mengumpul maklumat. Teori psikoanalisis Sigmund Freud and Teori Erik Erikson digunakan untuk mengupas dan membincang teks serta mengenali perwatakan dalam novel Tamil Malaysia. Kajian ini terbahagi kepada enam bab. Bab satu merupakan bab pengenalan. Bab kedua ialah bab pendefinisian konsep dan teori. Bab tiga merupakan bab yang menghuraikan sejarah perkembangan novel Tamil di Malaysia. Bab empat menghuraikan perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dalam novel Tamil Malaysia. Bab lima membicarakan perwatakan golongan pemuda-pemudi devian. Bab enam merupakan bab kesimpulan. Pada keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan adalah diangkat dan golongan pemuda-pemudi devian pula dipamer sebagai watak-watak yang harus ditunjuk ajar. Watak suri teladan digambarkan sebagai golongan pemuda-pemudi yang mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha pembangunan masyarakat dan negara. Golongan pemuda-pemudi suri teladan dianggap sebagai pemimpin masa kini dan masa hadapan yang berarak dalam

kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif dan efektif serta memberikan komitmen yang lebih kukuh. Selain itu, golongan pemuda-pemudi devian merupakan golongan yang perlu diamati dan diperbetulkan. Harapan masyarakat Tamil terhadap perwatakan suri teladan adalah sebagai inspirasi kepada generasi pemuda-pemudi iaitu pendokong tradisi, warisan dan aspirasi masyarakat. Manakala watak devian adalah pemuda-pemudi yang harus diperbetulkan dan pulang kepangkuan kehidupan yang sebenar. Ini adalah kerana kesedaran golongan pemuda-pemudi adalah sangat perlu untuk mendokong cita-cita pembinaan budaya bangsa ke arah satu negara yang bernaung serta bermartabat tinggi.

University of Malaya

ABSTRACT

This thesis is entitled 'The Youths in Malaysian Tamil Novels, 1970-2010: The Characterization of Exemplary Behavior and Deviance'. The objectives of this study are to identify the characteristics of exemplary and deviant behavior among youths in Malaysian Tamil novels, examines the identities of youths in the Malaysian Tamil novel and also analyzes the characterization of youths as bearers of the tradition, legacy and aspirations of the Tamil community. The methodology of this study is qualitative. A descriptive and analytical approach used was in this study. The library research were also used to collect the informations. Psychoanalysis theorist Sigmund Freud's and Erik Erikson's theories was used to analyze and discuss the texts and recognize the various characterizations. The study is divided into six chapters. Chapter one is the introductory chapter. The second chapter is a chapter on concepts and theory. Chapter three is a chapter that describes the history of Tamil novel development in Malaysia. Chapter four describes the characterization of exemplary youths in Malaysian Tamil novels. Chapter five discusses the characteristics of deviant youths. Chapter six is the concluding chapter. The overall findings show that the characteristics of the exemplary youths are uplifted and the behavior of deviant youths are shown as characteristics that need to be corrected. Exemplary characters are described as a youth group which has its own role and importance in the development of society and country. Exemplary youths are regarded as the current and future leaders who are required to move forward with maturity, high capacity, and motivation that is more positive and effective with stronger commitment. In addition, deviant youths are a group that needs to be observed and bettered. The Tamil community's hopes in exemplary characters are an inspiration to the generation of youths who are the bearers of tradition, heritage, and aspirations of society. Meanwhile, deviant characters are youths who must be corrected

and returned to reality. This is because the awareness of youths is very necessary in supporting the ideals of building a respected and dignified nation.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Krishanan Maniam atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar penyelia dapat membantu kejayaan tesis ini. Semangat kesabaran, pembacaan teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini. Selain itu, saya juga ingin merakam terima kasih saya kepada barisan pensyarah di Jabatan Pengajian India yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyempurnaan tesis ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tercinta. Rakaman lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya iaitu isteri saya J.Soosiamaal, anak-anak saya Arvind, Priyadana dan Sangeetha Shalini atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan tesis ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong kepada mereka dalam usaha mencapai kejayaan. Selain itu, bantuan dan sokongan kawan-kawan saya khasnya yang mengikuti pengajian di Universiti Malaya bersama-sama dengan saya turut saya hargai.

Saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Pengajian India yang dapat membantu saya menyempurnakan tesis ini.

Selain itu, bantuan dan bimbingan kakitangan Universiti Malaya khususnya di Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial tidak saya lupakan.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Unit Bahagian Tajaan di Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan cuti bergaji penuh tanpa biasiswa kepada saya. Tempoh cuti tersebut dapat membantu saya memfokuskan dalam pengajian saya.

Akhirnya, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian tesis ini. Dengan hati yang tulus ikhlas, terima kasih.!

ANNADURAI A/L MUROGIAH

Jabatan Pengajian India

Universiti Malaya

Ogos 2018

KANDUNGAN

BORANG PERAKUAN TESIS	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xxiii
TRANSLITERASI	xxiv

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Tajuk Kajian	7
1.4	Pernyataan Masalah	8
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	11
1.7	Skop Kajian	12

1.8	Tinjauan Literatur	13
1.9	Kepentingan Kajian	26
1.10	Metodologi Kajian	29
1.11	Sumber-Sumber Asas Kajian	33
1.12	Pembahagian Bab	34
1.13	Rumusan	35

BAB DUA

KONSEP DAN TEORI

2.1	Golongan Pemuda-pemudi	36
2.2	Definisi Remaja	43
2.3	Definisi Perwatakan	53
2.3.1	Konsep Kajian Personaliti	54
2.3.2	Pendekatan Konsep Personaliti	54
2.3.3	Kategori Personaliti	55
2.3.4	Pembentukan Personaliti	57
2.5	Suri Teladan Atau Role Model	62
2.6	Definisi Devian	64
2.6.1	Konsep Devian	65

2.6.2	Definisi Devian Sosial	67
2.7	Teori Sigmund Freud	69
2.7.1	Pembangunan personaliti berdasarkan Teori Psikonalisis	70
2.8	Tiga Struktur Personaliti Sigmund Freud	72
2.9	Pandangan Erik H. Erikson	79
2.10	Rumusan	101

BAB TIGA

PERKEMBANGAN NOVEL TAMIL DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	102
3.2	Kesusasteraan Novel Tamil di Negara India	104
3.3	Kesusasteraan Novel Tamil yang Pertama di Malaysia	104
3.4	Sejarah Kemunculan Novel Tamil Malaysia	105
3.5	Senario Kemunculan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia	108
3.5.1	Perubahan-perubahan yang berlaku ke atas struktur masyarakat Tamil Malaysia	108
3.5.2	Aktiviti-Aktiviti kesusasteraan oleh akhbar-akhbar Tamil Malaysia	111
3.5.3	Pengaruh Langsung dari negara India	112

3.6	Tahap-Tahap Perkembangan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia	113
3.6.1	Jangka masa antara tahun 1910 – 1920	114
3.6.2	Jangka masa antara tahun 1920 – 1930	115
3.6.3	Jangka masa antara tahun 1930 – 1940	115
3.6.4	Jangka masa antara tahun 1940 – 1950	116
3.6.5	Jangka masa antara tahun 1950 – 1957	117
3.7	Novel-Novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan	117
3.7.1	Jangka masa antara tahun 1957 – 1960	117
3.7.2	Jangka masa antara tahun 1960 – 1970	118
3.7.3	Jangka masa antara tahun 1970 – 1980	119
3.7.4	Jangka masa antara tahun 1980 – 1990	121
3.7.5	Jangka masa antara tahun 1990 – 2010	124
3.8	Novel-novel Tamil Tempatan dan Peranan Akhbar	125
3.9	Rumusan	138

BAB EMPAT

PERWATAKAN GOLONGAN PEMUDA SURI TELADAN

4.1	Pengenalan	139
4.2	Golongan Pemuda India	141
4.3	Perwatakan Golongnan Pemuda Suri Teladan Dalam Novel Tamil	146

Malaysia		
4.3.1	Kecemerlangan dalam pendidikan	147
4.3.2	Kecemerlangan dalam ekonomi/perniagaan	148
4.3.3	Kepimpinan dalam masyarakat	149
4.3.4	Kepimpinan dalam keluarga	155
4.3.5	Sikap menonjolkan kelakuan baik (kepercayaan)	157
4.3.6	Kejayaan diri sendiri	162
4.3.7	Usaha berdikari (penglibatan dalam aktiviti ekonomi)	166
4.3.8	Sikap pemikiran tinggi dan rasional	169
4.3.9	Sikap ketabahan	176
4.3.10	Sikap tanggungjawab	178
4.3.11	Pengamalan kerja-kerja amal/ kebajikan	180
4.4	Watak Suri Teladan Sebagai Pendokong Jati Diri	182
4.4.1	Kebudayaan	184
4.4.2	Adat mengambil <i>Arathi</i> (nyalaan api dalam dulang)	186
4.4.3	Kepentingan hari jumaat	188
4.4.4	Majlis perkahwinan	188
4.5	Pakaian	189
4.5.1	Pakaian sari dan dhoti	190
4.6	Makanan	192

4.6.1	Makanan orang India	193
4.6.2	Menjamu selera	194
4.7	Perayaan	195
4.7.2	Menyambut perayaan Deepavali	195
4.8	Rumusan	197

BAB LIMA

PERWATAKAN GOLONGAN PEMUDA DEVIAN

5.1	Pengenalan	198
5.2	Pengambilan Dadah Dan Devian	199
5.3	Devian Gengsterism	211
5.4	Devian Dan Kes Bunuh Diri	214
5.5	Devian Dan Kes Lari Dari Rumah	221
5.6	Devian Dan Keganasan Rumah Tangga	233
5.6.1	Faktor-faktor keganasan rumah tangga	233
5.6.2	Kesan keganasan rumah tangga terhadap isteri	236
5.6.3	Kesan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak	237
5.7	Devian Dan Salah Laku Seks	241
5.7.1	Maksud Homoseksual	241
5.7.2	Sosial	243

5.8	Devian Parasit Dan Keluarga	255
5.9	Rumusan	266

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1	Hasil Kajian	267
6.2	Cadangan Kajian	285
	Bibliografi	289

Senarai Rajah

Rajah 2.1	Peringkat-Peringkat Remaja	48
Rajah 2.2	Pembahagian Konsep Personaliti	57
Rajah 2.3	Faktor-Faktor Alam Sekitar	59
Rajah 2.4	Tiga Tahap Kesedaran	72

Senarai Jadual

Jadual 2.1	Pembahagian Umur Golongan Belia Oleh Negara-Negara Komenwel	50
Jadual 2.2	Perkembangan Psikososial Erikson	87
Jadual 3.1	Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 70an	131
Jadual 3.2	Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 80an	133
Jadual 3.3	Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 90an	136
Jadual 3.4	Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam tahun 2000-2010	138

TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Malaysia adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

VOKAL		
அ - a	ஆ - ā	ஐ - ai
இ - i	ஈ - ī	ஒள - au
உ - u	ஊ - ū	ஔ - k
எ - e	ஏ - ē	
ஓ - o	ஔ - ō	

KONSONEN		
க - k / g	ங் - ṅ	ய் - y
ச - c	ஞ் - ṅ	ர் - r
ட - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த - t	ந் - n	வ் - v
ப - p	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṅ	ள் - ḷ

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan ialah keinginan atau kesedaran penulis atau masyarakatnya berkongsi maklumat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya. Mereka menggunakan perkara yang menarik untuk menyerlahkan persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau perwatakan untuk dikongsi. Mohamad Mokhtar Hassan (2005), berpendapat bahawa komposisi sastera atau teks sastera dipenuhi dengan imaginasi atau maklumat penulis baik dari segi intelek mahupun rohani.

Sastera merupakan bahan yang menghalusi kehidupan dan memberi makna kepada kemanusiaan untuk mencapai tujuan kehidupan, iaitu mempertajam pandangan dan pemikiran manusia terhadap hidupnya, memperkaya jiwa manusia dan meningkatkan peradaban manusia. Dalam genre-genre sastera, novel adalah genre yang paling berkesan bagi mempamerkan kehidupan manusia.

Genre novel muncul sebagai suatu ciptaan yang terunggul dalam dunia kesusasteraan dan sentiasa mendapat tempat istimewa dalam bidang kesusasteraan

amnya dan kesusasteraan Tamil khasnya. Genre novel juga muncul sebagai cermin yang menggambarkan jangka zaman sesebuah masyarakat. Menurut Umar Junus (1986: 2-4), tidak dapat ditolak hakikatnya bahawa karya sastera adalah satu fenomena sosial. Hal ini dapat dilihat dalam semua karya sastera.

Novel pula merupakan salah satu hasil kesusasteraan yang menggambarkan masalah masyarakat, kemanusiaan dan sejarah zaman ia muncul di samping memaparkan keunggulan kesusasteraan (Sababathy, V.1988). Walau bagaimanapun bukan semua novel menceritakan hal-hal yang berkaitan dengan minda seseorang. Malah terdapat juga novel-novel yang dihasilkan dengan tujuan menghiburkan para pembaca serta mengisi masa lapang mereka. Walaupun begitu, karya yang tidak memberi kesan yang mendalam kepada pembaca akan hilang ditelan zaman. Oleh sebab itulah para penulis novel mengambil kesempatan untuk membincangkan kehidupan realiti sebagai persoalan pokok berdasarkan masyarakat dan sejarah zaman tersebut. Tambahan pula, menurut Hamzah Hamdani (1990: 43), ramai pengkaji serta penulis beranggapan bahawa kejayaan sesebuah novel bergantung kepada watak yang dipaparkan dalam karya tersebut. Oleh itu, perlukisan watak dalam sesebuah novel diberi tumpuan yang sewajarnya oleh penulis. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa pengkaji dan pengkritik novel menganalisis dan membuat penilaian yang jitu untuk meningkatkan lagi bakat penulis novel. Sehubungan itu, pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji genre novel kerana novel dapat

menggambarkan masyarakat keseluruhan serta menyalurkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Di samping itu, melalui novel juga kita dapat merasai pemikiran peribadi seseorang, malah juga memahami nasib golongan pemuda-pemudi dalam masyarakat.

Kecemerlangan dan kejayaan seseorang dalam kehidupan dapat diperlihatkan dalam sesebuah karya. Garis panduan dan tatacara ini disebutkan dalam watak-watak yang dicipta oleh seseorang penulis dalam novel-novel yang dihasilkannya. Perjuangan individu dengan masyarakat untuk mengecapi kejayaan dalam sesuatu bidang seringkali digambarkan dalam sesebuah karya. Kejayaan dan kegagalan individu dalam kehidupannya juga dapat dilihat dalam perjalanan sesebuah novel. Perjuangan individu untuk melepasi garis masyarakat yang penuh dengan duri dan ranjau serta ingin berdiri juga dapat diperhatikan dalam novel yang dihasilkan oleh seseorang penulis. Oleh itu, kebanyakan watak yang dicipta oleh seseorang penulis dalam novelnya dapat dilihat, seringkali ingin menonjol secara bersendirian daripada hidup bersehati bersama dengan masyarakat.

Justeru, dengan plot dan latar sedemikian genre kesusasteraan novel berkembang maju sehingga hari ini. Masalah yang berlaku secara instrinsik dan masalah yang berlaku dalam masyarakat telah digambarkan dengan jelasnya dalam novel yang wujud sehingga

hari ini. Novel yang dihasilkan oleh penulis-penulis mula mendukung dan memaparkan isu berkaitan dengan semangat nasionalisme.

Novel juga menghuraikan tentang ketegangan jiwa dan emosi yang dialami oleh seseorang dalam kehidupan. Di dalam novel, tidak dapat melihat tentang kesatuan dan penyebatian di antara mesyarakat sejagat dengan alam semulajadi secara menyeluruh. Tambahan pula, secara tidak langsung ada antara penulis novel Tamil telah menjadikan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan dan pengalaman yang pernah dilalui sebagai wadah dalam penulisan mereka. Ada juga penulis novel menggunakan peristiwa yang berlaku di sekitar dan berdekatan dengan mereka sebagai sumber dalam penulisan mereka (Mana Sikana, 2003).

Segolongan penulis lagi menggunakan isu atau peristiwa yang pernah dilihat dan pernah didengar sebagai sumber dalam penulisan mereka. Penulis novel yang berpengalaman tidak menggunakan keseluruhan isu yang berkaitan tentang perjuangan yang berlaku dalam kehidupan beliau dalam penulisan mereka. Beliau akan memilih peristiwa tertentu dalam kehidupannya yang berlandaskan nilai estetika dan selaras dengan konsep seni untuk masyarakat (Mana Sikana, 1996). Penulis novel seharusnya mengutarakan isu-isu yang membangkitkan kehidupan masyarakat dan harapan masyarakat untuk berjaya dalam

penulisannya. Oleh sebab itu, peranan genre novel dalam kesusasteraan sesungguhnya meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati pembaca budiman.

Tema novel akan memberi penerangan kepada sesuatu golongan masyarakat pada sesuatu zaman. Begitu juga, perwatakan akan menjelaskan budaya dan pemikiran sesuatu masyarakat. Ramai pengkaji meneliti tema dan perwatakan secara keseluruhan untuk menerangkan kehidupan manusia. Dengan demikian, perwatakan adalah amat penting untuk menghalusi sesuatu masyarakat. Lebih-lebih lagi perwatakan golongan pemuda akan memberi suatu penjelasan mengenai hala tuju sesuatu golongan masyarakat. Hal ini adalah kerana golongan pemuda merupakan tonggak untuk sesuatu masyarakat. Golongan pemuda juga merupakan golongan yang sangat cair untuk menerima dan menolak pengaruh luar. Dengan ini, budaya pemikiran sesuatu golongan masyarakat dapat diteliti dengan mudah apabila golongan pemuda diamati dan diberi interpretasi. (A.Rahim Abdullah,1990)

1.2 Latar Belakang Kajian

Novel menjadi hasil kesusasteraan abad kedua puluh yang mengetengahkan masalah masyarakat, tamadun dan sejarah masyarakat. Sesuatu karya tidak hanya mementingkan hiburan atau merehatkan minda pembaca malah harus bertindak sebagai pencetus minda. Sastera boleh membentuk nilai yang luhur dan budi pekerti seseorang.

Namun begitu, jika karya sastera tidak memberi impak kepada kehidupan masyarakat maka karya tersebut akan lenyap ditelan zaman. Oleh sebab itu, para karyawan memaparkan realiti kehidupan sebagai pokok persoalan dalam menceritakan tentang sesebuah masyarakat (Siti Khariah Mohd Zubir, 2012).

Tambahan pula, karyawan berpendapat bahawa perwatakan watak memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu novel. Oleh itu, penggambaran watak dalam novel perlu diberi perhatian supaya pengkaji novel dapat menilai dan membuat analisis terhadap bakat penulis sesuatu karya.

Sastera merupakan salah satu aspek dalam kebudayaan sesuatu masyarakat. Maka sastera dan masyarakat amat berkait rapat. Oleh itu, dua cabang penting yakni yang pertama sastera yang dihasilkan oleh masyarakat dan kedua sastera yang membolehkan masyarakat menjadi unsur di dalamnya (Nik Hassan Nik Ab. Kadir, 2007).

Cabang pertama, iaitu sastera yang dihasilkan oleh masyarakat mestilah bersesuaian dengan keupayaan atau kebolehan penerima dan mesti terdapat peradaban atau nilai yang baik untuk diaplikasikan oleh sesuatu masyarakat. Apabila membincangkan sastera yang dihasilkan oleh ahli masyarakat untuk masyarakat ia mestilah bersesuaian dengan peringkat keupayaan dan kemampuan penerima dan perlu ada nilai yang tinggi

untuk digunakan oleh masyarakat itu sendiri. Selain itu, sastra yang menjadikan unsur di dalamnya seperti sajak, cerpen dan novel merekodkan kelakuan manusia atau sesuatu masyarakat.

Novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dari tahun 1970 hingga 2010 juga telah cuba memaparkan, meniru atau menganalisa sesuatu masyarakat. Hasil karya sastra sebetulnya dapat menilai segala dugaan dan rintangan, menceritakan kemajuan, kegigihan, kemiskinan atau kejayaan kehidupan masyarakat. Kesusasteraan Tamil merupakan salah satu unsur kebudayaan, manakala kebudayaan pula merangkumi kebulatan daripada pelbagai unsur. Justeru kebudayaan itu mewarnai keseluruhan tingkahlaku manusia yang dihasilkan daripada budi bicara serta fikiran seseorang untuk mengisi keperluan hidup seseorang.

Dengan ini, masyarakat Tamil Malaysia memaparkan pengajaran melalui pembicaraan novel-novel Tamil. Umumnya nilai murni yang terdapat dalam novel dapat menjadi pedoman hidup seseorang. Ada juga watak yang menunjukkan ciri negatif pada akhir penceritaan. Masyarakat yang membaca sesebuah novel perlu menilai watak yang baik dan buruk. Watak yang baik dijadikan teladan dan watak yang tidak baik dijadikan sempadan dan pengajaran dalam kehidupan seseorang. Dalam mengkaji novel Tamil Malaysia dari tahun 1970 hingga 2010, penumpuan diberi pada watak golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian.

Pengkaji juga menganalisis watak golongan pemuda-pemudi yang terikut-ikut dengan peredaran zaman, keruntuhan akhlak dan budaya bersaing dengan kaum lain serta kekangan yang dihadapi oleh golongan pemuda-pemudi sebelum mencapai impian hidupnya. Dalam masa yang sama pengkaji juga mengkaji budaya pemikiran golongan pemuda-pemudi dan pandangan golongan pemuda-pemudi semasa mengharungi kehidupan. Citra watak golongan pemuda-pemudi ialah lukisan kehidupan masyarakat. Hal ini kerana novel Tamil Malaysia dapat mengetengahkan kehidupan masyarakat seseorang. Para penulis menggunakan imaginasi bercampur pengalaman yang dilaluinya lalu menjadikannya sebagai karya novel. Apabila membaca karya-karya tersebut seolah-olah mereka membaca cerita mereka sendiri dan membolehkan novel itu sehati dengan jiwa pembaca.

1.3 Tajuk kajian

Memandangkan kepentingan analisis dan kajian dalam bidang penulisan novel maka, pengkaji telah memilih tajuk kajian iaitu “GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI DALAM NOVEL TAMIL MALAYSIA, 1970-2010: KAJIAN PERWATAKAN SURI TELADAN DAN DEVIAN”

1.4 Pernyataan Masalah

Isu ekonomi dan ancaman sosiobudaya yang membelengukan masyarakat India telah diketengahkan dalam novel Tamil Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Para penulis merasakan mereka perlu membawa masalah seperti kemiskinan, ketiadaan pendidikan, keadaan yang daif dan ketiadaan hala tuju yang jelas tentang masa depan dan pengenalan diri di Malaysia. Ramai di antara mereka menjadikan genre novel sebagai wadah untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh kaum India di Malaysia (Sababathy, V.1992).

Para novelis juga menyemarakkan semangat dalam kalangan masyarakat India agar berdaya saing dengan kaum lain. Golongan pemuda-pemudi merupakan harapan bangsa untuk mengubah nasib kaum India di Malaysia dan merekalah yang boleh membuat perubahan dalam hidup dengan mengamalkan gaya dan pemikiran yang baru, iaitu selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

Dalam zaman pasca moden, golongan pemuda-pemudi mudah terjebak dalam lembah yang tidak sihat. Anjakan paradigma perlu dibuat demi mendukung aspirasi dan falsafah negara. Dalam kajian tentang golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia 1970 hingga 2010, pengkaji ingin mengetengahkan dua golongan pemuda-pemudi. Yang pertama golongan pemuda-pemudi yang boleh dicontohi dan diteladani dan

yang kedua, iaitu golongan devian yang menjadi parasit masyarakat. Selain daripada itu, pengkaji juga memperlihatkan konsep jati diri dalam citra golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia. Pemaparan jati diri golongan pemuda mencerminkan budaya masyarakat India dan sejauh manakah isu sosio-budaya dijadikan sebagai cabaran hidup dalam kehidupan generasi sekarang.

Zaman muda merupakan satu cabaran dan dugaan yang perlu dilalui oleh setiap orang. Peralihan alam remaja ke alam dewasa merupakan peralihan yang amat penting kerana jika tidak ditangani dengan baik maka golongan pemuda-pemudi boleh terlibat dalam gejala sosial yang boleh menjejaskan maruah dan imej seseorang. Yakni kemelut yang melanda golongan pemuda-pemudi tidak boleh diselesaikan dengan cara mudah. Dengan demikian dalam kajian ini, masalah kajian seperti bagaimana golongan pemuda-pemudi menangani isu tersebut akan dibincangkan.

Setiap golongan pemuda-pemudi mempunyai matlamat untuk dicapai baik diri sendiri mahupun berjasa kepada bangsa dan negara. Cabaran dan dugaan jika dapat diatasi maka ia akan memberi kebaikan dalam banyak aspek. Golongan pemuda-pemudi yang mampu membawa perubahan dalam kehidupan. Mereka juga pewaris negara pada masa akan datang. Yakni mereka hendaklah ditegur dan diperbetulkan agar selari dengan aspirasi dan harapan negara. Mereka hendaklah disedarkan tentang kepentingan

mempunyai matlamat yang jelas dan nyata. Justeru itu, apakah inspirasi pengarang dalam membentuk pemikiran golongan pemuda-pemudi?

Apabila membincangkan bagaimana golongan pemuda-pemudi menghadapi cabaran dan dugaan, adalah menjadi tugas ahli masyarakat membantu golongan pemuda-pemudi ini. Pada zaman moden ini, masyarakat tidak begitu berminat atau tidak ambil peduli tentang golongan pemuda-pemudi. Keadaan ini menyebabkan golongan pemuda-pemudi terlibat dalam masalah sosial dan menjatuhkan maruah sesuatu bangsa (Haslinda Abdullah, 2009). Oleh itu, peranan masyarakat adalah amat penting dan teguran serta sokongan mereka sudah pasti membolehkan mereka membetulkan diri dan menyelesaikan pelbagai cabaran dalam hidup mereka.

Saban hari media massa memaparkan gejala sosial golongan pemuda-pemudi. Yang amat mendukacitakan kita apabila majoriti penglibatannya ialah golongan pemuda-pemudi kaum India. Pembentukan golongan pemuda-pemudi hendaklah diawasi dan diperbetulkan dari peringkat awal lagi. Jika tidak ia akan memberi implikasi negatif kepada masyarakat Tamil di Malaysia. Lantaran itu, ia akan menimbulkan pelbagai masalah kelak. Konflik ini sudah tentu berkait rapat dengan ibu bapa, rakan sebaya, budaya persekitaran dan sebagainya. Untuk meninjau penglibatan golongan pemuda-pemudi Tamil dalam gejala-gejala sosial maka portrait dalam sastera perlu dikaji dan dianalisis.

Selain daripada itu, kajian-kajian yang dijalankan dalam bidang ini kurang menjelaskan mengenai kehidupan golongan pemuda-pemudi. Kebanyakan penyelidikan yang melibatkan novel membicarakan tentang elemen-elemen tema, persoalan dan struktur. Justeru itu, penyelidikan ini akan membicarakan tentang perwatakan golongan pemuda-pemudi dan kehidupan mereka yang digambarkan oleh novel-novel Tamil Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini merangkumi objektif-objektif seperti berikut :

- i. Mengenalpasti perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian dalam novel Tamil Malaysia.
- ii. Meneliti identiti perwatakan suri teladan dan devian yang digambarkan dalam novel Tamil Malaysia.
- iii. Mengkaji perwatakan golongan pemuda-pemudi sebagai pendokong tradisi, warisan dan aspirasi masyarakat Tamil dalam novel Tamil Malaysia.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang tertera di atas, tiga soalan kajian telah dibentuk untuk kajian ini. Antara soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti berikut :

- i. Benarkah dua golongan pemuda-pemudi wujud iaitu suri teladan dan devian?
- ii. Bagaimanakah perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian dipotret oleh para penulis novel?
- iii. Bagaimanakah golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian diharapkan oleh masyarakat?

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada novel Tamil Malaysia yang diterbitkan dari tahun 1970 hingga 2010. Novel-novel tempatan merujuk kepada novel-novel novel yang membincangkan tema dan berlatarkan Malaysia serta dihasilkan oleh penulis Tamil Malaysia. Novel-novel yang diterbitkan dalam bentuk buku sahaja akan dikaji. Ini adalah kerana ia merupakan suatu jangka masa yang penting untuk masyarakat Tamil Malaysia mengalami suatu perubahan yang signifikan, iaitu penempatan mereka berubah dari kaum luar bandar ke pinggir bandar. Malah mereka terpaksa keluar dari ladang-ladang getah kerana ladang-ladang ini telah dijual kepada orang Asia oleh pengusaha-pengusaha Eropah. Dengan ini, mereka telah menjadi orang-orang yang beradu nasib di kawasan baru,

iaitu di pinggir bandar. Mereka berhijrah ke kawasan ini tanpa apa-apa kemahiran maka kehidupan mereka menjadi sangat kompleks.

Oleh hal yang demikian, Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh kerajaan selepas peristiwa berdarah pada 13 Mei, 1969. Pemimpin-pemimpin dari kalangan etnik kaum tidak berpuas hati terhadap pembangunan selepas kemerdekaan kerana dasar yang dibuat oleh pihak British tidak menguntungkan pelbagai kaum di Malaysia. Sistem ekonomi bebas British hanya menguntungkan segelintir kaum sahaja. Majoriti rakyat tidak mendapat kebaikan daripada pembangunan British. Justeru, berlaku jurang perbezaan antara kaya dan miskin. Rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan negara. Keadaan menjadi lebih tegang apabila faktor etnik menjurus ke arah peristiwa berdarah 13 Mei, 1969. Dengan demikian kerajaan pada masa itu, menubuhkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menawan hati rakyat dengan memperbaiki sosioekonomi kaum di Malaysia.

Mulai Rancangan Malaysia Kedua, DEB memulakan langkah penyusunan masyarakat dari segi sosioekonomi, iaitu Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sehinggalah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) telah dibentuk. Penyusunan semula masyarakat dan pengenalan Rukun Negara mempengaruhi hala tuju dan kehidupan masyarakat India dari ladang ke pinggir bandar dan bandar. Dengan itu, budaya pemikiran masyarakat India mengalami banyak perubahan baik dari segi sosioekonomi mahupun

politik. Dalam masa yang sama golongan pemuda-pemudi India mengalami banyak perubahan tingkahlaku seiring dengan perubahan sosioekonomi. Yakni perwatakan golongan pemuda-pemudi India dari aspek suri teladan dan devian hendaklah dikaji dan dianalisis.

1.8 Tinjauan Literatur

Apabila meninjau tajuk perkembangan novel Tamil Malaysia dari tahun 1970 hingga 2010, maka terdapat dua kajian awal yang telah dijalankan berdasarkan novel Tamil Malaysia. Kedua-dua kajian ini membincangkan tentang kemunculan dan perkembangan novel-novel Tamil Malaysia secara kronologi sebelum merdeka dan selepas merdeka tanpa menyentuh isu spesifikasi lagi. Kajian tersebut merupakan kajian umum. Tumpuan secara khusus mengenai perwatakan golongan pemuda-pemudi masyarakat Tamil tidak dilakukan.

Sababathy, V. (1988) telah mengkaji novel Tamil Malaysia sebelum 1960 untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (M.A). Tajuk tesis tersebut ialah *Early Malaysian Tamil Novels (1910-1960)* (Novel Tamil awal Malaysia 1910-1960). Dalam kajiannya, beliau banyak membincangkan latar belakang penulis dan tema-tema yang dipilih oleh penulis di dalam hasil karya novel. Jumlah novel yang dihasilkan sebelum kemerdekaan

ialah sebanyak 20 buah novel. Kebanyakan penulis-penulis novel datang dari negara India dan Sri Lanka. Ramai di antara penulis novel sebelum kemerdekaan telah menetap di bandar dan ini menjadi salah satu faktor mengapa kurangnya novel-novel yang menyentuh budaya dan pemikiran golongan pemuda-pemudi masyarakat India di luar bandar.

Sababathy, V. (1996) telah mengkaji novel Tamil Malaysia selepas tahun 1960 untuk mendapatkan Doktor Falsafah (PhD). Tajuk tesis tersebut ialah *Malaysian Tamil Novels After Independence (1960-1981)* (Novel Tamil Malaysia selepas kemerdekaan 1960-1981). Beliau dalam kajiannya menjelaskan bahawa para penulis telah mula menulis budaya dan kehidupan masyarakat di luar bandar. Perubahan dari susunan dan perjalanan cerita mula menampakkan novel-novel yang menggetarkan jiwa dan novel-novel berunsur sejarah. Walaupun begitu masih ramai lagi penulis novel yang mencorakkan masalah seperti isu perladangan, cinta, masalah rumahtangga, masalah remaja dan soal kehidupan. Kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan penulis wanita telah mula menceburi bidang penulisan novel.

Mathiyalagan pula mengkaji novel-novel Malaysia untuk memperolehi ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Pondichery, India pada tahun 1985. Tajuk tesis beliau adalah *Malēciya Tamil nāvakaḷ- ōr arimukam* (Novel Tamil Malaysia- Satu Pengenalan). Dalam kajian ini beliau menyentuh novel-novel yang telah dikarang di Malaysia. Antara

isu yang yang dibincangkan dalam novel Malaysia adalah masalah sosial, ekonomi dan politik. Penggunaan bahan iaitu genre novel tidak diskopkan tempoh jangkamasa penerbitan dan merupakan kajian umum sahaja.

Manakala Ira Manikkavalli dari Jabatan Pendidikan Tamil Negara, Tamil Nadu (2011) untuk memenuhi ijazah kedoktoran telah memilih novel-novel yang ditulis oleh penulis novel Tamil Malaysia dalam jangkamasa sepuluh tahun iaitu satu dekad. Tajuk kajiannya iaitu *Malaysia natthil kadantah pattu aandil veli vantha tamil navalkallin valarchi nailai- oor aiyu* (Senario Perkembangan Novel Tamil di Negara Malaysia dalam Jangkamasa Sepuluh Tahun-Satu kajian). Pengkaji memaparkan isu-isu social, penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi dan politik tanpa sebarang teori. Kajian beliau hanya menghuraikan sejarah perkembangan novel Tamil Malaysia sahaja.

Pelbagai perubahan akan berlaku apabila meningkat dari peringkat remaja ke peringkat dewasa. Ini termasuklah peringkat radikal dari segi psikologi mahupun perubahan psikologi. Remaja mengalami perubahan dan kematangan fizikal serta fisiologi, mental, emosi, personaliti dan kejiwaan. Zaman ini dianggap sebagai satu jambatan yang menghubungkan alam kanak-kanak dan dewasa tanpa antipati yang sebenarnya (Rohaty,1998).

Menurut Muus (1990:1) pada hari ini zaman remaja bermula lebih awal dan berakhir lebih lambat berbanding dengan zaman dahulu. Daripada satu zaman transisi yang pendek dan tidak signifikan, zaman remaja telah menjadi satu jangka waktu yang panjang yang melibatkan persediaan bagi menghadapi kehidupan pada masa hadapan. Para remaja harus mendapatkan latihan dan pendidikan yang membuka pelbagai pilihan untuk masa depan individu tersebut. Bagaimanapun proses pendidikan yang berpanjangan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pendidikan telah merampas remaja dari dunia sebenar. Ini kerana mereka menghabiskan begitu banyak waktu di tempat-tempat ini dan berkesempatan mengetahui pahit maung kehidupan di dunia orang-orang dewasa. Maka muncul konsep-konsep seperti budaya asing, budaya kuning, budaya lepak, subbudaya remaja, budaya dadah dan jenayah dalam kalangan sesetengah golongan remaja.

Banyak kajian terkini tentang watak-watak golongan pemuda -pemudi dalam novel-novel di luar negara berfokus golongan pemuda-pemudi terutamanya watak pemuda perempuan. Kajian-kajian ini menggunakan pendekatan *feminisme* dalam meneliti watak-watak golongan pemuda-pemudi yang dicitrakan oleh pengarang dalam novel-novel yang dikaji.

Childers (1999) dalam usaha mendapatkan Doktor Falsafah, tesis kajiannya yang bertajuk "Female Adolescence In The American Novel: James, Nab Okov And Oates (Girls,

Henry James, Victor Nabokov, Joyce Oates, Leslie Fiedle)”, mendapati bahawa watak-watak remaja perempuan berubah bentuk dan peranan dalam tiga buah novel yang ditulis pada tahun 1886, 1987 serta 1995. Pengkaji mendapati bahawa terdapat ketegangan dalam kebebasan remaja dan kedudukan wanita dalam keluarga yang menurut peranan tradisi.

Kajian Childers ini menunjukkan watak-watak golongan perempuan memotivasikan perubahan dalaman yang berhubung dengan teori-teori psikologi seperti teori Erikson (1963) tentang krisis identiti. Hasil kajian ini menyediakan satu landasan yang lebih luas bagi memahami secara kritikal, peranan watak golongan pemuda-pemudi yang sentiasa berubah dalam novel-novel di Amerika Syarikat.

Gale (2010) dalam kajiannya untuk mendapatkan Doktor Falsafah yang bertajuk, “Un Monde A Part: Representations Of Female Adolescence In The French Novel From 1870 to 1930 (Girls)”, meneliti bagaimana watak-watak golongan pemuda perempuan dicitrakan dari sudut sosio-budaya dan sejarah. Kajian ini menganalisis novel-novel Perancis dari tahun 1870 hingga 1930. Pada hakikatnya ketika itu berlaku revolusi pendidikan, maka peranan dan kedudukan wanita turut berubah. Pengkaji mendapati bahawa para pengarang prihatin dengan perubahan sosioekonomi dan budaya dalam masyarakat, serta dapat memberikan gambaran yang menarik tentang golongan pemuda pada zaman tersebut. Malah terdapat pengarang-pengarang perempuan yang mengkritik

peranan wanita ketika itu dan memaparkan model watak-watak pemuda dengan ciri-ciri inovatif. Watak-watak *protagonist* pemuda ditonjolkan dengan baik, serta memainkan peranan dalam pelbagai arena baru di Perancis.

Seorang lagi ahli sarjana iaitu, Hashim Ismail dalam memenuhi Doktor Falsafah Pengajian Melayu (2003) telah membuat kajian tentang tajuk “Pemikiran Kaum Muda di dalam novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua”. Kajian beliau merupakan kajian terhadap perkembangan pemikiran kaum muda sebelum Perang Dunia Kedua. Kajian ini turut memapar dan menganalisis corak dan bentuk pemikiran kaum muda yang banyak dipengaruhi oleh Syed Syeikh al-Hadi. Pemikiran tersebut mencorakkan bentuk penghasilan penulisan novel-novel pengarang lain di zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

Sagar Narayanan (2009) dalam tesis Doktor Falsafah telah mengkaji tentang pemikiran sosial masyarakat India yang dibincangkan dalam novel Tamil Malaysia. Kerangka masa yang dipilih oleh beliau ialah dari tahun 1957 sehingga 1987. Kajian beliau membicarakan tentang corak pemikiran sosial masyarakat India dalam tempoh masa 30 tahun sejak tahun 1957 hingga tahun 1987 berdasarkan kajian struktur dan tema novel Tamil Malaysia dan sejarah perkembangan novel Tamil Malaysia.

Kajian novel remaja di peringkat kedoktoran yang telah dilakukan oleh Jumali Selamat (2001) dari Universiti Putra Malaysia. Kajian beliau bertajuk “Cerminan Sosial dan Nilai Murni Dalam Novel-novel Remaja”. Beliau telah menggunakan 25 buah novel remaja dalam usaha menganalisis pemikiran kaum remaja secara khasnya. Jumali Selamat juga telah mengkaji hubungan sastera dengan kehidupan manusia, khususnya sebagai cerminan sosial, iaitu pemaparan nilai murni dan sifat terpuji. Beliau memperlihatkan dengan jelas bahawa hasil kesusasteraan yang dihasilkan itu mempunyai kaitan dengan kehidupan manusia dan hubungannya dengan alam persekitaran.

Selain dari itu, kajian yang telah dilakukan oleh Halis Mohd. Hanafiah (2014) dari Universiti Putra Malaysia dalam thesis Phd. bertajuk “Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia ”. Beliau menggunakan gagasan Hippolite Taine, Georg Lukacs, Lucien Goldman dan Alan Swingewood untuk menganalisis penciptaan novel berpandukan pendekatan sosiologi sastera. Kekuatan kajian ini ialah Halis Mohd. Hanafiah telah berjaya membuktikan bahawa perubahan-perubahan sosial, ekonomi dan politik sejak zaman kemerdekaan mempengaruhi garapan tema dalam novel remaja. Di samping itu, beliau berjaya membuktikan bahawa novel-novel remaja Malaysia menengahkan isu atau tema pembangunan negara dan masyarakat.

Nursham Binti Abdul Aziz, tesis Phd, Pengajian Melayu (2015) mengkaji tentang “Novel-novel terpilih Azizi Hj.Abdullah: Kajian Teori Intertekstualiti”. Teori Intertekstualiti dikaji dalam novel-novel *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Beruk* (2010) dan *Memoir Seorang Guru* (2017). Beliau dalam kajiannya membuktikan bahawa pengaplikasian prinsip-prinsip daripada teori intertekstualiti menyepadukan kaedah secara inovatif dan kreatif dalam kajiannya.

Nurhamizah Hashim pula telah membuat kajian yang bertajuk “Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan” untuk ijazah kedoktoran pada tahun 2015. Kajian beliau menganalisis enam buah novel remaja yang dihasilkan oleh enam orang pengarang yang berbeza. Bagi tujuan ini beliau menggunakan pendekatan hierarki keperluan remaja yang diubahsuai daripada teori hierarki keperluan manusia. Selain itu, beliau juga membuat kajian tentang keinginan dan kehendak remaja yang timbul akibat daripada kekurangan keperluan atau berlakunya situasi keperluan yang tidak dipenuhi serta tindakan mereka bagi memenuhi kehendak tersebut.

Kajian-kajian tentang novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua secara menyeluruh yang dikemukakan di peringkat sarjana dilakukan oleh Safian Hussain (1979) dan Muhammad Kasim (1985). Kedua-dua tesis ini dikemukakan untuk mendapat ijazah

sarjana di pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaya. Safian Hussain menghasilkan tesis berjudul, “Hubungan Wira dan Wirawati dalam Novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua”. Kajian ini menggunakan pendekatan struktural. Safian mengkaji novel-novel tersebut berdasarkan konsep wira dan wirawati dan aspek perwatakan diutamakan.

Satu lagi kajian oleh ahli sarjana Mohamad Kasim adalah berjudul, “Novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Hubungan Tema Dengan Pandangan Hidup Islam”. Beliau menggunakan pendekatan pandangan hidup atau konsep *world view*. Kajian beliau memberi gambaran kepada penulis tentang tema-tema umum yang terdapat di dalam novel-novel sebelum perang dunia kedua.

Mohd. Shokkeri Hj. Ismail (1988) dari Universiti Kebangsaan Malaya dalam latihan ilmiah, mengkaji citra remaja dalam novel-novel pilihan, iaitu tahun 1990 hingga 1995. Kajian ini yang bertajuk, “Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan Antara Tahun 1990 hingga 1995: Satu Kajian Psikologi”, menggunakan pendekatan psikologi. Kajian beliau ini berlandaskan Teori Psikologi Alfred Adler dan Logoterapi Victor Frankl. Kerangka teori dalam kajian ini cukup jelas berbanding dengan kajian-kajian lain yang telah diteliti. Kebanyakan watak remaja dalam novel-novel tersebut memiliki citra positif

berbanding dengan citra negatif. Sesungguhnya , citra remaja yang positif sesuai sebagai model kepada para remaja.

Kajian yang dibuat oleh Rajendran Manikam untuk memenuhi syarat sarjana (2009) di Universiti Malaya yang bertajuk *Kajian Tema Novel-novel Terbitan Vanampadi*. Kajian ini memberi tumpuan kepada tema dan persoalan dalam novel –novel terbitan Vanampadi. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pengarang pada ketika itu cuba mengutarakan tema yang berpusat kepada penindasan kaum wanita. Manakala Kumarasamy Thannimalai (2011) pula mengkaji, *Isu sekitar 1990-an dalam Novel-novel Tamil Malaysia* dalam tesis sarjana, Jabatan Pengajian India Universiti Malaya. Kajian beliau hanya bertumpu sekitar 1990-an dan membincangkan tentang masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India pada tempoh masa tersebut.

Omar Mamat (1995) dalam tesis sarjana menjalankan kajian yang bertajuk, “Nilai-nilai Moral Dalam Novel Remaja”. Beliau mengkaji aspek nilai-nilai moral dalam novel remaja. Kajian ini menggunakan pendekatan moral yang menganggap tema sebagai suatu unsur yang amat penting dalam merealisasikan nilai-nilai moral sesuatu novel remaja. Aspek nilai moral seperti baik hati, kasih sayang, berhemah tinggi, hormat-menghormati dan kerajinan amat ketara dalam kesemua 36 buah novel yang dikaji. Selain aspek positif, pengkaji juga menghuraikan nilai-nilai negatif seperti tidak jujur, hasad dengki, dan suka

bergaduh. Nilai-nilai ini yang sebenarnya melingkari kehidupan remaja ditonjolkan kepada khalayak remaja.

Tajuk tesis sarjana ‘Wanita dalam Novel Tamil Malaysia’ dikaji oleh Achee (1996), Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Kajian sarjana beliau, telah melihat perwatakan wanita dalam novel-novel Tamil Malaysia sejak tahun 1910 hingga 1970 sahaja. Kajian beliau terikat dengan pandangan tradisional dan konvensional dan tertumpu pada gender wanita sahaja.

“Diri: Satu Analisis Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu Terpilih” oleh Norodzoh Hj.Siren (1997) merupakan satu lagi kajian yang melihat watak-watak remaja dalam beberapa buah novel terpilih melalui kaca mata falsafah Islam. Berdasarkan teori Islam yang dikemukakan oleh Mohd. Iqbal, beliau telah menerapkan pendekatan falsafah dan sastera. Sastera remaja dilihat dari aspek falsafah diri remaja merangkumi segenap zahir dan batin remaja, keinginan dan cita-cita remaja dalam mengharungi kehidupan yang serba mencabar.

Selain daripada itu, Saroja Theavy (2001) dalam tesis sarjana mengkaji hasil karya Othman Puteh sebagai penulis novel-novel remaja yang prolific dalam kajiannya “ Citra watak remaja dalam Novel-novel Othman Puteh”, Tumpuan kajian ini membincangkan

tentang watak-watak remaja yang dicitrakan oleh Othman Puteh dalam membina karyanya. Dapatan kajian beliau telah berjaya memenuhi keperibadian kepengarangan Othman Puteh dalam mencitrakan watak remaja yang amat bersesuaian dengan psikologi remaja berdasarkan pengalaman, kepakaran serta kajian yang mendalam. Di samping itu, watak remaja yang dikemukakan oleh Othman Puteh juga telah berjaya mengharungi tugas-tugas perkembangan mengikut peringkat perkembangan biologi tertentu berdasarkan kehendak konteks persekitaran.

Hajjah Jais pula membuat kajian tesis Sarjana Pengajian Melayu (2004) tentang “Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme”. Kajian ini bertujuan memperlihatkan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam penulisan novel dengan menerapkan teori teksdealisme. Novel-novel yang digunakan untuk kajian ini ialah, *Di Negeri Belalang Hari-hari Terakhir Seorang Seniman, Arus*. Kajian membuktikan bahawa teori teksdealisme juga sesuai diserapkan untuk mengukur keunggulan seseorang pengarang dan teks yang dihasilkannya.

Terdapat juga kajian yang menumpukan aspek gaya bahasa dalam novel remaja seperti kajian yang telah dilakukan oleh Mohd. Azhar Su (2005) dalam tesis sarjana dari Universiti Putra Malaysia iaitu “Gaya Bahasa Dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip”. Kajian ini lebih menekankan aspek bahasa dalam novel-novel remaja ciptaannya. Beliau

menambah bahawa novel-novel Khairuddin Ayip mempunyai ciri keindahan yang universal sama ada dari aspek gaya bahasa, nilai intelek mahupun nilai etika.

Manonmani Devi (2008) dalam tesis sarjana telah mengkaji *Citra Wanita dalam Novel-novel R.Karthigesu*. Fokusnya adalah pada perbincangan gambaran citra wanita dan beliau hanya memberi tumpuan kepada perspektif gender sahaja secara umum dan refleksinya dalam novel Tamil karya Karthigesu.

Satu lagi kajian sarjana yang bertajuk *Tanda Pemikiran dan Tanda Emosi dalam Sanggetha: Kajian Semiotik* oleh Tuan Zainab Tuan Wi (2008) dari Universiti Malaya turut mengkaji pemikiran masyarakat. Beliau menggunakan teori semiotik iaitu cetusan idea oleh Charles Sanders Peirce dalam mengenalpasti tanda pemikiran dan tanda emosi dalam novel Sanggetha secara mendalam.

Seorang lagi ahli sarjana bernama Wan Zaida Hj. Wan Yussof (2009) pula dalam tesisnya yang berjudul “Pemikiran dalam novel Mohd.Affandi Hassan. Analisis dari Sudut Kajian Budaya” mengkaji konsep pemikiran secara meyeluruh. Beliau menggunakan pendekatan kajian budaya dalam konteks ketamadunan dalam usaha mencari persoalan budaya dan pembinaan kebudayaan. Beliau hanya mengkaji pemikiran budaya dalam novel Mohd. Affandi Hassan sahaja.

Seterusnya, kajian peringkat sarjana dilakukan oleh Halimatun Adawiah Binti Ramli (2011) dari Universiti Putra Malaysia dalam disertasi sarjananya bertajuk “Watak abnormal dari aspek psikologi remaja”. Kajian beliau jelas memperlihatkan bahawa watak-watak remaja yang mengalami pelbagai masalah dan konflik akan mengalami masalah dalam hidup dan perlu ditangani dengan baik.

Kajian terkini berkenaan novel-novel Melayu secara menyeluruh dikemukakan oleh Virginia Matheson Hooker (2000) melalui buku berjudul *Writing A New Society - Social Change Through The Novel In Malay*. Virginia menggunakan pendekatan sosiologi di dalam menganalisis perkembangan novel-novel Melayu. Beliau menghubungkan perubahan yang berlaku di dalam masyarakat menyebabkan penulis-penulis novel Melayu turut memaparkan tema-tema yang bersikap menyeru kepada perubahan sosial. Virginia melihat perkembangan novel-novel Melayu itu sebagai satu bentuk konteks sosial. Kajian Virginia sekurang-kurangnya memperlihatkan kepentingan novel-novel Melayu sebagai satu gerakan pemikiran masyarakat Malaysia di dalam membangunkan bangsa dan negara.

Kajian peringkat sarjana luar negara yang dikaji oleh Mogan, V. (2012) yang bertajuk *Re. Kārtikēcuviṅ Antima Kāla Nāval ōr āyvu* (Novel *Antima Kālam*- Satu Kajian). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji berjaya mengetengahkan isu-

isu yang sepatutnya dibawa untuk tatapan masyarakat mengikut tajuk kajian beliau. Seorang murid yang ditegur oleh guru disiplin akibat salahlaku disiplin akhirnya menjadi doktor yang berjaya. Doktor itu memberi rawatan kepada guru disiplin yang menghadapi penyakit barah. Mesej menghargai jasa guru yang sentiasa mendoakan kejayaan anak murid jelas dipaparkan oleh pengarang novel. Kajian ini memaparkan isu sosial dalam masyarakat Tamil di Malaysia.

Manakala Babu,K. (2004) membuat kajian tentang *Elupatukaḷil Malēciya Tamil Nāvalakaḷ* (Novel Tamil Malaysia Tahun 70-an). Pengkaji telah membincangkan tentang masalah penjualan ladang, kemiskinan, pengangguran dan kewarganegaraan yang telah digambarkan oleh penulis-penulis novel pada masa itu. Keadaan masyarakat India yang dibawa ke Tanah Melayu dari India dan faktor meninggalkan tanah tumpah darah mereka dijelaskan dalam kajian beliau. Pengkaji berjaya meluahkan hati penulis dalam kajiannya. Aplikasi teori tidak digunakan dan kajian ini merupakan kajian umum sahaja.

Penerbitan artikel tentang genre novel yang dihasilkan Loganayagi,N. (1971) membawa tajuk *Malēciya Mutal Nāvalkaḷ* : (Novel-novel Tamil Awal di Malaysia). Beliau telah membincangkan tentang aspek-aspek yang terkandung dalam lima buah novel yang diterbitkan sebelum kemerdekaan. Dalam kelima-lima novel beliau membincangkan kehidupan masyarakat India amnya kaum wanita khususnya yang tinggal di ladang.

Manakala Jayaraman, N.V (1971) pula menulis jurnal yang membawa tajuk *Malēciya Tamiḷ Nāval Vaḷarcci (Perkembangan Novel Tamil Malaysia)*. Beliau berjaya menganalisis tentang perkembangan novel Tamil Malaysia secara umum.

Seterusnya, Kuppusamy,C.V.(1971) pula menghasilkan jurnal yang membawa tajuk *Malēciya Tamiḷ Ilakkiyam (Sastera Tamil Malaysia)*. Beliau berjaya mengetengahkan maklumat-maklumat penting tentang novel Tamil Malaysia.

Satu koleksi ilmiah tentang novel Tamil Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Majalah tersebut berjudul *Malēciya Tamiḷ Nāval Karuttaraṅka Malarr (Majalah Seminar Novel Tamil Malaysia)*. Majalah ini juga tidak membincangkan tentang perwatakan golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia 1970 hingga 2010.

Kertas kerja yang disenaraikan di atas adalah kajian umum dan hanya membincangkan sedikit sebanyak maklumat tentang masyarakat Tamil Malaysia. Memandangkan hal tersebut, boleh dikatakan kajian ini merupakan kajian tunggal tentang citra golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia 1970 hingga 2010. Pengkaji berpendapat perlu membuat satu kajian tentang perwatakan golongan pemuda-pemudi dan

dapat memberikan perspektif yang baru dalam novel Tamil Malaysia dari tahun 1970 hingga 2010.

1.9 Kepentingan Kajian

Pengkaji-pengkaji sebelum ini hanya menumpukan kepada sejarah perkembangan novel serta tema yang dibicarakan oleh novel. Selain itu, aspek-aspek novel seperti perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa dan sebagainya dikaji tetapi kebanyakannya merupakan kajian berdasarkan elemen kesusasteraan. Apabila membincangkan sastera seperti novel maka kita pasti akan membincangkan watak seseorang dalam novel. Perwatakan seseorang mewakili masyarakat sezaman dan setempat. Dengan demikian dalam kajian ini, pengkaji akan menumpukan perhatian pada perwatakan golongan pemuda-pemudi yang diceritakan oleh para penulis novel Tamil. Lebih-lebih lagi suatu masyarakat yang berkembang akan bergantung kepada golongan pemuda-pemudi kerana golongan ini membentuk identiti pada masa hadapan. Golongan Tamil negara ini mengalami perubahan yang nyata pada tahun 1970 hingga 2010 iaitu, mereka berubah daripada masyarakat ladang kepada masyarakat pinggir bandar dan bandar.

Dalam sekitar tahun 60-an dan 70-an, masyarakat kaum India mengalami masalah penjualan dan perpecahan ladang-ladang getah di mana ramai pekerja ladang kehilangan

pekerjaan dan hal ini merupakan suatu masalah yang sangat besar pada tahap itu. Ini adalah kesan daripada pengambilan ladang-ladang untuk dijadikan tapak-tapak pembangunan seperti tapak perindustrian. Maka pekerja ladang yang sekian lama menjadi pro ladang tidak memiliki apa-apa harta dan terpaksa keluar dengan tangan kosong (Sababathy,1992).

Penghijrahan masyarakat India ke bandar menyebabkan mereka terpaksa mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan akademik dan kemahiran tertentu. Seseengahnya pula terpaksa mencari tempat perlindungan sama ada menumpang rumah saudara mara atau menyara di kampung bersama rakan. Di sinilah wujudnya konflik dan kesengsaraan masyarakat India di setinggan. Lebih-lebih lagi masyarakat India yang berhijrah ke bandar telah berubah dari segi perlakuan dan sikap mereka. Perlakuan golongan pemuda-pemudi dan pemikiran masyarakat India yang memberi impak dari segi sosial, ekonomi dan politik menjadi intisari dalam novel Tamil Malaysia lalu akan dikupas lebih lanjut dalam kajian ini.

Apabila kita menyebut golongan pemuda-pemudi kebarangkalian golongan pemuda-pemudi tidak mempunyai peluang untuk meningkatkan diri. Mungkin peluangnya tidak digunakan dengan sebaiknya atau faktor persekitaran yang tidak mengizinkan golongan pemuda-pemudi meningkatkan diri. Golongan pemuda-pemudi yang berada

dalam kemiskinan juga menggambarkan perwatakan golongan pemuda-pemudi sesuatu masyarakat. Golongan yang terjebak dalam aktiviti sosial seperti penagih dadah dan pengedar dadah, penglibatan dalam masalah sosial seperti gangsterism dan jenayah lain juga mempengaruhi perwatakan golongan pemuda-pemudi. Dalam pada itu, karyawan secara ekspresif memberi pandangan dan pemikiran terhadap teks yakni terhasil perwatakan “role model” atau watak contoh kepada sesuatu masyarakat. Watak “role model’ atau suri teladan yang boleh dicontohi dan diteladani perlu dikaji. Kajian ini penting untuk membolehkan generasi baru mencontohi sifat kepimpinan yang ada pada golongan pemuda-pemudi sekarang.

Dengan ini, cetusan idea karyawan juga melahirkan perwatakan devian yakni perwatakan negatif dalam kehidupan sesuatu masyarakat. Tingkah laku devian boleh dibicarakan dari segi usia dan jantina. Umumnya tingkah laku devian memaparkan ciri negatif yang berlawanan dengan norma hidup sesebuah masyarakat. Tingkah laku tidak diterima oleh masyarakat kerana menjatuhkan maruah sesebuah masyarakat. Tingkah laku devian yang melampaui batas seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, lari dari rumah, pembuangan bayi, pelacuran dan penglibatan dalam kongsi gelap dan menjadi gangster.

Dalam kajian ini, golongan pemuda-pemudi devian perlu dibincangkan secara terperinci agar menjadi panduan dan pedoman hidup kepada generasi yang akan datang. Dalam masa yang sama kewujudan golongan pemuda-pemudi devian perlu diolah dan dihuraikan secara spesifik hingga ke akar umbinya. Perbincangan tentang golongan pemuda-pemudi devian sememangnya akan membuka minda generasi muda serta mengenal pasti faktor penglibatan golongan pemuda-pemudi India dalam jenayah di Malaysia. Dengan ini, maka dapatlah sekurang-kurangnya boleh dijadikan iktibar dan panduan hidup generasi sekarang.

Selain daripada itu, kajian tentang citra golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia perlu untuk mengkaji konsep jati diri. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa jati diri mencerminkan lahirah individu atau masyarakat. Dengan demikian, kajian mengenai jati diri masyarakat India turut dibincangkan dalam kajian ini agar jati diri bangsa turut dipelihara. Perbincangan jati diri individu digabungjalinkan bersama jati diri bangsa kerana kedua-duanya saling melengkapi.

1.10 Metodologi Kajian

Dalam membuat kajian berbentuk ilmiah bahagian metodologi kajian menentukan corak sesuatu kajian. Metodologi merupakan unsur yang penting untuk mengumpul data dan maklumat bagi menganalisis dan membuat kesimpulan supaya objektif dapat dicapai.

Gay dan Airasian (2000) dan Chua Yan Piaw (2006), menyatakan bahawa metodologi kajian adalah satu prosedur yang melibatkan pelbagai proses seperti pengumpulan data, pensampelan, penganalisan data dan instrumentasi kajian.

1.10.1 Reka bentuk kajian

Kajian yang bertajuk ‘Golongan Pemuda-pemudi dalam Novel Tamil Malaysia, 1970–2010 : Kajian Perwatakan Suri Teladan dan Devian’ menggunakan kaedah kualitatif.

1.10.2 Kaedah Penyelidikan Kualitatif

Kajian kualitatif ini berbentuk kajian deskriptif tinjauan. Ianya bertujuan untuk memahami penerimaan watak suri teladan dan devian oleh masyarakat Tamil Malaysia. Sidek Mohd Noah (2002), menjelaskan kajian deskriptif merupakan satu penjelasan yang sistematik dan tersusun mengenai maklumat. Ia juga memberikan penerangan tentang ciri-ciri sesuatu bidang atau populasi secara tepat.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Ia menumpukan kepada kaedah deskriptif dan analisis data. Perkara ini telah dipersetujui oleh Haziyah binti Hussin (2000) bahawa pengumpulan data daripada banyak sumber boleh menyumbang kepada huraian

dan penjelasan secara deskriptif. Perkara yang sama disampaikan oleh Supranto (1974) dengan menyatakan penyelidikan yang bersifat deskriptif adalah bertujuan untuk menghuraikan tentang sifat karakteristik dari suatu keadaan. Untuk mendapatkan maklumat tersebut dalam tujuan kajian ini maka kaedah deskriptif- kualitatif amatlah sesuai digunakan dalam kajian ini, iaitu mengkaji tentang perwatakan golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia dari 1970 hingga 2010.

1.10.3 Pendekatan deskriptif

Kajian ini, menggunakan jenis penelitian deskriptif dan dikaji secara kualitatif. Menurut Danim (1997:29) penelitian deskripsi ini menekankan keupayaan untuk membuat pertimbangan dengan melakukan penjelasan (deskriptif) rasional berdasarkan penilaian. Memandangkan kajian ini lebih tertumpu kepada golongan pemuda-pemudi masyarakat India dalam genre novel, pendekatan deskriptif ini sangat sesuai.

Menurut Hadari Nawawi yang dikutip oleh Mukhlis (2001:41) pula, jenis penelitian deskriptif didefinisikan sebagai penggambaran keadaan subjek atau penelitian objek berpandukan pada fakta-fakta yang sedia ada. Hal ini, selaras dengan objektif kajian ini kerana kajian ini bertujuan untuk mengupaskan gambaran identiti masyarakat India sebagaimana yang terselit dalam novel-novel yang dihasilkan oleh penulis yang

berketurunan India. Lantaran itu pendekatan deskriptif ini dianggap sesuai untuk kajian ini. Selain dari itu, Teori psikoanalisis Sigmund Freud and Teori Erik Erikson digunakan untuk mengupas dan membincang teks dan mengenali perwatakan dalam novel Tamil Malaysia.

1.10.4 Kajian Perpustakaan

Kajian ini berfokus kepada kaedah perpustakaan di mana bahan-bahannya terhad di perpustakaan. Ini adalah kerana hanya di perpustakaan Universiti Malaya dibekalkan novel-novel Tamil Malaysia dan sukar memperoleh kesemua genre yang diterbitkan dalam tempoh 40 tahun.

Justeru, kajian ini merupakan kajian perpustakaan bersifat interpretasi kesusasteraan. Oleh itu, kaedah analitikal diamalkan. Kajian ini akan melibatkan penelitian sumber perpustakaan secara keseluruhannya iaitu bertumpu kepada buku ilmiah, jurnal akademik, majalah akademik dan artikel akademik yang berkaitan. Kaedah analitikal digunakan untuk meninjau golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian dalam novel Tamil Malaysia. Sebanyak 90 buah novel Malaysia telah dikaji dari tahun 1970 sehingga 2010. Definisi novel tempatan dalam bab ini adalah novel yang membincangkan tema dan berlatarkan Malaysia serta dihasilkan oleh penulis Tamil Malaysia. Kaedah perbandingan akan digunakan untuk membandingkan isu dalam novel-novel yang terlibat.

Tambahan lagi, analisa kandungan novel dibuat untuk mengumpulkan data-data yang bersesuaian dengan kehendak topik penyelidikan. Dalam usaha ini kaedah dokumentari digunakan. Melalui kaedah ini sebanyak mungkin bahan-bahan berkaitan dengan bidang kajian diteliti untuk memperoleh data yang tepat untuk dianalisa dalam kajian ini.

Data dan maklumat yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan kaedah analitikal. Selepas itu, maklumat yang dikumpulkan akan dibincangkan mengikut bab dan tatacara keseluruhan tesis. Tambahan pula, kaedah perbandingan akan digunakan untuk membandingkan data supaya kesimpulan yang rasional dan tidak berat sebelah dapat dicapai.

1.11 Sumber-Sumber Asas Kajian

Dalam kajian ini, novel-novel Tamil Malaysia selepas kemerdekaan digunakan sebagai sumber asas. Untuk itu, pengkaji mengumpulkan novel-novel yang boleh dibeli dari kedai buku, dari penulis dan dari perpustakaan tempatan. Sebagai bahan tambahan tulisan-tulisan mengenai novel Tamil Malaysia dikumpulkan ini disertai dengan tulisan atau kajian umum mengenai Sastera Moden.

a. Sumber Premier

Dalam kajian tentang golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia 1970 hingga 2010 kajian dipusatkan kepada teks semata-mata dan keutamaan diberi kepada usaha menggambarkan masyarakat sebenar sepertimana dirungkaikan dalam karya novelis tempatan. Sumber primer merupakan teks-teks yang ditulis oleh penulis novel tempatan. Melalui kaedah perpustakaan novel-novel ini dikaji dan dianalisis. Pembelian novel-novel dari kedai buku dan koleksi buku dari para penulis juga dijadikan sumber primer.

b. Sumber Sekunder

Pembacaan melalui jurnal, artikel, ensiklopedia, bahan-bahan daripada internet, kertas kerja dijadikan sumber sekunder dalam kajian tentang golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia 1970 hingga 2010.

1.12 Pembahagian Bab

Secara keseluruhannya kajian penyelidikan ini terbahagi kepada enam bab. Bab satu merupakan bab pendahuluan yang merangkumi pengenalan, objektif kajian, kajian-kajian lepas, pernyataan masalah, kepentingan kajian, metodologi kajian, skop kajian dan rumusan.

Bab kedua ialah bab pendefinisian konsep dan teori. Bab ini membincangkan konsep dan teori yang digunakan dalam kajian “golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia, 1970-2010 : Kajian perwatakan suri teladan dan devian.” Selain dari itu, Teori psikoanalisis Sigmund Freud and Teori Erik Erikson digunakan untuk mengupas dan membincang teks dan mengenali perwatakan dalam novel Tamil Malaysia.

Bab 3 merupakan sejarah perkembangan novel Tamil di Malaysia. Bab ini menghuraikan sejarah perkembangan novel Tamil sebelum dan selepas kemerdekaan. Pengaruh suratkhobar, persatuan penulis dan sumbangan mereka dalam perkembangan novel dihuraikan secara terperinci.

Bab 4 bertajuk perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan. Bab ini menghuraikan suri teladan golongan pemuda-pemudi yang ditonjolkan dalam novel-novel Tamil Malaysia. Generasi muda perlu bertindak secara rasional dalam menghadapi cabaran dan bertindak bijak dalam mengatasi halangan atau dugaan dalam hidup. Di samping itu, perwatakan golongan pemuda-pemudi yang positif yang mencerminkan jati diri masyarakat Tamil dalam novel Tamil juga dibincangkan dalam bab ini. Kejayaan mereka dalam menggambarkan ciri-ciri tersebut serta pendapat para penulis dihuraikan berserta dengan bukti.

Bab 5 bertajuk perwatakan golongan pemuda-pemudi devian. Bab ini menghuraikan bahawa golongan pemuda-pemudi devian merupakan golongan yang perlu diamati dan dibetulkan. Di samping itu, pengkaji juga mengambil kesempatan untuk menghuraikan peranan golongan pemuda-pemudi devian dalam penghijrahan luar bandar ke pinggir bandar. Kelemahan watak utama dan sampingan berdasarkan aksi terhadap kaum keluarga dan masyarakat turut dibincangkan.

Bab 6 ialah bab kesimpulan. Dapatan kajian diberikan secara sistematik dalam bab ini.

1.13 Rumusan

Kajian ini merupakan suatu usaha bagi menganalisis golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia dalam pemaparan perwatakan suri teladan dan devian. Justeru itu, kajian ini dapat mencirikan identiti golongan pemuda-pemudi India dalam membentuk jati diri dan mengenal pasti personaliti golongan pemuda-pemudi yang menjadi devian dalam masyarakat India. Dapatan kajian ini diharap menjadi suatu panduan yang dapat berkongsi bersama serta menjadi input kepada para pengkaji lain yang ingin melakukan kajian terhadap perwatakan dalam novel Tamil Malaysia.

BAB DUA

KONSEP DAN TEORI

2.1 Golongan Pemuda-pemudi

Seseorang manusia akan melalui pelbagai peringkat dalam kehidupannya. Antaranya ialah, peringkat bayi, peringkat kanak-kanak, peringkat remaja, peringkat pemuda, peringkat dewasa dan peringkat tua. Dalam semua peringkat ini golongan muda adalah sangat penting. Frasa kata golongan muda sebenarnya terdiri daripada dua perkataan iaitu golongan dan muda. Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996:410), istilah golongan membawa maksud kumpulan atau kelompok, manakala istilah muda didefinisikan sebagai belum tua (orang dll), masih remaja dan masih baru (1996:901).

Pemaparan golongan pemuda-pemudi dalam karya sastera terutamanya genre novel tidak lain daripada pemaparan kisah golongan pemuda -pemudi yang menemukan golakan kehidupan, cabaran, dan masa hadapan mereka. Kebiasaannya, sesebuah karya meletakkan pergolakan diri golongan pemuda-pemudi sebagai asas persoalan yang hendak dikemukakan. Dalam usaha mendekati diri dengan pembaca, terutamanya golongan pemuda-pemudi, seseorang pengkarya menggarap situasi diri golongan pemuda yang penuh dengan pancaroba. Pemilihan watak dalam karya juga dilihat dari sudut tingkah laku golongan

pemuda-pemudi, sama ada salah atau benar, baik atau buruk, dan patut atau tidak berdasarkan sesuatu perbuatan yang dilakukan.

Dalam kajian ini, pembacaan novel golongan pemuda-pemudi menemukan cara pengkarya mengolah golongan pemuda-pemudinya, sama ada apa yang dilihat oleh golongan pemuda-pemudi itu baik atau tidak. Hal ini adalah kerana, tujuan sastera golongan pemuda-pemudi untuk pendidikan moral golongan pemuda-pemudi sebagai pembaca sasaran, maka watak yang baik akan menjadi tonggak jalan cerita novel golongan pemuda-pemudi. Penggambaran kehidupan golongan pemuda-pemudi dalam karya akan mempengaruhi daerah hidup golongan pemuda-pemudi sesuatu kelompok. Hal ini penting kerana golongan pemuda-pemudi adalah pembaca sasaran penulis. Dengan itu, seseorang penulis harus bertanggungjawab untuk mengetahui kegemaran atau kebenaran, impian atau harapan, malah perlu menjangkau alam fisiologi, fizikal, mental dan emosi golongan pemuda-pemudi.

Golongan pemuda-pemudi merupakan suatu golongan yang melalui zaman yang indah, tetapi dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Zaman ini dikatakan indah kerana golongan pemuda-pemudi kebiasaannya akan melakukan sesuatu yang menyeronokkan, apatah lagi ketika berada dalam alam percintaan. Namun demikian, golongan pemuda-pemudi tidak terlepas dengan cabaran dan permasalahannya seperti orang lain. Oleh itu

timbul pelbagai persoalan seperti berikut. Mengapa golongan pemuda-pemudi sering tersepit di dalam permasalahan? Mengapa golongan pemuda-pemudi selalu dipersalahkan atau dituduh apabila melakukan kesalahan dan kesilapan? Persoalan- persoalan sedemikian menjadikan alam golongan pemuda-pemudi penuh dengan konflik jiwa.

Alam golongan pemuda-pemudi merupakan peralihan zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. (S. Mohamed Hatta, 1996:5). Zaman golongan pemuda-pemudi mengandungi panorama yang terdiri daripada emosi yang tiada tandingannya jika diperbandingkan dengan zaman-zaman yang menyusul kemudian. Emosi ialah perasan yang lahir dari dalam diri seperti gelisah, kasih sayang, takut, riang, marah, dan bimbang.

William James mengatakan emosi terbahagi kepada dua, iaitu *“a group of physiological phenomena and a group of psychological phenomena which we shall here after call the state of consciousness called joy, anger, etc.”* (Jean Paul Sartre, 1948:23). Keadaan emosi inilah yang selalu menjadi rintangan dalam kehidupan golongan pemuda-pemudi yang sedang berkembang.

Walaupun, para pengkaji membuat definisi yang tersendiri dalam menanggapi golongan pemuda-pemudi. Sebahagian pengkaji berpendapat golongan pemuda merupakan sekelompok manusia yang berumur antara 13 hingga 21 tahun. Ada

juga yang berpandangan bahawa golongan pemuda-pemudi ialah sekumpulan masyarakat yang berumur antara 15 hingga 25 tahun. Mereka dikatakan berada di tahap akil baligh (9 tahun bagi perempuan dan 15 tahun bagi lelaki), sampai mereka berumah tangga. (Baharuddin Ali Masrom, 1991:1). Bagi Jabatan Perangkaan Malaysia, golongan pemuda-pemudi dapat diklasifikasikan kepada tiga kelompok, iaitu golongan pemuda-pemudi bawah yang berusia 10-14 tahun, golongan pemuda yang berusia 15-19 tahun dan akhir sekali golongan pemuda-pemudi atas yang berusia 20-24 tahun.

Bagi Hall (1916) pula, zaman golongan pemuda-pemudi adalah suatu jangka waktu yang penuh dengan masalah dan konflik. Menurutnya lagi, zaman golongan pemuda-pemudi akan berakhir dalam lingkungan umur antara 22 tahun - 25 tahun. Dalam zaman golongan pemuda-pemudi sudah mula dengan perubahan seperti, fizikal dan sosial.

Mohd. Yunus Mohd. Noor, pula mendefinisikan tahap golongan pemuda seperti berikut (BH 17 Mei 1993).

- i. Peringkat Pra Golongan Pemuda
Berumur antara 10 tahun - 12 tahun
- ii. Peringkat Awal Golongan Pemuda
Berumur antara 12 tahun - 14 tahun

- iii. Peringkat Pertengahan Golongan Pemuda
Berumur antara 14 tahun - 16 tahun
- iv. Peringkat Akhir Golongan Pemuda
Berumur antara 16 tahun - 18 tahun
- v. Peringkat Golongan Pemuda
Berumur antara 18 tahun hingga 21 tahun.

Beliau juga mengungkap pandangan Dr.Tan Chin Lee, seorang pakar psikiatri, zaman golongan pemuda-pemudi merupakan peralihan peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa. Mereka berusia antara 11 atau 12 tahun hingga 19 - 21 tahun (Mohd. Yunus Mohd Noor, 26 Mei 1993).

Oleh yang demikian, secara kesimpulan, kita boleh merumuskan bahawa usia golongan pemuda terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu golongan pemuda awal iaitu usia 12-14 tahun, golongan pemuda menengah yang berusia 15-18 tahun dan golongan pemuda akhir yang berusia 19-21 tahun. Pembahagian golongan pemuda seperti ini dapat memudahkan pemahaman terhadap persoalan golongan pemuda. Hal ini adalah kerana setiap peringkat yang dilalui oleh golongan pemuda-pemudi mempunyai emosi dan keperibadian yang tersendiri disebabkan oleh perubahan fisiologi dan psikososial yang dilalui oleh mereka.

Semasa zaman golongan pemuda-pemudi, seseorang akan mengalami perubahan dari segi mental. Ini adalah kerana cara seseorang golongan pemuda-pemudi itu berfikir bergantung kepada kemampuan melakukan sesuatu tugas atau jumlah pengetahuan yang mereka miliki dalam sesuatu bidang. Pandangan ini dipersetujui oleh Dr. Toh Chin Lee, yang menjelaskan bahawa perubahan perkembangan mental menyebabkan golongan pemuda-pemudi berfikir secara mendalam tentang segala perkara di sekeliling mereka. Golongan pemuda dapat membuat hipotesis dan seterusnya dapat mengawal emosi mereka agar tidak lagi bersifat kebudak-budakan (Mohd. Yunus Mohd. Noor, *UM*, Mei 1993).

Bagi Dr. Rohaty Majzub pula, golongan pemuda-pemudi berkeinginan besar untuk digelar sebagai dewasa dan sentiasa berdahagikan tanggungjawab dan hak. Mereka juga mahu menyekutukan diri dengan budaya dewasa kerana mereka menganggap mereka amat bertenaga dan wajar dilibatkan dengan aspirasi nilai penghidupan. Akan tetapi jika keinginan mereka menjadi dewasa tidak tertunai, mereka akan memberontak kerana perasaan gelisah, cemburu dan tidak selesa (Mohd. Yunus Mohd. Noor, *UM*, Mei, 1993)

Alam golongan pemuda-pemudi juga dikatakan suatu jangka masa apabila golongan pemuda sudah mampu berfikir secara tidak konkrit dan dapat menghubungkan

konsep-konsep seperti keadilan, logik dan memahami metafora dan seterusnya meneruskan langkah-langkah percubaan yang lebih serius.

Jersild (1963:7), menjelaskan:

An important aspect of adolescent's intellectual growth is increased ability to generalize and to deal with abstractions. As youngsters approach and enter early adolescence they gain notably in their capacity to apply principles of logic, to think in term of theory or hypothesis.

Fuhrmann (1969: 252), juga menjelaskan bahawa:

In adolescence, young people have the opportunity to develop hypothetical reasoning skills, increased use of logic and abstract thinking, worked by the ability to think about thought itself. They are capable of reasoning about contrary to fact proposition (for example, reasoning from the point of view of someone with whom they disagree), imagining ideal futures and understanding the subtleties of metaphor and political cartoons.

Bagi Fuhrmann, para golongan pemuda-pemudi dapat berfikir secara abstrak dan logik di samping dapat berhujah, berkhayal, dan memahami nilai estetika metafora. Untuk

menjadikan golongan pemuda-pemudi itu dewasa, mereka dibekalkan egosentrisime secara semula jadi, iaitu kecenderungan untuk memfokuskan sudut pandangan sendiri dan mengambil sikap tidak peduli terhadap sudut pandangan orang lain walaupun mereka setuju dengan hujah-hujah orang lain. Egosentrisime ini akan terpancar apabila golongan pemuda-pemudi berhadapan dengan orang yang tidak dipersetujui, benci atau baru dikenali. Walau bagaimanapun, sikap tersebut merupakan sesuatu yang berfaedah dalam proses pembentukan aspek kognitif serta personaliti yang berkesan (Fuhrmann, Barbara Schneider, 1969:95).

Selain daripada itu, bagi golongan pemuda-pemudi, egosentrisime ini amat subur dalam diri mereka kerana ketika itu mereka boleh berfikir secara formal. Golongan pemuda-pemudi secara tidak langsung mendahagakan perhatian. Mereka berpendapat semua orang menyedari akan kesilapan dan kebijaksanaan yang mereka miliki. Oleh itu, dapat dilihat golongan pemuda-pemudi, terutamanya lelaki, suka menunjuk-nunjuk dengan pakaian jenama sedangkan perempuan suka bertukar fesyen pakain dan stail rambut.

Fenomena yang lain turut mempengaruhi golongan pemuda-pemudi ialah idealisme. Para pemuda-pemudi selalu mementingkan idealisme yang berpunca daripada potensi golongan pemuda memikirkan segala kemungkinan, tetapi tidak berasaskan pengalaman sebentar. Mereka mahukan keluarga yang ideal, wajah dan susuk tubuh yang

ideal, teman yang ideal, kehidupan yang ideal dan sebagainya yang berkaitan dengan diri sendiri sahaja. Oleh sebab sifat ideal itu sukar ditemui, golongan pemuda-pemudi mula membuat fantasi dan imaginasi untuk mengatasi masalah dan kekecewaan.

Golongan pemuda-pemudi juga melalui banyak peringkat dalam perkembangan kemampuan mereka untuk melakukan imaginasi. Ketika kanak-kanak, mereka belajar melalui imaginasi untuk pergi ke satu tempat dan menikmati alam khayalan itu. Malah mereka belum tahu membezakan di antara dunia imaginasi dengan dunia realiti. Setelah memasuki alam muda, daya imaginasi mereka berkurangan dan mereka memasuki bahagian pemahaman dan kesedaran terhadap realiti kehidupan di samping boleh membentuk kepercayaan sendiri. Walau bagaimanapun, pada awal golongan pemuda-pemudi, fantasi dan imaginasi tetap mewarnai pemikiran dengan fungsi-fungsi berhubung dengan aspirasi dan rancangan masa depan mereka.

Walaupun bagaimanapun, Dr. Kasmini Kassim pula, memberi suatu gambaran yang berlainan, iaitu golongan pemuda-pemudi sering berfikiran singkat. Beliau berpandangan bahawa golongan pemuda-pemudi selalu memikirkan apakah keuntungan kepada diri mereka pada waktu itu tanpa memikirkan kesan negatif kepada mereka dalam jangka masa yang panjang. Golongan pemuda-pemudi ini sering membuat keputusan berdasarkan pemikiran sendiri tanpa mahu merujuk masalah kepada orang yang lebih dewasa. Apabila

masalah mereka tidak dapat diselesaikan masalah tersebut semakin menekan hidup, dan fikiran mereka menjadi buntu. Apabila fikiran menjadi buntu, mereka sudah terdorong membuat tindakan liar menurut rasa hati tanpa berfikir panjang akibat kesan-kesannya (Mohd. Yunus Mohd. Noor, UM, Mei 1993).

Kesimpulannya, perkembangan pemikiran golongan pemuda-pemudi, sama ada dari segi mental dan kecerdasan atau imaginasi dan fantasi, memainkan peranan penting dalam kehidupan golongan pemuda-pemudi. Dengan perkembangan pemikiran yang normal, golongan pemuda-pemudi dapat membuat tanggapan-tanggapan baru tentang kehidupan demi kehidupan sosial dari perspektif yang lebih luas. Pemikiran juga menyediakan set-set kemampuan tertentu dalam diri golongan pemuda-pemudi yang dapat membina dan menemukan personaliti dan identiti golongan pemuda-pemudi itu.

2.2 Definisi Remaja

Remaja merupakan suatu zaman perkembangan seorang manusia yang mula mengenal sekeliling dan dunia. Zaman remaja merupakan satu jarak waktu bagi seseorang itu mengalami masa peralihan. Peralihan tersebut dikatakan bermula daripada zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Ia juga merupakan titik tolak bagi seseorang daripada zaman kanak-kanak dalam proses melengkapkan diri untuk menuju ke zaman dewasa.

Dengan ini secara umumnya, istilah remaja dapat didefinisikan sebagai satu kumpulan manusia dalam lingkungan umur antara 13-25 atau 12 -21 tahun. Zaman ini juga memberi kesan kepada unsur naluri iaitu beremosi, berperasaan ingin mencuba dan dalam proses menuju ke tahap kematangan sehingga digelar seorang dewasa. Konsep remaja atau “adolescent” berasal daripada kata kerja Latin *adolescere* yang bermaksud “untuk membesar ke alam dewasa” (to grow into adulthood) atau “untuk menjadi matang” (to grow into maturity) (Steinberg 1996:3;Rice 1998: 299, Darley et al.1986: 454, Rogers, D.1985: 5). Sebenarnya, kajian tentang remaja dan zaman remaja merupakan satu fenomena abad kedua puluh serta merupakan satu bidang sains yang masih muda. Wujud pelbagai takrif tentang siapakah remaja, bilakah zaman remaja bermula dan berakhir dalam pelbagai perspektif yang berbeza, antaranya perspektif biologi, psikologi, sejarah, sosiologi, dan antropologi serta pendefinisian remaja mengikut kronologi umur (a chronological age span).

Sebenarnya konsep awal istilah remaja telah dikemukakan oleh Stanley Hall dalam bukunya, *Adolescence* pada tahun 1904. Zaman remaja dikatakan bermula antara umur 13 hingga 18 tahun dan dianggap sebagai masa krisis yang melampau, iaitu tahap “storm and stress”. Rogers (1985:6) pula berpendapat, zaman remaja bermula di sekitar umur 12 tahun,iaitu remaja awal ialah peringkat umur 12 tahun - 15 tahun, masa remaja pertengahan, remaja pertengahan ialah peringkat umur 15 tahun hingga 18 tahun dan

remaja akhir ialah, dan 18 tahun hingga 22 tahun. Bagaimanapun tidak ada satu jangka masa yang jelas, bilakah sebenarnya zaman dewasa bermula kerana kehendak sosial serta perbezaan undang-undang di setiap negara.

Menurut Othman Puteh (1989: 35 & 45) istilah remaja dapat dirujuk kepada para pelajar yang berusia 12 hingga 20 tahun. Beliau membahagikan golongan remaja kepada tiga kelompok iaitu:

- i. Remaja awal (12-15 tahun)- para pelajar di sekolah menengah
- ii. Remaja pertengahan (15-18 tahun)- para pelajar di sekolah menengah atas
- iii. Remaja akhir (19-20 tahun) – para pelajar di pra universiti, matrikulasi, maktab perguruan dan tingkatan enam.

Dalam bukunya, “Remaja Harus Mengetahuinya”, W.S.Turambi (1996: 21-29) cuba membahagikan zaman remaja kepada tiga tahap, bermula pada tahap akil baligh dan remaja awal (11 hingga 13 tahun), tahap remaja menengah (14 hingga 16 tahun) dan tahap remaja akhir (17 hingga 20 tahun). Dalam tahap remaja, berlaku kematangan fizikal, emosi dan mental dalam diri remaja.

Secara umumnya, zaman remaja dikatakan bermula dengan akil baligh yang bermula pada usia yang berbeza bagi lelaki dan perempuan. Bagi perempuan akil baligh bermula 10 tahun hingga 14, manakala bagi lelaki ialah 12 hingga 16 tahun. (The American Encyclopedia I 1962:166). Dalam *The Oxford English Reference Dictionary* (1995: 1481), remaja dikatakan berumur antara 13 hingga 19 tahun. Sementara dalam *Oxford English Dictionary* (Vol. I : A-B 1933:123), zaman remaja lelaki bermula dari umur 14 hingga 25 tahun dan zaman remaja perempuan bermula dari umur 12 hingga 21 tahun. *The New Encyclopedia Britannica* (1995: 104) menggariskan usia remaja antara 12 hingga 20 tahun.

Steinberg dalam bukunya, *Adolescence* (1996: 1-17) pula berpendapat bahawa terdapat tiga perubahan asas dalam zaman remaja, iaitu yang membabitkan transisi biologi, transisi kognitif dan transisi sosial. Walaupun perubahan asas ini bersifat universal, kesan terhadap setiap remaja berbeza kerana konteks persekitaran sosial. Antara elemen terpenting dalam konteks perkembangan sosial remaja ialah keluarga, rakan sebaya, sekolah dan kerja serta aktiviti masa senggang. Perubahan-perubahan asas dapat membawa kesan positif ataupun negatif kepada individu remaja kerana perbezaan faktor persekitaran sosial ini.


Pengklasifikasian zaman remaja mengikut umur tidak dapat menunjukkan keadaan perkembangan yang sebenar, umpamanya tidak mungkin setiap remaja matang tepat pada umur 21 tahun, mungkin ada yang lebih awal atau lebih lambat (bergantung pula kepada pelbagai faktor lain). Memerhatikan senario di negara kita dewasa ini, merupakan sebuah masyarakat di sebuah negara yang bakal mendapat status negara maju, zaman remaja dapat dikatakan bermula lebih awal dan berakhir lebih lambat.

Hal ini berlaku kerana kebanyakan remaja di Malaysia kini, berpeluang ke pendidikan pra-sekolah antara umur lima hingga enam tahun. Malah ada yang seawal tiga tahun bagi golongan yang mampu. Faktor ini membantu ke arah proses kematangan kognitif yang lebih awal, dan mereka lebih cepat pula memasuki alam remaja. Kanak-kanak sekarang terlibat dengan aktiviti yang lebih serius berbanding dengan kanak-kanak pada peringkat umur itu satu atau dua dekad lalu. Umpamanya, penglibatan mereka dalam bidang komputer dan internet ataupun dalam perkara negatif seperti merokok dan penagihan dadah. Oleh itu, terdapat kecenderungan untuk menganggap golongan ini sebagai remaja.

Sementara itu, di negara kita, kebanyakan anak-anak muda pada peringkat umur awal dua puluhan masih meneruskan pengajian di universiti ataupun institusi lain. Tanggungjawab warga dewasa yang sentiasa berkembang dan menjadi kian kompleks

dalam era ini telah memberi kesan kepada kehidupan remaja dan mempengaruhi mereka mempelajari lebih banyak kemahiran dan membuat persediaan yang lebih besar sebelum menjejak kaki ke alam dewasa. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa umumnya, zaman remaja sudah menjadi lebih panjang kerana pelbagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat.

Pembahagian peringkat remaja kepada tiga bahagian dapat diwakilkan dalam rajah 2.1 seperti berikut.



Rajah 2.1 : Peringkat-peringkat remaja

Sumber: Mohamed Hatta.(1996). *Remaja dan perkembangan psikoseksual*. (DEWAN KOSMIK, 44, 14-15.)

Peringkat remaja yang terbahagi kepada tiga peringkat seperti di atas dapat memberi gambaran tentang persoalan dan permasalahan para remaja. Ini adalah kerana dalam peringkat remaja mereka mempunyai pergolakan emosi yang mencorakkan keperibadian tersendiri akibat daripada perubahan fizikal dan sosial yang dinikmati dalam alam ini.

Oleh yang demikian kita dapat merumuskan bahawa, tiada suatu definisi yang dapat mentakrifkan remaja dan zaman remaja dengan tepat kerana wujudnya pelbagai angkubah yang menjadi gangguan. Manusia dewasa sendiri mengalami perubahan dan perkembangan mengikut masa, tempat, serta budaya. Tentunya hal yang sama juga akan berlaku kepada manusia dalam peringkat zaman remaja.

Umur golongan pemuda

Kajian terhadap istilah remaja dan belia mendapat pelbagai tafsiran dan pengertian sehingga pakar psikologi Barat masih tidak dapat mencapai suatu kata sepakat dalam proses menghuraikan pendefinisian remaja. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam kalangan ahli sarjana di negara kita lebih cenderung membuat perbandingan dan perbezaan antara golongan belia dengan remaja. Walaupun perbandingan seumpama ini tidak dapat

menjelaskan kedua-dua istilah iaitu remaja dan belia, namun masih berjaya dalam proses memperbanding kedua-dua istilah tersebut.

Golongan remaja merupakan golongan yang berada dalam lingkungan belasan tahun. Manakala istilah belia pula membawa maksud golongan muda, sangat muda ataupun pemuda dan pemudi (Kamus Dewan, 1994). Cadangan “Dasar Pembangunan Belia Negara” merupakan sebuah kertas kerja oleh Kementerian Belia Sukan dan Negara mentakrifkan golongan belia ialah golongan yang berumur antara lima belas tahun sehingga empat puluh tahun. Hali ini berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- i. Pentakrifan oleh Majlis Belia Malaysia (1985)
- ii. Golongan yang bersikap matang dan dapat membawa faedah dan manfaat daripada program-program yang disusun.
- iii. Merupakan majoriti daripada jumlah penduduk Malaysia. Oleh yang demikian, segala rancangan dan langkah-langkah yang disusun dapat membawa kesan yang mendalam.

Sebuah lagi kertas kerja oleh Kementerian Belia dan Sukan yang bertajuk “Draf Kajian Semula Dasar Belia Negara pula, menjelaskan bahawa golongan belia ialah kumpulan manusia yang berumur antara lima belas sehingga dua puluh lima tahun.

Pembahagian umur ini adalah berdasarkan pegangan dan pandangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dijadikan sebagai panduan oleh kebanyakan negara.

Namun demikian negara-negara dalam Pertubuhan Negara-Negara Komenwel pula mempunyai pandangan yang berbeza tentang umur golongan belia. Pembahagian umur itu diakui oleh Komenwel Youth Secretariat dan dapat diwakilkan dalam jadual 2.1 seperti berikut.

Jadual 2.1 : Pembahagian Umur Golongan Belia oleh Negara-negara Komenwel

Bil	Negara	Umur
1.	Bangladesh	15 hingga 30 tahun
2.	Brunei Darussalam	15 hingga 35 tahun
3.	India	15 hingga 34 tahun
4.	Hongkong	10 hingga 24 tahun
5.	Pakistan	18 hingga 30 tahun
6.	Singapura	15 hingga 30 tahun
7.	Sri Lanka	15 hingga 29 tahun

Sumber: *Secretariat of the Commonwealth Youth Council, November 2011*

Azizan Bahari (1995) berpendapat bahawa pembahagian umur golongan belia antara lima belas tahun sehingga 40 tahun adalah sangat luas. Menurutnya lagi, golongan belia sepatutnya berada antara tiga belas tahun sehingga tiga puluh tahun sahaja. Pandangan beliau adalah berdasarkan kepada faktor alam persekolahan, pekerjaan, mendirikan keluarga ataupun berumah tangga dan sebagainya. Kebiasaan seseorang yang berusia lebih tiga puluh tahun sudah pun berumah tangga dan mempunyai keluarga. Selain itu, apabila seseorang berada dalam umur tiga puluh lima tahun dan ke atas, mereka lebih berfokus kepada kerjaya dan masa depan mereka

Lingkungan umur para belia dikatakan berada antara umur lima belas tahun sehingga empat puluh tahun dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005. Hal ini dilakukan supaya satu kumpulan yang besar dapat terlibat dalam program-program pembangunan yang disediakan oleh kerajaan negeri Selangor.

Kita perlu memahami keperluan golongan belia awal dan golongan akhir beliau adalah dua perkara yang berbeza. Oleh yang demikian adalah menjadi satu kesilapan mengambil satu julat umur yang agak besar apabila merancang program pembangunan bagi mereka. Kehendak dan keperluan kedua-dua golongan ini adalah berbeza. Oleh itu mereka sepatutnya dibahagikan mengikut kumpulan atau kelompok seperti berikut.

i. Golongan belia remaja.

Golongan belia remaja ialah golongan yang masih berada dalam alam persekolahan. Pada alam ini, mereka dididik dan didedahkan dengan pelbagai nilai dan pembinaan jati diri. Dengan ini mereka dapat didedahkan dengan situasi sebenar dalam kehidupan yang semakin hari semakin mencabar dan kesannya kepada kehidupan mereka pada masa akan datang. Selain itu, para remaja yang melalui konflik ataupun krisis perlu disediakan program kaunseling ataupun apa sahaja program yang dapat membimbing mereka ke arah jalan yang betul.

ii. Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun).

Golongan belia institusi pengajian tinggi merupakan para siswazah yang masih menuntut di pusat pengajian tinggi. Pada zaman ini mereka bukan lagi berada dalam kawalan ibu bapa malah mendapat kebebasan yang semaksimum. Oleh kerana segala gerak-geri dan tingkah laku ditentukan oleh mereka sendiri, keperluan penekanan konsep moral adalah amat perlu bagi memastikan hubungan sosial mereka dengan orang lain selalu berada dalam kawalan yang sihat.

iii. Golongan belia awal pekerjaan (18 hingga 23 tahun).

Golongan belia awal pula merujuk kepada golongan yang sedang menunggu giliran untuk memasuki alam pekerjaan. Oleh yang demikian selain memiliki ijazah mereka juga perlu didedahkan dengan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan dunia perkomputeran, teknologi maklumat, komunikasi dan sebagainya supaya dapat bersedia dengan dunia luar apabila memasuki alam pekerjaan nanti.

iv. Golongan belia industri (20 hingga 30 tahun).

Golongan belia industri merujuk kepada golongan belia yang sudah mula berjinak dengan alam pekerjaan khususnya dalam bidang industri. Dalam peringkat ini perkembangan diri dalam pembangunan insan dari segi mempelajari kemahiran teknikal yang berkaitan dengan kerjaya perlu ditekankan. Dengan ini kehidupan sosial mereka akan mencapai satu tahap yang lebih memuaskan.

v. Golongan belia veteran (30 hingga 40 tahun).

Golongan belia veteran merupakan golongan belia peringkat akhir di mana pada peringkat ini mereka sudah berkahwin dan mempunyai keluarga mereka tersendiri. Pada peringkat ini, mereka lebih berfokus dan

menghabiskan banyak masa dalam proses mencari pendapatan dan hal-hal berkaitan dengan keluarga sahaja. Pada peringkat ini juga mereka bersifat lebih matang dan waras dalam mengambil sebarang keputusan kerana sudah mula ada tanggungjawab mendidik anak-anak mereka sendiri.

Oleh yang demikian, program membangunkan dan membantu golongan belia adalah satu keperluan dan kemestian zaman sekarang dalam proses mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat secara amnya.

Walaupun wujud pelbagai tafsiran tentang lingkungan umur golongan belia tentang pandangan Azizan Bahari, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (khususnya ESCAP), *Commonwealth Youth Programme* (CYP) dan sebagainya tetapi pandangan Kementerian Belia dan Sukan dijadikan fokus yang dibincangkan dalam kajian ini bagi mengikut ketetapan masyarakat untuk mengkaji umur perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian.

Menurut Jabatan Perangkaan, golongan belia yang berusia antara lima belas tahun sehingga dua puluh empat tahun pada tahun 1995 ialah 3.79 juta iaitu sebanyak 18.89 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Menurut Kertas Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara (1995) pula, dinyatakan golongan belia yang berusia antara

lima belas tahun sehingga tiga puluh sembilan tahun pada tahun 1995 adalah 8.39 juta iaitu sebanyak 41.80 peratus, dan pada tahun 2000 adalah 9.25 juta iaitu sebanyak 41.24 peratus. Oleh yang demikian, ketetapan masyarakat yang selari dengan Kementerian Belia dan Sukan diutamakan dalam kajian bagi memudahkan pendekatan, perbincangan dan perbahasan golongan pemuda. Dengan ini pelbagai strategi dapat disusun supaya matlamat membangunkan golongan pemuda dapat dilakukan dengan jayanya.

2.3 DEFINISI PERWATAKAN (PERSONALITI)

Asal usul perkataan *personaliti* ialah daripada bahasa Latin yang berbunyi *persona*. Topeng atau pelindung muka adalah maksud kepada istilah 'persona'. Ia juga dikaitkan dengan penampilan luaran seseorang individu. Istilah personaliti juga merujuk kepada pelbagai aspek seperti pemikiran, nilai, keupayaan, perwatakan, motivasi, tabiat dan sebagainya.

Menurut Abdul Majid (1997), istilah personaliti berhubung rapat dengan emosi, perasaan dan fikiran dengan tingkah laku manusia. Ianya mencerminkan sifat personaliti dan watak. Oleh itu personaliti seseorang dapat dinilai dengan melihat pertuturan, kelakuan, dan kaedah yang digunakan sebagai penyelesaian masalah.

Bagi Allport (1961) pula, personaliti yang dinamik merupakan satu sistem psikofizikal organisasi yang berada dalam seseorang individu. Personaliti juga menentukan ciri-ciri tingkah laku seseorang individu dan penyesuaian kepada alam sekitar. Pandangan sama dikongsi oleh Rogers (1951) yang berpendapat, personaliti adalah satu cara pemikiran, dan emosi kepada individu lain yang terkenal itu.

2.3.1 Konsep kajian personaliti

Personaliti boleh dibahagikan kepada dua konsep, iaitu iaitu biokimia dan fizikal. Kedua-dua aspek ini difahamkan tingkah laku seseorang. Personaliti juga merujuk kepada satu proses memerhati dan mengawasi tingkah laku seseorang individu. Selain itu, personaliti juga ditakrifkan sebagai satu konsep yang dijelaskan yang juga dapat diperhatikan secara langsung dan tidak langsung. Ia juga merupakan suatu sistem berkomunikasi seseorang individu dengan masyarakat sekelilingnya ataupun dengan individu lain. Secara rumusannya, personaliti seseorang itu adalah berdasarkan kepada tingkahlaku yang bersifat dalaman. Ianya perlu dilihat dalam aspek hubungan komunikasi antara satu individu dengan individu yang lain.

Pendefinisian tentang konsep personaliti di atas merujuk kepada kepelbagaian jenis tingkah laku. Ia juga merujuk kepada penggunaan kaedah penyelidikan yang berlainan. Ada pentakrifan tentang personaliti bersifat yang abstrak dan ada pula yang konkrit. Ia

menjelaskan tentang cara seseorang berinteraksi sesama mereka dan juga apa yang berlaku dalam diri seseorang. Selain itu, ia juga menjelaskan tentang apa yang dilihat secara tidak langsung dan langsung.

2.3.2 Pendekatan konsep personaliti

Konsep personaliti dapat diringkaskan kepada beberapa pendekatan. Menurut Allport (1961) konsep personaliti dapat dijelaskan seperti berikut.

i. Pendekatan kesan luaran

Pendekatan kesan luaran dalam konsep personaliti merujuk kepada topeng. Ia mengaitkan kepada sifat tertentu yang ada pada seseorang, seperti mana yang dilihat dan difahami oleh orang lain. Pendekatan kesan luaran juga tidak mengambil kira ciri dalaman yang terdapat pada seseorang tetapi lebih kepada kecekapan sosial individu tersebut.

ii. Pendekatan struktur dalaman

Pendekatan kedua ialah pendekatan struktur dalaman. Pendekatan ini tidak menghuraikan personaliti semata-mata sebagai topeng, tetapi melihat dalam konteks yang lebih meluas, iaitu dalam konteks mengkaji struktur psikologi atau psikofizikal. Pendekatan struktur dalaman juga menjelaskan personaliti sebagai trait atau sistem yang tersusun. Walaupun kebanyakan pendefinisian tentang personaliti tergolong dalam pendekatan struktur dalaman, namun jenis


pendekatan kedua ini dikritik kerana ianya tidak boleh diperhatikan. Oleh yang demikian, melalui pendekatan kedua ini personaliti seseorang itu tidak dapat dikaji secara efisien dan saintifik.

iii. Pendekatan pandangan positif

Pendekatan ketiga ialah pendekatan pandangan positif. Jenis pendekatan ini adalah pendekatan yang berasaskan operasi sebenar, iaitu berasaskan kepada skor yang diperoleh menerusi ujian personaliti yang diadakan. Menerusi pendekatan ini setiap satu sub bahagian personaliti dinilai dan ditafsir. Ini adalah kerana personaliti adalah mewarisi satu sistem yang agak kompleks. Hasil daripada pemerhatian tentang tingkah laku personaliti seseorang dapat direkod dan diukur.

2.3.3 Kategori personaliti

Walaupun personaliti membawa pelbagai pendefinisan, namun ia boleh dibahagikan kepada dua kategori yang dapat diwakilkan dalam rajah 2.2 seperti berikut.



Rajah 2.2: Pembahagian konsep personaliti

2.3.3.1 Perkembangan tahap personaliti

Perubahan yang berlaku dalam seseorang individu menjelaskan bahawa terdapat pelbagai tahap dalam perkembangan personaliti seseorang. Perubahan perkembangan personaliti seseorang manusia boleh berlaku secara perlahan atau mendadak. Kita perlu

memahami bahawa perubahan dalam personaliti tersebut melibatkan beberapa tahap. Oleh sebab itulah, ahli psikologi membicarakan zaman peralihan dengan menggunakan konsep tahap dalam perkembangan personaliti.

Freud (1949), membahagikan personaliti kanak-kanak kepada tahap mulut, dubur, dan zakar yang dikenali sebagai psikososial. Menurutnya lagi, bagi setiap satu tahap terdapat perkembangan emosi yang menarik. Manakala Erikson (1962) pula melihat perkembangan personaliti seseorang kepada lapan tahap psikososial. Mengikut Erikson, pada zaman bayi dan kanak-kanak berlaku empat tahap yang pertama; manakala pada zaman remaja berlaku tahap kelima; manakala pada zaman dewasa iaitu dewasa, dan tua berlaku tiga lagi tahap. Walauapapun setiap satu tahap tersebut mengandungi ciri personaliti yang menarik dan unik.


2.3.4 Pembentukan personaliti

Pembentukan personaliti seseorang dikaitkan dengan teori kognitif sosial. Menurut teori ini terdapat dua proses. Proses pertama pemerhatian menjadi asas kepada pembelajaran, manakala pengawalan diri adalah proses yang kedua. Pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain menjadikan seseorang itu meniru gerak geri seseorang apabila ada unsur menarik yang dapat ditiru. Namun proses pengawalan diri ialah kecekapan seseorang

untuk mengawal diri mereka dan tanpa dikawal oleh faktor luaran. Walaupun, kedua-dua proses ini memerlukan bantuan pemikiran kognitif, dan didasari oleh aspek ganjaran, denda, hukuman, pujian dan sebagainya namun, ianya tidak dikongkong oleh kedua-dua faktor tersebut sahaja.

Faktor-faktor alam sekitar

Selain daripada itu, persekitaran, iaitu faktor alam sekitar turut memainkan peranan dalam mempengaruhi personaliti seseorang. Antara intipati yang terdapat dalam faktor persekitaran ialah keluarga, rakan sebaya pengalaman, budaya, dan masyarakat sekitarnya yang dapat diwakilkan dengan rajah 2.3



Rajah 2.3 : Faktor-faktor alam sekitar

i. Keluarga

Faktor keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Hal ini adalah kerana pembangunan dan pembentukan personaliti seseorang dipelajari secara tidak langsung daripada keluarga yang didiaminya. Suasana dan keadaan rumah menjanjikan satu keadaan mesra dan harmoni. Ini seterusnya dapat mewujudkan pembangunan dan perkembangan personaliti yang baik. Selain itu, hubungan yang akrab dengan kedua-dua ibu bapa dapat memastikan persekitaran keluarga yang aman yang mana penting untuk pembangunan dan perkembangan personaliti individu.

Di samping faktor hubungan keluarga yang harmoni satu lagi faktor yang amat berkait rapat dengan keluarga, iaitu penyediaan makanan yang seimbang turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti seseorang. Jenis makanan, cara makanan itu dihidangkan turut mempengaruhi perkembangan keperibadian seseorang.

Oleh yang demikian sistem pemakanan yang terdiri daripada makanan seimbang adalah penting untuk pembangunan keseluruhan dari zaman kanak-kanak lagi. Tanpa makanan seimbang, ianya boleh menghalang pembangunan individu dan seterusnya akan mengganggu personaliti seseorang.

Pembangunan dan perkembangan personaliti seseorang individu juga dipengaruhi oleh status ekonomi sesebuah keluarga. Baik buruknya kedudukan sosio ekonomi sesuatu keluarga akan menentukan jenis prasarana yang dapat disediakan kepada ahli keluarga termasuk anak-anak. Kemudahan yang disediakan, itu akan menentukan pergerakan, emosi dan kebebasan terutamanya kepada kanak-kanak. Kebiasannya kanak-kanak yang mempunyai keyakinan tinggi kebiasanya mempunyai alat-alat permainan ataupun alatan muzik. Namun demikian bagi individu yang datang dari keluarga yang berstatus rendah pula tidak dapat menikmati alam kanak-kanak dengan sempurna kerana hidup dalam serba kekurangan.

ii. Budaya

Setiap masyarakat mempunyai budayanya yang tersendiri. Budaya yang berbeza mewarisi dan norma yang berbeza. Oleh yang demikian, penekanan terhadap mana-mana satu nilai yang terdapat dalam sesuatu budaya tertentu dikatakan mempengaruhi perkembangan dan penampilan personaliti kanak-kanak. Dalam kebanyakan budaya, penekanan diberikan kepada nilai seperti saling membantu, hormat-menghormati, toleransi, dan sebagainya. Individu yang dididik dalam budaya sebegini berpeluang menjadi individu yang dapat menampilkan personaliti yang seimbang dengan tingkah laku yang sopan.

Selain daripada pengaruh keluarga, pengaruh sekolah juga penting dalam menerapkan budaya baik. Perkembangan personaliti kanak-kanak juga boleh dipengaruhi oleh suasana sekolah dan jenis kepimpinan yang diterima. Dalam hal ini corak pentadbiran yang dibawa oleh pengetua di sekolah ataupun guru-guru di dalam kelas turut memainkan peranan. Jika disiplin sekolah itu terkawal maka pelajar dalam sekolah itu akan membentuk personaliti yang dapat mengikut arahan setiap masa dan menunjukkan tingkahlaku disiplin. Namun demikian, jika keadaan sekolah tidak terkawal dengan kes disiplin yang tinggi, pelajar akan mula pasif, takut untuk mengambil risiko, takut membuat perbezaan dan kurang inovatif. Dalam hal ini, peranan guru penting dalam membentuk pembangunan personaliti pelajar. Bagaimana acuan begitulah kuihnya. Jika guru-guru menunjukkan sikap yang positif, maka pelajar juga secara tidak langsung akan menunjukkan sikap positif yang ditunjukkan oleh guru atau sebaliknya.

iii. Rakan sebaya

Pembentukan personaliti seseorang individu khasnya dalam usia muda banyak dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya. Setiap rakan sebaya membawa perlakuan, *stail*, cara pemikiran dan nilai yang tersendiri. Pengaruh rakan sebaya difahamkan unsur yang kedua paling penting selepas keluarga golongan pemuda dalam proses pembentukan personaliti seseorang. Hal ini dapat dibuktikan di mana kebanyakan tindakan yang diambil

oleh seseorang dipengaruhi secara langsung atau tidak langsung oleh rakan-rakan mereka yang mungkin bersifat positif atau negatif.

iv. Media massa

Dalam membangunkan era moden ini, media massa adalah medium komunikasi dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, media massa turut memainkan peranan dalam membentuk keperibadian dan perkembangan personaliti seseorang individu. Golongan pemuda-pemudi hari ini sentiasa terdedah kepada pelbagai media massa. Misalnya, jika golongan pemuda-pemudi sentiasa terdedah kepada unsur yang berorientasikan keganasan, kekejaman dan sebagainya, maka mereka berkemungkinan akan bertindak lebih agresif. Walau bagaimanapun, jika golongan pemuda-pemudi terdedah kepada corak saintifik maka ia akan membantu perkembangan intelek golongan pemuda-pemudi.

v. Pengalaman awal

Pengalaman awal seseorang individu juga dikatakan mempengaruhi dan membentuk pembangunan personaliti seseorang individu. Misalnya jika seseorang, kanak-kanak selalu didenda atau dihukum kerana membuat kesalahan seperti menconteng di dinding atau membuang sampah, akan timbul satu perasaan bersalah ataupun bimbang dalam sanubari kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak itu akan takut membuat sesuatu yang

baru kerana takut akan dihukum. Kebiasaannya kanak-kanak yang tidak didedahkan kepada pengalaman ke tadika ataupun taska akan berasa rendah diri kerana mereka tidak tahu membaca atau menulis seperti kanak-kanak lain yang pernah melalui pengalaman seperti itu. Keadaan ini akan membawa kepada satu keadaan yang tidak selasa dan seterusnya memberi kesan kepada harga diri kanak-kanak tersebut.

vi. Komuniti

Pembentukan dan perkembangan personaliti individu juga dipengaruhi oleh nilai yang dibawa oleh sesebuah masyarakat. Misalnya, masyarakat menekankan status, nilai harta benda ataupun kekayaan sudah tentu akan melahirkan golongan yang mengejar kekayaan material. Bagi mereka nilai moral tidak dipentingkan. Keadaan ini akan membawa tindakan seperti menipu, mengamalkan rasuah, merompak, dan membunuh untuk mencapai tujuannya adalah satu kemestian. Sebaliknya, jika nilai dan norma hidup yang baik dibentuk maka ia dapat membentuk individu yang sihat. Justeru, individu tersebut akan membesar dalam keadaan baik dan melahirkan masyarakat yang berdedikasi, rajin dan sanggup berjuang dalam proses dan menjaga kebajikan orang ramai.

2.4 Suri Teladan atau 'Role model'

Golongan pemuda-pemudi merupakan tulang belakang dan tunjang bagi kemajuan sesebuah negara. Golongan inilah yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Realitinya, Malaysia memerlukan lebih ramai suri teladan atau 'role model' yang mampu mendukung aspirasi negara.

Golongan pemuda-pemudi suri teladan atau 'role model', iaitu insan yang boleh dicontohi dikatakan mempunyai akhlak yang mulia. Oleh yang demikian, golongan pemuda-pemudi perlulah mempunyai nilai moral yang tinggi dan memaparkan budi pekerti yang tinggi selaras dengan cogan kata budi bahasa budaya kita. Golongan pemuda-pemudi suri teladan sentiasa mengamalkan amalan bersopan santun dalam semua keadaan. Misalnya mereka sentiasa mengawal pertuturan, cara berjalan, cara makan dan minum, cara pergaulan serta cara berpakaian.

Golongan pemuda-pemudi suri teladan juga mengamalkan sikap menghormati orang tua. Apabila bertutur dengan orang tua mereka akan menggunakan nada suara yang lembut dan melembutkan badan dengan membongkok apabila lalu di hadapan orang tua. Golongan pemuda-pemudi suri teladan juga suka menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan pertolongan. Mereka juga tidak pernah melupakan perintah agama kerana percaya segala kejayaan yang mereka perolehi adalah kerana anugerah Tuhan. Oleh yang demikian, konsep berakhlak mulia amat dititikberatkan oleh golongan pemuda-pemudi suri teladan atau 'role model'.

Melihat daripada perspektif yang lain, seorang golongan pemuda suri teladan atau 'role model' mesti kaya dengan ilmu pengetahuan. Mereka sedar bahawa membaca merupakan jambatan ilmu. Oleh itu, mereka sentiasa membaca bahan ilmiah bagi menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Golongan pemuda suri teladan sentiasa menelaah buku atau sedia mencari ilmu dalam apa jua bentuk. Oleh kerana golongan pemuda adalah bakal pemimpin negara, kekayaan ilmu dapat memastikan mereka menangani segala masalah dan pancaroba dengan mudah dan berkesan. Ini adalah kerana seseorang berilmu pengetahuan tidak mudah terpedaya dengan ancaman luar tetapi sentiasa bersedia melindungi keselamatan dan kesejahteraan negara. Oleh yang demikian kemunculan golongan pemuda yang berpendidikan tinggi dapat melahirkan warganegara yang berwawasan dan seterusnya dapat memikul aspirasi negara pada setiap masa.

Selain daripada ciri di atas, kriteria bagi seorang suri teladan ialah gigih berusaha, tidak mudah putus hati dan berani menghadapi cabaran. Kebanyakan suri teladan atau 'role model' berkejar-kejar mencari kejayaan. Misalnya, mereka tidak akan berserah apabila tidak mendapat keputusan cemerlang dalam ujian ataupun peperiksaan. Bagi mereka kegagalan tersebut hanya bersifat sementara dan menjadikan kegagalan tersebut sebagai pengalaman yang berharga dan sebagai satu pengajaran dalam proses mencapai kejayaan. Suri teladan atau "role model" juga tidak akan merungut apabila melaksanakan

sesuatu tanggungjawab. Ciri-ciri ini menjelaskan bahawa, golongan pemuda suri teladan atau 'role model' adalah manusia yang rajin berusaha dan tiada sikap malas.

Kemerdekaan negara yang kita capai pada hari ini adalah hasil semangat patriotik yang tinggi para datuk dan nenek moyang kita. Ianya perlu dikekalkan dan perlu disemai dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya golongan pemuda. Ini adalah kerana semangat cinta dan taat akan negara dapat memastikan negara kita tidak akan dijajah oleh kuasa asing dalam apa jua bentuk. Perkembangan sistem komunikasi tidak akan jadi faktor bagi suri teladan terpengaruh dari segi mental, budaya dan intelektual, yang disajikan dalam bentuk hiburan. Hal ini penting bagi kita memastikan budaya barat yang tidak secocok dengan budaya dan cara hidup masyarakat Timur yang kaya dengan pelbagai nilai-nilai murni.

2.6 Definisi Devian

Asas kepada istilah devian ialah perkataan *deviate* yang membawa maksud lencong. Devian diertikan sebagai tingkahlaku yang berlainan. Ia juga bermaksud melanggar atau menyimpang tatasusila dan peraturan yang ditentukan oleh sesuatu kumpulan masyarakat. (Robert Merton, 1938)

2.6.1 KONSEP DEVIAN

Umumnya, devian adalah suatu konsep yang luas dan komprehensif. Terdapat pelbagai pengertian, antaranya: Bagi Robert Merton (1938), devian ialah kelakuan yang melanggar norma masyarakat yang ditentukan oleh kumpulan masyarakat. Menurut beliau lagi, ia tidak dapat dijaga secara umum tetapi perlu dikaitkan dengan peraturan dan norma yang munasabah oleh masyarakat. Ia juga dikatakan menjadi alat penyatuan bagi sesuatu kumpulan masyarakat dalam menduduki status berlainan.

Albert Cohen (1966), menyatakan bahawa devian ialah kelakuan melanggar peraturan seperti melakukan jenayah yang ditetapkan oleh sesuatu institusi dalam sesuatu sistem sosial. Ia juga merujuk kepada suatu bentuk kelakuan individu yang tidak selari dengan peraturan umum yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Menurut Kartini Kartono (1988:93) pula devian ialah individu yang melanggar norma dan peraturan umum yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Contohnya individu yang mempunyai mental yang cacat akibat kewujudan pengaruh sosial negatif yang ada dalam kalangan masyarakat, mereka dinilai oleh masyarakat sebagai devian kerana menunjukkan kelainan. Kelainan tingkah laku yang bersifat antisosial, melanggar hukum agama dan tidak mengikut norma dan sebagainya dikaitkan dengan devian.

Emile Durkheim (dalam Soerjono Soekanto, 1985:73) dalam bukunya bertajuk, *Rules of Sociological Method* telah menerangkan kelakuan yang melanggar, atau menyimpang yang bersifat jahat dalam hukum-hukum tertentu sehingga dianggap tingkah laku tersebut betul. Kenakalan yang dilakukan dikatakan normal, dan ianya bersifat mustahil untuk menghapuskan kelakuan sedemikian secara terus.

Oleh sebab itu, sesuatu perilaku tersebut tidak menimbulkan kekacauan dalam masyarakat. Kenyataan ini dapat menerangkan bahawa kelakuan tersebut berlaku dalam landasan-landasan tertentu dan dilihat sebagai tindakan yang tidak disengajakan. Percanggahan tanggapan yang sering berlaku dalam masyarakat ialah perilaku menyimpang yang dianggap salah oleh sesetengah masyarakat tetapi dianggap normal dalam masyarakat lain.

Devian juga boleh berlaku akibat stigma masyarakat terhadap sesuatu perkara. Stigma terjadi akibat pelabelan masyarakat yang mengakibatkan sesuatu perkara itu dianggap sebagai devian. Sebagai contoh, seseorang banduan akan sentiasa dianggap jahat atau tidak dipercayai sehingga dipulaukan oleh masyarakat. Begitu juga dengan wanita yang telah menjadi janda sentiasa dipandang serong walaupun tidak melakukan sebarang

kesalahan. Hal ini disebabkan oleh stigma masyarakat yang seakan-akan menjadi norma hidup dan sentiasa perlu dipatuhi.

Masyarakat akan terus menganggap sesuatu perkara itu sebagai devian berdasarkan perkara yang telah dilakukan oleh seseorang yang dianggap salah. Pandangan atau tanggapan seperti ini akan terus berlaku selagi masyarakat menganggap perilaku itu sebagai perilaku devian. Oleh itu, norma dalam budaya sesuatu masyarakat sangat mempengaruhi sama ada tingkah laku seseorang itu devian atau tidak. Secara ringkas, norma boleh dikatakan sebagai undang-undang masyarakat yang membimbing dan menentukan sesuatu tingkah laku, iaitu boleh dilakukan atau tidak oleh sesebuah masyarakat.

Norma penting bagi menunjukkan sesuatu tingkah laku yang sopan misalnya adat yang diamalkan oleh orang Melayu seperti berjalan sedikit tunduk apabila melintas di hadapan golongan tua sebagai tanda hormat. Walau bagaimanapun, norma masyarakat juga boleh membinasakan hidup seseorang. Contohnya, stigma masyarakat terhadap banduan atau pandangan jelik terhadap orang yang terlalu gemuk.

Secara umumnya, norma adalah perkongsian penilaian terhadap sesuatu tingkah laku. Perkongsian terhadap pemikiran yang berdasarkan tingkah laku juga adalah berdasarkan cara seseorang bertindakbalas terhadap sesuatu perkara.

2.6.2 Definisi Devian Sosial

Devian bermaksud suatu tingkah laku yang dikatakan bertentangan dengan norma atau peraturan-peraturan masyarakat tidak boleh menerima tingkah laku atau perbuatan tersebut. Hal ini kerana masyarakat melihatnya sebagai suatu tingkah laku yang jauh terpesong daripada norma sosial. Sesuatu tingkah laku yang bercanggah dengan etika masyarakat dianggap sebagai devian sosial. Ia boleh ditunjukkan melalui tingkah laku dan juga cara pemikiran seseorang. Contoh kepada devian adalah alkoholisme, penagih dadah, bertindik, tatu, homoseksualiti dan pelacuran.

Menurut William Barbour (1994), tingkah laku devian atau dikenali juga sebagai delinkuen bermaksud kelakuan yang tidak boleh diterima khasnya yang dilakukan oleh remaja. Tingkah laku ini juga dianggap salah di sisi undang-undang. Namun demikian, ada tingkah laku yang tidak menyalahi undang-undang misalnya bertindik lidah tetapi tidak dapat diterima oleh masyarakat. John Pitts (2001) pula mendefinisikan delinkuen sebagai tingkah laku bermasalah yang berlaku dalam kalangan remaja. Beliau turut menyebut, tingkah laku antisosial, tingkah laku disorder dan tingkah laku *nuisance* sebagai tingkah laku devian.

Terdapat tiga idea atau komponen dalam devian sosial, iaitu *Differentness*, *Judgement* dan *Relative Standard*. *Differentness* menjelaskan tentang perbezaan termasuk

norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat seperti umur, bangsa, jantina, pendidikan dan status seseorang. Berlainan dengan *Judgement*, iaitu yang telah ditetapkan oleh kuasa atau pemerksaan. Orang yang berkedudukan tinggi mempunyai status yang tinggi daripada orang yang berkedudukan rendah. Kuasa merupakan komponen penting dalam devian sosial. Cara penilaian dijelaskan berbeza antara satu dengan yang lain dalam *Judgement*. Seterusnya, *Relative Standard* menjelaskan tentang nilai-nilai murni dalam masyarakat, nilai-nilai murni yang telah ditetapkan oleh kumpulan masyarakat sama ada boleh diterima atau tidak.

Devian sosial ataupun kelakuan melanggar, secara langsung atau tidak langsung yang pernah kita alami. Pelanggaran tingkah laku sosial boleh berlaku tanpa mengira tempat dan dijalankan oleh sesiapa sahaja. Namun demikian, sejauh mana pelanggaran itu berlaku, skala besar atau skala kecil akan mengakibatkan gangguan kepada nilai keseimbangan yang terdapat dalam sesuatu kumpulan masyarakat. Sesuatu tingkah laku dilebal sebagai melanggar apabila ianya tidak lagi selari dengan nilai murni atau norma sosial sesuatu masyarakat. Penyimpangan yang berlaku adalah satu corak tingkahlaku. Dalam hal ini, seseorang itu tiada menikmati penyesuain (*comformity*) seperti mana keperluan masyarakat. Bagi menjelaskan definisi devian sosial ini, terdapat beberapa pandangan tentang pengertian tersebut antaranya:

Devian sosial dapat dibahagikan kepada dua, iaitu berbentuk formal dan informal. Untuk melihat sesuatu perlakuan yang dikatakan devian, maka perbezaan antara devian dan jenayah perlu diketahui. Terdapat sesetengah tingkah laku devian khususnya yang melanggar undang-undang dinamakan jenayah. Oleh itu, kebanyakan jenis devian seperti rogol, pembunuhan, pelacuran dan merompak dikelaskan sebagai tindakan jenayah manakala devian lain seperti memakai pakaian pelik, menghidap penyakit mental, melanggar peraturan, tidak mengikut adat resam dan *folkways* tidak dianggap sebagai jenayah.

Oleh itu, istilah devian adalah begitu umum dan ia merujuk kepada segala perlakuan melencong dalam sesuatu masyarakat yang meliputi perlakuan ganas dan juga tidak ganas. Namun demikian, perlakuan devian yang kerap diperkatakan ialah perbuatan jenayah yang memfokuskan kepada devian berbentuk formal, yakni tindakan yang dilakukan melanggar undang-undang.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat tingkah laku yang dianggap devian justeru devian bersifat universal dalam sesebuah masyarakat. Walaupun devian memerlukan kawalan, namun demikian ia masih mempunyai nilai sosial yang positif. Ahli psikologi berpandangan masyarakat perlu mempunyai corak tertentu untuk memastikan anggota masyarakat mengikut nilai sosial bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam

sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak semua tingkah laku devian merujuk kepada sifat yang jahat sebaliknya sebahagiannya boleh juga membawa kepada kestabilan dan pengekalan sistem sosial. Oleh itu, devian akan terus kekal sebagai sebahagian daripada sistem masyarakat yang tidak dapat dielakkan.

2.7 Teori Sigmund Freud

Sigmund Freud merupakan pakar psikologi personaliti. Beliau lahir pada 6 Mei 1856 di Jerman. Beliau merupakan seorang pelajar cemerlang dalam bidang neurologi. (Allen, 2000). Penyelidikan beliau lebih bertumpu kepada kajian terhadap aspek dalaman seseorang manusia. Beliau kemudian memperkenalkan teori yang dikenali sebagai Teori Sigmund Freud. Teori ini menjadi asas kepada kajian-kajian tentang konsep personaliti sehingga telah melahirkan ramai pengkaji dalam hal ini.

Bermula daripada teori personaliti Freud itu, muncul pelbagai teori personaliti yang lain. Oleh yang demikian, teori Sigmund Freud sebenarnya merupakan bahan kajian samada kepada yang menerima ataupun yang menyokong pandangan teori tersebut. Dengan ini kita boleh merumuskan bahawa teori ini menjadi asas kepada teori-teori personaliti yang muncul kemudian. Selain mengkaji sejarah teori Sigmund Freud seseorang juga harus melihat pengaruh teori tersebut dalam kajian tentang konsep personaliti sehingga hari ini (Engler, 1979).

2.7.1 Pembangunan personaliti berdasarkan Teori Psikonalisis


Teori psikoanalisis menjelaskan bahawa pembangunan personaliti dan perkembangan personaliti manusia dipengaruhi oleh tenaga psike.

i. Penentuan Psike

Konsep penentuan psike menerangkan sebab-sebab tertentu yang mempengaruhi tindak balas emosi dan tingkahlaku manusia berkaitan dengan aras sedar dan aras tidak sedarkan diri, berfikir secara rasional dengan tindakan serta-merta mengikut keperluan emosi. Hubungan ini melibatkan hubungan sesama manusia. Tenaga psike yang juga dikenali sebagai tenaga spiritual berkait rapat dengan konsep nafsu, galakan dan desakan. Namun demikian, tidak hanya bertumpu kepada makna seks semata-mata, tetapi juga kepada keperluan untuk memuaskan nafsu mereka sendiri.

ii. Tahap kesedaran

Menurut Freud, aspek mental dapat dibahagikan kepada tiga alam iaitu alam sedar, pra-sedar dan bawah sedar. Ketiga-tiga alam tersebut dapat diperjelaskan dalam rajah 2.4 seperti berikut.



Rajah 2.4 : Tiga tahap kesedaran

a. Alam Sedar

Alam sedar merujuk kepada keadaan sedar. Dalam alam ini pengoperasian pada perkembangan personaliti seseorang itu berlaku pada permukaan personaliti seseorang.

b. Alam Pra-Sedar

Dalam alam prasedar pula, wujud pengalaman di bawah sedar, tetapi menjadi sedar dengan sedikit usaha sahaja. Sebagai contoh, kita mungkin telah lupa makanan yang diambil untuk sarapan pagi semalam, tetapi kita boleh mengingatkannya kembali

jika kita diminta menyenaraikannya oleh doktor yang ingin membantu untuk mengurangkan berat badan kita.

c. Alam bawah sedar

Alam bawah sedar merujuk kepada aras personaliti yang paling rendah. Dalam tahap ini terdapat pengalaman dan daya ingatan yang mana seseorang tidak sedar akan kewujudannya. Keadaan mental ini di luar kesedaran kita kerana untuk membawanya ke alam sedar akan melibatkan kesakitan dan kebimbangan. Ia mungkin melibatkan pengalaman seperti penderaan seks yang

dialami semasa kanak-kanak, reaksi emosi yang kuat dan sebagainya. Kenangan sebegini akan terus berada di luar kesedaran dan memerlukan ia diluahkan melalui pelbagai cara yang bersifat penyamaran dan tidak jujur. Oleh itu, idea, kenangan dan pengalaman yang berada di alam tidak sedar boleh mengganggu tingkah laku yang rasional secara berterusan.

Walaupun pengalaman yang berada dalam alam bawah sedar tidak boleh dibawa ke alam sedar dengan sepenuhnya, kewujudan boleh dikenal pasti melalui prosedur dalam terapi psikoanalisis. Jika terapi berkesan, individu itu akan lebih sedar mengenai desakan-desakan yang wujud dalam dirinya.

Untuk mengenali lebih dekat gelagat golongan pemuda, maka teori yang dikemukakan oleh Sigmund Freud adalah sangat penting untuk memahami golongan pemuda dari suatu peringkat ke suatu peringkat yang lain.

2.8 Tiga Struktur Personaliti Sigmund Freud

2.8.1 Pengenalan

Menurut Sigmund Freud *Id*, *Ego* dan *Super-Ego* adalah tiga elemen penting yang terdapat dalam personaliti. Perkembangan diri manusia dipercayai dipengaruhi oleh ketiga-tiga elemen tersebut. Freud (1971) percayai sejak dilahirkan desakan naluri semula jadi (*inborn drives*) memang wujud dalam diri manusia. Naluri tersebut itulah menjadi asas dalam pembentukan gerak geri dan tingkah laku manusia kerana ianya bersifat anti rasionalisme. Konsep ini menjadikan manusia bersifat anti sosial dan anti rasional. Namun demikian, desakan-desakan tersebut boleh membawa pelbagai keburukan dan tidak dapat menentukan hala tuju. Namun demikian, segala tingkah laku dan gerak geri manusia didorong oleh desakan kehaiwanan atau desakan biologikal.

Freud (1971) berpendapat, seseorang individu hendaklah melakukan proses sosial yang sedia ada di dalam sesebuah institusi masyarakat. Secara umumnya bagi pembentukan personaliti manusia berteraskan nilai-nilai positif. Jika manusia gagal melalui

proses sosialisasi ini, ianya akan mengungkitkan pelbagai masalah yang boleh merosakkan segala peraturan yang wujud institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam proses pembentukan disiplin. Oleh itu, sebagai jalan penyelesaian kepada konflik ini, Freud (1971) berpendapat bahawa tiga elemen penting iaitu *Id*, *Ego* dan *Super-Ego* yang dapat menjana pembentukan struktur personaliti manusia. Ketiga-tiga elemen ini juga dapat mempengaruhi dan mengawal tingkah laku manusia.

2.8.2 Konsep *Id*, *Ego* dan *Super-Ego*

Takrifan terhadap konsep *Id*, *Ego* dan *Super Ego* yang diutarakan oleh Sigmund Freud dapat diperjelaskan dalam jadual di bawah seperti berikut.

i. Id

Id merupakan personaliti manusia yang tidak diorganisasikan, mentah dan bersifat neutral dalam pemikiran seseorang. Ia merupakan elemen struktur personaliti yang bertapak secara semula jadi, diwarisi dan sedia wujud sejak dilahirkan. Kepuasan suwadiri secara mendadak (*immediate gratification*) akibat desakan biologi seperti memenuhi kehendak perasaan lapar, dahaga dan rangsangan seks adalah antara gejala yang ditangani secara semula jadi oleh “*Id*”. Justeru, “*Id*” dilihat sebagai sebagai suatu tenaga yang primitif, tidak teratur, tidak rasional serta berorientasikan memenuhi kehendak yang bertunjangkan kepuasan maksimum. Malah, sebagai satu daya tenaga yang

begitu primitive, “Id” bolehlah diandaikan sebagai penggerak psikologikal yang tidak perlu dipelajari.

ii. *Ego*

Ego tidak wujud secara semula jadi, sebaliknya berkembang secara berperingkat, penuh dengan persepsi, menginginkan kemajuan diri serta berkemampuan menyesuaikan fungsinya mengikut isu dan persekitaran. Elemen “Ego” mula bertapak dan berkembang melalui proses sosialisasi dan identifikasi diri dengan individu lain serta objek-objek yang wujud di persekitarannya selepas dilahirkan. Ianya juga dilihat sebagai elemen yang berkemampuan membuat keputusan, mengawal perlakuan, memberikan pertimbangan malah berupaya merungkaikan permasalahan dalam kehidupan. Kemampuan ini wujud dan terbentuk melalui pengalaman, proses sosialisasi dan kebolehan memanfaatkan tenaga pemikiran secara realiti. Justeru, “Ego” disifatkan sebagai kuasa eksekutif dalam struktur personaliti yang beroperasi berlandaskan prinsip realiti dalam kehidupan. “Ego” sentiasa berusaha mencipta kepuasan dan mengelak kekurangan hidup secara rasional dan boleh diterima oleh masyarakat.

iii. *Super Ego*

“Super-Ego” merupakan elemen yang mengimbangi dan mengawal konflik antara “Id” dan “Ego”. Ianya berkemampuan mengenal pasti nilai-nilai positif

dan negatif hasil proses sosialisasi kehidupan individu di dalam institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. “Super-Ego” juga boleh disifatkan sebagai pemantau yang mengawal gerak-geri dan perlakuan individu dalam mempraktikkan amalan dan larangan yang wujud dalam kehidupan masyarakatnya. Perlakuan yang ideal dan *moralistic* adalah tunjang yang menjadi matlamat utama kepada peranan elemen “Super-Ego” dalam pembentukan personaliti manusia. Kenyataan ini berdasarkan kepada tanggungjawabnya menghalang individu mempraktikkan perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai positif, malah juga bertindak memotivasikan individu untuk mempraktikkan nilai yang boleh diterima oleh masyarakatnya.

Rumusan

Kesimpulannya, struktur personaliti manusia dibentuk oleh ketiga-tiga elemen iaitu *Id*, *Ego* dan *Super Ego*. Elemen- elemen ini saling berkaitan dan menghasilkan kesan mendalam dalam mempengaruhi tingkah laku manusia. Ia juga memainkan peranan dalam menghuraikan misteri-misteri yang berada dalam segala masalah. Ketiga-tiga elemen ini membantu menghasilkan personaliti yang sihat kepada mereka yang berjaya menguasainya. Selain itu, ketiga-tiga elemen ini turut memberi sumbangan kepada

kejayaan seseorang manusia dan keinginan untuk mengaplikasikan nilai moral atau sebaliknya.

2.8.3 Perkembangan psikoseksual mengikut Sigmund Freud

Bagi Sigmund Freud perkembangan psikoseksual juga mempengaruhi personaliti seseorang. Dalam hal ini, teori perkembangan psikoseksual merupakan biologi dalam alam. Ia juga melibatkan pembangunan kuasa seks dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Misalnya, perkembangan seseorang kanak-kanak menjadi normal apabila mengalami aliran kuasa disekat. Fenomena ini berlaku apabila seseorang tidak mampu menangani krisis di peringkat pembangunan seterusnya. Menurut beliau lagi, terdapat lima peringkat yang dilalui oleh kanak-kanak, iaitu mulut, dubur, falik, kependaman dan kemaluan. Peringkat-peringkat yang dilalui oleh kanak-kanak yang diperjelaskan seperti berikut.

i. Peringkat Oral (0-18 bulan)

Pada peringkat ini, bayi yang lebih tertumpu kepada *Id* personaliti. Bayi dikawal oleh impuls biologi dan pada dasarnya mementingkan diri sendiri. Mereka benar-benar dikawal oleh naluri mereka. Apabila bayi dilahirkan, keperluan mereka ialah makanan. Zon yang berkaitan dengan keperluan ini adalah mulut. Pada ketika ini, kepuasan segera yang diperoleh oleh bayi di dalam mulut bayi yang ditadbir oleh prinsip keseronokan seperti menghisap,

mengunyah dan menelan. Apabila bayi menghisap susu, mulut akan mendapat rangsangan.

Jika pada peringkat ini, bayi menerima rawatan yang baik dalam kepuasan masyarakat maka ia menunjukkan personaliti individu seperti yakin, mesra, dan mudah dapat dilihat dalam diri individu. Walau bagaimanapun, jika tidak, maka dia akan terperangkap di peringkat ini, dan mempunyai personaliti yang pendiam, pasif, dan orang-orang yang suka merokok adalah disebabkan oleh masalah ini. Pengenalan lambat terhadap gigitan bayi akan memberi masalah gigitan. Masalah timbul apabila terdapat melekat objek kasar individu, objek agresif dan menggigit seperti kuku, pen dan sebagainya.

ii. Peringkat Anal (18 bulan – 3 tahun)

Peringkat ini juga dikenali sebagai kubul itu. Pada usia ini, berkenan suis zon ke kawasan dubur. Freud percaya bahawa kanak-kanak mendapat rasa mengawal aktiviti pelupusan sisa. Pada peringkat ini, nafsu kepekatan tenaga memberi tumpuan kepada bahagian otot kebersihan yang melibatkan latihan tandas. Cara ibu bapa menguruskan untuk latihan tandas kanak-kanak boleh memberi kesan kepada personaliti seseorang individu. Jika tidak diberi latihan yang sesuai, ia akan menimbulkan perasaan negatif di dalam kanak-kanak dan

mewujudkan suasana dan agresif retentif dubur. Pencerobohan dubur berlaku apabila kanak-kanak bertindak agresif terhadap kawalan yang ketat dan peraturan-peraturan yang ketat yang dikenakan semasa proses latihan tandas. Kanak-kanak tidak akan mematuhi arahan dan bertindak membuang air kecil di mana-mana. Tindakan ini akan menghasilkan anak-anak yang kejam, ganas, dewasa pemaarah dan tidak berdisiplin.

Keadaan ini akan melahirkan perhatian kepada ibu bapa dan tidak mempunyai pandangan diri sendiri. Tindakan ini boleh menyebabkan mereka kedekut, degil, terlalu bimbang dengan undang-undang dan tidak mengambil kira masalah orang lain apabila membesar. Oleh itu, pada pandangan Freud, seorang kanak-kanak pada peringkat ini perlu diberi peluang untuk menjadi bebas, untuk mempunyai dan tahu automomi mengawal diri.

iii. Peringkat Falik (3 tahun – 6 tahun)

Peringkat ini dinamakan sebagai kubul. Pada peringkat ini, kanak-kanak mula belajar tentang dirinya kejantinaan sama ada lelaki atau perempuan. Serak kepuasan nafsu kejantinaan berpindah ke organ dan mendapat kepuasan dengan memegang zakar. Pada peringkat ini, Freud percaya kanak-kanak lelaki akan mengalami Oedipus kompleks, di mana anak-anak memberi tumpuan kepada

kasih ibu. Manakala bagi kanak-kanak perempuan, mereka akan mengalami Elektra kompleks, di mana berlakunya persaingan dengan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa perlu peka terhadap perasaan kanak-kanak. Membahagikan kasih sayang dan perhatian yang sama dan adil kepada semua kanak-kanak. pada peringkat ini akan merenggangkan ibu bapa dan kanak-kanak.

iv. Peringkat Latency (6 tahun – akil baligh)

Peringkat ini adalah peringkat di mana kanak-kanak mula bersosial. Mereka mula mengalihkan perhatian kepada orang lain selain daripada ibu bapa dan keluarga mereka. Kanak-kanak memberi tumpuan kepada kerja-kerja sekolah dan aktiviti lain. Mereka belajar tentang peranan jantina dan anak-anak lebih suka berkawan dengan rakan daripada jantina yang sama. Tumpuan juga kepada usaha tindak balas yang kompetitif dengan persekitarannya.

Pada peringkat ini, kanak-kanak perlu diberi peluang untuk bergaul bagi memenuhi keperluan sosial mereka. Ibu bapa hanya perlu melihat dan memantau aktiviti sosial anak-anak mereka. Kanak-kanak yang tidak berkepuasan akan menunjukkan tingkah laku negatif apabila mereka menjadi dewasa.

v. Peringkat Genital (akil baligh – dewasa)

Tahap kejantinaan muncul orientasi seksual kembali dialami semasa individu kanak-kanak. Pada peringkat ini, remaja mula mengambil perhatian dan mengambil kepentingan dalam rakan-rakan seks bertentangan. Pada masa ini, juga mula mempertimbangkan isu pasangan remaja, perkahwinan, dan masa depan. Nafsu tenaga akan menggalakkan individu mengambil kepentingan dalam individu di luar keluarga yang berlainan jantina. Pada peringkat ini, kelenjar seksual mula bekerja dan melalui proses pembangunan dan berfungsi sebagai sumber keseronokan dan kepuasan. Perasaan cinta kepada diri sendiri dan kepada orang lain akan berlaku.

Individu di peringkat ini akan cuba untuk memenuhi semua yang tidak boleh dicapai dalam peringkat kanak-kanak. Ini akan menyebabkan pembentukan personaliti yang dihasilkan oleh konflik-konflik yang berlaku di zaman kanak-kanak menonjol dan menjadi dominan. Oleh itu, ibu bapa, guru dan masyarakat perlu membantu perkembangan diri kanak-kanak supaya mereka dapat mengatasi konflik yang timbul pada setiap peringkat pembangunan.

Selain daripada ini, teori yang dikemukakan oleh Erik Erikson juga adalah sangat penting, Teori ini adalah bertujuan untuk mengenali golongan pemuda yang berada dalam peringkat menentukan identiti.

Pandangan Erik H. Erikson (1902- 1994) Tentang Perwatakan Manusia

Teori Erikson yang berkaitan dengan personaliti manusia ialah Pembangunan Psikososial yang menjelaskan kepentingan hubungan sosial semasa peringkat kanak-kanak. Dalam Teori Pembangunan Psikososial Erikson terdapat lapan peringkat di mana setiap peringkat saling berkaitan antara satu sama lain.

Bagi Erikson (1963), pada setiap peringkat pembangunan ada krisis ataupun masalah yang perlu dihadapi sebelum mencapai matlamat dalam setiap peringkat. Kejayaan atau kegagalan untuk menyelesaikan masalah atau mencapai matlamat akan mempunyai kesan kepada pembangunan imej diri individu.

Teori Erikson Pembangunan Psikososial menggariskan bahawa,

- i. Pembangunan personaliti manusia berlaku sepanjang jangka hayat.
- ii. Pembangunan personaliti manusia adalah berdasarkan interaksi sosial yang berhubung dengan orang lain.

- iii. Pembangunan keperibadian manusia adalah berasaskan oleh kejayaan atau kelemahan seseorang untuk mengatasi masalah yang berlaku di tahap peringkat di seluruh jangka hayat.

Pertama sekali, Erikson (1963) menambahkan pemahaman kita tentang *ego* manusia dengan menunjukkan bagaimana *ego* boleh berfungsi sebagai satu cara penyelesaian masalah yang kreatif kerana *ego* seseorang berpunca daripada beberapa aspek yang unik, iaitu genetik, budaya dan sejarah individu tersebut. Kedua, Erikson juga menghuraikan dengan lebih menyerlah satu dimensi sosial yang tersirat dalam *Freud's stages of development* kerana dimensi sosial itu tidak dibincangkan oleh Freud dengan begitu jelas dalam teori beliau. Cara ketiga Erikson melanjutkan psikoanalisis Freud ialah melalui pemelupaan konsep pembinaan diri dengan mengambil kira sepanjang hayat seseorang individu sejak bayi hingga menjadi orang tua. Akhir sekali, Erikson turut meneroka kesan budaya, masyarakat dan sejarah dalam pembentukan personaliti seseorang dan mengilustrasikan kesan ini melalui kajian *psycho historical* ke atas individu-individu terkenal.

Menurut teori Erikson (1963), *ego* ialah sebahagian minda seseorang yang memberi kepaduan kepada segala pengalaman yang telah dialami oleh individu tersebut. Walaupun Erikson bersetuju dengan Freud bahawa kebanyakan fungsi *ego* berlaku semasa individu

tersebut tidak sadar diri, tetapi beliau juga percaya bahawa *ego* lebih bertujuan untuk membimbing manusia supaya mempunyai perilaku yang konsisten dalam tingkah laku seharian mereka. Justeru, *ego* memainkan peranan positif untuk mengekalkan prestasi cemerlang individu tersebut, dan bukan sahaja memainkan peranan negatif untuk mengelakkan kebimbangan.

Walau bagaimanapun, Erikson tidak percaya bahawa seseorang boleh membina semula pengetahuan tentang fungsi *ego* hanya daripada pemahaman kegagalan fungsi *ego*. Hujah ini dilanjutkan oleh Erikson dengan menumpukan fokus kepada penyesuaian *ego*, dan juga keupayaan *ego* untuk menangani tekanan, menyelesaikan konflik-konflik penting, memulihkan diri, serta menyumbang kepada pembentukan identiti seseorang. Justeru dalam analisis terakhir, Erikson mendefinisikan *ego* sebagai suatu pengaruh yang kuat, penting dan positif kepada manusia.

Ego seseorang ialah kreatif dan boleh berubah mengikut keadaan badan, minda dan sistem sosial. Idea ini dicerminkan apabila Erikson mengatakan bahawa,

”The ego, in the course of its synthesizing efforts, attempts to subsume the most powerful ideal and evil prototypes (the final contestants, as it were) and with them the whole existing imagery of superior and inferior, good and bad, masculine and feminine, free and slave, potent and impotent,

beautiful and ugly, fast and slow, tall and small, in a simple alternative, in order to make one battle and one strategy out of a bewildering number of skirmishes” (hlm. 174).

Dalam kata singkat, Erikson menerangkan bahawa ego seseorang berperanan sebagai satu pusat maklumat yang menerima segala simulasi dan berkeupayaan menimbangkan kebaikan serta keburukan simulasi tersebut dan membantu seseorang mengambil tindakan yang sewajarnya berlandaskan personaliti dan pendirian tersendiri.

Selain itu, pembentukan *ego* juga diterangkan dengan jelas dalam *Erikson’s psychological stages of the life cycle*. Pada setiap peringkat dalam pembentukan pendirian seseorang, ego mengembangkan kekuatan tertentu ataupun kebaikan asas yang membantunya menjadi lebih kukuh. Kekuatan *ego* inilah yang memberikan seseorang dasar untuk mengecapi cita-cita etika yang akan memimpin cara hidup pada masa hadapan. Dengan ini, teori yang dibentangkan oleh Erikson seperti yang diterangkan di atas meningkatkan pemahaman seseorang tentang *ego* manusia.

Dalam perbincangan Freud tentang *psychosexual stages of development*, beliau lebih menumpukan perhatian kepada ciri-ciri biologi manusia dan ciri persekitaran sosial tidak begitu dipedulikan. Oleh itu, Erikson berasa bahawa ciri-ciri dimensi sosial ini perlu

diberikan perhatian yang sewajarnya kerana dalam persekitaran ini, kanak-kanak akan cuba memahami dan memperkaitkan diri mereka kepada persekitaran. Justeru, Erikson menghuraikan dengan lebih jelas lagi dimensi sosial yang tersirat dalam penerangan Freud.

Setiap peringkat daripada *Erikson's 'psychosocial stages'* berfokus kepada kutub-kutub emosi atau konflik yang telah diharungi oleh seseorang kanak-kanak pada sesuatu tempoh masa kritikal yang tertentu dan berperanan penting dalam pembentukan personaliti diri. Ini kerana setiap situasi dan konflik baru yang dialami kanak-kanak menyumbang kepada kedua-dua elemen emosi yang positif dan juga negatif; di mana kedua-dua emosi ini akan memainkan peranan masing-masing dalam pembentukan personaliti anak tersebut. Misalnya, jika konflik tersebut diselesaikan secara memadai, elemen emosi yang positif akan lebih terserlah dalam personaliti anak tersebut. Walau bagaimanapun, jika konflik tersebut berlarutan, elemen negatif akan lebih mendominasi.

Selain itu, *Erikson's psychosocial stages* tidak berlaku mengikut satu jadual kronologi yang ditetapkan. Sebaliknya, ia berbeza untuk setiap kanak-kanak tetapi untuk setiap aspek perkembangan *psychosocial*, ada juga tempoh masa tertentu di mana seseorang kanak-kanak tersebut perlu mengalami pengalaman sosial yang menyumbang kepada pembentukan personalitinya. Lebih-lebih lagi, kelakuan dalam satu peringkat

psikososial tidak akan hilang apabila kanak-kanak tersebut mengalami peringkat yang seterusnya.

Secara keseluruhannya, terdapat lapan peringkat dalam *Erikson's psychosocial stages of development*. Setiap peringkat ini juga mengandungi krisis kehidupannya tersendiri yang harus dialami oleh manusia, di mana seseorang tidak boleh melarikan diri daripada membuat sesuatu keputusan yang menentukan personalitinya. Justeru, teori Erikson membantu seseorang membentuk personalitinya berdasarkan pengalaman seseorang dengan dimensi sosialnya serta elemen-elemen emosi yang diterapkan dalam pendiriannya apabila melalui peringkat-peringkat yang berbeza.

	Peringkat	Tahap Umur	Huraian
1	Asas kepercayaan lawan asas ketidakpercayaan	Lahir - 1 tahun	Peringkat lahir hingga setahun dikenali sebagai peringkat bayi di mana seseorang bayi perlu mendapatkan nilai kasih sayang daripada kedua-dua ibu bapanya.
2	Autonomi lawan keraguan	1 tahun-3 tahun	Perkembangan kanak-kanak dari usia 1 tahun hingga 3 tahun dikenali sebagai tahap autonomi lawan keraguan yang bertumpu kepada perkembangan fizikal.

			<p>Pada peringkat ini jika mereka mendapat kepercayaan maka akan timbul rasa percaya. Namun demikian jika gagal menerima kepercayaan tersebut, maka akan mula bersikap ragu-ragu terhadap keupayaan yang mereka miliki.</p>
3	Inisiatif lawan rasa bersalah	4 tahun-5 tahun	<p>Kanak-kanak berasa bersalah apabila gagal, walaupun pada peringkat awal mereka cuba berdikari. Ini adalah kerana mereka percaya akan ada ganjaran apabila mereka melakukan dengan betul.</p>
4	Industri lawan rasa rendah diri	6 tahun-11 tahun	<p>Dalam peringkat ini kanak-kanak didedahkan pelbagai kemahiran semasa berada dalam alam sekolah. Apabila kanak-kanak itu menemui kegagalan ianya akan membawa rasa rendah diri dan mereka beranggapan tidak berupaya berbuat sesuatu.</p>
5	Identiti lawan kekeliruan	12 tahun -18	<p>Pada peringkat ini remaja mencari identiti</p>

	identiti	tahun	mereka yang tersendiri. Ini mungkin berlaku dari aspek pekerjaan jantina dan aktiviti sosial.
6	Keintiman lawan keasingan	Awal dewasa 18 tahun - 35 tahun	Pada peringkat ini seseorang akan mula mencari pasangan yang membawa kepada alam perkahwinan dan pembentukan institusi kekeluargaan. Pada peringkat ini juga kejayaan dalam kerjaya yang ideal juga diutamakan. Namun demikian, kegagalan mendapat apa yang diinginkan akan membawa kepada satu keadaan yang tersendiri dan mula mengasingkan diri dengan masyarakat luar.
7	Generativiti lawan pemusatan	Pertengahan dewasa 35 tahun - 65 tahun.	Pada peringkat ini seseorang sudah mula berumahtangga dan melalui kehidupan yang baik. Dia juga dikatakan mempunyai kerjaya yang bagus. Namun demikian kegagalan mencapai tahap itu akan membawa persaan yang mementingkan

			diri.
8	Integriti ego lawan kekecewaan	Lanjut usia 65 tahun ke atas	Peringkat terakhir di mana pada peringkat ini hanya kehidupan keluarga dan kerjaya yang berjaya menjadi keutamaan. Namun demikian kegagalan dalam hal ini akan membawa kepada perasaan kekecewaan dan kesedihan sahaja.

Jadual 2.2 Perkembangan psikososial Erikson

(a) Kepercayaan lawan asas ketidakpercayaan (*Trust versus Mistrust*)

Peringkat ini biasanya berlaku apabila kanak-kanak berumur satu ataupun dua tahun. Untuk peringkat ini, peringkat psikososial Freudian yang dicerminkan ialah *Freud's oral, sensory, and kinesthetic stage*. Emosi yang terlibat dalam peringkat ini kebanyakannya berfokus kepada kepercayaan yang ditunjukkan oleh bayi tersebut. Ini kerana pada usia ini, bayi tersebut akan memerhati dan memahami persekitarannya dengan semua deria yang ada, terutamanya melalui mulut. Oleh itu, persoalan yang terpenting dalam peringkat ini ialah sama ada bayi tersebut boleh mempercayai dunia sekelilingnya ataupun tidak; dan jawapan untuk persoalan ini akan didapati daripada cara bayi tersebut mendapat kasih daripada penjaganya. Jika bayi tersebut menerima kasih yang tidak

mencukupi, cuai ataupun tidak boleh dipercayai, maka bayi tersebut akan membesar dengan imej dunia sekelilingnya yang buruk dan justeru, bayi tersebut akan kurang dipercayai persekitarannya.

Dengan perimbangan yang secukupnya antara sikap dipercayai dan tidak dipercayai, maka kekuatan ego yang dilahirkan dalam bayi tersebut ialah harapan. Kepentingan harapan dalam hidup seseorang tidak boleh dinafikan kerana sifat inilah yang akan mendorong untuk berusaha mencapai impian walaupun berdepan dengan pelbagai kesukaran ataupun kegagalan. Oleh itu, apabila seseorang berjaya menyemai aspek harapan dalam pendiriannya bermula dari umur yang muda, individu tersebut boleh menggunakan harapan tersebut untuk mengubah sesuatu keadaan yang susah supaya menjadi lebih bagus untuknya.

(b) Autonomi lawan keraguan (*Autonomy versus Shame and Doubt*)

Peringkat kedua Erikson ini berlaku apabila kanak-kanak berumur antara dua atau tiga tahun, dan ia mencerminkan *Freud's anal-muscular stage*. Pada peringkat ini, emosi yang akan dirasakan oleh individu tersebut termasuk tahap kawalan ke atas badannya dan fungsi-fungsi badan berbanding dengan kecenderungan untuk berasa malu dan ragu-ragu.

Erikson menyatakan ,*“Just when a child has learned to trust his mother and the world, he must become self-willed and must take chances with his trust in order to see what he, as a trustworthy individual, can will.”* (hlm. 176) Idea yang ingin disampaikan oleh Erikson ialah apabila anak tersebut sudah berjaya mempercayai penjaga serta persekitarannya, dia perlu mengambil tindakan bersendirinya untuk menguji tahap kepercayaannya. Tindakan berdikari ini tidak hanya termasuk menggunakan tandas bersendirinya, tetapi ia juga merangkumi berbagai-bagai aspek kehidupan yang penting untuk masa hadapan seperti kematangan saraf, pertuturan dan diskriminasi sosial. Perbuatan sedemikian penting untuk membina ketekalan anak tersebut dan ada kalanya, tindakan berdikari sebegini mungkin menyebabkan anak itu berperangai buruk; tetapi apa yang penjaga anak itu perlu sedar ialah perangai tersebut hanya berlaku akibat kehilangan kawalan diri sementara sahaja.

Dengan itu, budaya merata dunia mempunyai cara mereka tersendiri untuk memupuk ataupun tidak menggalakkan pembentukan kawalan diri oleh anak kecil tersebut dan perbuatan sedemikian mempunyai kesan yang berfaedah mahupun berbahaya. Keraguan anak-anak tentang kawalan diri mereka mungkin membuat anak-anak tersebut mengalami perasaan malu ataupun berasa kekurangan pada masa depan.

Apabila anak tersebut melalui peringkat ini, kekuatan ego yang dipelajari ialah ketekadan (*Will*), iaitu perkembangan sikap berdikari secara natural. Ketekadan amat penting dalam seseorang kerana ia bukan sahaja melambangkan keputusan kita untuk sentiasa mempraktikkan hak-hak kita, tetapi ia juga menjadi asas untuk pembentukan sifat mengikuti undang-undang pada masa hadapan.

(c) Inisiatif lawan rasa bersalah (*Initiative versus Guilt*)

Peringkat ketiga ini berkaitan dengan *Freud's phallic or genital-locomotor stage of psychosexuality* dan ia kebiasaannya melibatkan kanak-kanak berumur antara 3 tahun hingga 5 tahun. Emosi yang ingin ditonjolkan oleh Erikson pada peringkat ini ialah pengambilan inisiatif berbanding dengan perasaan bersalah. Hal ini kerana kanak-kanak biasanya bergiat aktif pada umur ini dan cuba mempelajari kemahiran serta tugas baru. Justeru, setelah membina sikap berdikari daripada peringkat sebelum ini, kanak-kanak kini memfokuskan tenaga mereka untuk mencapai matlamat tertentu; dan eksplorasi mereka bukan sahaja melibatkan perkara-perkara seksual, tetapi juga membabitkan banyak aspek hidup lain yang membimbangkan mereka.

Oleh itu, pada peringkat ini, perkataan yang gemar ditutur oleh kanak-kanak ialah “kenapa?” dan jawapan ibu bapa apabila berdepan dengan pertanyaan ini amat penting

untuk menentukan tahap kemajuan personaliti kanak-kanak tersebut. Jika ibu bapa menggalakkan pengambilan inisiatif, maka anak tersebut akan menjadi lebih berfokus kepada mencapai matlamat yang telah ditetapkannya. Walau bagaimanapun, jika ibu bapa terlalu tegas dengan anak mereka, ini boleh menimbulkan perasaan malu, mengundurkan diri serta berasa bahawa sikap ingin mengambil tahu ialah salah dan seseorang tidak patut aktif berinisiatif bersendirian.

Kekuatan ego yang timbul dalam personaliti individu melalui peringkat ini ialah tujuan. Tujuan penting dalam personaliti seseorang kerana ia membantu memberi fokus dan arah kepada usahanya. Selain itu, dengan mempunyai tujuan yang jelas, individu tersebut akan membina pemahaman realiti yang beransurkan perkara yang boleh dicapai serta tidak takut akan perasaan malu mahupun hukuman apabila berusaha mencapai matlamatnya.

(d) Industri lawan rasa rendah diri (*Industry versus Inferiority*)

Peringkat seterusnya yang dihuraikan oleh Erikson kebanyakannya sama dengan *Freud's latency period*. Menurut Freud, pada tempoh masa ini, pertunjukan pra-matang seksual oleh kanak-kanak akan berubah kepada fasa seksual tidak aktif dan inilah aspek yang paling ketara dalam peringkat ini. Erikson bukan sahaja bersetuju dengan penilaian

Freud bahawa kualiti bersemangat serta imaginatif yang tertentu akan menjadi kurang berpengaruh supaya kanak-kanak tersebut boleh menumpukan lebih banyak perhatian terhadap pendidikannya, malah dia juga beranggapan bahawa pendidikan kanak-kanak tersebut mempunyai tenaganya sendiri. Tenaga ini boleh digambarkan sebagai satu usaha asas yang berlaku sepanjang hayat seseorang individu tetapi mengalami krisis yang khas sewaktu tahun-tahun persekolahan. Dalam tempoh ini, fokus berubah secara radikal daripada *id* kepada *ego* apabila kanak-kanak tersebut berusaha mencapai matlamat yang telah diluluskan oleh penjaganya; namun, *ego* kanak-kanak itu hanya boleh cekal melalui interaksi yang berterusan dengan institusi kebudayaan individu tersebut.

Oleh itu, umur individu dalam peringkat ini biasanya kanak-kanak yang bersekolah. Contohnya, enam hingga sebelas tahun dan emosi yang mereka alami ialah kesungguhan berbanding dengan sikap merendah diri. Hal ini kerana semasa bersekolah, kanak-kanak akan berusaha mendapat penghormatan daripada rakan-rakan serta guru-guru mereka sewaktu mahir dalam pelbagai ilmu dan persekitaran yang baru membolehkan mereka mempunyai tekanannya tersendiri. Justeru, jika anak tersebut telah muncul dari peringkat-peringkat sebelumnya dengan pemahaman asas tentang kepercayaan, berdikari dan inisiatif, maka mereka sudah bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan muncul semasa bersekolah. Tetapi, jika pembentukan personaliti mereka mengandungi unsur

ketidakpercayaan, keraguan dan perasaan bersalah, maka mereka mungkin berdepan dengan kesusahan untuk beroperasi pada tahap yang optimal.

Kanak-kanak pada usia ini sudah bersedia dan berusaha untuk mencapai matlamat mereka dan dengan itu, kekuatan *ego* yang perlu dipelajari pada peringkat ini ialah kompetensi. Kompetensi merangkumi kebolehan untuk menggunakan kepintaran dan kemahiran seseorang individu untuk menyelesaikan tugas yang memberi faedah kepada masyarakatnya. Justeru, kekuatan *ego* ini perlu digalakkan berkembang pada anak-anak yang bersekolah.

(e) Identiti lawan kekeliruan identiti (*Ego Identity versus Role Confusion*)

Menurut *Freud's psychosexual stages*, mercu tanda peringkat malu, yang juga merupakan peringkat terakhir dalam analisis Freud, ialah *lieben und arbeiten* iaitu “untuk mencinta dan untuk bekerja” (hlm. 179). Erikson pula bersetuju dengan pendapat Freud tentang peringkat ini, tetapi beliau menambahkan lagi pemahaman tentang masa golongan pemuda-pemudi dan orang dewasa dengan membahagikan Freud's peringkat kemaluan kepada empat lagi sub-peringkat untuk membuktikan bahawa “*Pengertian malu bukan satu matlamat yang dilaksanakan secara berasingan*” (hlm. 179).

Oleh itu, konflik emosi utama yang berlaku sewaktu golongan pemuda-pemudi iaitu dari umur dua belas hingga lapan belas tahun ialah identiti *ego* berbanding dengan kekeliruan identiti. Proses membina identiti *ego* memerlukan seseorang membandingkan cara individu tersebut memandang dirinya sendiri dengan orang lain tentang nilai individu. Justeru, golongan pemuda-pemudi perlu memberikan jawapan yang menyeluruh dan berkeyakinan apabila menanyai diri sendiri, “*Siapakah saya?*” (hlm. 179). Hal ini penting kerana jika golongan pemuda-pemudi tersebut gagal memberi jawapan yang betul, maka kekeliruan tentang peranan dan personaliti dirinya sendiri akan timbul.

Erikson juga mencadangkan bahawa masa golongan pemuda-pemudi merupakan suatu tempoh yang terutamanya penting dalam hayat seseorang individu. Tempoh masa ini bukan sahaja menyaksikan perubahan fizikal yang cepat, tetapi cabaran-cabaran mental juga timbul pada waktu ini. Oleh itu, Erikson biasanya merujuk masa golongan pemuda sebagai jambatan antara zaman kanak-kanak kepada era orang dewasa. Masa ini juga penting kerana ia akan menguji identiti *ego* yang telah dibentuk daripada kemahiran individu, serta mendorong golongan pemuda mengenal pasti orang lain yang berkongsi fikiran ataupun mentaliti yang sama dan juga bermula untuk membuat pilihan vokasional.

Namun demikian, bahaya yang paling hebat pada peringkat ini ialah kekeliruan peranan; golongan pemuda tersebut tidak mampu menganggap dirinya sebagai seorang ahli

masyarakat yang produktif dan berguna. Kekeliruan ini biasanya timbul bukan sahaja akibat kesukaran golongan pemuda-pemudi menghadapi untuk mencari identiti pekerjaan yang mereka ingin ceburi pada masa hadapan, tetapi juga kerana golongan pemuda tersebut tidak boleh mencari tempat yang unik dalam masyarakatnya sendiri. Justeru, kekeliruan peranan ini mungkin menimbulkan krisis identiti, suatu kegagalan yang sementara dalam proses pembentukan identiti yang stabil. Malah, sesetengah golongan pemuda-pemudi juga mungkin mengambil identiti negatif yang menentang prinsip yang telah disemai dalam diri mereka akibat pengaruh kawan-kawan lain. Namun, identiti negatif ini akan membangkitkan akibat buruk seperti patologi sosial dan jenayah. Walau bagaimanapun, Erikson turut berhujah bahawa kehadiran unsur ini mengembangkan kesediaan golongan pemuda-pemudi untuk melibatkan diri dalam bidang ideologi yang mereka percaya secara mendalam.

Oleh itu, kekuatan *ego* yang dilahirkan sewaktu golongan pemuda-pemudi melalui peringkat ini ialah kesetiaan. Kesetiaan ini merangkumi kesanggupan golongan pemuda-pemudi untuk mempertahankan pandangan ideologi mereka walaupun akan berdepan dengan cabaran daripada orang lain ataupun ia bercanggah dengan sistem nilai hidup individu tersebut. Tanpa kesetiaan ini, golongan pemuda-pemudi itu sama ada mempunyai *ego* yang lemah dan menghadapi kekeliruan nilai ataupun dia bersetia kepada kumpulan sesat kerana kurang teguh dalam pendiriannya.

(f) Keintiman lawan keasingan(*Intimacy versus Isolation*)

Peringkat ini merupakan sub-peringkat kedua yang dicadangkan oleh Erikson dan ia melibatkan golongan pemuda-pemudi yang berumur lapan belas hingga dua puluh empat tahun. Konflik emosi yang dihadapi oleh mereka dalam tempoh masa ini ialah keintiman berbanding dengan pengasingan. Keintiman merujuk kepada kebolehan seseorang membina hubungan yang rapat dan bermakna dengan individu lain. Walau bagaimanapun, sikap pengasingan yang dipamerkan oleh golongan pemuda-pemudi merangkumi perasaan *ego* dan juga ketidakmampuan untuk membina hubungan yang mendalam serta komited dengan orang lain. Oleh itu, tugas golongan pemuda-pemudi pada tempoh ini ialah untuk menggabungkan isu seksual dengan sikap produktif di tempat kerja supaya menjadi individu yang sempurna.

Justeru, kekuatan *ego* yang muncul pada waktu ini ialah cinta. Erikson tidak menafikan bahawa cinta wujud dalam peringkat-peringkat sebelum ini, tetapi pada usia ini, individu akan mengubah kasih sayang yang dirasai sebagai seorang anak kepada mengasihi orang lain pula. Cinta juga melambangkan kesetiaan yang akan ditunjukkan oleh seseorang dan ia dapat mengatasi percanggahan semula jadi yang wujud antara orang yang berlainan jantina; justeru, kekuatan *ego* ini membolehkan lelaki dan perempuan untuk hidup bersama.

(g) Generativiti lawan pemusatan (*Generativity versus Stagnation*)

Sub-peringkat ini melibatkan individu yang berusia dua puluh lima hingga lima puluh tahun dan konflik yang mereka hadapi dalam usaha pembentukan personaliti mereka adalah sama ada mereka masih boleh memahiri lebih banyak ilmu ataupun terbatas pada suatu tahap sahaja. Peningkatan kemahiran orang dewasa pada masa ini bukan sahaja merangkumi tugas-tugas keibubapaan, tetapi juga merangkumi aktiviti yang menunjukkan keprihatinan mereka kepada kebajikan generasi-generasi akan datang seperti penyelenggaraan dan peningkatan tahap kebudayaan mereka. Kegagalan mereka untuk bergiat secara aktif dalam aktiviti sedemikian akan menimbulkan perasaan tidak maju, bosan dan merosotnya hubungan interpersonal. Menurut Erikson lagi, Freud telah memandang ringan kepentingan keinginan manusia untuk mendapatkan waris, justeru beliau berasa keinginan asas ini berada dalam naluri setiap orang dan ia menunjukkan kemajuan personaliti individu tersebut.

Pada peringkat ini, kekuatan *ego* yang akan dicerminkan dalam personaliti individu ialah penjagaan. Golongan pemuda-pemudi mempunyai keperluan untuk disempurnakan dan penjagaan melibatkan keselamatan ibu bapa dan kebajikan individu yang mereka sayangi. Dalam hubungan antara ibu bapa dan anak, kekuatan *ego* ini akan membantu para

ibu bapa mengatasi masalah yang bakal timbul antara kedua-dua pihak. Justeru, kita perlu menjadikan aktiviti penjagaan sebagai suatu payung besar yang meliputi pelbagai tindakan yang akan membantu golongan pemuda-pemudi memenuhi kewajipan mereka pada masa akan datang.

(f) Integriti *ego* lawan kekecewaan (*Ego Integrity versus Despair*)

Kematangan, iaitu peringkat terakhir dalam hayat seseorang (lima puluh tahun hingga meninggal dunia), dipenuhi dengan konflik antara integriti *ego* dengan sikap berputus asa. Ini kerana integriti *ego* merangkumi kebolehan seseorang untuk memandang balik dalam hidupnya dengan kepuasan walaupun bukan segala impian yang mereka inginkan termakbul. Malah, kematian tidak lagi ditakuti tetapi diterima dengan tangan terbuka sebagai salah satu aspek dalam kewujudan seseorang. Sebaliknya, sikap putus asa merujuk kepada kesesalan akibat peluang yang telah terlepas atau tidak kesampaian dan individu tersebut sudah terlalu tua untuk mencubanya sekali lagi. Oleh itu, identiti *ego* merupakan berkat tujuh peringkat yang sebelumnya dan memberi individu berkebolehan untuk melihat kehidupan yang teratur dan bermakna.

Kekuatan *ego* yang dilambangkan pada peringkat ini ialah kebijaksanaan, dan kebijaksanaan yang ditunjukkan pada waktu inilah yang akan membawa kehidupan

seseorang kepada pengakhiran yang bersesuaian. Kekuatan *ego* inilah yang memberi kebolehan kepada seseorang individu untuk menghargai semua pengalamannya dan juga peluang-peluang yang terlepas dengan objektif apabila berdepan dengan kematian yang bakal berlaku.

Erikson menerokai peranan budaya dalam pembentukan personaliti seseorang individu dengan memberi tumpuan kepada cara kanak-kanak dibesarkan dalam dua suku kaum yang berbeza iaitu *Sioux* dan *Yurok*. Suku *Sioux* dulunya merupakan pemburu kerbau tetapi akibat peperangan dengan peneroka putih, budaya ini telah lenyap; kini, masyarakat mereka telah menjauhkan diri daripada orang lain serta bersikap tidak mengendahkan masyarakat sekeliling dan menolak sebarang pertolongan yang diberi. Walaupun mempunyai sejarah berdarah sebegini, suku *Sioux* masih mengekalkan cara membesarkan kanak-kanak yang tradisional dan tidak lagi begitu relevan pada masa kini. Misalnya, kanak-kanak lelaki dilatih supaya menjadi berkeyakinan diri, sombong dan juga pemburu haiwan serta wanita yang ghairah. Kanak-kanak perempuan pula diajar untuk menjadi isteri serta ibu kepada pemburu-pemburu ini. Oleh itu, dengan asuhan yang tradisional ini, kanak-kanak *Sioux* ini akan membesar dengan sikap yang tidak bertoleransi akan masyarakat lain kerana tidak diberi panduan yang berstruktur semasa kecil.

Sebaliknya, suku Yurok menunjukkan perasaan kedekut, syak wasangka dan marah serta menekankan kepentingan mendapat dan mengekalkan harta-harta benda. Kanak-kanak kecil digalakkan untuk berdikari pada usia yang muda dan memfokuskan semua pemacu naluri asas dengan pertimbangan keadaan ekonomi suku tersebut. Lagipun, suku Yurok yang dulunya memancing sepanjang sungai Salmon dan pekerjaan tradisional ini membolehkan orang Yurok tinggal secara lebih aman dengan peneroka-peneroka putih yang lain. Justeru, pengajian Erikson tentang budaya pembesaran kanak-kanak dalam pembentukan personaliti mereka menunjukkan bahawa kedua-dua suku ini menggunakan zaman kanak-kanak untuk beberapa sebab yang tertentu untuk memberi makna kepada pengalaman kanak-kanak yang berkaitan dengan badan mereka sendiri dan orang-orang lain serta memfokuskan tenaga kanak-kanak tersebut kepada usaha yang berfaedah kepada masyarakat tersebut, dan untuk menyediakan suatu rangka kerja untuk menangani kebimbangan sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat (Erikson, hlm.185).

Selain itu, Erikson menggunakan *psychohistories*, iaitu penggabungan penelahan sejarah hidup seseorang dengan teknik *psychoanalysis*, untuk menerokai peranan sejarah dalam pembentukan personaliti individu. Dalam usaha beliau untuk meneliti kehidupan tokoh bersejarah, Erikson menerokai bagaimana kekuatan ego seseorang boleh mengubah konflik yang dihadapi oleh orang lain supaya tokoh ini boleh menjadi pemimpin mereka dan meninggalkan kesan pada era tersebut.

Contohnya, dalam kes Martin Luther, beliau menumpukan perhatian kepada bagaimana Luther boleh mengatasi batasannya sehingga menjadi ketua Reformasi Protestan yang berpengaruh. Dalam isu ini, Erikson berpendapat bahawa suatu kejadian di mana Luther mengalami sawan semasa berada di gerejanya merupakan titik perubahan dalam usaha Luther untuk membentuk identiti dirinya.

Pencarian suatu kejadian yang bermakna dalam hidup tokoh-tokoh ini merupakan mercu tanda *psychohistory* yang disarankan oleh Erikson. Dalam kes Mahatma Gandhi pula, Erikson merasakan bahawa keputusan Gandhi untuk mempertaruhkan nyawanya dengan berpuasa semasa suatu pertikaian buruh tempatan merupakan laluan yang digunakan oleh Gandhi untuk mengubah imej negatif *Satyagraha* kepada satu teknik berkesan untuk mencapai matlamat politik. Malah, Erikson juga berpendapat bahawa ada beberapa persamaan antara *Satyagraha* dengan *psychoanalysis*; "*Satyagraha constitutes the faith that he who can face his own propensities for hate and violence 'in truth' can count on a remnant of truth in the most vicious opponent, if he approaches him actively with the simple logic of incorruptible love*" (hlm. 186). Walaupun *Satyagraha* menumpukan perhatian kepada musuh luaran sementara psikoanalisis melambangkan suatu cara berdepan dengan musuh yang wujud dalam diri kita sendiri, namun kedua-dua proses

ini membantu kita menangani naluri kita dan menunjukkannya dalam cara yang tidak ganas serta diterima oleh orang lain.

Dalam rencana *Childhood and Society* (1963), Erikson melaporkan tentang suatu pengkajian unik yang telah beliau lakukan dengan ramai kanak-kanak berusia sepuluh hingga dua belas tahun untuk meneroka bagaimana kehidupan dalaman mereka dicerminkan dalam cara permainan mereka. Untuk mendapat bukti-buktinya, beliau telah menyediakan satu meja yang dipenuhi dengan alat-alat permainan dan telah menjemput mereka untuk membina satu aksi menarik daripada suatu filem rekaan serta menerangkan jalan ceritanya. Dalam pengkajian ini, Erikson telah memerhatikan perbezaan yang berbeza antara lelaki dan perempuan.

Kanak-kanak perempuan kebiasaannya mempamerkan suatu bilik yang dipenuhi dengan perabot dan mereka juga kadang-kadang memasukkan orang lain dalam bilik mereka. Namun, budak lelaki pula membina menara dan bangunan lain yang tinggi, sesetengah daripadanya yang berada dalam keadaan hampir tumbang. Justeru, Erikson membuat kesimpulan bahawa untuk memahami pembinaan-pembinaan permainan oleh kanak-kanak, beliau harus menyedari bahawa kanak-kanak lelaki dan perempuan menggunakan ruang mainan dengan berbeza. Kanak-kanak perempuan menumpukan perhatian kepada ruangan dalaman dan kualiti seperti keterbukaan berbanding dengan

ketutupan sementara. Manakala kanak-kanak lelaki pula berfokus kepada ruang luaran dan kualiti ketinggian berlawanan dengan kualiti kerendahan. Kecenderungan sedemikian mengingati beliau tentang struktur kesegaran lelaki dan perempuan masing-masing. Penemuan ini membawanya kepada hipotesis bahawa “pengalaman seseorang ialah berdasarkan anatomi badan masing-masing” dan juga bahawa “terdapat perbezaan yang amat ketara dari segi pemahaman antara lelaki dan perempuan” (hlm.188).

Namun, adalah penting untuk menunjukkan bahawa pengkajian Erikson ini tidak membuktikan bahawa terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan. Malah, suatu usaha baru yang telah dilakukan untuk meniru pengkajian Erikson dalam usaha mencari perbezaan seks antara lelaki dan perempuan. Justeru, Erikson mungkin salah dalam kesimpulan beliau berdasarkan data yang diperhatikannya, ataupun terjadi perubahan dalam peranan lelaki dan perempuan sejak pengkajian yang asal sehingga wujudnya keputusan yang berbeza.

Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh Erikson ialah untuk memerhatikan pengkajian dan membina teori berdasarkan pada keputusan yang didapati. Malah, beliau juga tidak teragak-agak untuk mewujudkan teknik baru untuk memastikan penyelidikannya berjalan dengan lebih optimal seperti menggunakan cara permainan kanak-kanak dari segi penggunaan ruangan sebagai dasar untuk meneroka kehidupan dalaman mereka.

Selain itu, terdapat juga beberapa persamaan yang ketara antara *psychohistory* dan *psychoanalysis*. Misalnya, dalam *psychohistory*, seseorang penyelidik perlu memahami kepentingan sesuatu kejadian bersejarah dari segi keterangan ilmu yang disediakan dan juga tempoh masa di mana ia berlaku. Hal ini juga berlaku dalam *psychoanalysis*, di mana seseorang penganalisis perlu menanya pesakitnya tentang sesuatu kejadian penting dalam kehidupannya dan seterusnya, menyelidiki kepentingan kejadian tersebut dari segi kesan kejadian terhadap pesakit itu pada masa tersebut dan juga makna kejadian itu dalam kehidupan pesakit secara menyeluruh.

“*Teori kepaduan kebenaran*” Erikson mirip teori falsafah kerana asas teorinya bukan sahaja berdasarkan prinsip sains seperti yang dikatakan oleh Freud. Malah, Erikson mengakui secara terbuka bahawa adanya kehadiran unsur falsafah dalam teorinya, akibat kepercayaan beliau bahawa teori personaliti yang berkesan memerlukan asas falsafah yang efektif (hlm. 191).

Lagipun, Erikson, seperti Erich Fromm, percaya bahawa komitmen moral perlu dalam rangka *psychoanalysis*. Untuk meningkatkan pemahaman komitmen-komitmen moral ini, Erikson telah menerokai evolusi *super-ego* dan juga membezakan kematian bayi, ideologi remaja, dan etika orang dewasa. Dengan berbuat sedemikian, beliau berjaya

menunjukkan bagaimana prinsip *epigenetic* memainkan peranan dalam pembentukan hati nurani. Walaupun kekuatan *ego* yang diterangkan oleh Erikson mungkin ditafsirkan sebagai nilai etika yang perlu disemai dalam diri, namun matlamatnya ialah untuk membentuk suatu tahap etika yang global. Tahap ini boleh dikatakan sebagai versi Peraturan Emas (Golden Rule) yang moden, iaitu yang beliau menterjemahkan sebagai, ” *What is hateful to yourself, do not do to your fellow man*” (hlm. 192). Penyataan falsafah Erikson adalah terang dan jelas, berbanding dengan penerangan Freud. Malah, teori Erikson juga menyeluruh dan memberi penjelasan tentang banyak faktor dalam pembentukan personaliti; beliau memasukkan elemen biologi, kognitif, budaya dan sejarah dalam perbincangan untuk menjadikannya lebih utuh serta merangkumi ramai orang daripada pelbagai bidang.

Baru-baru ini, teori Erikson diminati ramai kerana penggabungan pembentukan kognitif dan personaliti dalam penjelasannya. Beliau telah menerangkan dengan jelas bahawa perubahan dalam cara pemikiran seseorang akan membawa kepada perubahan dalam interaksi sosial serta personaliti individu tersebut. Lebih-lebih lagi, teori Erikson ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam *area psychology* klinikal kerana analisis beliau tentang pembinaan *ego* melalui peringkat-peringkat hidup mempunyai aplikasi yang luas dalam bidang psikologi kanak-kanak, pendidikan, psikoterapi, dan juga dalam kaunseling perkahwinan. Justeru, Erikson telah digelar sebagai “orang yang terdekat yang

menjadi wira intelek” di Amerika Syarikat kerana usaha-usahanya yang berimaginasi, kreatif dan lebih-lebih lagi, sangat menarik untuk semua (hlm. 192).

2.10 Rumusan

Pada umumnya bab ini menerangkan konsep dan teori-teori yang digunakan dalam kajian ini. Teori Sigmund Freud dan Erik Erikson diaplikasikan dalam menghuraikan perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan golongan pemuda-pemudi devian. Pemaparan watak dalam kalangan golongan pemuda-pemudi yang ditonjolkan dalam novel Tamil Malaysia dapat dihuraikan dan diketengahkan dalam kajian ini.

BAB TIGA

SEJARAH PERKEMBANGAN NOVEL TAMIL MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Penelitian yang tekun dan bersungguh-sungguh terhadap perkembangan serta ciri kesusasteraan Tamil memperlihatkan beberapa isu yang menarik perhatian. Kesusasteraan Tamil dilihat dari sudut perkembangan dan ciri adalah berkait rapat dengan proses kebudayaan masyarakat India itu sendiri. Oleh itu, ia harus dilihat dari perspektifnya yang tersendiri. Kesusasteraan Tamil sebagai bentuk pernyataan yang menjadi pilihan masyarakat India, mempunyai kesan yang besar ke atas kehidupan orang India. Ini sesuai dengan masyarakat India yang mengalami proses peralihan terutama dengan kedatangan Inggeris. Walaupun kesusasteraan novel Tamil muncul selepas kemunculan genre sastera Tamil yang lain seperti sajak, cerpen, dan drama namun kesusasteraan novel Tamil mempunyai populariti dan kedudukan yang istimewa dalam kesusasteraan Tamil pada keseluruhannya (Sababathy, V. 1996, hlm. 1-5).

Kesusasteraan novel merupakan satu seni sastera yang estetika dalam warisan tamadun manusia. Dengan itu, pembicaraan terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan

novel ini tidak hanya dilihat sebagai suatu penulisan sejarah semata-mata, tetapi sebagai satu adunan seni dan sains kemasyarakatan yang unik, satu cara penulisan sejarah yang tersendiri, bukan melihat sejarah secara urutan waktu atau sebab-akibat dari peristiwa, tetapi melihatnya sebagai satu peristiwa kemasyarakatan yang mencerminkan ketepatan sejarah dan kebenaran penciptaan seni. Oleh itu, sejarah kesusasteraan bukan cuma penelitian terhadap siapa menulis apa, bila dan kesanya, tetapi juga adalah satu penelitian yang bersungguh-sungguh terhadap hasil kesusasteraan itu sebagai satu bentuk pernyataan serta kesan dan akibatnya ke atas seluruh sejarah perkembangan pemikiran masyarakat Tamil.

Tambahan pula, novel dikatakan suatu wadah untuk mencerminkan gejala yang mengancam masyarakat seperti masalah sosial, ekonomi, agama dan politik. Genre sastera ini juga dikatakan mempunyai kekuatan untuk menggerakkan naluri manusia. Novel pada masa kini berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat dan mempunyai pembaca yang paling ramai dibandingkan dengan genre sastera yang lain. Pendek kata, perkembangan dan populariti novel pada abad ini tidak dapat dinafikan sehingga abad ini dikenali sebagai era novel di kalangan masyarakat dunia (Maniam, K. 1997).

Sebenarnya sebagai satu genre sastera, perkataan novel berasal daripada perkataan *Novellous* dalam bahasa Itali yang membawa makna *perkhabaran baru* atau *cerita yang*

pendek. Novel kemudiannya diperkembangkan oleh kesusasteraan barat sehingga menjadi suatu bidang penulisan yang begitu popular. Dalam bahasa Tamil Novel pada mulanya dikenali sebagai *Navinakam* , *Navinam* dan kemudiannya disebut *Putinam*.

Kamus bahasa Inggeris pula mendefinisikan novel sebagai, *Novel – A fictitious prose narrative dealing with human beings and their actions over a period of time and displaying varieties of human character in relation to life* (Scott, 1967,hlm.197). Ensiklopedia Tamil pula mendefinisikan novel sebagai, *menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas watak-watak dalam kehidupan harian kepada pembaca-pembaca* (Tamil Kalaikalanjyam,1950,hlm.423).

3.2 Kesusasteraan Novel Tamil di Negara India

Kedatangan Inggeris di akhir abad ke-18, melengkapi rangkaian sejarah pendudukan kuasa barat di India dengan mengubah kehidupan dan pemikiran masyarakat India di negara India. Walau apapun sumbangan pihak Inggeris dalam menimbulkan pemikiran orang India semasa penjajahan tidak dapat dinafikan. Tetapi yang jelas ialah pendidikan menjadi satu komponen utama dalam melakukan perubahan pemikiran dalam kalangan orang India. Perkembangan pendidikan dan sikap yang diperlihatkan oleh orang India adalah sesuatu yang amat bererti dalam perkembangan intelektual orang India itu

sendiri. Dalam masa yang sama, pengenalan alat cetak telah memungkinkan penyebaran bahan bacaan yang luas. Pendidikan Tamil bercorak barat telah dimulakan selepas kedatangan Inggeris di negara India. Tambahan pula, Sekolah Tamil mula didirikan dengan banyaknya meskipun hanya setakat memberikan pendidikan peringkat rendah. Dengan terdirinya sekolah-sekolah itu bererti bertambahnya bilangan masyarakat India yang berpendidikan dan kemudiannya menceburi dalam bidang penulisan.

3.3 Novel Tamil yang Pertama di Malaysia

Selain negara India, kesusasteraan Tamil juga telah berkembang di Sri Lanka, Malaysia dan Singapura yang mempunyai bilangan penduduk kaum India yang berketurunan Tamil yang ramai. Negara-negara ini mempunyai perkembangan dan ciri kesusasteraan Tamil yang tersendiri. Perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia mempunyai hubung kait yang rapat dengan negara Singapura. Ini kerana Singapura merupakan sebahagian dari Malaysia sehingga tahun 1965, dan kedua-dua negara ini berada di bawah pemerintahan British yang sama. Sehingga Singapura berpisah dari Malaysia pada tahun 1965, tradisi perkembangan kesusasteraan Tamil dan hubungan kesusasteraan di antara kedua-dua buah negara ini adalah sama.

Definisi novel tempatan dalam bab ini adalah novel yang membincangkan tema dan berlatarkan Malaysia serta dihasilkan oleh penulis Tamil Malaysia. Kesusasteraan Tamil di Malaysia hanya muncul dan berkembang pada penghujung abad ke 19. Sebelum itu, puisi yang muncul lebih awal lagi menjadi genre sastra yang pertama dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia. Puisi merupakan satu bentuk daripada pengucapan kesusasteraan Tamil yang telah wujud sejak zaman yang silam. Apabila novel Tamil semakin mendapat perhatian dan populariti daripada pembaca sastra, maka novel muncul dan menduduki tangga teratas dalam kesusasteraan Tamil. Pada masa kini novel mempunyai peminat, pembaca dan pengkritik yang paling ramai berbanding genre sastra yang lain seperti puisi dan drama.

Novel pertama di India telah muncul dalam Bahasa Bengol. Novel berjudul '*Pirataba Mutaliyar Carittiram*' yang dikarang oleh Mayuran Vetanayagam Pillai pada 1876 merupakan novel pertama dalam kesusasteraan Tamil. Novel ini juga dianggap sebagai novel kedua di benua kecil India. Dengan ini, bermulalah satu era baru dalam bidang penulisan kesusasteraan novel Tamil (Dandayutham, 1986).

3.4 Sejarah Kemunculan Novel Tamil Malaysia

Pergolakan politik dan perubahan sosial kehidupan masyarakat di Barat pada abad ke-18 menjadi medan dan batu loncatan dalam kemunculan novel. Perjuangan hak asasi golongan demokrasi, penghapusan hak keistimewaan yang dinikmati oleh golongan atasan, kebangkitan kesedaran oleh golongan pertengahan, reformasi dalam masyarakat, pengenalan sistem pendidikan dan pengenalan serta perkembangan mesin cetak merupakan antara faktor yang merintis jalan dalam kemunculan novel. Dalam situasi kesedaran inilah buku yang berjudul, *Pamella* telah dihasilkan oleh Richardson pada tahun 1741 (Sababathy, V.1996, hlm.45-55).

Sehubungan itu, pada penghujung abad ke-18 satu reformasi sosial yang berlaku di India telah memberi implikasi yang mendalam dalam kebangkitan dan perkembangan prosa dalam kesusasteraan Tamil. Pembaharuan dalam pengangkutan khususnya dalam kereta api, pengenalan perkhidmatan pos, kemudahan mesin cetak, pengenalan persuratkhabaran, peluang pendidikan dan kebangkitan golongan pertengahan telah mengakibatkan berlakunya satu reformasi dalam prosa kesusasteraan bahasa-bahasa di India (Maniam, K.1988).

Dalam arus reformasi sosial inilah, golongan yang berpendidikan Inggeris di India mulai sedar tentang kepentingan genre novel yang menjadi semakin popular di Barat. Implikasi daripada perubahan inilah munculnya novel Tamil yang pertama di India yang berjudul, *Piratappa mutaliyār carittiram* yang dikarang oleh Mayuram Vethanayagam Pillai pada tahun 1876.

Pada peringkat awal, Vethanayagam Pillai menamakan hasil karyanya sebagai Prosa Epik. Dalam karya beliau yang berjudul, *Piratappa mutaliyār carittiram* beliau telah menyatakan idea tentang kepentingan Prosa Epik melalui watak *Nanambal*, dan juga menerangkan tentang sebab – musabab kepopularan prosa Epik di Barat (Sababathy, V.1996, hlm.55).

Apa yang jelas ialah wujudnya rasa tanggungjawab dan kesungguhan Vethanayagam Pillai dalam bidang yang diceburinya iaitu penulisan novel. Dalam novelnya beliau telah menggariskan dua objektif, iaitu keseronokan dan memberi tunjuk ajar kepada masyarakat mengenai tahap pendidikan, tahap perkembangan bahasa, tatacara, peraturan hidup dan tingkah laku masyarakat.

Selepas kemunculan novel Tamil pertama pada tahun 1876, novel Tamil kedua telah muncul pada tahun 1896, iaitu berjudul *Kamalampāl carittiram* yang dikarang oleh

Rajam Iyer. Novel tersebut telah disiarkan secara bersiri dalam majalah *Vivēka cintāmani* mulai tahun 1893 hingga 1895. Novel tersebut telah memaparkan beberapa tema dengan jelas dan jitu seperti humor dan falsafah. Manakala watak dan perwatakan serta situasi perkampungan turut dipaparkan dalam novel. Walaupun beliau berkecimpung dalam usia yang begitu muda dalam bidang penulisannya namun kematangan dan kecekapan beliau jelas terserlah dalam novel yang dihasilkannya.

Pada tahun 1898, muncul satu lagi novel yang berjudul *Patmāvati carittiram* yang dikarang oleh Matavaiya. Penulis berjaya menyingkap dan mengutarakan idea tentang cara bagaimana seseorang penulis novel boleh menggunakan novel untuk menyalurkan ideanya. Selain daripada ketiga-tiga novel di atas, juga muncul beberapa novel dalam tempoh masa tersebut. Di antaranya ialah novel yang berjudul *Mativānan* yang dikarang oleh Paritimar Kalainyar, novel berjudul *Kuṇacīlan* yang dikarang oleh V.Nadaraja Narayanasamy. Novel berjudul *Vīṇōta carittiram* yang dikarang oleh D.G. Narayanasamy. Novel *Mativānan*, menampakkan penggunaan gaya bahasa yang begitu tinggi dan standard.

Selain dari novel-novel di atas, novel-novel lain yang diterbitkan didapati tidak menepati ciri sebuah novel seperti watak-perwatakan, latar belakang dan tema yang jelas (Dandayutham, 1986).

3.5 Senario Kemunculan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia

Situasi atau sebab-musabab yang merintis jalan ke arah pertumbuhan dan kemunculan kesusasteraan novel Tamil Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga keadaan (Sababathy, V. 1996, hlm.3).

- i. Perubahan-perubahan yang berlaku ke atas struktur masyarakat Tamil Malaysia.
- ii. Aktiviti-aktiviti kesusasteraan yang dianjurkan oleh akhbar-akhbar Tamil Malaysia.
- iii. Pengaruh langsung dari negara India.

3.5.1 Perubahan-perubahan yang berlaku ke atas struktur masyarakat Tamil Malaysia

Perubahan-perubahan yang berlaku ke atas struktur masyarakat Tamil adalah disebabkan oleh perkembangan pendidikan, reformasi sosial dan pengaruh Bahasa Inggeris.

a. Perkembangan Pendidikan

Satu daripada manfaat yang paling ketara diperolehi oleh masyarakat India dengan kedatangan orang Inggeris ke Tanah Melayu ialah perkembangan dalam sistem pendidikan. Pendidikan Tamil diperkenalkan di Malaysia dengan harapan masyarakat India akan terus menetap di Tanah Melayu. Dengan itu, sekolah aliran bahasa Tamil yang pertama telah didirikan di Pulau Pinang pada tahun 1816. Pendidikan Tamil terus berkembang dari semasa ke semasa walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan di Malaysia. Golongan yang mendapat pendidikan mula berfikir secara waras dan rasional serta bertindak mengikutnya.

b. Reformasi Sosial

Sejak awal abad yang ke-19 telah lahir satu golongan elit di negara India yang mengkritik keras tentang penganiayaan yang dilakukan oleh golongan tertentu di negara India. Di utara India lahir sebuah pertubuhan (1722-1833) yang dipimpin oleh Rajaram Mogan Rai. Pengaruhnya telah tersebar sehingga ke selatan negara India. Di negara India Selatan, Iramalingga Swamigal telah menyebarkan idea tentang konsep kesamarataan (Kailasabathy, V.1968, hlm.25).

Pertubuhan ini dianggap sebagai satu reformasi oleh masyarakat India Selatan. Di samping itu, paderi-paderi kristian juga menjalankan aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat India. Dalam situasi ini, satu medium atau alat diperlukan untuk memupuk idea yang bernas atau falsafah dalam kalangan masyarakat India. Kesusasteraan novel menjadi satu alat untuk memenuhi citarasa masyarakat bagi memupuk nilai dan idea mengenai kehidupan masyarakat. Novel pertama yang diterbitkan dalam bahasa Tamil telah menjadi bukti kepada kenyataan di atas. Penulis novel Tamil pertama Vetanayagam Pillai (1826-1889) semasa menghasilkan novel pertama telah memberi kepentingan kepada citarasa dan kehendak masyarakat serta beliau percaya penulisan yang berbentuk prosa lebih banyak meninggalkan kesan dan implikasinya terhadap masyarakat (Dandayutham, 1975, hlm.45).

Kebanyakan kaum India yang berhijrah ke Malaysia pada penghujung abad ke -19 dan awal abad ke -20 telah dibelenggu oleh masalah seperti kemiskinan dan masalah kasta. Golongan yang mendapat pendidikan telah cuba melakukan reformasi untuk mengatasi masalah di atas melalui penulisan yang kreatif. Kebangkitan ini adalah disebabkan oleh kemunculan pertubuhan reformasi dan pertubuhan bercorak sekular. Sama seperti di negara India, di Malaysia juga penulis-penulis Tamil memerlukan satu medium atau alat untuk menyalurkan idea mereka kepada masyarakat. Pada ketika inilah novel Tamil

muncul untuk memenuhi citarasa, aspirasi dan kehendak masyarakat India di Malaysia. Pada peringkat awal, novel-novel yang muncul di Malaysia adalah bertujuan untuk memberi nasihat dan panduan hidup kepada masyarakat India di Malaysia (Kailasabathy,K.1968,hlm.25).

c. Pengaruh Bahasa Inggeris

Kesusasteraan novel di India diperkenalkan selepas kedatangan Inggeris ke negara India. Pada abad ke -18 dan pertengahan abad ke -19 masyarakat India telah banyak dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Senario inilah yang merintis jalan kepada kemunculan kesusasteraan novel Tamil. Dengan adanya pendidikan bahasa Inggeris, masyarakat India telah mengambil peluang ini dan memahirkan diri dalam Bahasa Inggeris serta menikmati kesusasteraan bahasa Inggeris dan buku-buku Sains. Mereka juga berpeluang belajar buku-buku sastera yang menjadi wajib dalam sistem pendidikan Inggeris di India. Fenomena ini membolehkan segelintir masyarakat Tamil tampil untuk menghasilkan novel-novel dalam bahasa Tamil. Pada peringkat awal, menampakkan kemunculan penulis-penulis novel Tamil Malaysia yang terdiri daripada mereka yang mahir dalam dwi-bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Tamil (Dandayutham, 1975, hlm.45).

3.5.2 Aktiviti-Aktiviti Kesusasteraan oleh Akhbar-akhbar Tamil Malaysia

Dengan adanya pendidikan Tamil di Malaysia, maka pembaca karya Tamil turut bertambah dari semasa ke semasa. Dengan ini, akhbar yang berbentuk bahasa Tamil turut bertambah. Peranan yang dimainkan oleh akhbar Tamil dalam menganjurkan aktiviti yang bercorak kesusasteraan tidak dapat dinafikan dalam perkembangan kesusasteraan novel Tamil. Di negara ini, sumbangan dan peranan akhbar Tamil dianggap sebagai nadi utama dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia (Dandayutham, 1986, hlm.25-26). Perkembangan akhbar Tamil telah merintis jalan kepada kemunculan kesusasteraan novel Tamil Malaysia.

Pada peringkat awal, akhbar Tamil di Malaysia telah memainkan peranan penting untuk memperkenalkan dan menyiarkan kesusasteraan novel Tamil. Pada peringkat awal novel disiarkan melalui beberapa siri dalam akhbar Tamil Malaysia. Pada tahun 1912, seorang penulis bernama S.L.Mathavarao dari Pulau Pinang telah menulis secara bersiri dalam akhbar Tamil yang dikenali sebagai *Nāṇaciriyāṇ*. Novel bersiri ini dikenali sebagai *Irattiṇamālai Allatu Kāṇāmal Pōṇa Kumāravati*. Malangnya, cerita bersiri ini tidak dapat mencapai penyelesaian kerana hak penyiaran akhbar ini telah dipindah milik kepada orang lain. Oleh itu, cerita ini tidak dapat disiarkan lagi (Sababathy, V.1996, hlm.4).

Pada tahun 1933, sebuah lagi novel Tamil Malaysia telah disiarkan secara bersiri melalui akhbar Tamil Nesan. Novel ini dikenali sebagai *Tōṭṭā Kolai Allatu Kāṇāmal Pōṇa Pattumalaik Kalvaṇ*. Tambahan pula, pada pertengahan abad ke -30, terdapat beberapa novel Tamil lagi telah disiarkan secara bersiri dalam akhbar Tamil seperti Tamil Murasu.

Akhbar Tamil, Tamil Murasu yang diterbitkan pada tahun 1935 telah menyiarkan beberapa novel Tamil Malaysia secara bersiri sepanjang tahun 1930-an. Di antaranya ialah *Kātal kiḷiyum tiyāka kuyilum* (1936), *Vicamuḷ* (1937), *Kaṇakam allatu kalakamuṟra karaikaḷ* (1937), *Cupattirā tēvi* (1938) dan *Uttama nanpaṇ allatu kuṇacuntariṇ mata māṟṟam* (1939) (V.Sababathy, 1996, hlm.6).

Oleh itu, sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh akhbar Tamil tidak dapat dinafikan dalam menyiarkan atau memperkenalkan kesusasteraan novel Tamil kepada masyarakat India di Malaysia. Dalam pada itu, pada tahun-tahun 1930-an juga terdapat segolongan masyarakat yang berasal dari Sri Lanka yang menetap di bandar-bandar turut menghasilkan novel Tamil dalam bentuk buku (Maniam,K.1988).

Oleh itu, pada peringkat awal masyarakat India yang berasal dari India dan Sri Lanka telah melibatkan diri dalam penulisan novel Tamil di Malaysia. Oleh itu, novel yang dihasilkan turut mengandungi latar belakang yang bercirikan negara India dan Sri Lanka.

Pendek kata, dapatlah dirumuskan bahawa kemunculan dan perkembangan kesusasteraan novel Tamil di Malaysia pada peringkat ini mempunyai banyak persamaan dengan negara India dan Sri Lanka.

3.5.3 Pengaruh Langsung dari negara India

Masyarakat India yang berada di Malaysia kebanyakannya berasal dari negara India Selatan. Oleh itu, hubungan yang sedia terjalin antara dua buah negara ini adalah erat dan kukuh. Hubungan ini dapat diperhatikan dalam semua aspek sama ada dalam bentuk kebudayaan, ekonomi atau sosial. Hubungan ini sangat jelas khasnya dalam bidang kesusasteraan masyarakat India di sini telah menjadikan negara asal mereka sebagai teladan dalam semua aspek.

Pada peringkat awal, penulis novel Tamil tanah air telah menggunakan plot, teknik dan latar yang berorientasikan kepada negara asal, iaitu India dan Sri Lanka. Misalnya, semua novel Tamil yang dihasilkan pada peringkat awal adalah berbentuk memberi nasihat dan teguran kepada masyarakat. Secara umumnya, pada awal abad ke-20, novel-novel yang muncul di Malaysia mempunyai tema bersifat siasatan, jenayah dan mempunyai sifat yang lain, iaitu penulis suka menamakan novel mereka dengan nama kembar yang berlainan (Sababathy, V. 1996, hlm.1-19).

3.6 Tahap-Tahap Perkembangan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia

Menurut V. Sababathy (1996) tahap-tahap perkembangan novel Tamil Malaysia dapat dilihat dalam dua peringkat iaitu:

- i. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1910-1957)
- ii. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957-2010)
 - a. Sebelum Tanah Melayu Mencapai Kemerdekaan (1910-1957)

Tahap-tahap perkembangan novel Tamil Malaysia sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dapat dibahagikan seperti berikut:

- i. 1910 – 1920
- ii. 1920 – 1930
- iii. 1930 – 1940
- iv. 1940 – 1950
- v. 1950 – 1957
- b. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957-2010)
 - i. 1957 – 1960
 - ii. 1960 – 1970
 - iii. 1970 – 1980
 - iv. 1980 – 1990

v. 1990 – 2010

3.6.1 Jangka masa antara tahun 1910 – 1920

Kesusasteraan novel Tamil Malaysia mula muncul di Malaysia dalam tahap perkembangan di atas dan novel Tamil pertama di Malaysia turut muncul dalam tahap ini. Terdapat dua buah novel yang muncul dalam tahap ini iaitu *Karuṇākaraṇ allatu kātalin māṭci* (1917) yang dikarang oleh K. Vengadaratnam dan sebuah lagi novel ialah *Pālacuntiram allatu caṇmārkkka jeyam* dikarang oleh Bloly K. Subramaniam. Kedua-dua novel ini diterbitkan dalam dua versi bahasa yang berlainan. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan terdapat kira-kira dua puluh buah novel telah dihasilkan oleh penulis tanah air (Sababathy, V. 1992, hlm. 38). Pada masa itu, daripada dua puluh buah novel tersebut terdapat lapan buah novel telah diterbitkan dalam akhbar tempatan secara bersiri.

Kebanyakan novel yang dihasilkan di Malaysia sebelum kemerdekaan mempunyai banyak persamaan dengan novel-novel yang dihasilkan di negara India. Kebanyakan tema novel yang dihasilkan ini mempunyai unsur-unsur siasatan atau jenayah. Tema-tema ini menyamai novel-novel yang dihasilkan di negara India pada ketika itu. Tambahan pula, kebanyakan novel ini juga mempunyai dua tajuk yang berlainan. Pengaruh ini juga

tersebar dalam kalangan penulis tempatan di Malaysia pada peringkat awalnya. Dua buah novel yang dihasilkan ini juga mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Antaranya ialah tidak terdapat kaitan di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain, menyelitkan unsur yang tidak relevan, mempunyai dua nama kepada tajuk novel dan setiap novel mempunyai dua bahagian yang berlainan (Maniam, K. 1988).

3.6.2 Jangka masa antara tahun 1920 – 1930

Dalam masa sedekad ini terdapat dua buah novel Tamil telah dihasilkan oleh penulis-penulis tanah air. Ini termasuklah novel yang berjudul *Ariamalar* (1921) yang dikarang oleh Mangalanayagam Thambaiya dan novel yang berjudul *Cambaciva Nanamirtam* (1927) yang dikarang oleh A. Nagalingam.

3.6.3 Jangka masa antara tahun 1930 – 1940

Sedasawarsa ini, terdapat kira-kira tiga belas buah novel telah dihasilkan oleh penulis tempatan di Tanah Melayu. Apabila meninjau perkembangan novel-novel ini, ia mempunyai banyak persamaan dengan novel-novel yang dihasilkan oleh penulis dari negara India sama ada dari segi plot, teknik ataupun latar. Kebanyakan novel ini mempunyai tema bersifat siasatan atau jenayah.

Di samping novel-novel Tamil ini yang mempunyai tema siasatan atau jenayah, ia juga mempunyai tema sosial yang berkaitan membawa reformasi kepada masyarakat. Disebabkan adanya pengaruh dari negara India, maka novel yang dihasilkan di Malaysia juga mempunyai tema reformasi yang ingin membawa pembaharuan kepada masyarakat. Tambahan pula, dengan kunjungan yang dilakukan oleh bapa reformasi Tamilnadu yang bernama E.V.R Periyar dari India ke Tanah Melayu pada tahun 1929, maka idea beliau berupa reformasi tersebar di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1930-an pertubuhan yang berupa reformasi terus kukuh di India dan Tanah Melayu. Maka dengan itu, novel-novel Tamil yang muncul dalam dekad ini telah mendukung tema yang berkaitan dengan reformasi sosial dalam masyarakat (Sababathy, V. 1992, hlm.15).

Pendek kata, tema yang didukung oleh novel yang muncul dalam dekad ini adalah seperti masalah sosial, masalah kasta, kahwin campur, perkahwinan cinta, tuntutan hak yang sama oleh kaum wanita dan kemunculan golongan yang inginkan kemodenan. Selain itu, novel yang muncul dalam dekad ini juga mendukung idea tradisional yang masih disanjung oleh golongan tua (Dandayutham, 1992, hlm.25-26).

3.6.4 Jangka masa antara tahun 1940 – 1950

Dalam dekad ini hanya sebuah novel Tamil dapat dihasilkan oleh penulis novel Tamil Malaysia. Novel Tamil ini muncul pada tahun 1949 dengan tajuk *Morata Mullai* yang dikarang oleh C.R. Narasimmaraj. Tetapi malangnya, pada hari ini novel Tamil ini tidak dapat dikesan. Dasawarsa ini juga dikategorikan oleh penulis Tamil Malaysia sebagai Zaman Gelap dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Ini adalah kerana pada tempoh masa ini dunia berhadapan dengan Perang Dunia Kedua di mana Jepun telah menduduki Tanah Melayu (1942-45) dan ancaman oleh anasir komunis telah membantutkan usaha penulis untuk melibatkan diri dalam dunia penulisan kesusasteraan novel Tamil Malaysia.

3.6.5 Jangka masa antara tahun 1950 – 1957

Dalam tempoh masa di atas terdapat dua buah novel Tamil telah dihasilkan oleh penulis novel Tamil di Malaysia. Pada tahun 1953, dua orang penulis novel Tamil Malaysia telah berganding bahu untuk menghasilkan sebuah novel Tamil yang berjudul *Nirculal*. Penulis-penulis berkenaan ialah M.Ramayiah dan M.S. Mayadevan. Sebuah lagi novel Tamil ialah *Mallikā* dihasilkan oleh M. Arivanandan pada tahun 1957. Novel-novel ini mempunyai ciri keistimewaan yang tersendiri, iaitu dari segi plot, teknik dan latar yang

digunakan. Novel ini mempunyai hala tuju yang tersendiri dalam kesusasteraan novel Tamil Malaysia kerana dalam tempoh masa ini negara kita sedang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.

3.7 Novel-Novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957 penulis-penulis Tanah air kini bebas untuk melibatkan diri dalam dunia penulisan. Pengkaji mendapati penulis-penulis novel Tamil menganggap bahawa ia merupakan tanggungjawab mereka untuk mengubah pemikiran masyarakat India agar terus setia di bumi Malaysia.

3.7.1 Jangka masa antara tahun 1957 – 1960

Tempoh masa ini jelas menunjukkan perjuangan pemimpin tanah air mendapatkan kemerdekaan negara. Negara kita yang merdeka pada 1957 masih segar merayakan perjuangan kemerdekaan dalam tempoh masa ini. Dalam tempoh masa ini akhbar Tamil telah menyiarkan novel-novel Tamil secara bersiri. Antara akhbar Tamil yang menyiarkan novel-novel Tamil secara bersiri ialah akhbar *Caṅkamaṇi* yang menyiarkan novel Tamil yang berjudul *Tuyarappātai*, akhbar *Malaimakal* pula menyiarkan novel Tamil yang bertajuk *Malarāta malar* dan *kāṇal nīr* secara bersiri. Novel-novel Tamil ini telah

memaparkan kehidupan dan keperitan masyarakat India di ladang-ladang getah di Malaysia (Sababathy, V. 1992, hlm. 20-25).

3.7.2 Jangka masa antara tahun 1960 – 1970

Perkembangan kesusasteraan novel Tamil Malaysia telah mengalami satu anjakan paradigma dalam dekad ini, di mana dapat dilihat penglibatan secara aktif dan positif oleh penulis novel-novel Tamil dalam dunia penulisan novel. Novel-novel yang muncul dalam dekad ini telah mendukung tema yang bersifat siasatan jenayah dan soal percintaan. Antara novel-novel Tamil yang mendukung tema ini ialah *Vāṭāta malar*, *Anta natiyil iranta mīṅkaḷ*, *Itaya vācal*, *Maṇamālai* dan *Pōkkiri rājā*. Satu perubahan yang ketara berlaku atas dunia kesusasteraan novel Tamil Malaysia ialah penglibatan golongan pemuda dalam penulisan novel-novel Tamil. Justeru, tema yang diminati oleh golongan pemuda ialah soal percintaan.

Novel-novel Tamil yang muncul dalam tempoh masa ini tidak mendukung latar belakang berkaitan dengan negara Malaysia. Misalnya, novel yang berjudul *Mālavīṅ tuyaram* yang muncul pada tahun 1965 tidak memaparkan keadaan atau situasi yang berlaku di Malaysia. Novel ini merupakan kesan negatif yang dialami oleh golongan pemuda akibat menonton filem-filem Tamil dari India.

Pada penghujung dekad ini, didapati munculnya penulis-penulis yang menulis novel-novel berlandaskan keadaan di Malaysia. Novel-novel yang muncul dalam dekad ini membicarakan tentang kehidupan dan keperitan yang dialami oleh masyarakat India di ladang-ladang getah. Antara novel yang membicarakan senario di atas ialah *Vairākkiam* yang diterbitkan pada tahun 1967 (Dandayutham, 1986).

Pada tahun 1969, penulis novel Tamil Malaysia telah mengadakan pertandingan menulis Novel Tamil yang berorientasikan negara Tanah Melayu. Pertandingan ini telah memberi satu inspirasi dan motivasi kepada penulis tempatan untuk menghasilkan novel-novel Tamil yang berorientasikan Tanah Melayu. Novel Tamil yang berjaya dalam pertandingan ini ialah *Cemmaṇṇum Niḷa Malarum* yang memaparkan kehidupan masyarakat India di ladang-ladang getah, kesan perpecahan ladang-ladang dan juga membicarakan tentang kepentingan koperasi di ladang-ladang (Maniam, K. 1997).

Antara penulis muda dan baru yang menceburi dalam dunia penulisan pada dekad ini ialah M. Ramayiah, Vaasi, Pandiyan, N. Rasagobal, A. Chandrasegaran, R. Perumal, P. K. Malaimaran, M. Ramakrishnan, M. Kumaran, M. Arivaanathan, M. Anbuchelvan, N. Mageswary, P. Chandragantham dan M. S. Gurusamy.

3.7.3 Jangka masa antara tahun 1970 – 1980

Perkembangan kesusasteraan novel Tamil Malaysia dekad ini dan seterusnya dianggap sebagai zaman keemasan kerana penglibatan yang aktif oleh penulis Tamil Malaysia dalam dunia penulisan novel Malaysia. Novel-novel yang muncul dalam dekad ini telah membicarakan tentang isu semasa dan kehidupan masyarakat semasa. Fokus perbincangan yang mendapat perhatian utama ialah mengenai kehidupan masyarakat India di ladang-ladang getah Tanah Melayu. Antara novel Tamil yang memaparkan tema di atas ialah novel *Aria Malar*, *Ilaṭciya Payaṇam*, *Aluṭāl Unnai Peralāmē*, *Ennatāṇ Muṭivu*, *Maravaḷḷikkilaṅku* dan *Oru Toṇṭaṇiṅ Payaṇam Toṭarkiratu*. Kemunculan novel-novel ini adalah disebabkan oleh kebanyakan masyarakat India pada ketika itu tertumpu di ladang-ladang getah.

Di samping itu, ada juga novel-novel Tamil yang muncul dalam dekad ini mendukung tema mengenai soal percintaan. Antara Novel-novel Tamil yang mendukung soal percintaan ini ialah *Mañcaḷ Kayiru*, *Vaṇṇattup Pūccii*, *Uraveṇṇa Uravo*, *Avaḷ Oru Navaraca Nāṭakam*, *Paḷamutir Cōḷai* dan *Imāvati*. Selain itu, Novel Tamil yang berjudul *Pacittirukkum ilam kocukkaḷ* telah muncul dalam dekad ini dengan tema mengenai penyalahgunaan dadah dan kesannya terhadap masyarakat.

Tambahan pula, pada tahun 1973 dan 1979 Persatuan penulis Tamil Malaysia telah menganjurkan pertandingan menulis novel Tamil di Malaysia. Pada tahun 1973, novel Malaysia yang berjudul *Ilaṭciya Payaṇam* telah memenangi hadiah pertama. Novel Tamil ini membicarakan tentang perjuangan seorang pemuda berjiwa rakyat yang bernama Matavan terhadap majikan ladang yang menindas masyarakat ladang di ladang-ladang getah. Ini diikuti pada tahun 1979 dengan novel Tamil yang berjudul *Cirakukaḷ muriyum maṇita kaṇavukaḷ* telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan menulis novel. Novel ini menggambarkan tentang taraf kehidupan sebuah keluarga di sebuah ladang getah.

Secara umumnya, penulis yang menulis novel-novel Tamil pada dekad ini telah mendedahkan tentang isu sosial dan juga masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang getah. Penulis yang menghasilkan novel pada dekad ini merasai bahawa mereka mempunyai rasa tanggungjawab untuk mendedahkan penindasan yang dilakukan oleh pihak British terhadap pekerja ladang. Di samping mendedahkan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat ladang, penulis novel Tamil juga mengesyorkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

Menjelang tahun 1970-an juga menampakkan kemunculan novel bersifat sejarah yang dihasilkan oleh penulis Novel Tamil Malaysia. Novel Tamil berjudul *Iḷamtēvi* yang

dikarang oleh P. K. Malaimaran pada 1971 merupakan novel bersifat sejarah yang pertama dalam sejarah kesusasteraan novel Tamil Malaysia. Malangnya, plot dan latar novel ini adalah berdasarkan kepada perkembangan sejarah negara India.

Dalam pada itu, dalam dekad ini juga muncul sebuah lagi novel Tamil yang bertajuk *Ennatāṇ Muṭivu* yang dikarang oleh Arun Appadurai. Satu keistimewaan novel Tamil ini ialah penulis membiarkan pembaca sendiri yang menentukan penyelesaian cerita tersebut. Pembaca yang memberikan penyelesaian yang terbaik akan diberikan hadiah sebanyak RM 100.00 Penulisan cara ini dianggap sebagai satu pembaharuan dalam teknik menghasilkan novel Tamil Malaysia.

Dalam dekad ini juga dapat melihat kemunculan penulis muda dan baharu dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia. Di samping penulis yang sudah pun menceburi dalam bidang penulisan novel Tamil seperti M.Ramayiah dan Pa. Sandragantham, penulis yang dianggap sebagai muka baru dalam dunia penulisan ialah seperti S.A. Anbananthan, N. Santhiran, V.K. Chandrasegaran, Karaikilar, P.K. Malaimaran, R. Perumal, S. Manivannan, N.A. Sengutuvan, Komban dan A. Kanthan. Di samping itu, penulis-penulis yang terkenal pada hari ini seperti M.Ramakrishnan, Arun Appadurai, M.A. Ilanchelvan turut muncul sebagai penulis novel dalam dekad ini.

3.7.4 Jangka masa antara tahun 1980 -1990

Secara umumnya, dekad ini dianggap sebagai zaman keemasan dalam perkembangan kesusasteraan novel Tamil Malaysia. Banyak ciptaan baharu dilakukan dalam tempoh masa ini. Dalam tempoh masa ini peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh akhbar Tamil mingguan *Vanampadi* tidak dapat dilupakan dalam perkembangan dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Akhbar ini telah menganjurkan satu pertandingan yang menarik dalam dunia kesusasteraan Tamil pada amnya. Akhbar ini memperkenalkan pertandingan yang berupa “Satu Novel untuk Satu Bulan” dalam kalangan penulis novel Tamil Malaysia. Di negara India, pelbagai pertubuhan telah berganding bahu antara satu sama lain menganjurkan pertandingan menulis novel untuk memajukan kesusasteraan novel Tamil. Terdapat beberapa akhbar Tamil di Tanah Melayu turut menganjurkan pertandingan seperti di negara India dalam usaha untuk memajukan kesusasteraan novel Tamil. Perkembangan sihat ini boleh dikatakan sebagai satu anjakan paradigma dalam dunia kesusasteraan novel Tamil Malaysia. Melalui perkembangan ini, kesusasteraan novel Tamil Malaysia mendapat nafas baharu dalam usaha untuk memajukan lagi kesusasteraan novel Malaysia.

Sehubungan dengan usaha yang dijalankan oleh akhbar Tamil mingguan '*Vanampadi*' sebanyak sebelas buah novel Tamil telah dihasilkan oleh penulis tanah air.

Malangnya, akibat daripada masalah dalaman, usaha murni ini tidak dapat diteruskan pada bulan Mac 1981. Tujuan utama usaha ini dijalankan ialah untuk meningkatkan perkembangan kesusasteraan novel Tamil Malaysia dan menggalakkan minat membaca dalam kalangan peminat sastera novel Tamil. Seandainya, usaha murni ini dilanjutkan pada jangkamasa panjang sudah tentu kesusasteraan novel Tamil akan berkembang lebih pesat lagi. Walaubagaimanapun, usaha-usaha yang dilakukan pada awal tahun lapan puluhan ini dianggap sebagai satu permulaan yang baik dalam dunia kesusasteraan novel Tamil Malaysia.

Dalam pada itu, satu lagi perkembangan sihat yang berlaku dalam tahun lapan puluhan ialah kemunculan novel-novel Tamil sejarah bertemakan peristiwa sejarah negara Tanah Melayu. Antara novel yang muncul bersifat sejarah pada tahun-tahun lapan puluhan ialah novel berjudul *Āṭum Mañcaḷ ūñcal* yang dikarang oleh P. Chandragantham dan novel bertajuk *Ti Malar* yang dikarang oleh S. Kamala. Novel- novel sejarah ini membicarakan tentang kegemilangan dan keunggulan Kesultanan Melayu Melaka (1403-1511) di Tanah Melayu.

Novel sejarah yang bertajuk *Ti Malar* telah memenangi hadiah Sa.Ah. Anbananthan melalui pertandingan menulis novel Tamil pada tahun 1986. Novel-novel ini membuktikan tentang kebolehan dan keupayaan oleh penulis novel Tamil untuk mengupas

dan menulis sejarah Kesultanan Melayu Melaka dengan baik dan lancar. Apabila usaha yang dilakukan oleh akhbar mingguan Tamil '*Vanampadi*' dihentikan, maka kemunculan novel-novel Tamil turut mengalami kemerosotan. Ini dibuktikan melalui kemunculan enam belas buah novel Tamil dalam masa dua tahun, iaitu di antara tahun 1980 dan 1981. Ini diikuti dengan hanya sebelas buah novel Tamil muncul di antara tahun 1982 hingga 1991. Secara keseluruhannya, novel-novel yang muncul sekitar tahun-tahun lapan puluhan telah membawa tema berkaitan dengan perjuangan individu, persahabatan, kasih sayang dan soal percintaan. Antara novel-novel Tamil yang mendukung tema di atas ialah *Pātai Māriya Payaṇaṅkaḷ*, *Kōkilā Eṅ Kōkilā*, *Calāṅkai Kōlam*, *Kōvil Muḷuvatum Kaṅṅēṅ*, *Maṅa Vīṅai* dan *Kaṅavukaḷiṅ Cuyamvaram*.

Pada masa itu, Novel Tamil yang berjudul *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* telah muncul dengan tema yang mengandungi unsur politik. Selain itu, novel Tamil yang berjudul *Mōka Rākam* yang muncul pada tahun lapan puluhan juga mendukung tema berkaitan dengan kriminal atau siasatan yang popular ketika itu sama ada di India atau pun di Malaysia.

3.7.5 Jangka masa antara tahun 1990 -2010

Kesusasteraan novel Tamil Malaysia terus maju dalam dekad ini dengan adanya pelbagai usaha yang dijalankan oleh pihak yang terlibat dengannya. Antaranya ialah usaha

yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, akhbar-akhbar Tamil tempatan dan Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia. Peranan Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia dalam menganjurkan seminar dan pertandingan telah memberi galakan serta motivasi kepada penulis untuk terus melibatkan diri dalam dunia penulisan novel. Dalam dekad ini, kesusasteraan novel Tamil Malaysia mencapai satu tahap kematangan kerana penulis novel Tamil Malaysia semakin berani mengutarakan idea berdasarkan isu semasa negara. Walaupun, bilangan novel yang dihasilkan tidak banyak dari segi kuantiti, namun novel yang dihasilkan oleh penulis Tamil telah mencapai satu tahap yang membanggakan.

Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir (Perdana Menteri Malaysia 1981 - 2003) menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kancuh menjadi status negara maju. Demi menyahut seruan penulis novel Tamil Malaysia berani tampil untuk membincangkan isu semasa negara dalam arus pembangunan negara yang semakin mencabar.

Penulis novel Tamil Malaysia yang mula menceburi dalam dunia penulisan pada awal 60-an, 70-an dan 80-an telah mencapai satu tahap matang dan berpengalaman untuk menghasilkan novel Tamil yang bermutu dan efisien. Antara penulis yang mencapai kriterianya ialah M.Ramayiah, Saraswathi Arikrishnan, Paavai, R.Shanmugam dan Re. Shanmugam. Di antara novel Tamil yang dihasilkan dalam dekad ini ialah seperti *Cuvatukal*, *Alakiṅ ārāṭaṇai*, *Viḷalūm Nīrum* oleh M. Ramayiah, *Irantavatu Paurṇami* oleh

Saraswathi Arikrishnan, *Kōṭukaḷ Kōṇaṅkaḷāṇāl* oleh Paavai, dan novel bersifat sejarah yang berjudul *Siam Marana Rayil* oleh R. Shanmugam.

Satu keistimewaan yang dapat dilihat dalam dekad ini ialah kemunculan penulis wanita yang berani melibatkan diri dalam penulisan novel Tamil. Walaupun hampir dua puluh tahun berkecimpung dalam dunia penulisan seperti drama, sajak, rencana, cerpen akhirnya penulis yang bernama Paavai berjaya menghasilkan sebuah novel yang berjudul *Kōṭukaḷ Kōṇaṅkaḷāṇāl* pada tahun 1998 yang membuktikan bahawa golongan wanita juga boleh menghasilkan novel. Penglibatan beliau dalam dunia penulisan novel Tamil telah membuka ruang kepada penulis wanita lain untuk turut melibatkan diri dalam menghasilkan novel Tamil (Letchumy,1991.hlm. 283).

3.8 Novel-novel Tamil Tempatan dan Peranan Akhbar

Karya sastera juga dilihat sebagai dokumen sosiobudaya yang mencatat kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada masa tertentu. Imej atau citra seperti wanita, lelaki, orang asing, tradisi, dunia moden, masalah dan lain-lain lagi dicerminkan melalui karya yang dihasilkan. Manakala Vaiyapuri Pillai (1974:22) pula berhujah perubahan berlaku dalam bidang kesusasteraan dari semasa ke semasa. Kehadiran kesusasteraan dengan gaya tertentu pada lumrahnya mematuhi kehendak mesyarakat pada ketika sesebuah hasil

kesusasteraan dicipta sehingga masyarakat cukup puas hati setelah menikmati hasil karya tersebut pada

jangkamasanya tersebut. Begitulah kemunculan corak dan bentuk kesusasteraan mengikut kehendak zaman serta keperluan masyarakat berkenaan. Seterusnya menurut Jabrohim (2001:75) para pengkaji atau pembaca perlu menerima kenyataan bahawa seorang sasterawan hidup dalam masa dan tempat tertentu.

Novel tempatan merujuk kepada novel-novel yang dihasilkan oleh penulis tempatan di Malaysia. Inti pati cerita yang dilakarkan oleh penulis-penulis pilihan pengkaji adalah bersifat realistik dan benar-benar berlaku, iaitu segala peristiwa yang disaksikan, didengar dan dialami kemudian diadun dengan daya imaginasi masing-masing. Mereka menampilkan watak-watak golongan pemuda-pemudi yang tabah, cekal, kuat semangat dan berjiwa kental seiring dengan kehendak dunia moden menerusi novel-novel mereka. Oleh yang demikian, pengkaji tertarik untuk menjadikan novel-novel ini sebagai bahan kajian. Holman Hugh, (1960:72) berpendapat bahawa bahan rujukan terawal yang menjadi dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat adalah sastera. Dari sinilah pengkaji-pengkaji awal mengambil bukti yang memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, kita boleh merumuskan bahawa karya sastera novel dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting menggambarkan atau

mencerminkan kehidupan masyarakat. Karya sastra tidak pernah melepaskan diri dalam kehidupan manusia yang berkaitan dengan moral dari situasi sosial dan sejarah.

Novel dikategorikan sebagai genre sastra. Novel merupakan genre sastra moden yang popular sejak abad ke-20 (Josep Selvam, 1977:54). Mulai abad ini, bentuk sastra novel berkembang dengan pesat mewarnai dunia sastra. Novel merupakan cermin sesebuah masyarakat. Ia juga merupakan kehidupan masyarakat dengan menokoh unsur keindahan.

Abad ke-18 masihi, merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastra Tamil moden. Kesusasteraan puisi yang mempengaruhi pada zaman itu telah membuka ruang dan memberi wajah baru iaitu dalam proses pembentukan kesusasteraan prosa. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastra prosa. Dalam situasi ini kesusasteraan Tamil juga mula menukar wajah dari klasik ke moden (Akilan, 1981:96). Perkembangan bahasa Tamil bergantung pada orang Tamil. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pertuturan dan mengembangkan peradaban dan memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa. Penduduk India di Malaysia pada awalnya adalah ahli perniagaan, duta politik dan ahli falsafah. Mereka juga bukanlah penghuni tetap dan tidak berusaha mewujudkan masyarakat India di sini. Keadaan ini berterusan sehingga abad ke-19 (Akilan, 1981:97). Kaum India mula menetap di Tanah Melayu pada

penghujung abad ke-19 masihi. Penetapan kaum India menyebabkan timbul keperluan pendidikan Tamil yang sistematik yang seterusnya membantu mengembangkan kesusasteraan Tamil di Malaysia (Manisegaran, A. 1988:211). Ikutan daripada perkembangan sekolah-sekolah Tamil, bidang kesusasteraan pun mula berkembang. Golongan berilmu mula menceburkan diri dalam persatuan pembaca serta kumpulan pengkritik untuk memajukan bidang ini. Di samping itu, akhbar juga memainkan peranan penting sebagai agen am untuk mengembangkan kesusasteraan Tamil di Tanah Melayu. Pendek kata, akhbar Tamil merupakan ibu kepada kesusasteraan Tamil di Malaysia (Dhandayudham, 1977:208).

Akhbar Tamil banyak menyumbang ke arah perkembangan sastera di Malaya/Malaysia sejak tahun 1950-an ; antaranya *Tamil Nesan*, *Tamil Chelvan*, *Tamil Kodi*, *Malaysia Nanban*, *Inba Nilayam*, *Senthamil Selvi* dan *Tamil Murasu*. Akhbar *Tamil Nesan*, *Malaysia Nanban* dan *Makkal Osai* masih meneruskan usaha ini. Dari November 1950 hingga April 1951, akhbar *Tamil Nesan* mengadakan ruangan “Kelas Cerita” untuk memberi tunjuk ajar menulis cerpen kepada bakat-bakat muda. Pada tahun 1953, akhbar *Tamil Murasu* mengadakan ruangan khas bagi penyiaran karya penulis muda.

Jurnal sastera bahasa Tamil juga memuatkan cerpen dan novel bersiri; antaranya adalah jurnal *Solai* (1952), *Thirumugam* (1955), *Sangamani* (1955), *Madhavi* (1959) dan

Ponni (1965). Pada masa kini, akhbar mingguan *Vanampaadi* serta majalah seperti *Thendral* dan *Nayanam* masih memberi ruang bagi penyiaran cerpen dan puisi. Pertandingan menulis cerpen yang menawarkan hadiah turut giat dianjurkan oleh pihak akhbar.

Kebanyakan penulis awal sajak, cerpen dan novel Tamil melalui pendidikan Tamil di sekolah rendah ataupun pernah menjadi guru sekolah Tamil. Selain itu, wujud penulis daripada kalangan, pekerja yang bekerja di Jabatan Kerja Raya ataupun yang bekerja sebagai wartawan di akhbar-akhbar Tamil. Antara tema-tema sosial yang menjadi pilihan ialah percintaan, masalah dalam kalangan pekerja, kehidupan di ladang, penderitaan akibat perang dan sebagainya.

Pada Tahun 1958 ditubuhkan Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia bagi membantu para penulis bergiat secara aktif dalam menghasilkan karya bermutu. Pertandingan menulis novel yang pertama telah dianjurkan pada tahun 1969 bagi merencanakan usaha menulis novel. Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya pula menganjurkan pertandingan cerpen dalam mencungkil bakat-bakat baru.

Karya bahasa Tamil dihasilkan dalam bentuk puisi, lirik lagu, cerpen, esei, novel, drama radio dan drama pentas. Antara pengarang veteran sastera bahasa Tamil di Malaysia

ialah M.Ramayiah, R.Perumal, M.Ramakrishnan, M.Arivanandan, M.Anbuchelvan, MS.Gurusamy, Re.Shanmugam, Re.Kartigesu, MA.Ilanchelvan, Karaikilar, N.Mariappan, M.Durairaj, M.Sultan, Hassan Ghani, C.Sockalingam, S.Kamala, I.Ilavalagu, Paavai, Ko.Punniavan, Samy Murthy, Ku.Krishnan, V.Poobalan dan B.Chandrakantham.

3.9 Rumusan

Usaha mengkaji puisi, cerpen, novel dan drama bahasa Tamil dilakukan secara berterusan dan mendalam oleh Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Kajian tersebut dapat diperincikan seperti senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 70-an, senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 80-an, senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 90-an dan senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam tahun 2000-2010. Jumlah keseluruhan novel Tamil Malaysia (1970 – 2010) adalah 90 buah novel.

Jadual 3.1: Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 70an

BIL	NOVEL	PENGARANG	TAHUN
1	<i>Cemmaṇṇum Nīla Malarkalum</i> <i>செம்மண்ணும் நீலமலர்களும்</i>	M.Kumaran	1970
2	<i>Kākitappū</i> <i>காகிதப்பூ</i>	M.Gurusamy	1971
3	<i>Vālipak Kilavaṇ</i> <i>வாழிபக் கிழவன்</i>	R.Perumal	1970
4	<i>Mañcaḷ Kayiru</i> <i>மஞ்சள் கயிறு</i>	Karu.Velusamy	1970
5	<i>Malēciya Maṅkai</i> <i>மலேசிய மங்கை</i>	V.Joseph	1971
6	<i>Payaṇam</i> <i>பயணம்</i>	V.Chandrasegaran	1971
7	<i>Irayil Vaṇṭi Pōyviṭṭatu</i> <i>இரயில் வண்டி போய்விட்டது</i>	Karakilar	1971

8	<i>Alli Malar</i> அல்லி மலர்	N.Chandran	1971
9	<i>Iḷamtēvi</i> இளம்தேவி	P.Malaimaran	1971
10	<i>Vaṇṇattup Pūcci</i> வண்ணத்துப் பூச்சி	Karaikilar	1972
11	<i>Cumaitānki</i> சுமைதாங்கி	M.Gurusamy	1972
12	<i>Ōr Iravu</i> ஓர் இரவு	M.Gurusamy	1972
13	<i>Cantiṇat Tilakam</i> சந்தினத் திலகம்	T.Annamery	1972
14	<i>Uṛaveṇṇa Uṛavo</i> உறவென்ன உறவோ	M.Ramakrutinan	1973
15	<i>Etir Vīṭu</i>	M.Ramaiah	1976

	எதிர் வீடு		
16	<i>Aḷutāl Unṅai Peralāmē</i> அழுதால் உன்னை பெறலாமே	P.Chandragantham	1976
17	<i>Paḷamutir Cōḷai</i> பழமுதிர்ச்சோலை	N.Chengutuvan	1976
18	<i>Enṅatāṅ Muṭivu</i> என்னதான் முடிவு	Arun Appadurai	1976
19	<i>Imāvati</i> இமாவதி	S.Manivannan	1977
20	<i>Tuyarappātai</i> துயரப்பாதை	K.Perumal	1978
21	<i>Pacittirukkum iḷam kocukkaḷ</i> பசித்திருக்கும் இளம் கொசுக்கள்	M.A Ilanchelvan	1978
22	<i>Maravaḷḷikkilāṅku</i> மரவள்ளிக்கிழங்கு	Cha.A.Anbananthan	1979

23	<i>Avaḷ Oru Navaraca Nāṭakam</i> அவள் ஒரு நவரச நாடகம்	Komban	1979
24	<i>Oru Toṇṭaṇiṇṇi Payaṇam Toṭarkīratu</i> ஒரு தொண்டனின் பயணம் தொடர்கிறது	A.Kanthan	1979
		Jumlah	24

Jadual 3.2: Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 80an

BIL	NOVEL	PENGARANG	TAHUN
1	<i>Pāl Marakkāṭṭiṇilē</i> பால் மரக்காட்டினிலே	Akilan	1980
2	<i>Tūrattu Nilavu</i> தூரத்து நிலவு	Athi Kumanan	1980
3	<i>Nēram Vantuvīṭṭatu</i> நேரம் வந்து விட்டது	M.Durairaj	1980
4	<i>Terukkūttu</i>	Thuravi	1980

	<i>தெருக்கூத்து</i>		
5	<i>Mōkaṅkaḷ</i> <i>மோகங்கள்</i>	M.A. Ilanchelvan	1980
6	<i>Putiya Vāricu</i> <i>புதிய வாரிசு</i>	N.Mageswari	1980
7	<i>Vitaikaḷ Pālaivaṇattil Muḷaiṇṇattillai</i> <i>விதைகள் பாலைவனத்தில்</i> <i>முளைப்பதில்லை</i>	C.Muthusamy	1980
8	<i>Veliccaṅkaḷ Veliruvatillai</i> <i>வெளிச்சங்கள் வெளிறுவதில்லை</i>	L.Muthu	1980

9	<i>Uravukaḷ Puṇitamāṇavai</i> உறவுகள் புனிதமானவை	L.Muthu	1980
10	<i>Itayaṅkaḷ</i> இதயங்கள்	S.Velumathy	1980
11	<i>Paṭṭuppuḷukkaḷ</i> பட்டுப்புழுக்கள்	Akini	1980
12	<i>Cirai Tappiya Paravai</i> சிறை தப்பிய பறவை	Komban	1980
13	<i>Rāttirippū</i> ராத்திரிப்பூ	Rajakumaran	1981
14	<i>Caṅkamam</i> சங்கமம்	M.Arivananthan	1981

15	<i>Kāvīyattil Oru Kaṇṇīr</i> காவியத்தில் ஒரு கண்ணீர்	Anjalai Krishnan	1981
16	<i>Nīrāinta Veḷiyil Nila Vāṇam</i> நிறைந்த வெளியில் நில வானம்	V.Chandrasegaran	1981
17	<i>Vāṇattu Vēlikaḷ</i> வானத்து வேலிகள்	R.Kartigesu	1981
18	<i>Pātai Mārīya Payaṇaṅkaḷ</i> பாதை மாறிய பயணங்கள்	Arun Appadurai	1983
19	<i>Ilaṭciya Payaṇam</i> இலட்சிய பயணம்	I.Ilavalagu	1983

20	<i>Kōkilā Eṇ Kōkilā</i> கோகிலா என் கோகிலா	N.Chengutuvan	1984
21	<i>Calankai Kōlam</i> சலங்கை கோலம்	N.Chengutuvan	1984
22	<i>Mōka Rākam</i> மோக ராகம்	N.Chengutuvan	1984
23	<i>Vīṇai Tēṭum Nātam</i> வீணை தேடும் நாதம்	N.Chengutuvan	1985
24	<i>Āṭum Mañcaḷ ūñcal</i> ஆடும் மஞ்சள் ஊஞ்சல்	P.Chandragantham	1985
25	<i>Ti Malar</i> தீ மலர்	S.Kamala	1986

26	<i>Kōvil Muḷuvatum Kaṇṭē</i> <i>கோவில் முழுவதும் கண்டேண்</i>	C.Sockalingam	1986
27	<i>Antarattil Toṅkum Uṛavu</i> <i>அந்தரத்தில் தொங்கும் உறவு</i>	P.Palanivelan	1987
		Jumlah	27

Jadual 3.3: Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam dekad 90an

BIL	NOVEL	PENGARANG	TAHUN
1	<i>Vilaṅkukaḷ</i> <i>விலங்குகள்</i>	Anbuchelvan	1991
2	<i>Pēcum ūmaikaḷ</i> <i>பேசும் ஊமைகள்</i>	S.Sockalingam	1991
3	<i>Maṇa Vīṇai</i> <i>மண வீணை</i>	S.Sockalingam	1991
4	<i>Kaṇavukaḷiṅ Cuyamvaram</i> <i>கனவுகளின் சுயம்வரம்</i>	Aravinthan	1991
5	<i>Alakiṅ ārāṭṭai</i> <i>அழகின் ஆராதனை</i>	Ma.Ramayah	1992
6	<i>Putiyatōr Ulakam</i>	R.Rengasamy	1993

	<i>புதியதோர் உலகம்</i>		
7	<i>Tēṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ</i> <i>தேடியிருக்கும் தருணங்கள்</i>	R.Karthigesu	1993
8	<i>Cayām Maraṇa Irayil</i> <i>சயாம் மரண இரயில்</i>	R.Shamnugam	1993
9	<i>Cuvaṭukaḷ</i> <i>சுவடுகள்</i>	Ma.Ramayah	1994
10	<i>Caṅkamam</i> <i>சங்கமம்</i>	Ma.Ramayah	1995
11	<i>Nāṇum Oru Tamīḷ Peṇṇutāṇ</i> <i>நானும் ஒரு தமிழ் பெண்ணுதான்</i>	A.Saraswathi	1995
12	<i>Maṇita Pīraviyai Vēṇṭuvatē</i>	S.Sockalingam	1995

	<i>மனித பிறவியை வேண்டுவதே</i>		
13	<i>Suvar</i> <i>சுவர்</i>	S.Sockalingam	1997
14	<i>Nittilappū</i> <i>நித்திலப்பூ</i>	S.Sockalingam	1997
15	<i>Peṇ Kutirai</i> <i>பெண் குதிரை</i>	Syed Beer Mohammad	1997
16	<i>Antima Kālam</i> <i>அந்திம காலம்</i>	R.Karthigesu	1998
17	<i>Viṭiyalukkāka</i> <i>விடியலுக்காக</i>	Na. Aa.Senggudduvan	1998
18	<i>Vilaṅku</i> <i>விலங்கு</i>	Na. Aa.Senggudduvan	1998
18	<i>Neruppu Kōṭukaḷ</i>	Na.Aa.Senggudduvan	1998

	நெருப்பு கோடுகள்		
19	<i>Kōṭukaḷ Kōṇaṅkaḷāṇāḷ</i> கோடுகள் கோணங்களானால்	Pavai	1998
20	<i>Viḷalūm Nīrum</i> விழமும் நீரும்	Ma.Ramayah	1999
21	<i>Kāṭaliṇāḷ Alla</i> காதலினால் அல்ல	R.Karthigesu	1999
22	<i>Vāṇam Kāṇāta Vimāṇaṅkaḷ</i> வானம் காணாத விமானங்கள்	M.A.Ilanchelvan	1999
23	<i>Kaṇakāmyapuramum Kiḷiṅcalkaḷum</i> கனகாமயபுரமும் கிளிஞ்சல்களும்	M.A.Ilanchelvan	1999
		Jumlah	23

Jadual 3.4: Senarai novel Tamil Malaysia yang dihasilkan dalam tahun 2000-2010

BIL	NOVEL	PENGARANG	TAHUN
1	<i>Ūmai Kaṇavukaḷ</i> <i>ஊமை கனவுகள்</i>	Ma.Ramayah	2001
2	<i>Tīrppu Nāḷai</i> <i>தீர்ப்பு நாளை</i>	Ma.Ramayah	2001
3	<i>Maṇa ūṇaṅkaḷ</i> <i>மன ஊணங்கள்</i>	Ma.Ramayah	2001
4	<i>Kālkaḷē Nilluṅkaḷ</i> <i>கால்களே நிலுங்கள்</i>	N.A. Cengkudduvan	2005
5	<i>Cūtāṭṭam āṭum kālam</i> <i>சூதாட்டம் ஆடும் காலம்</i>	R. Karthigesu	2005
6	<i>Laṅkāṭ Natikkarai</i>	A.Rengasamy	2006

	லங்காட் நதிக்கரை		
7	<i>Oru Tivukkuḷḷē</i> ஒரு தீவுக்குள்ளே	Nirmala Perumal	2009
8	<i>Amuta Curapikaḷ</i> அமுத சுரபிகள்	P.Santhiraghantahm	2006
9	<i>Tāyāka Vēṇṭum</i> தாயாக வேண்டும்	S.P. Bama	2009
10	<i>Taraiyil Pūṭṭa Tāmarai</i> தரையில் பூத்த தாமரை	Ma.Ramayah	2009
11	<i>Nakarntu Koṇṭirukkum Vācalkaḷ</i> நகர்ந்து கொண்டிருக்கும்	K.Balamurugan	2009

	<i>வாசல்கள்</i>		
12	<i>Pirāptam</i> <i>பிராப்தம்</i>	M.Gejaletchumy	2009
13	<i>Payañankal Muṭivatillai</i> <i>பயணங்கள் முடிவதில்லை</i>	Ma.Ramayah	2009
14	<i>Neruppuṅ Cunaṅ</i> <i>நெருப்புச் சுணை</i>	Ma.Ramayah	2009
15	<i>Niḷ Tuyaḷ</i> <i>நீள் துயல்</i>	M.Kalyani	2009
		Jumlah	15

BAB EMPAT

PERWATAKAN GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI SURI TELADAN

4.1 PENGENALAN

Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara merupakan satu peribahasa yang agak sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu. Golongan pemuda merupakan kumpulan masyarakat yang mampu membawa perubahan besar dalam pelbagai bidang. Hal ini adalah kerana golongan pemuda-pemudi dikatakan mempunyai kualiti hidup dan gaya pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif yang mampu menjana arus perubahan secara mendadak. Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan golongan pemuda-pemudi ialah golongan emas kerana mempunyai nilai tinggi dalam memastikan kemajuan negara secara amnya.

Namun demikian secara realitinya, golongan pemuda-pemudi hari ini dikatakan lupa daratan dan sehingga tiada masa untuk mendalami ilmu agama, mengambil tahu akan bangsa dan negara yang telah menyediakan keselesaan hidup selama ini. Sikap mendewadewakan nilai barat, anti sosial, berkepentingan sendiri dan sebagainya hanya akan menghancurkan segala yang kita capai dalam sekelip mata (Abu Bakar Hamid, 1983).

Oleh yang demikian golongan pemuda-pemudi seharusnya bertindak sebagai *role model* bukan sahaja kepada generasi seangkatan dengannya, malah kepada generasi akan datang. Selain itu, kekuatan dari segi fizikal dan mental adalah dua elemen yang dapat membantu golongan pemuda-pemudi memikul cabaran untuk menjadi *role model* dalam sesebuah kumpulan masyarakat.

Golongan pemuda-pemudi adalah sumber manusia bagi sesebuah negara. Oleh yang demikian setiap gerak geri mereka perlu berlandaskan nilai murni supaya hala tuju negara dapat dicapai. Oleh yang demikian para golongan pemuda-pemudi perlu memberikan yang positif kepada pembangunan negara khususnya dalam pelaksanaan pembangunan yang diaspirasikan oleh kerajaan. Maka pembinaan insan dalam kalangan golongan pemuda-pemudi harus ditanam dengan kepekaan dengan isu semasa (Abu Bakar Hamid, 1983).

Transformasi Nasional 50 (TN50) merupakan satu lagi usaha kerajaan jangka panjang yang memberi tumpuan dalam aspek pembangunan negara. Dasar ini sebenarnya merupakan satu panduan kepada generasi muda bagi menentukan hala tuju mereka seiring dengan kemajuan yang berlaku di seluruh dunia. Oleh hal yang demikian, tanggungjawab merealisasikan hasrat kerajaan terletak pada golongan pemuda-pemudi.

Dalam hal ini, setiap peringkat masyarakat, iaitu daripada institusi kekeluargaan, masyarakat, badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, serta pihak swasta harus memperkukuh dan memastikan potensi modal insan golongan pemuda-pemudi sebagai pemacu pembangunan negara bagi mencapai TN50. Oleh yang demikian pihak yang bertanggungjawab khasnya kerajaan perlu merangka satu perancangan yang komprehensif, memperkenalkan pendekatan yang inovatif, memperkasakan pelaksanaan projek dan program serta memantapkan keupayaan pelaksanaan melalui penggemblengan potensi dan juga bakat golongan pemuda-pemudi.

Sememangnya golongan pemuda-pemudi yang seharusnya memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akidah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Transformasi Nasional 50. Golongan pemuda-pemudi yang wujud pada masa hadapan harus mempunyai pelbagai pengetahuan, kemahiran, mengamalkan nilai murni melalui gaya hidup berkualiti serta menampilkan semangat patriotisme dan kesukarelaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi sebagai penyumbang utama pembangunan sosial dan ekonomi negara. Oleh hal yang demikian, pembinaan golongan pemuda-pemudi yang berketerampilan dalam bidang kepimpinan, keusahawanan, kemahiran dan pengurusan organisasi dengan pemupukan nilai murni dan gaya hidup yang berkualiti bagi memperkukuh integrasi nasional dan

identiti bangsa Malaysia selaras dengan wawasan 2020 dan TN50 (Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, 2017).

Secara kesimpulannya golongan pemuda-pemudi perlu lengkap dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran, mengamalkan nilai-nilai murni melalui gaya hidup berkualiti, menampilkan semangat patriotisme dan kesukarelaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi serta menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara kerana mereka akan memimpin generasi muda pada masa kelak.

4.2 Golongan Pemuda India

Masyarakat India Malaysia merupakan salah satu kaum utama di negara ini yang membentuk sistem kemasyarakatan negara. Sejarah membuktikan bahawa kaum India Malaysia telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kekayaan budaya di negara ini. Kehadiran masyarakat India Malaysia turut dirasakan dalam pelbagai aspek kehidupan daripada landskap kepada masakan, pertuturan dan interaksi peribadi seharian.

Seiring dengan pembangunan sosioekonomi negara, kaum India Malaysia telah bergerak ke hadapan demi mencapai kemajuan. Dalam tempoh 44 tahun, iaitu bermula dari tahun 1970 hingga 2014, pendapatan bulanan purata isi rumah Malaysia telah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.8%, sementara pendapatan penengah bulanan

purata isi rumah bagi kaum India telah meningkat pada kadar 7.5% dalam tempoh yang sama.

Namun demikian, masyarakat India di Malaysia masih menghadapi isu yang serius. Pencapaian sosioekonomi secara keseluruhannya memperlihatkan perbezaan antara kumpulan etnik, yang mencerminkan kepelbagaian subkumpulan dan titik tolak permulaan sejarah mereka yang berbeza di negara ini. Perbezaan ini boleh mencetuskan rasa ketidakadilan dan perasaan terpinggir jika berterusan kepada beberapa generasi.

Walaupun majoriti masyarakat India Malaysia mempunyai persepsi yang positif terhadap mobiliti sosial, namun demikian tahap optimisme mereka jauh lebih rendah berbanding dengan kumpulan etnik yang lain: 64% daripada ibu bapa masyarakat India Malaysia yakin bahawa anak-anak mereka berada dalam keadaan yang lebih baik daripada diri mereka berbanding dengan 74% ibu bapa masyarakat Bumiputera dan 74% ibu bapa kaum Cina (Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, 2017).

Majoriti kaum India Malaysia yang bermastautin pada hari ini di Semenanjung Tanah Melayu adalah keturunan yang berhijrah ke sini pada akhir abad ke-19. Mereka dibawa oleh British ke Semenanjung Tanah Melayu untuk menanam getah dan teh di

ladang-ladang. Walaupun kisah kaum India pada era penjajahan lebih berfokus pada sektor perladangan sebagai kegiatan ekonomi utama, namun demikian kaum India juga turut terlibat dalam sektor pengangkutan. Banyak jalan raya dan landasan kereta api di Semenanjung Malaysia telah dibina oleh kaum India.

Selain itu, mereka juga merupakan pegawai kesihatan profesional kelas pertama yang menerima latihan di India dan di United Kingdom, menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan di hospital besar, hospital daerah dan klinik-klinik swasta di seluruh negara. Dalam sektor pentadbiran, kaum India yang berpendidikan Inggeris menyandang pelbagai jawatan kanan dalam sektor perkhidmatan awam di Tanah Melayu.

Menjelang abad ke-20, masyarakat India Malaysia boleh dikategorikan kepada dua kumpulan yang berbeza. Pertama, kelompok masyarakat yang tahap sosioekonominya jauh lebih rendah dan berada atau tinggal di ladang atau estet. Kedua, kelompok masyarakat yang tahap sosioekonominya berada antara pertengahan bawahan dengan tinggi yang tinggal di pusat bandar. Sebahagian besar daripada kelompok sosioekonomi yang berada di bahagian rendah ini terus berada dalam kemiskinan.

Semasa pentadbiran British, majoriti yang berada dalam kumpulan sosioekonomi yang lebih rendah ini berkhidmat sebagai buruh kontrak di ladang-ladang dan, mereka berpuas hati dengan keperluan asas yang disediakan seperti kemudahan perumahan dan utiliti yang percuma, sekolah rendah aliran Tamil dan sebuah kuil Hindu di mana aktiviti keagamaan, sosial dan politik diamalkan. Di samping itu, tempat tinggal mereka yang berada di ladang getah menyebabkan mereka tersisih secara semulajadi dari segi geografi dengan kumpulan etnik yang lain. Cara hidup yang terpinggir dengan fikiran yang tidak terbuka ini berterusan untuk beberapa generasi, meskipun British telah lama meninggalkan negara ini. Oleh sebab mereka tidak mahir dalam pekerjaan lain, para buruh di ladang getah ini tidak berupaya untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.

Pada tahun 1966, 67.8% daripada tenaga buruh India masih berkhidmat dalam sektor perladangan dan 2.6% dalam sektor perlombongan yang membentuk 70.4% daripada keseluruhan tenaga buruh India. Walau bagaimanapun, kedua-dua sektor ini mengalami perubahan dan penurunan yang drastik. Pembahagian dan penjualan ladang milik warga asing kepada unit-unit kecil telah menyebabkan ramai pekerja India kehilangan pekerjaan. Mereka yang kekal bekerja, menerima upah yang rendah dan keadaan bertambah buruk apabila mereka tidak mendapat kemudahan asas yang baik.

Di ladang getah yang lain, tanaman dipelbagaikan daripada getah kepada kelapa sawit, yang menyebabkan keperluan tenaga buruh yang lebih rendah dan ini bermakna lebih ramai pekerja kehilangan pekerjaan. Baki pekerjaan yang sedia ada diberikan kepada buruh Indonesia yang dibayar dengan upah yang rendah. Pertukaran ladang getah kepada ladang kelapa sawit menjadi lebih pesat pada tahun 1980-an dan 1990-an apabila industrialisasi dan kemajuan dalam pembangunan negara yang menyebabkan perubahan ladang-ladang kepada kawasan perindustrian dan bandar baharu (Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, 2017).

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, penghijrahan keluar masyarakat India secara besar-besaran daripada kawasan perladangan jelas tercermin dalam cabaran kini yang dihadapi oleh masyarakat India di serata negara. Penghijrahan secara besar-besaran pekerja India dari ladang-ladang getah dianggarkan dalam jumlah ratusan dan ribuan kes daripada usaha pembangunan. Justeru, ini telah meninggalkan kesan trauma, kerana mereka bukan sahaja kehilangan pekerjaan tetapi juga tempat tinggal, kemudahan asas, kemudahan sosiobudaya dan sokongan daripada masyarakat.

Kaum India Malaysia yang dipaksa keluar telah berhijrah ke pekan dan bandar utama. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat mencari pekerjaan yang sesuai sebab kurang mahir dan tidak mempunyai kelayakan. Masalah tersebut bertambah buruk dengan

kehidupan yang terpencil pada masa lalu, kejahilan, buta huruf dan kesukaran untuk mendapatkan kad pengenalan biru, kerana masih ramai lagi yang tidak memohon untuk kad pengenalan biru yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan. Akibatnya, ramai yang menjadi buruh kasar .

Kos sara hidup yang tinggi di bandar besar memaksa mereka untuk mendirikan rumah setingan di pinggir-pinggir bandar. Selepas beberapa tahun, mereka ditempatkan semula di rumah pangsa murah yang menyebabkan wujudnya kelas bawahan di bandar-bandar besar. Akibat daripada terpinggir, tidak berpendidikan, dan terabai, penduduk di kawasan ini terdedah kepada pelbagai masalah sosial seperti keluarga berpecah belah, keadaan perumahan yang buruk, pengangguran, keganasan, gejala gangsterism, hidup bergelandangan dan penyalahgunaan dadah. Oleh sebab kurangnya sokongan daripada masyarakat, golongan pemuda India Malaysia dari kawasan ini dilaporkan terlibat dalam kegiatan maksiat dan jenayah.

Sebenarnya, terdapat dua bentuk kemunduran dalam kalangan kaum India Malaysia. Pertama, sindrom kelas bawahan di bandar yang secara relatifnya disebabkan oleh penghijrahan dari kawasan ladang dan yang kedua, anggota masyarakat India yang menetap di luar bandar, dan masih terlibat dalam kerja-kerja perladangan atau aktiviti pertanian utama yang lain. Meskipun tiada penyelesaian yang segera dan mudah bagi

permasalahan yang dihadapi oleh kaum India Malaysia dalam kategori sosioekonomi yang lebih rendah, masanya telah tiba untuk mengkaji semula keadaan kumpulan ini serta cabaran yang dihadapi oleh mereka.

4.3 Perwatakan Golongan Pemuda-pemudi Suri Teladan dalam Novel Tamil

Malaysia

Perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan banyak ditonjolkan dalam novel-novel Tamil Malaysia. Majoriti penulis mencipta watak suri teladan untuk menganggotai golongan pemuda-pemudi dalam masyarakat India. Melalui penciptaan watak-watak suri teladan ianya dapat membolehkan golongan pembaca merealisasikan watak suri teladan dan seterusnya membawa perubahan tingkah laku dalam diri agar membantu meningkatkan masyarakat India.

Banyak perwatakan watak suri teladan telah ditonjolkan dalam novel-novel Tamil Malaysia. Antaranya watak seperti kepimpinan dalam keluarga dan masyarakat. Selain daripada itu watak yang membawa kecemerlangan dalam pendidikan dan perniagaan juga dibincangkan. Sikap tanggungjawab, sikap menonjolkan kelakuan baik, sikap bertaubat, sikap pemikiran tinggi dan rasional dan sikap ketabahan turut diketengahkan. Golongan

pemuda-pemudi suri teladan yang berdikari dalam ekonomi dan ingin maju dalam kehidupan turut dihuraikan dalam novel-novel Tamil Malaysia.

4.3.1 Kecemerlangan dalam pendidikan

Seseorang kanak-kanak mendapatkan pendidikan secara tidak formal di rumah. Mereka dididik tentang budaya, cara perlakuan seperti makan, bercakap dengan orang tua, melaksanakan tanggungjawab dan membuat kerja rumah dan sebagainya. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan insan yang penting dalam proses pembentukan personaliti kerana anak-anak belajar meniru segala perlakuan secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, peranan datuk, nenek, kehadiran adik beradik dalam satu institusi keluarga juga mencorakkan gaya personaliti seseorang.

“Hari ini merupakan hari permulaan Sooriya. Suatu hari ini kamu akan memperolehi ijazah ekonomi M.A dan lepas itu kamu akan jadi doktor. Bila balik nanti saya akan memperkenalkan kamu kepada kawan-kawan saya. Dr.Sooryamoorthi, saya akan bangga nanti” merupakan kata-kata ayah Sooriya kepada anaknya sebelum menghantar Sooriya ke London (Karthigesu, R. 1993, hlm. 3).

Dalam masa yang sama Sooriya ada semangat jati diri yang kuat untuk berjaya dalam pelajarannya. Beliau bertungkus lumus belajar sehingga penyelia Sooriya menaruh harapan besar terhadap beliau. Ini dapat dibuktikan apabila,

“Penyelia Sooriya di Universiti London iaitu Prof. John. Homilt mengesyorkan Sooriya agar melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD setelah menilai hasil kerja Sooriya” (Karthigesu, R. 1993, hlm. 12)

Sooriya juga mendapat pujian daripada penyelia dan ingin menyambung pelajaran sehingga ke peringkat PhD. Kesungguhan dan semangat bermotivasi tinggi untuk belajar harus ada pada setiap golongan pemuda-pemudi agar maju dalam hidup dan mengharumkan nama baik keluarga, bangsa dan negara.

4.3.2 Kecemerlangan dalam ekonomi/perniagaan

Novel yang bertajuk *Ilaṭciya Payaṇam* karya I. Ilavalagu (1983) mengisahkan suri teladan atau ‘role model’ yang terserlah pada golongan pemuda seperti Maruthan. Pengarang melalui watak Maruthan dapat mengetengahkan ciri positif yang harus ada pada seorang pemuda yang berpandangan jauh dan berwawasan. Maruthan merupakan seorang harapan bangsa yang berjaya mengharungi rintangan dan cabaran hidup ketika menjalani kehidupan di ladang getah. Beliau selalu ditindas oleh majikannya. Pihak majikan sedia maklum bahawa Maruthan merupakan setiausaha Kesatuan Pekerja Ladang Getah. Maruthan kerap berjumpa dengan tuan majikan untuk membincang isu kebajikan pekerja ladang dan perkara ini tidak disenangi oleh tuan majikan. Akibatnya beliau selalu ditindas oleh majikan.

Maruthan bertekad untuk membawa perubahan kepada masyarakat setempat. Oleh itu, cara yang terbaik ialah dengan meninggalkan kehidupan ladang dan mencuba nasib di pinggir bandar. Beliau membuka kedai buku di kaki lima pada awalnya dan kemudian membuka restoran di pinggir bandar. Lama-kelamaan perniagaannya bertambah baik dan giat maju. Namun Maruthan masih mengenangkan kehidupan di ladang dan bertekad untuk menolong masyarakat di ladang. Hasil usaha pendapatan yang diperoleh melalui perniagaannya, Maruthan berjaya dapat membeli sebuah ladang dan menamakan ladang tersebut sebagai 'Ladang Pekerja'.

Banyak perubahan dibuat antaranya ialah memberi layanan yang adil untuk semua pekerja dan membuka perpustakaan ladang untuk melahirkan generasi yang berpelajaran. Akhirnya ladang kepunyaan Maruthan menjadi contoh kepada ladang lain dan memberi pengajaran kepada pengusaha ladang yang tidak menjaga kebajikan pekerja. Hal ini seterusnya membuka ruang kepada golongan pemuda-pemudi yang berpelajaran dan memegang jawatan besar untuk bertindak dari sekarang demi mengharumkan nama baik keluarga masing-masing.

Watak Maruthan merupakan watak 'role model' yang perlu dikagumi dan dicontohi oleh golongan generasi sekarang. Mengikut Teori Sigmund Freud, golongan pemuda-pemudi perlu memberikan jawapan yang menyeluruh dan berkeyakinan apabila menanya

diri sendiri, “*Siapakah saya?*”. Yakni Maruthan dapat mengenali diri sendiri. Hal ini penting kerana jika remaja tersebut gagal memberi jawapan yang betul, maka kekeliruan tentang peranan dan personaliti dirinya sendiri akan timbul. Oleh itu, kekuatan *ego* yang dilahirkan sewaktu golongan pemuda-pemudi melalui peringkat ini ialah kesetiaan. Kesetiaan ini merangkumi kesanggupan golongan pemuda-pemudi untuk mempertahankan pandangan ideologi mereka walaupun berdepan dengan cabaran daripada orang lain ataupun ia bercanggah dengan sistem nilai individu tersebut. Sesungguhnya, golongan pemuda seperti watak Maruthan dapat menilai kehidupan sebenar dan berjuang untuk memartabatkan anak bangsanya.

4.3.3 Kepimpinan dalam masyarakat

Novel *Cemmannum Nīla Malarum* (1970) karya M.Kumaran merupakan sebuah novel yang menggerakkan minda golongan pemuda-pemudi Tamil Malaysia untuk mengubah nasib mereka. Watak Kanniyappan dalam novel ini dilihat sebagai suri teladan atau “role model” dan ingin mengubah minda dan pemikiran golongan pemuda-pemudi Tamil Malaysia. Kanniyappan merupakan seorang guru sementara di ladang Tanah Merah. Rutin harian beliau ialah menoreh getah di ladang tersebut. Keputusan Tuan tanah menjual tanah kepada pengusaha asing menyebabkan ramai penoreh getah kehilangan tempat tinggal dan mula meninggalkan ladang. Masyarakat India mula pindah dari ladang ke pinggir bandar. Notis pemecatan mula dilakukan di ladang yang berdekatan.

Kanniyappan dan kawan-kawannya berkempen menemui penduduk ladang agar bersatu padu dan mengumpul dana untuk membeli ladang daripada tuan tanah. Beliau menyeru kepada penduduk ladang supaya bersatu mengumpulkan duit. Jika tidak mereka akan kehilangan tempat tinggal dan sudah tentu akan diusir dari ladang ini. Kanniyappan pernah bersuara dan meminta golongan pemuda-pemudi menyokong usaha murni beliau dan rakannya.

Kanniyappan mewarisi ketiga-tiga personaliti yang digariskan oleh Sigmund Freud, iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Tindakan Kanniyappan yang menggesa golongan pemuda-pemudi untuk bersatu membeli ladang dan memperjuangkan hak ketuanan terhadap tanahnya jelas menunjukkan bahawa watak Kanniyappan berjiwa rakyat yang ingin membantu golongan miskin yang tidak dijamin tempat tinggal. Dorongan semulajadi yang terbentuk daripada pengalaman ataupun realiti yang merupakan satu bentuk norma masyarakat.

“ Jangan berfikir begitu. Jika kita bersatu, kita dapat banyak kejayaan. Melalui Koperasi penduduk ini, ramai ahli dalam keadaan baik. Jika kita mahu rumah sendiri, tempat sendiri, pekerjaan sendiri, kita mesti membeli ladang ini. Orang putih menjajah kita dan membolot kekayaan. Apabila pemecahan ladang berlaku kita tidak diberitahu dan kita akan merana. Akhirnya kita berada di jalanan. Untuk mengelak perkara ini, kita mesti bersatu”
(Kumaran, M. 1970, hlm. 63)

Kanniyappan berjumpa dengan golongan pemuda-pemudi apabila golongan veteran tidak mempedulikan kata-kata beliau. Kanniyappan berceramah kepada golongan pemuda dan menekankan konsep bersatu membeli ladang kepunyaan sendiri.

“Kita tidak bergerak keseorangan. Duit sebanyak RM 50,000 telah berjaya dikumpulkan. Lagi lima puluh ribu, maka kita dapat membeli tanah melalui Koperasi Ladang. Kalau tidak kita akan berada di jalanan” (Kumaran,M. 1970,hlm. 65)

Suri teladan yang dibawa oleh watak utama seperti Kanniyappan hendaklah dijadikan pedoman oleh generasi sekarang.

“Orang putih memecah ladang. Orang Cina membeli tanah. Orang yang kerja di ladang tak mampu belikah? Kenapa tidak boleh, sebab tiada duit” (Kumaran,M. 1971,hlm. 66).“ Jangan bercakap untuk saya, tetapi berfikir untuk kita bersama” (Kumaran,M. 1971,hlm.67)

Dialog di atas merupakan ungkapan yang memberi nafas dan ilham baru kepada golongan pemuda-pemudi untuk berfikir tentang masa depan mereka.

Dalam novel *Cuvatuḱaḱ* hasil karya Ma.Ramaiyah, menonjolkan watak Kannan sebagai seorang yang bercita-cita tinggi untuk kejayaan masyarakat. Kannan mencintai Veta yang mempunyai niat bersama membantu kejayaan masyarakat. Dalam masa yang sama Velu ada hati terhadap Veta dan ingin mengahwini Veta. Velu sengaja hendak memisahkan hubungan baik Kannan dan Veta. Beliau melemparkan tohmahan terhadap

Kannan dan memberi gambaran kepada masyarakat setempat bahawa Kannan tidak jujur dalam menjaga kebajikan masyarakat dan mencari publisiti murahan.

Pemaparan Kannan dalam novel ini mendasari konsep seorang suri teladan atau ‘role model’ kepada masyarakat India. Beliau merupakan seorang yang berprinsip tinggi. Beliau berpendapat golongan pemuda-pemudi tidak seharusnya mensia-siakan masa mereka. Beliau mahu golongan pemuda lelaki dan perempuan mempunyai cita-cita tinggi terhadap kemajuan diri dan seterusnya membantu meningkatkan generasi muda nanti. Demi kemajuan bangsa,

Kannan menubuhkan angkatan pemuda lelaki dan perempuan. Untuk kaum pemuda Kannan menjadi ketua dan kaum pemudi pula ialah Veta (Ramaiyah, M. 1994, hlm.22).

Kannan juga berpandangan jauh dan berwawasan tinggi. Kannan berucap dengan penuh semangat di hadapan golongan pemuda lelaki dan perempuan semasa mengumpul dana untuk membeli tanah. Sememangnya Kannan mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang disegani dan dicontohi oleh generasi muda. Beliau tidak mahu insiden yang tidak diinginkan apabila berlaku pemecahan ladang dan penjualan ladang, masyarakat India terpinggir. Beliau tidak mahu masyarakat menjadi masyarakat jalanan yang diusir oleh penjajah baharu. Setiap orang mesti membeli sebuah rumah demi kesejahteraan keluarga (Ramaiyah, M. 1994, hlm.45).

“5 ekar tanah boleh dibahagi tiga puluh lot tanah. Biarlah kita membahagi tanah ini dan memberi kepada kaum kita. Kita berjaya apabila kita ada hak ketuanan di atas tanah kita sendiri. Orang yang berada di menara gading pun susah hendak bertanding dengan idea dan pendapat bernas,” kata Kannan. Murugan amat bangga terhadap Kannan yang berfikiran positif (Ramaiyah, M. 1994, hlm. 46).

Pengarang menekankan watak Kannan sebagai pencetus minda dan pemikiran golongan pemuda lelaki dan perempuan di ladang tersebut. Kannan juga menubuhkan sebuah perpustakaan untuk membolehkan golongan pemuda-pemudi mengetahui dunia semasa. Beliau mahu golongan pemuda-pemudi yang berwawasan untuk mengubah nasib penduduk ladang dan maju dalam kehidupan mereka. Watak Kannan perlu diselami dalam hati golongan pemuda-pemudi.

Dalam hal ini, Kannan yang berada dalam peringkat umur golongan muda belajar bersosial secara persendirian walaupun dikawal oleh keluarga. Bagi tujuan itu, alam persekolahan menyediakan peluang untuk tidak lagi terikat dengan kongkongan ibu bapa. Perubahan drastik ini memberi peluang kepada golongan pemuda seperti Kannan untuk bergaul dengan dunia luar tanpa batasan. Dalam hal ini, golongan pemuda dengan senangnya akan mengadaplikasikan dengan persekitaran baru.

Menurut Hoffman (1996), personaliti seseorang dipengaruhi oleh keluarga. Pengaruh keluarga ini dapat dilihat dari segi emosi, rohani, dan pemikiran seseorang yang dipupuk sejak kecil lagi sehingga dewasa. Namun demikian konflik yang berlaku antara ahli keluarga menyebabkan golongan pemuda mula mengasingkan diri dengan ahli keluarga dan mula dipengaruhi oleh rakan sebaya seperti mana yang berlaku pada Kannan.

Sebuah lagi novel yang mencontohi teori Sigmund Freud ialah novel *Pāl Marakkāṭṭinilē* (1980). Watak Balan merupakan watak utama dalam novel ini. Sepertimana yang dihuraikan oleh Sigmund apabila seseorang itu menilai diri siapa dia sebenarnya maka seseorang akan menyahut cabaran yang bakal diterimanya. Balan sanggup meninggalkan ladang Victory demi kemajuan penduduk ladang dan kejayaan bangsanya.

Dalam novel *Pāl Marakkāṭṭinilē* pengarang Agilan mencipta watak Balan sebagai suri teladan golongan pemuda. Di ladang Victory, Balan bekerja sebagai seorang guru. Tuan majikan membuat keputusan untuk menjual ladang Victory kepada usahawan Cina. Lantaran itu, penduduk setempat tidak ada tempat tinggal. Apabila pemecahan ladang berlaku, ini akan mengakibatkan ramai yang menganggur. Balan dan kawan baiknya Ganesan bersusah payah menggembeleng tenaga dan memujuk golongan pemuda agar bersatu untuk menentang penjualan ladang ke pihak lain. Mereka juga dalam usaha

menubuhkan koperasi ladang agar dapat membeli ladang mereka kelak. Kesemua usaha mereka tidak berjaya akibat hasad dengki Tuan kerani yang tidak suka pergerakan golongan pemuda ini. Oleh hal yang demikian banyak tohmahan dilemparkan kepada Balan, Sellam dan Muthu. Akhirnya Balan dipecat jawatan dan permintaan pekerja untuk memulakan kelas tadika, menyediakan kemudahan asas seperti elektrik dan klinik kesihatan tidak ditunaikan oleh majikan Ladang Victory.

Dalam novel ini, Balan mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin dan seorang yang berjiwa masyarakat. Dia bersama kawan Ganesan dan rakan-rakannya menubuhkan koperasi agar dapat membeli tanah daripada majikan. Mereka bersatu padu mengumpulkan tenaga golongan pemuda dalam menubuhkan koperasi ini. Balan,

“ kita berbangga mengatakan ini adalah tanah kita. Tapi segenggam tanah pun bukan kepunyaan kita. Kita tak selamat. Fikirkan kepentingan penubuhan koperasi ini. Kita saling bantu-membantu dan hidup di ladang kepunyaan kita. Untuk itulah koperasi” (Agilan,1980,hlm.48)

“Jika kita jimat dalam koperasi ini dan kerajaan sedia bantu memberi pinjaman maka kita boleh beli ladang ini melalui koperasi” (Agilan, 1980,hlm.26)

Dialog-dialog tersebut membuktikan bahawa Balan mempunyai semangat yang tinggi untuk membeli ladang Victory dan Tuan tanah mesti daripada kalangan penduduk ladang tersebut. Kesemua ini hanya termakbul jika mereka bersatu padu dan berjimat

menyimpan duit simpanan dalam koperasi. Kawan baik Balan iaitu Ganesan juga berfikiran jauh dan berwawasan dalam hidup. Beliau berpandangan jauh dan ingin membantu masyarakat.

“Saya akan buat perniagaan secara kecil-kecilan. Perniagaan saya mesti ada kaitan dengan ladang. Setelah habis kerja, saya hendak buat sesuatu untuk masyarakat saya” (Agilan,1980,hlm.103)

Balan berpendapat bahawa tugas beliau untuk membuka minda remaja di ladang Victory.

“Budak-budak belasan dipaksa oleh ibu bapa mereka untuk bekerja di ladang. Ada yang tidak habis tahun enam. Tiada berpelajaran dan hidup seperti katak di bawah tempurung” (Agilan,1980,hlm.24)

Dengan demikian melalui watak Balan, pengarang ingin menyeru golongan pemuda agar bersatu padu dan berjaya dalam kehidupan. Personaliti Balan hendaklah dijadikan pedoman hidup dan membantu anak-anak muda maju dalam kehidupan. Golongan pemuda-pemudi seharusnya memberi kesedaran kepada anak-anak belasan tahun belajar sehingga menara gading dan apabila habis belajar nanti adalah kewajipan mereka untuk membantu generasi muda.

4.3.4 Kepimpinan dalam keluarga

Setiap insan mempunyai tanggungjawab yang kuat dalam menguruskan keluarga dengan sempurna bagi menjamin kesejahteraan keluarga. Dalam novel *Vilālum Nīrum*

karya M.Ramaiyah (1992) mengatakan bahawa walaupun watak Thangavello merupakan anak kedua dalam keluarga mereka namun beliau menanggung semua beban keluarga dan menyara keluarga dengan baik. Seandainya seseorang mempunyai sifat kepimpinan dan tanggungjawab maka dia boleh menyara keluarga dengan sempurna. Dalam novel ini watak yang bernama Thangavello mempunyai sifat kepimpinan dan bertanggungjawab dalam menyara keluarga dengan sempurna.

Dialog dalam novel ini berkisar seperti berikut,

“Seandainya awak bekerja siang dan malam tidak semestinya awak dapat menyara keluarga dengan baik. Selain daripada itu, awak juga telah memberikan sebanyak RM 1000 dalam menanggung semua perbelanjaan keluarga ini. Jika awak tidak membantu dalam situasi sekarang sudah semestinya keluarga kita telah merana di tepi jalan sekarang,”kata Seetha kepada Thangaveelo (Ramaiyah, M.1992, hlm.92).

Selain itu, walaupun Thangavello tidak bersama keluarga namun dia masih menghantar duit perbelanjaan kepada adiknya untuk mengurangkan beban keluarga. Ini menunjukkan sifat sayang dan rasa tanggungjawab terhadap keluarganya amat mendalam.

Thangavello berkata “dalam ini ada duit RM 700 dan membahagikan duit ini kepada ibu” lalu dia menghulurkan sampul surat kepada adik yang bernama Seetha (Ramaiyah, M.1992, hlm.92).

Setiap ibu bapa mempunyai tanggungjawab terhadap masa depan anak-anak mereka. Mereka bukan sahaja melahirkan mereka malah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik dan membesarkan mereka. Dalam novel *Vilāḷum Nīrum* ini, watak yang bernama Rathinasababathi dan Yasotha memikirkan tentang masa depan anak-anak mereka secara mendalam. Oleh itu, mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam menjayakan kehidupan anak mereka dalam keadaan yang baik.

“Mereka berdua menjadikan diri mereka sebagai lilin dalam membesarkan anak-anak mereka dengan sempurna dan memastikan anak-anak mereka berjaya dalam hidup mereka.” (Ramaiyah, M. 1992, hlm. 161)

Semua ibu bapa mengharapkan bahawa anak-anak mereka berjaya dalam hidup mereka dan mempunyai prestasi tinggi dalam masyarakat. Seperti itulah, watak yang terdapat dalam novel ini iaitu Rathinasababathi dan Yasotha berhasrat untuk menjayakan anak-anak agar berjaya dalam hidup mereka.

Tugas menyediakan peluang pendidikan seharusnya menjadi agenda utama setiap ibu bapa. Hal ini adalah kerana seseorang itu dapat berjaya dalam hidup jika mempunyai pendidikan sempurna. Pendidikan sempurna yang dimaksudkan ialah pendidikan duniawi dan pendidikan keagamaan yang dapat memastikan perkembangan individu yang seimbang.

4.3.5 Sikap menonjolkan kelakuan baik (kepercayaan)

Dalam novel *Cañkamam* (1995) karya Ma.Ramaiyah, watak Gunalan dicirikan sebagai seorang yang berjaya dalam kehidupan. Gunalan berlatarbelakangkan dari sebuah ladang. Dia hanya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dan terpaksa berhenti alam persekolahan pada Tingkatan Lima. Memandangkan faktor kemiskinan dan emaknya, Mangalam merupakan seorang ibu tunggal maka Gunalan ingin membantu ibu dalam menyara keluarganya. Gunalan amat kecewa apabila dia tidak dapat bekerja lalu bertekad ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Banyak tempat telah dicuba nasib tetapi tidak berjaya. Akhirnya dia diterima sebagai pencatat kira-kira di sebuah kilang. Pada suatu hari kerani kilang tersebut mengambil cuti dan kebetulan hari yang sama pengurus kilang terpaksa membalas surat kepada pihak lain dengan kadar segera. Beliau khatir kerana tiada seorang pekerja yang pandai dalam Bahasa Melayu selain daripada kerani tersebut. Pada masa itulah, Gunalan membantu pengurus untuk membalas surat dengan bertaip. Pengurus memuji nilai kerja Gunalan dan memberi ganjaran untuknya. Gunalan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia secara sambilan dan seterusnya mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan jayanya. Pada akhirnya Gunalan mengambil jawatan pengurus utama di kilang tersebut.

Kejayaan Gunalan yang berjaya dalam hidup hendaklah dijadikan teladan dan pedoman hidup. Generasi pemuda seharusnya mencontohi kejayaan Gunalan.

“ golongan pemuda macam saya di ladang getah masih tidak tahu erti kejayaan hidup. Sekurang-kurangnya 10 orang golongan pemuda patut saya bantu supaya mereka berjaya dalam kehidupan” (Ramaiyah,M.1995, hlm.205)

Gunalan merasakan bahawa golongan pemuda-pemudi di ladang perlu dibantu oleh golongan terpelajar. Mereka sepatutnya menjadi suri teladan kepada generasi baru. Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Gunalan mempunyai jati diri untuk membantu golongan pemuda-pemudi di ladang.

“ Jika kamu hendak mencuba nasib di bandar, biarlah ada prinsip hidup. Jika tiada pegangan hidup, kamu akan terpengaruh dengan budaya dan persekitaran di bandar, akhirnya kamu akan terpesong daripada halatuju sebenar hidup anda” (Ramaiyah,M.1995,hlm.222)

Gunalan juga berpendapat bahawa golongan pemuda-pemudi yang ingin mencuba nasib di bandar perlu berhati-hati apabila berdepan dengan anasir yang boleh membawa keburukan kepada golongan pemuda-pemudi. Sememangnya golongan pemuda-pemudi ini perlu dipimpin dan dididik agar tidak terpesong daripada impiannya untuk maju dalam kehidupan.

“Walaupun Gunalan berpangkat besar tetapi dia tidak mengharapkan orang lain untuk membuat rutin hariannya. Lebih-lebih lagi apabila surat penting perlu dibalas dengan segera Gunalan terus menaik sendiri. Pemimpin seperti inilah yang dapat mengubah nasib warisan generasi dan menjadi pemimpin contoh kepada generasi masa depan” (Ramaiyah,M.1995,hlm.235)

Petikan tersebut menggambarkan bahawa penulis sengaja mencipta watak Gunalan untuk menaikkan semangat kaum muda.

Dalam petikan tersebut Gunalan mempunyai ciri kepimpinan yang baik. Beliau tidak mengharapkan orang lain untuk menyiapkan kerja beliau. Golongan pemuda-pemudi seharusnya beriltizam tinggi, proaktif dan berdaya saing tinggi. Walaupun pelbagai tohmahan dilemparkan terhadap Gunalan oleh kakitangan kilang yang cemburu akan kejayaan Gunalan tetapi akhirnya tidak berhasil. Cekal hati Gunalan menyebabkan dia tenang dan menumpukan perhatian terhadap kerjanya. Ini menggagalkan cubaan orang untuk menjatuhkan air muka dan menurunkan pangkat. Pengarang membawa mesej bahawa nilai kerja yang baik, jujur dalam kerja dan etika kerja yang baik dan diamanahkan pasti akan membawa berkat dan meninggikan nama baik seseorang.

Dalam novel ini, apabila watak Gunalan melalui zaman remaja beliau terdedah kepada pelbagai aktiviti sosial. Proses sosialisasi yang dialami oleh Gunalan disediakan oleh institusi kekeluargaan sepertimana dihuraikan oleh Sigmund Freud. Dengan demikian watak Gunalan dalam novel *Sangamam*, merupakan watak yang memimpin golongan

pemuda-pemudi untuk maju dalam hidup dan bekerja keras untuk kesejahteraan hidup. Suri teladan seperti Gunalan harus dicontohi oleh golongan pemuda-pemudi zaman sekarang.

Karya R.Kartigesu yang bertajuk *Vāṇattu Vēlikaḷ* (1981) mengisahkan Kundan yang nama asalnya ialah Kandasamy merupakan golongan pemuda-pemudi yang bercita-cita untuk maju dalam hidupnya. Kundan merupakan anak sulung Karuppanan dan Velammal. Mereka sebenarnya dibawa masuk ke Tanah melalui sistem Kangani. Kundan mempunyai seorang adik perempuan. Mereka bermastautin di Ladang Sungai Manggis. Mereka mengalami banyak penderitaan dan dugaan hidup di bawah tuan kerani Abraham. Kerani Abraham telah memperkosa gadis idaman Kundan, iaitu Indra. Kundan menikam kerani Abraham dan lari dari rumah.

Akhirnya Kundan bekerja di bawah tuan Visvalingam dan mencintai anak perempuannya, Kamalam. Walaupun Kundan bekerja sebagai kuli (pekerja bawahan) di bawah tuan Visva tetapi dia berhajat untuk meneruskan pelajarannya. Kundan meminta tuan Visva untuk menyekolahkan dia di sekolah Inggeris dan membolehkan dia belajar bahasa Inggeris. Kawan baik Tuan Visva, iaitu Tunku Abdul Rahman bersetuju menolong Kundan belajar di London. Kamalam telah pun hamil sebelum perkahwinan hasil hubungan dengan Kundan. Tuan Visva mengahwinkan Kundan dengan anaknya dan

mewariskan harta kepadanya. Kamalam tidak mesra dan tidak suka kepada Kundan yang berpura-pura menyukai dan mengahwininya supaya dapat membolot kekayaan bapa. Kundan semakin maju dalam hidup dan menjadi kaya raya. Anak lelaki Kundan, iaitu Ananthan juga melanjutkan pelajaran di luar negara. Malangnya Ananthan menghadapi penyakit barah paru-paru. Akibat selalu berfikir tentang ketidakserian hidup antara bapa dan emak dan penyakit yang dihidapinya menyebabkan Ananthan meninggal dunia. Pemergian Ananthan menginsafkan ibu bapa mereka dan mereka mula hidup bersatu selepas kematian Ananthan.

Novel *Cuvatuka!* karya Ma.Ramaiyah (1994) pula memperlihatkan watak Kannan menyimpan duit yang cukup sebelum melangsungkan perkahwinan. Golongan pemuda generasi sekarang harus mencontohi Kannan iaitu merancang sebelum melakukan sesuatu perkara demi kehidupan yang sempurna. Dialog dalam novel *Suvadugal* karya M.Ramaiyah berkisar seperti berikut,

“Sabar, Vetha! Saya nak menyimpan wang untuk perkahwinan. Awak suka saya ke jika saya menjadi penghutang dalam kehidupan saya seperti orang lain? Komuniti kita selalu membuat kesalahan besar ini. Saya tidak mahu melakukan kesalahan besar seperti ini?”(Ramaiyah,M.1994, hlm. 41)

Kannan merupakan seorang yang mempunyai hala tuju yang tinggi. Selain itu, dia juga membantu golongan pemuda-pemudi untuk mencapai kejayaan dalam hidup mereka.

Dialog dalam novel *Suvadugal* ini berkisar seperti berikut,

'Dia merupakan seorang yang ingin melahirkan inspirasi dan dorongan kepada komuniti baru amnya golongan pemuda. Dia juga bercita-cita dan ingin bertindak begitu' (Ramaiyah, M. 1994, hlm. 22)

Golongan wanita juga harus berani seperti golongan lelaki. Golongan pemuda tidak harus berputus asa dengan mudah apabila menghadapi rintangan dalam hidup. Perkara ini boleh dilihat melalui watak Veni dalam novel *Cuvaṭukaḷ* karya Ma.Ramaiyah sentiasa senyum walaupun menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan.

'Awak senyum selalu' ditanya oleh Kannan. 'Senyum adalah salah satu perkara yang membuat saya meneruskan kehidupan saya' kata Veni kepadanya. (Ramaiyah, M. 1994, hlm.79)

Setiap individu hendaklah menghargai persahabatan dan harus memberi sokongan kepada sahabat-sahabat mereka. Kita juga harus berusaha untuk memenuhi keinginan sahabat kita. Selain itu, kita juga harus berusaha untuk memberi sokongan kepada sahabat semasa mereka berada dalam kesusahan. Dalam novel *Cuvaṭukaḷ* karya M.Ramaiyah, Veni membantu Vetha untuk mencapai hasrat mengkahwini Kannan. Selain itu, Veni juga

sentiasa memberi sokongan kepada Vetha semasa Vetha menghadapi masalah. Situasinya adalah seperti berikut,

'Vetha! Saya tidak mempunyai peluang untuk berkahwin dengan dia. Tetapi awak mempunyai peluang tersebut. Saya berharap awak akan berkahwin dengan Kannan dan akan hidup bahagia. Oleh itu saya akan melakukan apa juga untuk menyatukan awak dan Kannan' (Ramaiyah, M. 1994, hlm. 130)

Golongan pemuda seperti Kannan dan Veni hendaklah dijadikan suri teladan oleh generasi sekarang. Generasi pemuda-pemudi haruslah bertolak ansur dan bersikap sederhana dalam menghadapi sebarang situasi.

4.3.6 Kejayaan diri sendiri

Dalam Karya *Vāṇattu Vēlikaḷ* (1981), Kundan dipaparkan sebagai seorang *role model* masyarakat India. Kundan memang berhajat untuk melanjutkan pelajaran di bidang undang-undang. Demi merealisasikan hasrat dan impian beliau, Kundan berani dan sanggup buat apa sahaja. Dia mengambil kesempatan terhadap Kamalam dan bersetuju mengahwini Kamalam dengan syarat dia dapat pembiayaan melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading.

Semasa Kundan hendak mempelajari bahasa Inggeris, tuan guru besar pernah beritahu kepada Kundan bahawa,

“ Tahukah anda apa maksud Fortis Atique Fidelis. Dalam bahasa Latin ia bermaksud berani dan yakin diri. Jika kamu mempunyai kedua-dua itu maka kamu akan berjaya” (Karthigesu,R.1981,hlm.51)

Dialog di atas jelas menunjukkan bahawa Kundan bersungguh-sungguh untuk belajar. Beliau mahu lulus dengan cemerlang. Beliau mahu disegani dan dikagumi oleh orang lain. Pendidikan tinggi dapat menjamin kesejahteraan hidup dan untuk itu Kundan harus belajar mencapai hasratnya. Kundan juga sanggup berbohong kepada Tuan Viswa bahawa dia perlu pergi bersama rombongan sekolah ke Kuala Lumpur.

Sebenarnya Kundan mengambil kesempatan itu untuk bertemu dengan Tunku Abdul Rahman yang berada di Kuala Lumpur. Kundan hendak mengetahui cara-cara untuk melanjutkan pelajaran di bidang undang-undang. Kundan beriltizam untuk mencapai hasratnya, iaitu belajar sehingga menara gading. Golongan pemuda seperti Kundan hendaklah dijadikan idola oleh generasi muda sekarang untuk mencapai cita-citanya.

Selain daripada itu, Kundan juga telah berjaya menghantar anaknya ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran sepertimana jejak langkah beliau. Beliau berjaya mendirikan Wisma Guna untuk membantu rakyat miskin.

“ Selama ini saya menderma untuk kuil dan perarakan sembahyang. Tapi kali ini saya berfikir niat mereka baik. Itu juga adalah hasrat dan nadi saya, iaitu membantu anak keluarga miskin melanjutkan pelajaran ke menara gading. Saya sanggup deposit 1 juta atas nama pelajar tersebut. Duit bunga bank dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan asrama”
(Karthigesu,R.1981,hlm.5)

Kata putus yang diambil oleh Kundan dalam hidupnya menjelaskan kepada kita bahawa Kundan sememangnya bercita-cita tinggi dan mulia membantu remaja miskin yang ingin melanjutkan pelajaran sehingga menara gading.

Dalam novel *Vāṇattu Vēlikaḷ*, watak Kundan memperlihatkan konsep *Superego* yang memberikan panduan kepadanya bagi melakukan sesuatu perkara yang benar atau salah. Watak Kundan memiliki kekuatan moral dan etika dari keperibadian yang tinggi kerana berdasarkan prinsip idealistik. Hal ini bermakna *superego* diertikan sebagai ungkapan moral yang bersifat positif. Perwatakan Kundan adalah selari dengan pandangan K.Bertens (2006) bahawa, setiap individu memiliki pengalaman pertemuan paling jelas dengan kemoralan dan hati nurani.

Kundan memperlihatkan bagaimana *superego* berindak apabila dia bersetuju untuk membantu golongan miskin dengan menyediakan tabung membantu graduan yang miskin. Hal ini dapat dilihat melalui dialog,

“*Saya bangga dengan pencapaian anda. Walaupun kamu lahir dalam keluarga miskin tetapi kamu telah berjaya sekarang*” (Karthigesu, R. 1981, hlm. 108)

Menurut Suryabrata (1982:127), konsep *superego* mewaliki nilai-nilai tradisional. Ia juga berkaitan dengan dengan pelbagai perintah dan larangan yang dikenakan oleh orang tua kepada orang muda. Dalam hal ini watak Kundan memperlihatkan kesempurnaan daripada kesenangan, iaitu satu konsep yang selari dengan *Superego*. Kemungkinan Kundan bersikap seperti untuk memastikan ianya selari dengan kehendak masyarakat seperti benar atau salah, perlu atau tidak dan sebagainya.

Dalam novel ini, watak Kundan ditonjolkan sebagai seorang pemuda yang gigih berusaha dan berani mendepani cabaran. Beliau tidak mudah putus asa apabila setiap kali menemui kegagalan. Sebaliknya dia menjadikan kegagalan tersebut sebagai satu pengalaman berharga untuk dijadikan pengajaran dan panduan. Yakni watak Kundan dalam novel ini merupakan seorang pemuda berwawasan yang sentiasa gigih berusaha.

Pada masa kini, kehidupan golongan pemuda-pemudi bergantung kepada ibu bapa. Perkara ini tidak boleh dinafikan. Tetapi dalam novel *Cañkamam* karya M. Ramaiyah, watak yang bernama Gunalan merupakan seorang yang suka berdikari. Gunalan walaupun seorang yatim piatu mengambil keputusan untuk berkerja di bandar. Selain itu, Li Yan telah memberi peluang kepada Gunalan untuk menjawat jawatan pegawai tinggi di kilang

kepunyaannya tetapi Gunalan telah menolak peluang tersebut dan mengambil keputusan untuk berdikari dengan bekerja sendiri.

'Saya tidak menyukai jawatan pengarah ini. Saya lebih suka untuk berkerja dengan usaha saya sendiri' (Ramaiyah, M.1995, hlm.125)

Selain itu, watak Gunalan juga mendapat kepercayaan daripada orang lain.

'Terdapat masalah di kawasan Kuala Lumpur. Oleh itu, Sam Sing hendak pulang ke tempat itu untuk menguruskan masalah tersebut. Oleh itu, dia mengarahkan saya untuk membuat kerja-kerja beliau untuk dua minggu' kata Gunalan.

'Boss mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap awak' kata Mullai kepada Gunalan. (Ramaiyah, M.1995, hlm.83)

Kenyataan di atas menerangkan bahawa watak Gunalan mendapat kepercayaan orang lain apabila Gunalan menunjukkan bakat yang ada padanya walaupun beliau merupakan pekerja baharu. Si Kun telah memberi banyak tugas penting kepada Gunalan dan yakin terhadap Gunalan walaupun pejabat itu mempunyai pekerja lama, iaitu Sam Sing dan Rokiah. Oleh itu, golongan pemuda-pemudi harus berusaha dalam kehidupan mereka bagi mendapatkan kepercayaan orang lain.

Gunalan juga menggunakan peluang yang baik dan membuktikan bahawa dia boleh melakukan sesuatu kerja dengan baik. Rokiah telah mengambil sepuluh hari cuti dan ini menyebabkan tiada orang untuk menulis surat jawapan dalam Bahasa Melayu. Selepas itu,

tugas tersebut diberikan kepada Gunalan dan dia menggunakan peluang ini bagi menunjukkan bakatnya. Bakat Gunalan mendapat perhatian daripada Si Kun dan ini membantu Gunalan untuk meningkatkan prestasi kerja. Oleh itu, golongan pemuda-pemudi harus menggunakan peluang bagi meningkatkan taraf kehidupan.

'Gunalan berfikir tentang apa yang diperkatakan oleh Len Moi pada masa lalu. Peluang untuk berjaya dalam kehidupan akan datang dalam setiap individu. Kita sebagai manusia yang bijak perlu menggunakan peluang itu sebaik mungkin' (Ramaiyah, M. 1995, hlm. 60)

Watak Gunalan dalam novel *Cañkamam* merupakan watak yang mencirikan suri teladan. Tindakan Gunalan yang ingin menunjukkan jalan yang benar atau salah menggambarkan Gunalan mewarisi *superego*. Keadaan ini menyatakan bahawa kekuatan moral dan keperibadian yang tinggi adalah sebahagian daripada *superego*. Dalam hal ini, Gunalan sentiasa menggunakan prinsip idealistik bagi menangani sebarang masalah. Oleh itu, dia sentiasa menunjukkan nilai moral yang bersifat positif. Watak suri teladan hendaklah dijadikan sebagai pedoman hidup oleh golongan pemuda-pemudi zaman sekarang.

4.3.7 Usaha berdikari (penglibatan dalam aktiviti ekonomi)

Novel *Nēram Vantuvittatu* (1980), karya M. Durairaj mengisahkan Amutan bercita-cita tinggi untuk mengubah pemikiran golongan pemuda-pemudi di ladang untuk bergerak

maju dalam hidupnya. Walaupun Amuthan berpelajaran tetapi tidak dapat meneruskan perjalanan hidup atas alasan faktor keluarga. Dia dijaga oleh abangnya setelah kehilangan kedua ibubapanya. Abangnya merupakan seorang penjual susu lembu dan menyara keluarga melalui pendapatan tersebut. Pada suatu hari dia ditimpa kemalangan dan kakinya lumpuh. Oleh itu Amuthan mengambil peranan abangnya untuk menyara keluarga. Mula-mula dia menjual susu lembu hasil dari daripada pemeliharaannya. Kemudian dia bercita-cita untuk membuka gerai susu di persimpangan tiga ladangnya. Amuthan berpendapat jika membuka di persimpangan maka itu akan memudahkan orang ramai membeli susu sementara menunggu bas. Amuthan juga berpendapat bahawa perniagaannya akan membawa lebih keuntungan jika dia menambah penjualan kuih goreng pisang.

Watak Amuthan mempunyai kaitan dengan sifat *ego* seperti mana diteorikan oleh Sigmund Freud. Dalam hal ini watak Amuthan mengutamakan realiti dan pemikiran logik dan memiliki harga diri dan berkeyakinan tinggi. Watak Amuthan dalam novel ini juga seolah-olah memahami keinginan *id* dan sentiasa selari dengan peraturan sosial. Oleh yang demikian Amuthan sentiasa memastikan kelakuannya dapat diterima oleh masyarakat dan pada masa yang sama dia mendapat kepuasan diri.

Personaliti *superego* yang dipaparkan oleh Amuthan adalah satu gabungan nilai moral dan nilai-nilai murni yang wujud dalam sesuatu kumpulan masyarakat. Ianya

bersifat sejenis pengoperasian yang sempurna dan berlaku sepanjang hayat. *Superego* inilah yang membantu Amuthan mewarisi prinsip ideal yang dipengaruhi oleh prinsip moral dan keagamaan. Oleh sebab itulah Amuthan sentiasa mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Namun demikian, dia juga memastikan ianya selari dengan kehendak budaya yang terdiri daripada nilai, kepercayaan dan agama. Yakni Amuthan merasakan bahawa perniagaan gerai susu akan bertambah lumayan jika dijual bersama kuih-muih.

Idea yang datang dari Persatuan Belia Ladang yang meminta menambahkan bilangan kerusi untuk duduk dan makan serta menjual majalah bulanan dan suratkhbar di gerai sudah tentu akan merancakkan perniagaan Amuthan.

“Ini merupakan suatu teknik baru. Ada yang minum arak, ada yang minum todi, dalam pada it ada orang akan merasa susu lembu kamu. Yang minum arak akan jatuh sakit suatu hari nanti tetapi yang minum susu lembu akan sihat dan selamat. Suatu hari mereka akan datang pada kamu. jangan khuatir, teruskan usaha anda” (Durairaj, M. 1980, hlm. 28)

Amuthan ingin mengubah budaya pemikiran golongan pemuda-pemudi di ladang. Ini dapat dilihat melalui kata-kata,

“Pembukaan gerai susu sahaja bukan tentu mengubah nasib golongan pemuda sekarang. Belia seharusnya digalakkan untuk membeli lembu dan memelihara dengan baik. Golongan pemuda yang membuka gerai atau kedai tanpa tujuan harus dididik dan dipimpin. Mereka juga perlu diajar bagaimana untuk memerah susu lembu. Dengan ini mereka akan lebih yakin bahawa mereka pun

boleh melibatkan diri dalam perniagaan dan menjadi usahawan muda kelak. Bukan itu sahaja, belia perlu diberi latihan dengan menghantar golongan pemuda mengikuti program atau bengkel usahawan muda anjuran kerajaan. (Durairaj, M. 1980, hlm. 39)

Cetusan idea Amuthan berkait rapat dengan pembentukan modal insan. Bagi Amuthan masyarakat India yang ada bersamanya perlu membuat perancangan secara terperinci. Mereka perlu memikirkan idea baru supaya pembangunan yang berlaku adalah bersifat bersepadu dan bersistematik. Bagi pandangan Amuthan perancangan yang betul dan teratur akan membolehkan sesuatu aktiviti dijalankan seperti mana yang diinginkan. Bagi Amuthan, jika perancangannya gagal mencapai matlamat, dia akan berfikiran rasional supaya mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam proses melaksanakan program tersebut. Amuthan bukan jenis mudah mengalah tetapi bersifat lebih berani menghadapi cabaran sehingga dia boleh mempengaruhi masyarakat yang berada di sekitarnya.

Lontaran idea bernas daripada Amuthan menggerakkan minda golongan pemuda-pemudi zaman sekarang.

“Golongan pemuda juga harus berani membentuk koperasi untuk membeli lembu dan bergiat secara aktif. Saya dengan rela hati menawarkan diri untuk mengajar mereka kemahiran pemerah susu lembu”
(Durairaj, M. 1980, hlm. 40)

Pemaparan watak Amuthan dalam novel *Nēram Vantuvittatu*, jelas memperlihatkan sifat kepimpinan yang ada pada diri Amuthan. Apabila Amuthan berjaya dalam hidup,

beliau mahu golongan pemuda-pemudi melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan mengubah hidup mereka. Beliau sanggup menghantar golongan pemuda ke program usahawan muda. Yakni ciri seorang pemimpin bangsa dapat dilihat pada watak Amuthan.

Seterusnya, disiplin yang ada pada pemuda seperti Amuthan dapat menetapkan masa depan golongan pemuda-pemudi. Dalam hal ini, watak Amuthan menunjukkan ciri pemimpin kerana dia tidak mudah hilang arah tuju dan sentiasa menunjukkan motivasi yang tinggi. Amuthan sentiasa menghargai masa dan tidak suka melepak tetapi sentiasa berusaha melakukan aktiviti berfaedah sahaja. Keadaan ini berbeza dengan golongan pemuda-pemudi hari ini yang suka melakukan aktiviti yang tidak berfaedah dan tidak menguntungkan.

4.3.8 Sikap pemikiran tinggi dan rasional

Novel *Tuyarappātai* karya K.Perumal (1978) mengisahkan bahawa minuman alkohol memang tidak baik untuk kesihatan dan ia membawa kemudaratan kepada kesihatan dan menjadikan badan kita lemah. Selain itu, minuman alkohol juga merosakkan akal minda seseorang dan seseorang tidak boleh berfikir dengan tenang. Dalam novel ini, watak Muthukarupam melakukan banyak pembaharuan dalam proses pencegahan minuman keras di ladang mereka. Dengan itu, beliau telah melontarkan idea yang bernas dalam menangani masalah itu.

“Tuan sekiranya masyarakat ladang kita tidak mengamalkan minuman alkohol dalam kehidupan harian mereka maka mereka memang dapat menyara keluarga mereka dengan baik. Selain itu mereka tidak mempunyai amalan bekerjasama antara pekerja di ladang Myna dan hidup mereka dipandang rendah oleh orang lain. Oleh itu, kedai alkohol seharusnya ditutup di ladang ini supaya penduduk ladang ini mempunyai tanggungjawab dalam menjalankan kehidupan mereka dengan sempurna”
(Perumal, K.1978, hlm.151)

Para pekerja digalakkan bekerjasama di tempat pekerjaan supaya kerja dapat berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang gangguan. Amalan kerjasama akan membuahkan hasil yang lumayan dan pekerja hendaklah bekerjasama bagai bersatu teguh, bercerai roboh. Dalam novel *Tuyarappātai*, situasinya adalah seperti berikut,

“Pekerja di ladang Myna mengalami kesusahan dari segi fizikal dan mental. Oleh itu, Muthukarupam melontarkan idea yang bernas dan berusaha dalam mengubahkan hidup mereka dan memastikan pekerja ladang Myna memperolehi hak yang samarata dalam semua aspek”
(Perumal, K.1978, hlm.155)

Perhambaan pekerja harus dicegah dalam kalangan masyarakat. Barathidasan (penyajak terkenal) menegaskan bahawa hidup perhambaan harus dibanteras dalam kalangan masyarakat supaya semua pihak dapat hidup dengan tenang dan harmoni. Sistem hierarki harus dibanteras supaya golongan bawahan boleh bergaul dengan bebas. “Di dunia ini semua pihak mempunyai hak yang sama dan tidak ada seorang pun mempunyai hak untuk merampas hak orang lain” kata Barathidasan melalui sajaknya. Dalam novel *Tuyarappātai*, watak Muthukarupam melaksanakan pelbagai langkah efektif bagi

membendung masalah perhambaan yang berleluasa di ladang Myna supaya pihak pekerja mendapat hak yang sama rata dan adil seperti orang atasan di ladang tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kepercayaan karut masih terdapat dalam masyarakat India. Masyarakat India mengikuti semua kepercayaan tanpa disedari. Barathidasan dalam sajaknya, menegaskan bahawa kepercayaan karut harus dihapuskan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Dalam novel *Vilālum Nīrum* karya M.Ramaiyah, watak Kayalvizhi mempunyai fikiran yang waras dan menghapuskan kepercayaan karut dalam dirinya. Dialog dalam novel berkisar seperti berikut,

“kepercayaan seperti ini tidak perlu dipraktikkan dalam hidup mereka. Ya, memang masyarakat akan terikut akan kepercayaan yang baru, tetapi kita sebagai insan yang mempunyai akal fikiran harus memastikan yang mana betul dan boleh dipraktikkan dalam kehidupan kita supaya hidup kita menjadi senang” (Ramaiyah, M.1999, hlm 163)

Dengan ini, kita dapat mengetahui bahawa watak Kayalvizhi memang tidak percaya pada kepercayaan karut. Selain itu, Kayalvizhi mempunyai pemikiran rasional untuk maju dalam hidupnya.

Selain itu dalam novel *Vilālum Nīrum*, kaum wanita hanya dijadikan kaum yang melakukan kerja seperti kerja rumah dan tidak membenarkan mereka untuk menerokai dunia. Tetapi, keadaan kini telah berubah mengikut peredaran zaman. Kaum wanita hendaklah mengubah gaya hidup mereka dan menerokai dunia bagi memajukan diri.

Mempelajari teknologi yang baru akan membawa kejayaan yang besar kepada kaum wanita. Dalam novel *Vilālum Nīrum* karya M. Ramaiyah ini, dialog-dialog seperti,

“Kenapa segan dalam memberitahu berita baik kepada saya. Sepatutnya, kaum wanita mempelajari cara bagaimana menjahit baju supaya ia dapat membantu mereka dalam pelbagai aspek. Seandainya saya mempunyai waktu saya akan mengajar cara bagaimana menjahit tetapi saya hanya mempunyai waktu untuk mengajar tuisyen kepada murid-murid”
(Ramaiyah, M. 1999, hlm. 164)

menjelaskan bahawa kaum wanita hendaklah mahir dalam sesuatu bidang supaya tidak bergantung kepada orang lain. Di samping itu, seandainya kita menjadi penganggur kita boleh mengaplikasikan kemahiran yang ada dalam diri kita untuk memajukan dan meningkatkan prestasi pada tahap yang tinggi. Kemahiran seperti pembuatan kraf tangan membuahkan hasil yang lumayan dalam proses memajukan diri.

Dalam novel *Ilatciya Payanam* karya I. Ilavalaagu (1983) watak Maruthan merupakan pemuda yang mempunyai pemikiran tinggi dan rasional. Berfikiran secara rasional membuahkan hasil yang lumayan kepada kita. Kemarahan akan memusnahkan hidup kita. Dalam novel ini, Maruthan bertindak secara rasional dalam membuat satu keputusan. Dialognya berkisar seperti berikut,

“Maruthan menasihati Kothandan supaya jangan menjadi terlalu agresif dalam menangani perkara tersebut. Selain itu, dia juga menasihati Kothandan

supaya tidak cepat marah dan sentiasa sabar dalam menangani sesuatu perkara” (Ilavalagu,I. 1983, hlm.5)

Dalam masa yang sama, Maruthan sentiasa mengingatkan kaum muda agar berani dalam mendapatkan hak dan menyuarakan hak masyarakat sekampung. Walaupun kita akan menghadapi masalah semasa mendapatkan hak, kita hendaklah mengamalkan nilai kesabaran dalam kehidupan kita.

“Dia bukan seperti budak lelaki yang lain yang suka melepak malah dia juga banyak menolong kepada masyarakat kampungnya” kata Thanggam. “Saya suka menolong orang yang ada dalam kesusahan walaupun saya mengalami banyak halangan daripada tuhan!” (Ilavalagu,I.1983,hlm.20)

Walaupun Maruthan mendapat peluang untuk maju dalam kehidupan dia masih berfikir tentang masyarakat sekampungnya. Tambahan pula, semata-mata untuk masyarakat kampung, Maruthan tidak mendengar pendapat ibu bapa. Dia juga telah menolak jawatan tinggi. Dialog dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* seperti,

“Saya tidak sependapat dengan ibu? Seandainya mempunyai pangkat kita boleh hidup dengan senang, namun keadaan masyarakat kampung ini tidak berubah?” kata Maruthan kepada ibunya (Ilavalagu,I. 1988, hlm. 45).

Membuktikan bahawa Maruthan berjiwa rakyat. Beliau ingin menolong masyarakat maju standing dengan kaum lain.

Biasanya semua orang mempunyai impian masing-masing dalam kehidupan. Kehidupan seseorang menjadi bahagia apabila seseorang itu mempunyai impian yang tinggi dalam kehidupan mereka. Dalam novel *Ilacıya Payanam* watak utama, iaitu Maruthan mempunyai impian yang tinggi dalam kehidupannya. Maruthan telah membuat banyak usaha untuk mencapai impiannya. Dialognya adalah seperti berikut,

“Dia mempunyai impian untuk mewujudkan sebuah kampung yang berwawasan. Dia juga menganggap bahawa usaha tersebut sebagai cabaran dalam kehidupan dan berusaha gigih untuk mencapai impian tersebut” (Ilavalagu, I.1983, hlm. 8)

Kita hendaklah bekerjasama antara satu sama lain dalam menghadapi sebarang masalah. Pada era globalisasi ini, masyarakat hanya mementingkan diri sendiri dan mengejar keghairahan duniawi dan tidak mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat. Bersatu teguh bercerai roboh merupakan peribahasa yang selalu didengarkan. Kita hendaklah bekerjasama dalam menangani sesuatu masalah supaya kita dapat hidup dengan tenang dan harmoni. Dalam novel *Ilacıya Payanam*, penulis menceritakan situasinya melalui watak Maruthan.

Maruthan berkata, *“kita hendaklah bersatu padu dan menyuarakan hak kita dan milik kita di dunia ini” (Ilavalagu, I.1988, hlm. 20)*

Pemikiran berjiwa rakyat seperti watak Maruthan harus dijadikan idola oleh golongan pemuda-pemudi generasi sekarang.

Kewajiban utama anak- anak adalah merealisasikan impian ibu bapa. Dalam novel *Etir Vītu* karya M. Ramaiyah (1976), Portkodi menjadi seorang peguam seperti mana impian ibunya. Dia juga bertekad untuk membebaskan suaminya yang tidak bersalah tetapi didakwa oleh polis.

“Mak. impian mak akan menjadi benar hari ini. Restulah anakmu..” air mata mula beralih dari mata Portkodi (Ramaiyah,M.1976,hlm.107).

Kita haruslah melibatkan diri dalam sesuatu kerja dengan sepenuh hati. Selain itu, kita juga sentiasa bersemangat tinggi serta tidak menjadi hamba atau orang bawahan sahaja. Kemajuan penting kepada golongan pemuda-pemudi untuk mencapai kejayaan. Contoh yang terbaik dalam novel *Etir Vītu* karya M.Ramaiyah ialah watak Sundaresan.

Sebaik sahaja tiba di rumah "Portkodi, saya mendapat kenaikan pangkat sebagai seorang akauntan," kata beliau (Ramaiyah,M.1976,hlm.82).

Selain itu, golongan pemuda-pemudi harus mempunyai kemahiran berhujah. Sama ada lelaki atau perempuan kemahiran berhujah amat penting. Dalam novel ini, perwatakan Porkodi dicipta sebagai seorang pemuda yang mempunyai kemahiran berhujah. Dia juga bertekad untuk membebaskan suaminya yang tidak bersalah tetapi didakwa serta berada di penjara. Dia berhujah dengan baik di mahkamah dan berjaya dalam kes pertamanya.

“Tahniah Portkodi.Tahniah! Awak telah pun menyiasat kes ini seperti kes jenayah.” katanya Sundari dengan nada yang gembira (.Ramaiyah,M.1976, hlm. 110).

Watak Portkodi dicipta untuk membolehkan golongan pemuda-pemudi berdaya saing melalui pendidikan. Menuntut ilmu adalah perkara yang harus dilaksanakan oleh seseorang. Kita tidak dapat menumpukan pelajaran dalam hidup kita kerana terdapat banyak perkara yang harus dilalui sepanjang hayat kita. Dalam novel *Etir Vītu* karya M.Ramaiyah, watak Portkodi menjadi contoh yang terbaik.

'Walaupun Portkodi lahir dalam keluarga yang miskin, namun dia menumpu perhatian dalam pelajaran. Portkodi tidak pergi ke latihan hari itu. Dia berada di rumah sahaja. Dia membaca buku undang-undang seperti biasa (Ramaiyah, M.1976, hlm.19).

Watak Portkodi dalam novel *Etir Vītu* ini banyak mempamerkan personaliti *superego*. Beliau mewarisi banyak nilai murni yang dapat dijadikan panduan oleh golongan pemuda-pemudi hari ini. Insiden yang berlaku dalam hidup Portkodi seolah-olah menjadi pengajaran kerana Portkodi mempunyai keperibadian yang bersifat *evaluatif*. Personaliti sedemikian dikaitkan dengan *superego* oleh Sigmund Freud. Walaupun Portkodi menghadapi pelbagai dugaan, halangan dan cabaran tetapi Portkodi masih dapat membezakan yang mana betul dan yang mana salah. Dia memastikan sentiasa berada dalam landasan betul, sesuai dengan konsep *superego* yang sentiasa bergerak kearah kesenangan dan kesempurnaan.

Golongan pemuda-pemudi haruslah berfikir secara mendalam sebelum memilih pasangan mereka. Kini golongan pemuda-pemudi senang jatuh cinta pada pandangan pertama. Golongan pemuda-pemudi haruslah berfikir secara mendalam sebelum memilih pasangan mereka terus mengelakkan masalah pada masa hadapan. Dalam novel *Kāṭalināḷ Alla* karya R.Karthigesu (1999) Jessica merasakan dia bercinta dengan Ganesan. Cinta sehalu ini berubah menjadi cemburu apabila persahabatan Agila dan Ganesan amat rapat dan cinta berputik di antara mereka.

“Siapa tahu. Dia kawan biasa atau kawan yang ‘istimewa’? Perbuatan Jessica yang mengeluarkan saya dari bilik dia dan bergaduh bersama saya menunjukkan dia bukan kawan biasa”, katanya Agila kepada Ganesan (Karthigesu,R.1999, hlm. 160).

Sebagai seorang pemuda, kita seharusnya mengambil keputusan setelah berfikir secara mendalam demi mengelakkan masalah. Dalam novel *Kāṭalināḷ Alla* karya R. Karthigesu, Agila dan Ganesh berfikir secara berhati-hati sebelum mengambil keputusan.

“Ganesh sekarang kita berdua mengalami tekanan emosi yang mendalam. Tolong biarkan saya untuk berfikir dahulu. Setelah itu, kita boleh jumpa lagi dan bincang tentang keputusan kita”, katanya Agila kepada Ganesan (Karthigesu,R.1999, hlm.307-308).

Golongan pemuda-pemudi seperti Agila dan Ganesan mengingatkan generasi sekarang agar sentiasa berhati-hati dan berfikir secara rasional sebelum mengambil sebarang keputusan. Langkah bijak seterusnya membolehkan golongan pemuda-pemudi dihormati dan disegani oleh masyarakat.

4.3.9 Sikap ketabahan

Berdikari dan berusaha merupakan kata mutiara yang selalu diwar-warkan. Kita sebagai insan yang berhasrat untuk berjaya dalam kehidupan sepatutnya berdiri di atas kaki sendiri dan tidak mengharapkan pihak lain dalam melaksanakan kerja kita. Dalam novel *Vilalūm Nīrum* karya M.Ramaiyah (1999), watak yang bernama Kayalvizhi mempunyai semangat yang tinggi dan berdikari dalam melakukan sesuatu perkara.

Kayalvilzi berkata,

“walaupun saya berseorangan namun saya mempunyai semangat yang tinggi untuk menjalankan kehidupan ini tanpa bergantung pada orang lain. Saya boleh berjaya dalam hidup saya tanpa mengharapkan pihak ketiga”(Ramaiyah,M.1999,hlm.213)

Beliau berbisik dalam hatinya selepas keluar dari rumah yang penuh dengan masalah. Suami dan mak mertua memberi banyak masalah sehingga Kayalvilzi tidak sabar untuk menanggung semua masalah dan meninggalkan rumah tersebut.

Sikap berani juga diutarakan dalam novel *Etir Vītu* karya M.Ramaiyah (1976).

Watak Portkodi berani menyuarakan pendapat kepada bapanya.

“Ragam awak seperti awak akan berkahwin dengan abang budak itu. Portkodi berdiam sahaja. ‘Kenapa awak senyap? Awak telah mengambil keputusan itu?’... ‘Ya ayah...’” (Ramaiyah,M.1976, hlm.56)

Portkodi berani menyatakan keinginan untuk berkahwin dengan teman pilihannya kepada bapanya. Beliau merasakan setiap individu mempunyai hak untuk menyuarakan pendapatnya.

Dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam*, penulis menceritakan dengan jelas bahawa walaupun Thanggam menghadapi banyak cabaran dalam kehidupan tetapi dia tetap berani dan tabah untuk menghadapi masalah tersebut.

“Walaupun saya digelar sebagai janda, namun saya masih menjalani kehidupan yang dipenuhi dengan rintangan dengan tabah bersama dua orang anak” katanya. (*Ilaṭciya Payaṇam*, I. 1983, hlm.97)

Setiap individu yang berada di muka bumi ini mengalami pelbagai jenis cabaran dari pelbagai aspek. Oleh itu, semua orang hendaklah tabah hati dalam menghadapi cabaran. Golongan pemuda seperti Thanggam berani menghadapi sebarang dugaan dan cabaran dalam hidupnya

Dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* pula, Maruthan dan Ratha tidak mengambil keputusan terburu-buru walaupun mereka mengalami banyak dugaan dalam hubungan cinta mereka. Tambahan pula, mereka mengambil keputusan secara rasional. Ibu bapa Ratha tidak bersetuju Ratha berkahwin dengan Maruthan. Walaupun perkara ini menyakitkan hati Maruthan tetapi dia menangani perkara tersebut dengan hati yang tabah. Dialog dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* berkisar seperti berikut,

Maruthan bertanya kepada Ratha,

“adakah awak mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap saya. Seandainya awak mempunyai perasaan cinta terhadap saya maka kita tidak mempunyai sebarang masalah dalam hubungan kita dan boleh berbincang dengan ibu bapa kita” (Ilavalagu, I. 1983, hlm.112)

Golongan pemuda-pemudi seperti Kayalvizhi, Thangam, Portkodi, Maruthan dan Ratha harus dipuji kerana berani menyuarakan pendapat dan menghadapi rintangan dan dugaan dalam hidup. Kesungguhan mereka dalam mencapai matlamat hidup hendaklah dijadikan teladan oleh golongan pemuda-pemudi sekarang.

4.3.10 Sikap tanggungjawab

Novel yang bertajuk *Tēṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ* karya R.Karthigesu (1993) mengisahkan seorang pemuda yang bercita-cita tinggi untuk mencapai impiannya. Masyarakat India hendak melihat *role model* atau suri teladan golongan pemuda yang menghormati ibu bapa, bertanggungjawab, memikul beban keluarga, mengamal kebudayaan dan kepercayaan kepada Tuhan.

Sooriya dalam novel *Tēṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ* membawa watak suri teladan. Sooriya anak kandung Saminathan tetapi dilahirkan dengan hubungan sulit dengan perempuan lain. Ibu Sooriya memberi kasih sayang kepada anak satu lagi yang merupakan

anak tunggalnya. Saminathan sangat sayang akan Sooriya dan menyimpan duit untuk pelajaran anaknya kelak. Walaupun bersusah payah menghantar anaknya ke London tetapi beliau tetap menjimatkan duit untuk perbelanjaan anak jikalau beliau tiada nanti. Bapa saudara, emak Sooriya dan adik Sooriya tidak mahu harta bapa dikongsi oleh Sooriya dan menghina Sooriya dengan mengatakan Sooriya merupakan anak gahara. Akhirnya Sooriya dapat mengenali ibu kandung sendiri. Setelah mengetahui pengorbanan bapa maka Sooriya pergi ke London untuk melanjutkan pelajaran hingga menara gading.

Dalam novel ini watak pemuda Sooriya diidolakan menjadi suri teladan atau *role model* oleh golongan pemuda masyarakat India. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran hidup Sooriya tidak berganjak daripada impiannya untuk menjadi graduan yang berjaya dan menunaikan tanggungjawab kepada keluarga. Sooriya ingin menemui ibu kandungnya setelah kematian bapanya. Sooriya merasakan bahawa ia merupakan tanggungjawabnya sebagai seorang anak untuk mengenali ibunya dan menjaganya dengan baik. Walaupun ibu kandungnya tidak menjaga dan membesarkan Sooriya tetapi setelah mengetahui bukti daripada surat yang ditulis bapanya maka beliau mencari kebenaran dengan mencari ibu kandungnya.

Sooriya juga ingin bertemu ibu kandungnya. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan tetapi Sooriya tidak berputus asa dan akhirnya bertemu ibu

kandungnya. Semangat yang cekal hati dan azam kuat inilah yang membolehkan Sooriya berjaya dalam mengharungi rintangan hidupnya. Rasa tanggungjawab ini perlu dipikul oleh golongan pemuda zaman sekarang.

Watak Sooriya dalam novel *Tēṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ* dipaparkan adalah berkaitan dengan konsep *Id* yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud. Apabila kita meneliti watak Sooriya matlamatnya ialah mendapatkan keseronokan dan kenikmatan, iaitu sejenis dorongan untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam hal ini, Sooriya tidak mempedulikan rintangan yang dihadapinya untuk menikmati keseronokan. Dia menumpukan perhatian dalam pelajarannya. Beliau merasakan bapanya adalah segalanya dan tidak peduli dengan rintangan yang dihadapinya selagi bapa berada di sisinya.

Watak Sooriya juga mempunyai ciri ego yang cuba memuaskan keperluan *Id*. Dalam hal ini, Sooriya bertindak secara rasional, iaitu cara yang diterima ramai. Dia juga sentiasa berfikiran logik dan munasabah apabila berhadapan dengan masalah. Dengan konsep *ego*, Sooriya menggunakan daya ingatan, dan bertindak pada peringkat sedar atau separuh sedar. *Ego* perwatakan Sooriya dapat dikenal pasti apabila dia menghadapi masalah setelah kematian ayahnya.

Seterusnya Sooriya juga mewarisi ciri *super ego* apabila beliau perlu menentukan hala tuju hidupnya dan mencari kebenaran hidup apabila ahli keluarganya mementingkan diri sendiri. Dengan *super ego*, hati nurani atau deria Sooriya dapat menentukan yang mana betul atau pun salah. Dalam hal ini, tingkah laku ataupun personaliti yang ditunjukkan oleh Sooriya jelas memaparkan aspek moral atau etika yang tinggi. Keadaan ini berlaku hasil daripada budaya yang dipelajari oleh Sooriya yang ingin mencapai kecemerlangan dalam hidupnya.

4.3.11 Pengamalan kerja-kerja amal/ kebajikan

Pelajaran merupakan satu kunci yang penting dalam kehidupan. Oleh itu, semua ahli masyarakat hendaklah sedar tentang kepentingannya dan memastikan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam kehidupan masing-masing. Tambahan pula, pelajaran merupakan keperluan asas kepada seseorang untuk meneruskan kehidupan mereka di bumi ini. Dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam*, penulis menceritakan situasinya seperti berikut,

“Dia membuat kerja sambil belajar dan telah mencapai keputusan yang cemerlang. Tambahan pula pada waktu petang dia meluangkan masa untuk belajar bahasa Inggeris” kata Thanggam kepada Ratha (Ilavalagu, I.1983, hlm.39).

Kita mendapati bahawa Ratha membuat kerja sambilan dan dengan duit itu dia menyara keluarganya. Selain daripada itu, dalam novel ini, Maruthan juga mengajar

tuisyen kepada kanak-kanak kampung. Dengan ini, kita dapat melihat bahawa Maruthan memainkan peranan penting dalam kemajuan kanak-kanak di kampung dalam pelajaran.

Maruthan telah mengajar pelajar dari darjah Lima dan Enam. Dia juga mengajar Thirukural kepada mereka. Selain daripada itu, dia juga memberi banyak latihan kepada mereka. Dia juga memberi kebebasan kepada para pelajar sehingga memanggil dia sebagai abang dan bukannya guru pada waktu kelas (Ilavalagu,I.1983,hlm.10).

Dalam hal ini Maruthan memastikan amalan membaca menjadi satu amalan penting untuk kanak-kanak walaupun sibuk dengan tugas hariannya. Bagi Maruthan dengan membaca generasi muda dapat menikmati kehidupan yang lebih baik berbanding dengan generasi lama yang hidup dalam serba kekurangan. Oleh itu dia sentiasa menitikberatkan amalan membaca kepada para pelajarnya.

Menurut pandangan Kannathasan (penyajak terkenal), amalan membaca ini akan membawa seseorang itu ke puncak yang tinggi dalam kehidupannya. Dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* pula, Tamilchelvan menyedari tentang kepentingan amalan membaca. Oleh itu, beliau telah membentuk suatu program yang baharu. Tamilchelvan mengemukakan pendapatnya kepada Maruthan. Situasinya adalah seperti berikut,

“Kita hendaklah mewujudkan amalan membaca kepada masyarakat kampung kita. Selain itu, kita juga hendaklah membina perpustakaan di setiap ladang” (Ilavalagu,I.1983, hlm.57)

Selain itu, watak Arumugam dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* mempunyai sikap manusia untuk membantu masyarakat setempat. Pada masa kini, kes jenayah dalam kalangan masyarakat kian meningkat. Dalam keadaan sebegini, masyarakat tidak berusaha untuk membanteras jenayah dan mereka juga lupa terhadap tugas mereka sebagai masyarakat yang bertanggungjawab dan rasional. Tetapi watak seperti Arumugam telah berusaha bersungguh-sungguh dalam membanteras jenayah dalam kalangan masyarakat.

“Mereka telah membuat satu tinjauan dalam menangani membanteras kes jenayah dalam kalangan masyarakat” (Ilavalagu,I.1983, hlm.64)

Amalan menolong sesama manusia menjadi amalan yang jarang berlaku dalam kalangan masyarakat. Ramai orang memberi keutamaan kepada kehidupan materialistik yang mana tidak tetap. Tetapi golongan pemuda seperti Arumugam tidak mempunyai sikap materialistik dan menolong masyarakat kampung tanpa sebarang balasan. Dialog dalam novel *Ilaṭciya Payaṇam* ini berkisar seperti berikut,

Semasa berada di padang kampung, dia telah menolong masyarakat kampung tersebut. Tambahan pula, dia juga telah membentuk satu persatuan dan memberi sokongan kepada masyarakat agar mereka berjaya dalam hidup. Selain itu dia juga menyuarakan hak pekerja di kampung tersebut (Ilavalagu,I.1983,hlm.132).

Watak-watak Maruthan dan Arumugam, mencirikan perwatakan suri teladan yang berjiwa rakyat dan ingin memajukan bangsa dan masyarakat India.

4.4 Watak Suri Teladan Sebagai Pendokong Jati Diri

Kehidupan dan cara hidup masyarakat India di kawasan ladang, rumah di kawasan ladang menyebabkan masyarakat India di ladang dikenali sebagai masyarakat ladang walaupun keadaan itu sudah banyak berubah sekarang. Namun demikian, identiti orang India di Malaysia sebagai pendokong jati diri masih kelihatan dalam watak suri teladan dalam novel Tamil Malaysia.

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005) jati diri ialah sifat atau ciri unik dan istimewa dari segi adat resam, bahasa, budaya, agama atau kepercayaan, corak kepimpinan, kegiatan ekonomi dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya

Jati diri ialah unsur-unsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu atau masyarakat. Dalam pengertian sahnya, jati diri ialah identiti individu, masyarakat dan negara bangsa yang mempunyai sifat-sifat keutuhan yang boleh dibanggakan.

Menurut Wan Hashim Wan Teh (2009), jati diri atau identiti pula adalah ciri-ciri budaya dan latar belakang sejarah yang memperkenalkan seseorang atau satu-satu kaum atau kelompok manusia seperti etnik atau ras yang membezakan mereka daripada kelompok lain. Tanggapan orang lain terhadap sesuatu kelompok manusia atau kaum juga menyumbang kepada pembentukan jati diri sesuatu kelompok manusia atau kaum.

Jati diri bangsa tidak dapat dipisahkan daripada jati diri individu. Oleh sebab itu, kedua-duanya dibicarakan serentak. Kelakuan individu dilihat bagi menentukan jati dirinya, dan jati diri individu kemudian membentuk jati diri masyarakat. Dengan melihat jati diri individu, kita dapat memahami jati diri masyarakat, kita dapat memahami jati diri individu. (Abdullah Hassan, 2009)

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2007), jati diri merupakan ciri-ciri, gambaran atau keadaan khusus seseorang, identiti bangsa, keperibadian nasional, semangat kebangsaan, patriotisme dan kewarganegaraan yang semuanya menjurus kepada ketahanan dan kemurnian nilai sesuatu bangsa. Oleh itu, jati diri adalah sesuatu yang dimiliki bersama, mempunyai nilai sendiri, dihayati secara kolektif dan dominion sifatnya yang dapat mencirikan rupa dan peribadi bangsa. Sama ada tentang semangat, sikap, pendirian, kepercayaan, tekad dan visi bangsa.

Biasanya perkataan *jati* tidak digunakan untuk diri seorang individu. Ia adalah generik (Gonda.J.,1973, hlm.173). Sebagai contoh bangsa Malaysia digunakan sebagai identiti kepada masyarakat Malaysia. Ia tidak khas untuk seseorang individu sahaja tetapi menunjukkan keseluruhan masyarakat negara Malaysia. Walaupun bangsa Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum tetapi bangsa Malaysia itu mempunyai satu identiti tersendiri yang dipatuhi oleh semua kaum. Inilah yang dikatakan generik.

Berdasarkan kepada penerangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa perkataan *jati* diri membawa maksud sesuatu yang mempunyai nilai-nilai keaslian, ketulenan, kemurnian dan tiada campuran serta memiliki sifat-sifat semula jadi, memiliki ciri-ciri yang berkualiti tinggi. Perkataan ini digunakan dalam beberapa konteks masyarakat ianya menandakan satu sistem yang dipatuhi oleh sesuatu masyarakat atau kumpulan masyarakat berdasarkan nilai-nilai di atas. Ia menjaga identiti sesuatu golongan masyarakat yang terjaga dan diwarisi secara turun-temurun yang wujud dalam diri seseorang, kumpulan masyarakat, komuniti, kaum ataupun bangsa.

4.4.1 Kebudayaan

Biasanya kaum India melakukan pelbagai amalan yang telah diwarisi secara turun temurun. Antaranya mandi kunyit, berdandan rambut dengan kemas, meletakkan pottu di dahi mereka dan meletakkan bunga di rambut mereka sebagai perhiasan. Tradisi seperti ini telah melambangkan keanggunan seseorang wanita. Selain itu, amalan tradisi ini bukan sahaja akan mencantikkan kaum wanita malah berkait rapat dengan ilmu sains. Dalam novel *Tuyarappātai* (1978) karya K.Perumal, responden mendapat tahu bahawa golongan pemuda-pemudi di ladang Myna mengamalkan tradisi meletakkan pottu di dahi.

“Solayamma merupakan seorang wanita yang mengamalkan adat istiadat, tradisi kaum India sejak turun temurun di ladang tersebut. Beliau selalunya memakai sindhu di dahi dan menghiaskan rambut dengan meletakkan bunga mawar di kepala” (Perumal, K. 1978, hlm. 152)

Pada kebiasaannya, orang India memakai sari, meletakkan bunga di rambut dan meletakkan pottu. Ini merupakan simbol adat yang diwarisi oleh orang India semasa mereka menghadiri sesuatu majlis agar kelihatan cantik. Dalam novel *Caṅkamam* (1995) karya M.Ramaiyah, watak Mullai menghiaskan diri dengan memakai sari dan meletakkan pottu sebelum menghadiri majlis.

“Memakai sari yang berwarna merah, dan meletakkan bunga mawar di rambut. Selain itu, dia memakai gelang tangan sehingga mengeluarkan bunyi daripada gelangnya dengan kuat” (Ramaiyah, K. 1995, hlm. 107)

Apabila disebut *pottu*, kita membayangkan amalan meletakkan ‘kumkum’ pada dahi. Kaum India menggabungkan bahan-bahan seperti ‘kumkum’(pottu), ‘manjal’(kunyit), ‘santanam’ (kayu cendana) dan ‘thiruniiru’ (abu suci) lalu meletakkannya di dahi mereka sebagai tanda tradisi masyarakat Tamil. Kaum wanita juga meletakkan kumkum yang berwarna merah. Hal ini demikian kerana, ia merupakan tanda bahawa kaum wanita sudah berkahwin dan berkeluarga. Dalam novel *Caṅkamam* ini, Mangalam meletakkan kumkum pada dahi Mullai dan menjadikan dia sebagai anak mertua.

“Mangalam memasuki rumah dan membawa kumkum untuk meletakkannya di dahi Mullai bagi menerima dia sebagai anak mertua dalam keluarganya” (Ramaiyah, K. 1995, hlm.131)

Kaum perempuan meletakkan pottu dan kalungan bunga malai. Ini melambangkan identiti kaum perempuan India dalam masyarakat hari ini. Dalam novel *Antima Kālam* (1998) karya R.Karthigesu suasananya adalah seperti berikut,

“Meletakkan pottu yang berwarna merah dan rambut telah dihiasi dengan bunga mawar” (Karthigesu, R. 1998, hlm.87)

Selain daripada itu, kajian mendapati bahawa masyarakat Tamil mengamalkan Thali sebagai simbol perkahwinan. Thali yang dikalungkan dalam leher seseorang wanita dianggap sebagai lambang suci. Thali juga melambangkan ikatan kesatuan antara suami dan isteri. Sewaktu upacara perkahwinan, mempelai

akan mengikat thali pada leher pengantin wanita. Selepas itu, perempuan yang sudah berkahwin mempunyai hak untuk memakai Thali sepanjang hidup mereka kerana dianggap bahawa ia akan meningkatkan kesejahteraan sesebuah keluarga.

Dalam novel *Tuyarappātai* (1978) karya K.Perumal ini juga mereka lebih mementingkan adat istiadat perkahwinan. Perbincangan dialog adalah seperti berikut, “*Cis, belum berlangsung perkahwinan dalam khayalak ramai, tetapi saya mula berkhayalan seperti mengikat thali kepadanya. Hubungan suami isteri hanya berstatus aktif selepas melangsungkan perkahwinan yang telah dipersetujui oleh kedua-kedua pihak keluarga. (Perumal, K.1978, hlm.151)*

Oleh yang demikian kesemua responden bersetuju novel-novel Tamil Malaysia mendukung jati diri melalui kebudayaan masyarakat Tamil.

4.4.2 Adat mengambil *Arathi* (nyalaan api dalam dulang)

Selepas berkahwin, si isteri perlu duduk di rumah suaminya sebagai satu syarat yang perlu dan wajib diikuti. Namun bagi tiga hari yang pertama pengantin lelaki akan duduk dirumah isteri sebagai syarat untuk menjalin hubungan persaudaraan yang baru terjalin akibat perkahwinan tersebut. Selepas selesai kesemua adat istiadat, pengantin perempuan akan ke rumah pengantin lelaki dan di sana akan diadakan upacara mengambil *Arathi* sebelum menjejak kaki ke rumah

tersebut. Masyarakat India percaya bahawa adat *Arathi* mereka akan diselamatkan daripada berlakunya sesuatu buruk terhadap dirinya.

Dalam novel *Caṅkamam* (1995), kaum India mengambil *Arathi* kepada sesiapa yang datang ke rumah mereka. Biasanya adat ini boleh dilihat dengan jelas selepas upacara perkahwinan berlangsung dan semasa pihak pengantin pulang ke rumah. Pihak pengantin lelaki mengambil *Arathi* kepada kedua-dua pasangan supaya mereka hidup dengan gembira, sihat dan walfiat. Selepas mengambil *Arathi*, orang tua mengingatkan pengantin baru bahawa mengangkat kaki kanan dahulu sebelum memasuki rumah tersebut. Dalam novel *Caṅkamam* (1995), ibu Gunalan mengambil *Arathi* kepada Mullai. Dialog dalam novel ini adalah seperti berikut,

“Mangalam masuk ke rumah dan menatang dulang yang penuh dengan air manjal dan mengambil Arathi kepada Vetha” (Ramaiyah, M.1995, hlm.88)

Dalam novel ini, watak yang bernama Kayalvlizhi telah berkahwin dengan Kumaravello. Selepas upacara majlis perkahwinan, pengantin perempuan pulang ke rumah pihak pengantin lelaki dan ibu Kumaravello melakukan salah satu adat yang diwarisi oleh kaum India iaitu mengambil *Arathi* terhadap dua pasangan tersebut. Selalunya adat mengambil *Arathi* untuk mengelakkan daripada kena mata orang. Dialog dalam novel berkisar seperti berikut,

“Kanimma telah mengambil Arathi dan selepas itu membenarkan mereka masuk ke rumah” (Ramaiyah, M.1995, hlm.88)

Oleh itu, adat mengambil Arathi juga memaparkan jati diri dalam kalangan masyarakat Tamil.

4.4.3 Kepentingan hari jumaat

Hari jumaat merupakan hari yang suci dalam kehidupan orang India. Mereka mempercayai bahawa hari jumaat membawa tuah kepada mereka dan perkara yang baik dilakukan pada hari tersebut akan membuahkan hasil yang lumayan kepada mereka. Dalam novel *Caṅkamam* (1995), jalan penceritaan adalah seperti berikut, “*Hari ini hari jumaat. Adik, hadir diri ke kuil dan beri makanan kepadanya*”, kata orang tua itu. (Ramaiyah, M.1995, hlm.87)

Dalam novel *Kātaṅṅāl Alla* (1999) karya R. Karthigesu hari jumaat merupakan hari yang suci dan kaum India mempunyai amalan yang baik iaitu pergi ke kuil dan melakukan sembahyang di kuil bersama ahli keluarganya.

“*Hari ini hari jumaat. Oleh itu, saya mengajak awak ke kuil untuk sembayang. Hari jumaat biasanya para pelajar di sekitar sana pergi ke kuil Amman yang terletak di Kolokoril*” (Karthigesu, R.1999, hlm.351)

Hari jumaat adalah penting masyarakat Tamil dan watak suri teladan mendukung pemaparan jati diri masyarakat Tamil.

4.4.4 Majlis perkahwinan

Perkahwinan merupakan ikatan perjanjian atau hukum perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang perempuan dalam proses mendirikan rumahtangga. Perkahwinan juga akan membentuk sesebuah keluarga yang bahagia. Dalam novel *Antima Kālam* (1998) majlis perkahwinan berlangsung seperti berikut,

“Majlis perkahwinan berlaku dengan sederhana, Janaki pula sangat gembira kerana perkahwinan anak perempuan dengan Sundram” (Karthigesu, R. 1998, hlm 87)

Semasa majlis perkahwinan, rumah pengantin penuh dengan meriah dan ahli keluarga pengantin bekerjasama antara satu sama lain dalam melangsungkan perkahwinan tersebut. Oleh itu, majlis perkahwinan juga memaparkan jati diri masyarakat Tamil.

4.5 Pakaian

Pakaian adalah keperluan asas kepada manusia dan ia mencerminkan jati diri identiti budaya dalam kalangan mereka sebagai warga Malaysia. Kaum lelaki India Malaysia jarang memakai pakaian tradisional, kecuali mereka yang sudah berusia. Namun demikian pada hari-hari perayaan tertentu, kaum lelaki turut memakai dhoti.

Tetapi baju tradisional orang India yang disebut *jippa* dan *kurta* memang menjadi pilihan kaum muda. Secara amnya, amalan memakai pakaian tradisional didapati kurang diminati oleh kaum lelaki berbanding kaum wanita India di Malaysia. Ahli keluarga serta ibu bapa lebih menegaskan pakaian tradisional bagi anak-anak perempuan berbanding anak lelaki. Masyarakat dalam kalangan masyarakat India Malaysia, percaya bahawa apabila seseorang wanita datang ke kuil tanpa memakai pakaian tradisional, ianya dianggap sebagai perbuatan kurang sopan. Sebaliknya kaum lelaki tidak terikat dengan anggapan seperti ini. Sikap masyarakat India terhadap kaum wanita yang diterangkan di atas menyebabkan kaum wanita secara amnya jarang-jarang ditemui memakai pakaian selain pakaian tradisional apabila pergi ke kuil.

Amalan pakaian tradisional juga amat dipentingkan dalam upacara-upacara keagamaan dan tradisi budaya. Khususnya dalam upacara perkahwinan, pakaian tradisional diwajibkan bagi pasangan yang akan berkahwin termasuk ibu bapa pengantin. Apabila pihak pengantin lelaki datang melamar, si pengantin perempuan wajib berpakaian sari. Amalan ini masih berkekalan dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia (Rajantharan.M & Sivapalan.G, 2004,4).

Masyarakat Tamil Malaysia digambarkan sentiasa mengamalkan amalan pakaian sopan dan menuruti amalan pakaian yang bersesuaian berdasarkan tempat dan situasi. Penggunaan pakaian tradisional orang India seringkali digambarkan dalam pelbagai situasi di rumah, kuil dan tempat kerja.

4.5.1 Pakaian sari dan dhoti

Kajian menunjukkan bahawa masyarakat India Malaysia digambarkan sentiasa mengamalkan amalan pakaian sopan dan menuruti amalan pakaian yang bersesuaian berdasarkan tempat dan situasi. Walaupun anak muda masa kini lebih terpengaruh dengan pakaian moden yang berasaskan tradisi Barat tetapi mereka juga digambarkan tidak melanggar mana-mana amalan pemakaian yang sudah biasa dalam kehidupan masyarakat India Malaysia. Dengan ini dapat dikatakan bahawa citra golongan pemuda-pemudi dalam novel Tamil Malaysia telah menggunakan pakaian yang bersesuaian dari segi budaya bagi menghidupkan sesuatu adegan itu.

Pakaian bukan sahaja sesuatu yang asas dalam kehidupan manusia dalam proses menjaga maruah diri tetapi juga memainkan peranannya sebagai alat pengukur pencapaian tamadun sesuatu masyarakat. (Moti Chandra, 1973, hlm.1-3) Satu ketika dahulu nilai diri seseorang manusia ditafsirkan berdasarkan kelakuan mereka, tetapi

kini pakaian yang dipakai oleh seseorang turut diambil kira dalam menentukan martabat serta nilai diri seseorang. Pakaian juga menjadi tanda budaya materialistik sesuatu golongan manusia kerana setiap kaum mempunyai pakaian tradisionalnya yang menjadi identiti kaum mereka.

Pada zaman dahulu, pemakaian sari dan jippa merupakan perkara biasa oleh kaum lelaki dan perempuan India. Tetapi keadaan sekarang telah berubah secara drastik disebabkan golongan pemuda semakin sibuk dan mengejar alam kebendaan. Golongan pemuda terutama golongan wanita India di zaman yang serba moden beranggapan bahawa pakaian tradisional ini hanya dipakai semasa hari istimewa. Tetapi dalam novel *Tuyarappātai* (1978) karya K.Perumal, watak-watak perempuan memakai sari dalam kehidupan harian mereka. Sebagai contohnya, watak yang bernama Ponnamal memakai sari ke ladang getah dan melakukan kerja menoreh, menimbang susu getah dengan memakai sari. Sari juga membantu dalam perubatan pada zaman itu. Sebagai contohnya, watak yang bernama Ponnamal telah digigit oleh lipan. Palanivel menanyakan Ponnamal untuk dapatkan tepi kain sarinya. Dengan serta merta Ponnamal telah mengoyakkan tepi kain sari dan menghulurkan kepada Palanivel. Seterusnya Palanivel telah mengikat di kakinya dengan ketat supaya racun serangga tidak naik ke anggota badan yang lain (Perumal, K. 1978, hlm. 144).

Dalam novel *Kāṭalināḷ Alla* (1999) karya R.Karthigesu, penulis telah menceritakan bahawa watak-watak dalam novel ini memakai pakaian tradisional seperti jippa dan sari. Hal ini demikian kerana, jippa dan sari merupakan pakaian kaum India dan ini melambangkan identiti kaum India. Dalam novel ini, kita dapat dilihat dengan jelas bahawa para pelajar memakai pakaian tradisional ke Kuil.

“Para pelajar memakai Sari dan mereka berkelihatan sangat cantik” (Karthigesu,R.1999, hlm. 194) “Agila memakai sari yang baru dan mendapat perhatian” (Karthigesu,R. 1999, hlm. 245) “Para perempuan memakai Sari dan Suridar ke kuil” (Karthigesu R., 1999, hlm. 302)

Dapatan kajian mendapati dialog-dialog di atas membuktikan bahawa masyarakat Tamil mengukuhkan identiti jati diri melalui pakaian tradisional.

4.6 Makanan

Makanan merupakan keperluan asas dalam kehidupan. Semua benda hidup memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupannya (Anne Murcott, 2008,hlm.163). Makanan juga memainkan peranan sebagai tanda budaya sesuatu golongan masyarakat. Begitu juga dengan cara makanan dimakan. Dengan cara memakan juga menjadi identiti budaya sesuatu golongan masyarakat.

Terdapat empat cara identiti budaya masyarakat India di Malaysia dari segi amalan makanan dan minuman. Iaitu, cara makanan dimakan dengan menggunakan tangan, makanan yang dihidangkan atas daun pisang (amalan tradisional kaum India), makan bersama dan amalan makan di ruang terbuka. Makan menggunakan tangan adalah amalan yang diikuti oleh orang India secara turun temurun. Hal ini masih diamalkan dalam kehidupan harian masyarakat India. Amalan ini bukan sahaja diikuti oleh kaum India tetapi juga dapat kelihatan dalam kalangan masyarakat Melayu kerana ia adalah amalan tradisi kehidupan mereka. Amalan makan menggunakan tangan bukanlah sesuatu yang menjadi amalan tersendiri masyarakat India di Malaysia sahaja kerana masyarakat Tamil di negara India juga mempunyai amalan ini. Sebenarnya amalan ini diwarisi oleh masyarakat India di Malaysia daripada nenek moyang mereka yang berasal dari negara India. Walaupun demikian, orang India yang menjadi warganegara di negara-negara barat dan Australia didapati tidak lagi mementingkan amalan ini kerana terpengaruh dengan budaya barat dan jenis makanan barat lebih sesuai dimakan dengan sudu, garpu dan sebagainya. Tetapi masyarakat India di Malaysia masih kekal dengan amalan ini. Maka ia turut menjadi identiti masyarakat India Malaysia dalam aspek amalan makan.

Selain daripada itu, makanan daun pisang juga popular dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Amalan ini berasal dari negara India. Kini makanan daun pisang sudah menjadi popular dalam kalangan masyarakat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Di Malaysia makanan daun pisang menjadi identiti budaya kaum India.

4.6.1 Makanan orang India

Pada zaman dahulu, kaum India mengamalkan makanan tradisi mereka dalam kehidupan mereka, iaitu 'idli' dan 'thosai'. Mereka juga membuat kari untuk 'idli' dan 'thosai' dan memakannya bersama 'idli' dan 'thosai' tersebut. Dalam novel *Antima Kālam* (1998), penulis menceritakan amalan makanan tradisi India seperti berikut,

“Pekerja wanita menghidangkan ‘thosai’ kepada pelanggan. Barathi pula, menghulurkan kari ikan kepada pelanggan di kedai tersebut. Makanlah ‘thosai’ tanpa segan seli, sebab memang susah untuk mendapatkan makanan di England. Makanan malam itu telah mengalas perut dia. Dia begitu gembira dengan makanan tersebut” (Karthigesu, R. 1998, hlm. 86)

Dengan demikian identiti makanan tradisonal sememangnya memaparkan nilai jati diri masyarakat Tamil.

“Walaupun kaum India telah berhijrah ke negara luar, namun mereka masih mencari makanan tradisi India. Perkara ini tidak boleh dilupakan oleh sesiapa pun” (Karthigesu, R. 1998, hlm. 87)

Makanan popular masih menjadi kegemaran. Makan menggunakan tangan antara identiti masyarakat yang masih diamalkan sehingga sekarang.

“Awal pagi, Savithri menyediakan thosai sebagai hidangan sarapan dan mereka bergembira dengan cara dia melayan mereka. Mereka begitu senang hati kerana makanan seperti ini susah untuk didapati di luar negara.” (Karthigesu,R.1998, hlm. 96)

4.6.2 Menjamu selera

Perayaan Deepavali merupakan perayaan utama bagi masyarakat Tamil di Malaysia, walaupun perayaan ini kurang mendapat sambutan di India. Pada hari ini kaum keluarga akan melawat sahabat keluarga. Dalam novel *Kātaliṇāl Alla* karya R.Karthigesu,

“Agila membawa kuih-muih dan kuih raya kepada tetamu yang mengunjungi rumah mereka” (Karthigesu,R. 1999, hlm. 246)

“Dia mendekati meja makan selepas Agila menjemput dia untuk menjamu selera. Agila menghulurkan pinggan makan dan menyuruh dia untuk menjamu selera tanpa segan. Ganesan mengambil ‘idiyappam’ dan pulut dan mencari tempat yang sesuai untuk mengisi perutnya” (Karthigesu,R.1999,hlm. 248)

Oleh yang demikian, pemaparan jati diri melalui makanan juga mengukuhkan identiti masyarakat Tamil.

4.7 Perayaan

Pameran jati diri melalui perayaan terdapat dalam novel Tamil Malaysia. Bagi masyarakat Tamil perayaan Deepavali digelar pesta cahaya, iaitu cahaya yang terang menghalau kegelapan. Ini dikaitkan dengan kebaikan mengatasi kejahatan. Suatu upacara sembahyang diadakan sebelum hari Deepavali bagi memperingati roh nenek moyang atau ahli keluarga yang telah meninggal dunia.

Selain Deepavali satu lagi perayaan yang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Tamil ialah perayaan Thaipusam. Perayaan ini diadakan pada bulan *Thai* iaitu bulan pertama dalam kalendar orang India dengan dengan membersihkan rumah dan mempersembahkan bunga, susu, madu dan pelbagai manisan kepada Tuhan Matahari agar merestui aktiviti pertanian dan menambahkan hasil.

Pada bulan *Thai* juga upacara perkahwinan diadakan kerana baru selesai musim menuai padi. Banyak aktiviti dan pertandingan diadakan sempena bulan ini dan biasanya perayaan ini disambut selama tiga hari.

4.7.1 Menyambut perayaan Deepavali.

Pemaparan jati diri juga terdapat dalam perayaan seperti hari Deepavali. Hal ini demikian kerana, Deepavali merupakan antara salah satu perayaan keagamaan iaitu agama Hindu. Terdapat pelbagai cerita tentang mengapa perayaan ini disambut dalam teks keagamaan Hindu. Dalam novel *Kātaliṅāl Alla* (1999) ini dialog berkisar seperti berikut,

“Pada hari Deepavali dia bangun awal pagi dan membersihkan badannya menggunakan minyak. Ini merupakan adat orang India” (Karthigesu,R.1999, hlm. 242)

Ini menunjukkan bahawa masyarakat India mengutamakan perayaan Hari Deepavali dan pemaparan jati diri menonjol dan menjadi identiti masyarakat India.

4.8 Rumusan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati watak dan perwatakan suri teladan golongan pemuda-pemudi novel Tamil Malaysia (1970-2010) dapat dianalisis dengan menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Watak-watak utama yang dihuraikan dalam novel tersebut banyak menunjukkan unsur-unsur *id*, *ego* dan *superego* dalam konflik yang melanda diri mereka.

Seharusnya, *super ego* memainkan peranan dalam membuat penilaian tentang bagaimana seseorang perlu bertindak dalam membuat penilaian. Kajian ini juga memperlihatkan bagaimana watak dalam novel secara individunya mengawal *id*, *ego* dan *superego* mereka dalam menghadapi kehidupan seharian.

Melalui analisis yang telah dijalankan, golongan pemuda-pemudi dapat memahami tentang aspek personaliti, nilai moral dan membuat penilaian tentang personaliti yang seharusnya ada atau lebih dikenali sebagai suri teladan.

Hasil kajian juga mendapati bahawa bahawa novel-novel Tamil Malaysia membicarakan nilai budaya sejagat sebagai sebahagian daripada nilai hidup masyarakat India di Malaysia. Hampir kesemua novel Tamil memaparkan nilai sejagat seperti memelihara perpaduan keluarga dan masyarakat, tanggungjawab ahli keluarga mengikut kedudukan dan peranan masing-masing, nilai kasih sayang, hormat-menghormati, kejujuran, bantu-membantu, insaf atas kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, memohon maaf, memaafkan orang lain, bekerjasama, murah hati, membalas budi, menjaga maruah diri dan keluarga, berbudi bahasa, menghargai sumbangan orang, pengorbanan, berfikiran terbuka, berfikiran positif dan sebagainya secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Nilai-nilai ini adalah sesuatu yang dikongsi oleh masyarakat bertamadun. Oleh itu nilai-nilai ini tidak boleh dikatakan nilai jati diri sesuatu kaum tetapi boleh dikatakan

sebagai nilai jati diri sesuatu masyarakat dalam konteks negara. Pemaparan jati diri ditonjolkan dalam perwatakan suri teladan. Sesungguhnya nilai-nilai tersebut menjadi jati diri sesuatu masyarakat India amnya.

University of Malaya

BAB LIMA

PERWATAKAN GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI DEVIAN

5.1 Pengenalan

Musuh utama negara adalah dadah. Penyalahgunaan dadah merupakan masalah serius di Malaysia. Golongan pemuda terutama belia mudah terperangkap dalam gejala dadah. Menurut Jamaludin Ahmad (2009), beliau menyatakan bahawa bukan sahaja belia malah kanak-kanak dan murid-murid juga menjadi mangsa penyalahgunaan dadah.

Pemuda harapan bangsa tidak akan menjadi kenyataan jika golongan pemuda terlibat dalam najis dadah. Belialah bakal menerajui tampuk kepimpinan negara. Dadah adalah bahan atau kimia yang amat merbahaya kepada individu yang menggunakannya. Pengambilan dadah dapat menukar cara pemikiran atau minda seseorang (Agensi Anti dadah Kebangsaan, 2011; Hazman, et al, 2004). Selain itu, bahan-bahan seperti alkohol, gam, petrol dan juga bahan-bahan yang dilarang atau beracun boleh mengkhayalkan atau membolehkan seseorang menjadi ketagih. Mengikut sumber sejarah, dadah dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulukala yang menganggapnya sebagai pembalut penderitaan dan sumber keseronokan.

Penyalahgunaan dan pengambilan dadah oleh golongan pemuda akan memberi kesan kepada kepimpinan negara. Kegagalan golongan pemuda untuk menilai kesan penyalahgunaan dadah akan merugikan negara kelak. Apabila berlaku krisis pembentukan identiti golongan pemuda-pemudi mudah terpengaruh kepada aktiviti penyalahgunaan dadah. Faktor persekitaran boleh mempengaruhi pembentukan identiti golongan pemuda-pemudi.

5.2 Pengambilan Dadah dan Devian

Terdapat beberapa kajian menunjukkan terdapat hubungan antara faktor luaran persekitaran sosial remaja dengan dadah. Menurut Bowerman dan Kinch (1959), Floyd dan South (1972), apabila kanak-kanak mencapai peringkat remaja, kumpulan rakan sebaya mengambil peranan utama dalam kehidupannya. Atas keinginan untuk diterima oleh golongan rakan sebaya berkenaan, maka individu yang ingin menyertai kumpulan berkenaan akan turut mematuhi jangkakan tingkah laku penggunaan dadah tersebut (Goode 1970;; Jessor 1976; Milby 1981; Tee 1972). Cabaran dan pujukan rakan-rakan mencabar ego darah muda remaja. Hal ini memudahkan mereka untuk terjebak dengan penyalahgunaan dadah kerana sekiranya mereka tidak mencuba, mereka akan dipandang rendah oleh kumpulan itu.

Johnson (1973) mentakrifkan kumpulan rakan sebaya yang mengamalkan penggunaan dadah dalam kalangan ahli sebagai ahli kumpulan yang mempraktikkan subbudaya dadah. Teori ini menegaskan bahawa kumpulan rakan sebaya yang menggunakan dadah merupakan satu elemen yang terpenting untuk menentukan sama ada seseorang itu akan terlibat dengan subbudaya dadah ataupun tidak (Becker, 1953; Johnson, 1973).

Steffenhagen (1980) pula menegaskan bahawa individu yang memiliki penghargaan sendiri rendah kurang keupayaan untuk menghadapi situasi yang menekan berbanding individu yang memiliki penghargaan sendiri tinggi. Kaplan (1980) juga menjelaskan bahawa individu yang memiliki penghargaan sendiri rendah, hilang motivasi untuk bersikap pematuhan. Lantaran , individu berkenaan lebih banyak terlibat dalam tingkah laku devian yang bertentangan dengan norma masyarakat.

Dengan wujudnya penghargaan sendiri rendah menyebabkan individu yang tiada motivasi mempunyai perasaan ingin mengetahui dan mencuba sesuatu yang baharu walaupun perkara tersebut tidak mendatangkan faedah kepadanya. Jiwa golongan pemuda-pemudi bertindak mengikut hawa nafsu tanpa memikirkan akibat buruk sesuatu perlakuan itu.

Faktor lain yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah ialah individu tersebut itu tidak mengetahui bahaya sebenar setiap jenis dadah yang ingin diambil. Keadaan ini mungkin terjadi kepada individu yang tinggal di pedalaman, terutamanya yang berpendidikan rendah. Selain itu, faktor kemiskinan, pengangguran, kekecewaan dalam hidup seperti masalah percintaan, keretakan rumah tangga, hilang pekerjaan dan sebagainya juga boleh menyumbang kepada penyalahgunaan dadah. Hal ini demikian kerana mereka menerima dan mengalami desakan dan tekanan hidup. Maka, cara mudah untuk mencari ketenangan untuk mengatasi tekanan hidup mereka adalah dengan menghisap dadah.

5.2.1 Stigma Masyarakat Terhadap Masyarakat Terhadap Penyalahgunaan Dadah

Pelbagai tohmahan, persepsi ataupun stigma pastinya akan dilemparkan kepada bekas penagih dadah walaupun mereka telah bertaubat setelah menjalani rawatan pemulihan dan sudah bersedia untuk kembali dalam masyarakat serta ingin memulakan kehidupan baharu. Malah, mereka juga boleh memberikan sumbangan terhadap bangsa, agama dan negara sekiranya, penerimaan dan peluang diberikan kepada mereka untuk berubah. Stigma masyarakat terhadap golongan penagih dadah dan kurangnya penerimaan terhadap mereka boleh menyebabkan berlaku *relapse*, iaitu berlakunya pengulangan tingkah laku yang sama dan penagihan tegar, disebabkan mereka dipinggirkan dan

dipulaukan dalam persekitaran sosial masyarakat. Secara tidak langsung, hal ini akan menyebabkan mereka mula mencari kumpulan yang boleh menerima mereka dan mereka akan mula kembali terjebak dalam kancang yang sama.

Antara stigma masyarakat terhadap golongan penagih ialah mereka dilabel sebagai sampah masyarakat. Kewujudan mereka tidak mendatangkan sebarang keuntungan malah menjadi suatu kerugian kepada negara. Mereka sering dianggap sebagai pencuri dan kerap dikaitkan dengan kejadian kecurian atau pecah rumah. Golongan ini sering kali menjadi sasaran cemuhan kerana masyarakat sudah terikat dengan pemikiran bahawa seseorang yang ketagihan dadah akan sanggup melakukan apa sahaja termasuklah mencuri, pecah rumah, merogol malah sanggup membunuh untuk mencari sumber kewangan dengan cara mudah bagi mendapatkan bekalan dadah.

5.1.2 Kesan pengambilan dadah yang menyumbang tingkahlaku Devian

Heroin lazimnya diambil dengan cara menghisap atau melalui suntikan. Apabila mengambil heroin mereka merasa riang dan gembira atau lebih dikenali perasaan euphoria. Ini membolehkan mereka mempunyai penyakit mental yang sangat berisiko dan membolehkan psikosis akibat pengambilan heroin. Orang yang menjadi psikosis tidak dapat menerima hakikat bahawa dirinya dalam alam nyata. Malahan mereka merasakan seolah-olah berada dalam dunia khayalan. Fenomena alam khayalan didominasi oleh

halunisi dan delusi. Pengambilan Heroin menyebabkan seseorang penagih terdedah kepada proses metabolik. Oleh kerana heroin mahal, penagih yang menggunakannya sanggup melakukan tingkah laku devian seperti mencuri dan melacur untuk mendapatkan bekalan. Tingkah laku devian seperti pelacuran boleh menyumbang kepada penyakit seperti sifilis, herpes dan gonorea.

Pil ecstasy (*amphetamine*) membuatkan seseorang lebih berstamina atau bertenaga, dan mempunyai daya konsentrasi yang tinggi. Keadaan ini lebih bahaya dan boleh menyebabkan fenomena delusi paranoid, yakni membolehkan seseorang berhalusinasi. Mereka seolah-olah nampak sesuatu yang ghaib dan ganjil. Akhirnya penagih dadah menunjukkan tingkah laku devian yang lebih ganas dan agresif sehingga membawa kepada pembunuhan.

Sejenis dadah, iaitu ganja mengandungi *terahydrocannabino*. Dadah seperti ganja diambil dengan menhisap atau mencampur dalam bahan makanan. Apabila penagih dadah mengambil ganja maka ia membolehkan seseorang itu lebih yakin dan meningkatkan selera makan. Selain itu, penagih selalunya salah anggap tentang perubahan tingkah laku dan perbuatan orang lain. Keadaan ini menyebabkan penagih bertingkah laku devian seperti menyerang orang lain yang dianggap musuhnya.

Teori Erikson (1964) mencadangkan bahawa masa muda merupakan suatu tempoh yang penting dalam hayat seseorang individu. Tempoh masa ini bukan sahaja menyaksikan perubahan fizikal yang cepat, tetapi cabaran-cabaran mental juga timbul pada waktu ini. Oleh itu, Erikson biasanya merujuk masa golongan pemuda-pemudi sebagai jambatan antara zaman kanak-kanak kepada era orang dewasa. Masa ini juga penting kerana ia akan menguji identiti *ego* yang telah dibentuk dalam dirinya. Perbalahan antara abang dan adik menyebabkan wujudnya identiti krisis di antara mereka. Mereka hendak berlaga dan mencabar siapa menjadi hero dalam keluarga.

Kelakuan devian ini telah dibicarakan oleh beberapa karyawan dalam novel mereka. Karthigesu membincangkan watak adik Sooriya dalam novel *Tediyirukkum Tarunanggal* (1993). Di sini pengarang juga bicara mengenai bahaya yang paling hebat pada peringkat ini, iaitu kekeliruan peranan pemuda-pemudi tersebut tidak mampu menganggap dirinya sebagai seorang ahli masyarakat yang produktif dan berguna. Kekeliruan ini biasanya timbul bukan sahaja akibat kesukaran yang remaja menghadapi untuk mencari identiti pekerjaan yang mereka ingin ceburi pada masa hadapan, tetapi juga kerana pemuda-pemudi tersebut tidak boleh mencari tempat yang unik dalam masyarakatnya sendiri. Justeru, kekeliruan peranan ini mungkin menimbulkan krisis identiti, suatu kegagalan yang sementara dalam proses pembentukan identiti yang stabil. Malah, sesetengah golongan pemuda-pemudi juga mungkin mengambil identiti negatif

yang menentang prinsip yang telah disemai dalam diri mereka akibat pengaruh kawan-kawan lain. Justeru, golongan pemuda-pemudi terdedah kepada aktiviti yang tidak bermoral seperti penagihan dadah dan tidak diminati oleh masyarakat.

Adik Sooriya merupakan seorang lepasan sekolah yang tidak berpelajaran. Bapanya Saminathan menyekolahkan beliau tetapi dia tidak begitu minat terhadap pelajarannya. Abangnya Sooriya melanjutkan pelajaran ke London dan dibiayai oleh bapanya. Adik Sooriya cemburu terhadap abangnya. Apabila bapanya meninggal dunia adik dan pakcik saudara berkompromi untuk membolot hartanya dan sanggup pinggirkan Sooriya yang merupakan anak gahara. Adiknya terpengaruh dengan rakan sebaya dan mula menagih dadah. Beliau sanggup menentang Sooriya dan tidak hormat padanya. Beliau juga tidak mendengar kata-kata ibu dan sanggup memukul ibunya. Akhirnya pihak polis menangkap adik Sooriya sebab terlibat dalam kes dadah.

Selain daripada itu citra watak Velu dalam novel *Cuvaṭukaḷ* (1994), watak Kumaresan dalam novel *Ūmai Kaṇavukaḷ* (2001), watak Karthigeyen dalam novel *Suvar* (1997) dan watak Sangkaran dalam novel *Pacittirukkum Iḷam Kocukkaḷ* (1978), turut memaparkan watak yang dihuraikan oleh Erik Erikson.

Novel *Cuwaṭukal* (1994) karya M. Ramaiyah mengisahkan Velu terjebak dalam lembah dadah. Watak Velu memaparkan bahawa beliau dipenjarakan sebanyak 3 kali akibat mengambil dadah. Masyarakat setempat tidak senang apabila Velu pulang ke ladang setelah menjalani hukuman di penjara. Dalam novel ini walaupun Velu dipenjarakan 3 kali tetapi Velu tidak insaf dan masih mengambil dadah dan seterusnya mempengaruhi kawan-kawan di ladang. Akibatnya kawan Velu yang bernama Murugan turut terjebak dalam kancah dadah dan seterusnya menanti maut di hospital. Dadah membawa padah memang sesuai pada watak yang dibawa oleh Velu dan pengikutnya.

“ akar umbi pokok dibayangkan seperti kejayaan sesuatu masyarakat. Jika air bertakung di sekeliling pokok, maka pokok itu tidak dapat tumbuh dengan baik dan perlu dibersihkan. Air yang bertakung di sini diertikan sebagai sampah masyarakat seperti penagih dadah dan perlu dibetulkan” (hlm.44, 1994) “ masyarakat memandang saya seperti seorang penjenayah. Tidak mahu bercakap dengan saya. Apakah saya golongan yang dibenci? Apakah kesalahan saya? Mengambil heroin adakah itu kesalahan yang besar? (Ramaiyah,M.1994,hlm. 69)

Dialog di atas jelas menunjukkan bahawa masyarakat memandang serius masalah dadah. Dadah bukan sahaja menghancurkan diri sendiri dan keluarga. Pelabelan yang dibuat oleh masyarakat terhadap penagih dadah amat kuat dan susah untuk disingkirkan. Sekali dilabel penagih dadah walau sebaik mana pun nama penagih dadah sukar diterima sebagai anggota masyarakat walaupun dia telah pulih seperti sedia kala. Cemuhan masyarakat terhadap keluarga penagih dadah amat tebal. Lebih-lebih lagi apabila ada anak

dara dalam keluarga sukar untuk mendapat jodoh. Adik perempuan Velu tidak dapat mencari jodoh yang baik. Apabila Velu mengambil dadah, adik perempuannya tidak mahu dikahwini orang atas alasan abangnya merupakan seorang penagih dadah. (Ramaiyah,M.1994,hlm. 19)

Pengambilan Heroin, sejenis dadah oleh kawan baik Murugan menyebabkan keluarganya porak-peranda. Akibat pengambilan Heroin ini, Murugan melampaui lunas-lunas hidup dan bertindak melakukan seks di luar tabii. Isteri tidak melayani suami apabila perbuatan itu di luar tabii akibat mengambil dadah heroin. Masalah ini mengundang salah faham antara suami isteri dan isterinya terpaksa keluar dari rumah dan bermalam di rumah emaknya. (Ramaiyah,M.1994,hlm. 92)

Keimunan badan diganggu akibat pengambilan dadah. Tingkah laku penagih semakin agresif menyebabkan individu lebih cenderung untuk melakukan tingkah laku devian. Setiap jenis dadah memberi pelbagai kesan yang bersifat sementara seperti cepat mesra, rasa seronok berasa diri memiliki daya penarik, sensitif, cergas serta tidak rasa mengantuk dan bertenaga. Namun begitu, golongan pemuda-pemudi gagal untuk menyedari bahawa kandungan dadah mengandungi bahan kimia beracun yang membolehkan mereka ketagih dan akhirnya bergantung pada dadah.

Novel yang bertajuk *Ūmai Kaṇavukaḷ* (2001) karya M.Ramaiyah mengisahkan Kumaresan seorang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi tidak memperoleh kredit dalam SPM. Kumaresan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Emaknya selalu memarahi Kumaresan dan meminta mencari pekerjaan daripada duduk di rumah. Dia meninggalkan ladang mencuba nasib di bandar. Kumaresan ada seorang adik perempuan belasan tahun dan ayahnya sudah lama meninggal dunia dan emak yang menyara keluarga. Walaupun Kumaresan berulang kali mencari kerja di bandar tetapi dia masih tidak mendapat pekerjaan. Akhirnya seorang yang tidak dikenali cuba membantunya. Beliau memperkenalkan dirinya sebagai Murugesu dan berjanji untuk memberi pekerjaan jika Kumaresan bersetuju dengan syarat dan terma.

Murugesu sebenarnya terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah. Kumpulan sulit ini menjalankan perniagaan di beberapa tempat. Antara kerja utama ialah mengedarkan barang dari satu tempat ke tempat lain melalui orang tengah. Kumaresan dijadikan orang tengah pengedaran dadah. Pada mulanya Kumaresan tidak tahu bahawa barang yang diedarkan itu adalah dadah. Setiap kali pengedaran dadah dibuat Kumaresan dapat gaji yang lumayan. Dengan duit yang diterima itu Kumaresan pulang ke ladang untuk melangsungkan perkahwinan adiknya. Kumaresan ditangkap oleh polis dan berita penangkapan Kumaresan diberitahu kepada emak dan adik yang berada di ladang. Salah seorang anggota polis berkata,

“morfin diedar dan ditangkap oleh polis. Kami juga dah tangkap kumpulan mereka” (Ramaiyah, M.2001, hlm .131)

Dengan mendengar kata-kata ini, maka kedua-dua mereka berasa sangat sedih. Ia bertambah rumit apabila perkahwinan adik tidak dilangsungkan atas alasan pihak besan tidak minat dengan hubungan keluarga di mana abang yang menjadi banduan di penjara. Juga perbuatan abang menyebabkan maruah keluarga dicemari dan tidak disukai oleh penduduk sekampung.

Dalam novel ini, pengarang membawa mesej, iaitu kekayaan sementara tidak menjanjikan kebahagiaan sebenar. Perbuatan mengambil dan mengedar dadah pasti akan membawa padah kepada diri dan keluarga.

Novel yang bertajuk *Suvar* (1997) karya C.Sockalingam mengisahkan bahawa Karthigeyan seorang pelajar sekolah terjebak dalam kancah dadah. Faktor keluarga dan rakan sebaya menyebabkan Karthigeyan menjadi penagih dadah.

Karthigeyan merupakan anak tunggal seorang usahawan yang terkenal, iaitu Ponggondran. Setelah emaknya meninggalkan dunia, Kartigeyan tidak mendapat kasih

sayang yang secukupnya daripada bapa yang selalu ke luar negara atas urusan perniagaan. Karthigeyen juga seorang pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kini belajar Tingkatan Enam. Kawan baik Karthigeyen, iaitu Nadanasivam selalu mengambil berat tentang kawannya. Suatu hari Karthigeyen berkenalan dengan Vivek yang merupakan pengedar dan penjual dadah berbahaya seperti heroin dan kokain. Vivek sedang menanti umpan orang kaya seperti Karthigeyen supaya perniagaan dadah dapat maju dan ada pelanggan setiap masa.

Pada suatu hari Vivek mengajak Karthigeyen untuk minum dan mencampurkan Kokain ke dalam minumannya. Dalam masa yang biasa Karthigeyen tidak mendapat kasih sayang daripada bapanya. Waktu suka dan duka dia amat memerlukan kasih sayang dan dorongan bapa. Dia dalam kemurungan apabila tiada kasih daripada bapanya. Lama-kelamaan Karthigeyen ketagih terhadap dadah. Beliau tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran dan juga dalam aktiviti kokurikulum. Dengan itu, untuk berjaya dan meraih tempat pertama dalam acara lari 100m pertandingan peringkat kebangsaan, dia telah mengambil dadah jenis Kokain. Akhirnya Karthigeyen meninggal dunia akibat mengambil dadah yang berlebihan.

Dalam novel ini, pengarang ingin mengatakan bahawa peranan rakan sebaya adalah amat penting dan golongan pemuda-pemudi hendaklah memilih rakan sebaya yang baik.

Jika rakan sebaya ketagih terhadap dadah maka kebarangkalian rakan-rakan lain juga terjebak dalam aktiviti dadah adalah tinggi. Sebaliknya jika rakan sebaya mempunyai tingkah laku dan pemikiran yang baik atau positif maka sudah pasti rakannya juga akan memiliki akhlak yang positif. Golongan pemuda-pemudi amat rapat dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa. Maka, perwatakan golongan pemuda-pemudi banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Kebanyakan kes pengambilan dadah yang berlaku dalam kalangan pemuda-pemudi juga adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya.

Sudah menjadi lumrah hidup bahawa golongan pemuda-pemudi generasi sekarang ingin mencuba yang baru walaupun perkara itu bertentangan dengan norma hidup. Pelawaan rakan sebaya mencuba yang baru menyebabkan golongan pemuda-pemudi mudah terjebak dalam kegiatan seperti pengambilan dadah. Justeru, pemilihan rakan sebaya amat penting dan seseungguhnya pemilihan rakan sebaya dapat membimbing golongan pemuda-pemudi ke jalan lurus dan bukannya pilihan hidup yang menyesatkan. Keadaan ini, dapat dilihat dalam dialog-dialog yang berikut ;

“ saya tiada ibu. Semasa saya kecil ibu saya sudah meninggal. Saya ada bapa. Dia tidak pernah menyayangi saya. Saya sangat sedih apabila mengenangkan perkara itu. Sebab itulah saya datang ke sini. Hati saya tak tenteram. Tolong bagi benda itu....” (Sokalingam,C. 1997,hlm. 68)

“ Apabila bapa saya marah sedikit, saya tidak dapat terima hakikat tersebut. Saya terkenang-kenangkan insiden itu dan saya tidak dapat lupakan itu. Saya

tidak tahan sakit tengkuk dan rasa gatal menyebabkan saya tidak dapat melakukan apa sahaja” (Sokalingam,C.1997,hlm.77)

“ Ya, Karti. Hari ini kamu terima...kan Kokain. Kamu merasai nikmatnya. Kami akan mencari benda itu...” (Sokalingam,C.1997,hlm.78)

Di samping itu, dalam majlis peringatan mendiang Karthigeyen di sekolah, bapa Karthigeyen berucap seperti berikut,

“Anak saya seorang yang pandai dan rajin. Dia bercita-cita untuk menjadi jurutera kapal terbang. Saya memberi segala keperluan untuk anak saya kecuali kasih sayang. Saya telah mementingkan perniagaan saya. Saya bertungkus lumus mencari kebendaan sehingga tidak mencurahkan kasih sayang kepada anak saya. Setiap kali dia memerlukan kasih sayang,saya tidak bersama dengannya. Kesannya anak saya menjadi seorang penagih dadah dan kini tidak bersama saya. Mengapa perkara itu berlaku? Ya, jurang di antara kami berdua menyebabkan saya kehilangan anak saya, Wahai ibu bapa, janganlah mendirikan dinding yang menjadi pemisah antara anak dan ayah. Peruntukkanlah masa bersama anak anda. Sayangilah mereka. Anak kamu juga pasti kan menjadi pemimpin suatu hari nanti” (C.Sokalingam,1997,hlm. 181)

Karya M.A.Elanchelvan yang bertajuk *Pacittirukkum Iḷam Kocukka!* (1978) mengisahkan Sangkaran seorang yang buta huruf dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Sangkaran mempunyai seorang adik perempuan. Sangkaran mempunyai tabiat mengambil ganja iaitu sejenis dadah. Bersama-masa dengan kawannya Balan, Gopu, Aandi dan Sunthar menghabiskan masa bermain judi dan menghisap rokok tanpa tujuan.

Sangkaran meminati seorang gadis yang bernama Parvathy dan ingin mengahwininya. Sangkaran juga mempunyai hubungan dengan seorang pelacur yang

bernama Muttama. Kawan baik Sangkaran, iaitu Gopu mempunyai tabiat menghidu ganja dan ingin memuaskan nafsu terhadap perempuan lain. Keempat-empat kawannya telah berkahwin. Balan telah melarikan bersama adik Sangkaran dan tidak berkomunikasi dengan Sangkaran. Pada suatu hari, Gopu memberi ganja kepada Sangkaran yang baru dibeli dari Penang. Sangkaran terlalu khayal dan memberitahu dadah ini cukup memberi kenikmatan. Gopu memberitahu bahawa kenikmatan akan lebih bermakna jika kita berkongsi pasangan dan melakukan hubungan seks. Gopu telah membuat persiapan untuk meraikan hari berpasangan dengan isteri orang. Beliau juga menyediakan sejenis minuman yang membolehkan isteri yang degil akan menyetujuinya jika minum minuman ini.

Sebenarnya Sangkaran ada hati terhadap isteri Aandi semasa zaman muda. Dia cuba memikatnya tetapi dimalukan oleh isteri Aandi. Sangkaran menunggu masa dan memberitahu kepada Gopu untuk menikmati isteri Aandi dan dia pun mengaturnya. Apabila Sangkaran masuk ke bilik untuk berasmara didapati adik kandungnya berada di situ. Sangkaran berasa cukup malu dan beredar dari tempat itu. Dalam masa yang sama, Gopu sedang mencuba untuk memaksa Parvaty memuaskan hawa nafsunya. Parvaty sempat melarikan diri daripada cengkaman Gopu. Melihat kejadian itu, Sangkaran cukup malu dengan tindakan beliau yang ingin melacurkan isteri sendiri.

Sangkanan menyesal tentang kejadian tersebut dan bertekad untuk mengubah nasib keluarga dan ingin membuat perniagaan sendiri. Akhirnya Sangkanan membuka warung kopi berhampiran hospital kerajaan dan membuka lembaran baru dalam hidupnya. Menerusi novel yang bertajuk *Pacittirukkum Ilam Kocukka!*, penulis mengetengahkan bahawa pengambilan dadah boleh menyebabkan seseorang itu lari daripada landasan dan lunas-lunas hidup. Lebih-lebih lagi intipati kebudayaan juga dicemari kerana pengaruh dadah.

“ macam mana Sangkara.... Ini berbeza daripada yang kita biasa minum...” “Wah seronok kenikmatannya hebat. Siapa ajar kamu ?”
(Elanchelvan, M.1978. hlm 205)

“ hei ada cara menikmati hidup tanpa memasukkan jarum ke dalam tangan. Tidak perlu mengeluarkan duit. Marilah kita cuba cara tersebut....” “apakah cara itu? Tak perlu keluarkan duit!”
(Elanchelvan, M.1978. hlm 205)

“Mengapa perlu merasa orang sama. Kita tukar pasangan dan menikmati bersama....” (Elanchelvan, M.1978, hlm.206)

Sangkanan menyesal tindakan beliau yang menyebabkan berasmara dengan adik kandungnya.

“ adakah kita kan sembelih daging sendiri kerana lapar.? Adilkah perbuatan meminum darah kerana terlalu dahaga?”
(Elanchelvan, M.1978, hlm.214)

Seseorang isteri akan membenci suami yang ingin melacurkan isterinya sendiri. Contohnya Parvathy membidas tindakan suami yang keterlaluan yang meminta berasmara dengan lelaki lain.

“ anjing jantan tidak akan berkongsi anjing betinanya kepada anjing lain. Pada masa itulah anjing jantan jaga anjing betina di bawah kawalannya. Kalau anjing lain mendekati, anjing jantan akan melindunginya. Kamu pula bagaimana hendak dinilai sebagai manusia atau ...”
(Elanchelvan, M. 1978, hlm. 214)

Pengarang membawa mesej bahawa kesedaran diri golongan pemuda penting untuk menjauhi najis dadah. Minda positif membolehkan mereka berfikir secara rasional dan menilai yang baik dan buruk. Pergaulan sosial yang tidak baik boleh menyebabkan golongan pemuda-pemudi terdedah kepada kegiatan yang tidak diingini.

5.3 Devian Gengsterism

Sejak kebelakangan ini, penglibatan golongan pemuda-pemudi dalam gangsterism amat membimbangkan dan mendukacitakan. Devian gangsterism akan memporak-perandakan kepimpinan dan kehormatan negara. Golongan yang terlibat dalam gengsterism boleh dibahagikan kepada dua golongan, iaitu devian dan delinkuen. Remaja

yang bersekolah termasuk dalam kategori delinkuen manakala golongan yang melanggar norma masyarakat dikenali sebagai devian (Haslina Hassan,2000).

Masalah rumahtangga juga menyebabkan golongan pemuda terlibat dalam gejala gangsterism. Untuk mengelakkan masalah keluarga mereka dan menghilangkan *stress* maka golongan pemuda mencari ruang dengan menyertai aktiviti gangsterism. Gejala gangsterism kian menjadi kebimbangan peneraju negara dan kepimpinan bakal diteraju oleh golongan pemuda. Pemuda harapan bangsa perlu mengelakkan kegiatan gangsterism dan menggembelng tenaga supaya memartabatkan negara seiring dengan negara-negara maju.

N.A. Cengkuduvan merupakan pengarang novel bertajuk *Neruppu Kōṭukaḷ* (Lingkar api) (1998). Novel ini menceritakan pasangan Kuppusamy dan Kamatchi ada empat orang anak. Setelah kematian suaminya semasa pembinaan kereta api maut di Siam, Kamatchi menyara keluarga dengan bantuan anak sulung Sellamah. Sellamah ialah seorang penoreh getah yang sanggup buta huruf demi kepentingan pelajaran adik-adiknya. Adik pertama bernama Kannayan, kedua Marimuthu dan adik perempuannya bernama Komathi. Kannayan tidak minat terhadap pelajaran dan melibatkan diri dalam aktiviti tidak sihat. Marimuthu rajin belajar dan kakak Sellamah ingin menjadikan dia

seorang guru. Komathi masih bersekolah dan berumur enam belas tahun. Kannayan terlibat dalam aktiviti pecah masuk rumah dan menjadi *gangster* yang dikehendaki oleh polis. Kannayan dikepong oleh polis di rumah tetapi berjaya melepaskan diri.

Pengarang N.A. Cengkudduvan dalam novel *Kālkaḷē Nilluṅkaḷ* (Kaki Sila Berhenti) (2005) memaparkan devian Veerasamy yang mengancam kehidupan Ananthan, Rukumani dan adik Ananthan iaitu Indhumathi. Pengarang dalam novel *Kālkaḷē Nilluṅkaḷ* menggambarkan watak Veerasamy sebagai watak yang dibenci oleh masyarakat dalam masa yang sama menonjolkan watak ganas dan terlibat dalam budaya gangsterism.

Novel *Kālkaḷē Nilluṅkaḷ* mengisahkan bahawa Ananthan ada seorang adik perempuan yang bernama Indhumathi dan emaknya bernama Sivagami. Ananthan menyara keluarga dengan pendapatan yang diperolehi di kedai runcit sebagai pekerja. Ananthan dapat berkenalan dengan Lalitha, kawan baik Indhumathi. Lalitha merupakan anak orang kaya Kathirvelu yang selalu didera oleh ibu tirinya Rukumani. Veerasamy merupakan anak saudara Kathirvelu yang duduk serumah dengan pakcik Kathirvelu dan mengadakan hubungan sulit dengan isterinya, Rukumani. Akibat penderitaan yang diterima daripada ibu tirinya maka Lalitha meninggalkan rumah dan menumpang sementara di rumah Indhu. Veerasamy ingi membolot kekayaan Kathirvelu dan menunggu masa yang sesuai untuk merampas isteri dan harta Kathirvelu. Sebenarnya Lalitha hendak dijodohkan dengan Veerasamy.

Apabila Ananthan bercinta dengan Lalitha, niat Veerasamy berkecai dan hampa. Veerasamy ingin membalas dendam terhadap Ananthan. Oleh itu beliau ingin membunuh Ananthan dengan membayar wang kepada kumpulan *gangster*. Veerasamy juga pernah memalukan Indhumathi di khalayak ramai dan berperangai tidak senonoh terhadap Indhumathi. Kemudian Indhumathi dikahwinkan dengan Segar. Rukumani merupakan bekas teman wanita Segar. Hubungan ini diketahui oleh Veerasamy dan ingin membalas dendam terhadapnya dengan menunjukkan gambar waktu muda bersama Segar kepada suami Rukumani. Veerasamy ingin memecahbelahkan keluarga Indhu. Akhirnya Rukumani membunuh diri di landasan keretapi.

Melalui dialog antara pakcik dan Veerasamy, dapat dibuktikan bahawa Veerasamy ingin membalas dendam terhadap Segar, iaitu kekasih Rukumani.

“ pakcik, Segar menaiki motosikal ke kerja..kan. Dengan mudah kerja dapat dibereskan. Tepat pada muka Segar budak-budak saya dapat tuang acid. Pakcik tak perlu risau. Bagi duit saja” (Cengkudduvan,N.A.2005,hlm. 288)

Veerasamy ingin menuang acid pada muka Segar dengan membayar duit kepada kaki pukul dan kumpulan *gangster*. Perbalahan di antara Veerasamy dan Ananthan juga membuktikan bahawa Veerasamy sememangnya seorang devian *gangster*.

*“ saya akan cantas kamu kalau lawan saya. Tidak tahu bila saya akan pukul kamu. Pengemis jalanan jaga kamu”
((Cengkudduvan,N.A.2005,hlm. 202)*

Mengikut pandangan Sigmund Freud (1971), sifat *ego* wujud dalam devian Veerasamy. Veerasamy ingin menonjolkan sifat *egoistik* beliau dengan menindas Ananthan yang lebih kecil daripada saiz badannya. Beliau juga ingin menunjukkan bahawa dia lebih dominan daripada orang lain dan sanggup melakukan apa sahaja sebab dia tergolong dalam kategori orang kaya.

Melalui watak Veerasamy, pengarang memaparkan bahawa sifat, *egoistik* golongan berada menyebabkan golongan yang ditindas tidak dapat menentang golongan atasan dan akhirnya tewas dan menjadi orang suruhan mereka. Oleh kerana watak seperti Veerasamy tidak dilawan dan ditakuti maka situasi ini membolehkan mereka lebih berkuasa dan berani membesarkan kumpulan atau merekrut ahli baru.

Masyarakat tidak suka aktiviti gangsterism yang bertentangan dengan lunas-lunas kehidupan. Menurut Thrasher (1963) ketua samseng akan merekrut ahli baru menyertai geng ataupun kumpulan kongsi gelap pada usia yang muda, iaitu sewaktu remaja. Apabila mereka dewasa nanti kegiatan kongsi gelap lebih lancar dan berani melakukan kegiatan ini secara agresif dan mengancam masyarakat. Mereka rasa seronok melakukan aktiviti ini, yang pertama masyarakat takut padanya dan keduanya mereka dapat gaji yang lumayan daripada ketuanya.

5.4 Devian dan Kes Bunuh Diri

Era globalisasi melihat pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat. Masyarakat cenderung untuk memandang seorang dan tidak dapat menerima dengan baik setiap masalah sosial. Keadaan ini membuatkan masyarakat berfikiran negatif. Isu bunuh diri merupakan salah satu masalah sosial yang tidak dapat diterima oleh masyarakat. Masyarakat menganggap perbuatan itu sebagai tidak elok dan boleh menjatuhkan imej negara. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996) mendefinisikan bunuh diri sebagai satu perbuatan mengambil nyawa sendiri dengan sengaja.

5.4.1 Definisi Bunuh Diri

Bunuh diri ditakrifkan sebagai perbuatan yang sengaja memusnahkan diri sendiri atau perbuatan seseorang mematikan diri atas kerelaan sendiri. Bunuh diri dianggap sebagai salah satu perlakuan devian sosial, iaitu tingkah laku yang menyimpang atau melencong daripada norma masyarakat dan di luar daripada landasan agama. Menurut Reffer (1993) membunuh diri merupakan tingkah laku yang diperhatikan secara langsung cara seorang itu menunjukkan bahawa dia sedang berfikir untuk mengakhiri hidupnya.

Bunuh diri merujuk juga kepada aktiviti yang menghancurkan diri akibat tidak berani menghadapi sesuatu. Penyakit bunuh diri selalunya menyerang mereka yang mempunyai tekanan hidup dari mental dan fizikal. Mereka yang cenderung membunuh diri selalunya merupakan individu yang bermasalah dan mempunyai banyak tekanan seperti tekanan yang berpunca daripada masalah keluarga, putus cinta dan sebagainya.

5.4.2 Tanda-tanda Bunuh Diri

Seseorang akan menunjukkan perbuatan yang luar biasa sebelum membunuh diri. Ahli keluarga atau rakan yang rapat dengannya dapat memerhatikan perkara ganjil yang berlaku pada diri individu tersebut (Gelman, 1994). Selain itu, terdapat juga individu yang secara sengaja ataupun tidak sengaja berterus-terang berkenaan niatnya yang ingin membunuh diri, sama ada dengan meninggalkan nota atau pesanan pada saat-saat akhir sebelum ia melakukan perkara yang mengejutkan orang di sekelilingnya seperti berhenti kerja, membuang harta benda, menyusun dan mengemas barang yang disayangi, mendermakan harta dan sebagainya. Terdapat juga individu melafazkan ucapan selamat tinggal kepada keluarga dan orang yang disayangi.

Bagaimanapun, terdapat juga individu yang tidak menunjukkan sebarang perubahan atau tidak melakukan sebarang keganjilan kerana bimbang niatnya mahu membunuh diri akan diketahui oleh orang lain. Kebanyakan daripada kejadian bunuh diri

sebenarnya memeranjatkan ahli keluarga dan sahabat-sahabat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Malangnya, niat itu tidak dapat dikesan dan tidak dapat dihalang.

5.4.3 Punca-punca Berlakunya Kes Bunuh Diri

a. Kekecewaan

Setiap perkara yang berlaku mesti ada puncanya dan setiap masalah yang wujud pasti mempunyai jalan penyelesaiannya. Antara punca bunuh diri yang dapat dikesan ialah kekecewaan. Kekecewaan boleh didefinisikan sebagai dukacita kerana tidak tercapai cita-cita (Kamus Dewan, Edisi Keempat 2016). Selain itu, seseorang menjadi kecewa kerana keinginannya tidak kecapaian kerana sesuatu halangan. Lantaran itu, seseorang itu mengalami tekanan apabila kekecewaan berlaku berulang kali.

Matlamat yang ditetapkan dalam hidupnya tidak dapat dicapai seperti seorang graduan berazam untuk bekerja selepas tamat belajar, tetapi berasa kecewa kerana masih gagal mendapat pekerjaan tersebut. Tekanan turut dirasai apabila dia mendapati kawan-kawannya telah mendapat pekerjaan. Seterusnya, kekurangan sumber kewangan juga membataskan kita untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Contohnya, seseorang yang ingin membeli sebuah kereta tetapi terpaksa menangguhkannya ekoran masalah kewangan.

Tekanan juga akan berlaku jika terdapat kegagalan dalam aspek seperti alam percintaan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain perkara yang boleh memberi impak negatif pada diri individu tersebut. Tekanan juga dialami apabila kehilangan orang yang tercinta. Orang yang rapat dengan seseorang seperti ketiadaan ibu bapa dan suami atau isteri malah binatang kesayangan menyebabkan individu tersebut tertekan dan mengambil langkah untuk membunuh diri. Seseorang individu akan kecewa apabila keperluan asas tidak dipenuhi dan dicapai. Justeru individu yang amat tertekan dalam hidup akan mengambil jalan mudah melepaskan diri dengan membunuh diri.

b. Tekanan dan emosi

Tekanan merupakan faktor yang menggerakkan seseorang untuk membunuh diri. Mereka yang tertekan mempunyai perasaan dalaman yang tidak menentu akibat daripada kegagalan dan putus harapan. Antara punca tekanan ialah berlaku konflik rumah tangga, kegagalan dan konflik dalaman seperti mengalami kesakitan yang tidak ada harapan untuk sembuh. Apabila berasakan hidupnya tidak mempunyai harapan, maka langkah terakhir yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan membunuh diri.

c. Keluarga

Ibu bapa yang tidak mpedulikan ahli keluarga dan tidak mengambil berat perasaan anak-anak atau soal harga diri, maka ia mendorong mereka untuk membunuh diri. Misalnya, ibu bapa yang suka memaki-hamun dan suka mencederakan anak yang melakukan kesilapan terutamanya di khalayak ramai menyebabkan mereka berasa atau mempersepsikan diri tidak berguna serta membuat penilaian yang negatif terhadap jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi. Selain itu, harapan ibu bapa yang tinggi terhadap prestasi anak-anak, terutama dalam pelajaran juga menyebabkan anak-anak tidak mampu memenuhi hasrat tersebut dan hal ini menyebabkan mereka berasa tertekan.

d. Kerisauan akibat kegagalan dalam percintaan

Pelbagai kajian juga menyatakan bahawa konsep cinta yang wujud dalam alam remaja ini berbentuk “cinta monyet”. Walau bagaimanapun, kegagalan dalam alam percintaan ini juga boleh membawa kepada perlakuan devian bunuh diri. Ramai pasangan kekasih golongan pemuda yang sanggup membunuh diri akibat tekanan dan kerisauan yang wujud apabila perhubungan mereka ditentang atau tidak direstui oleh keluarga

masing-masing. Menurut Maniam (1988), ketidaksetujuan akibat perbezaan kasta menyebabkan 90 peratus pasangan kekasih India cenderung membunuh diri.

e. Gangguan kesihatan

Perlakuan cuba membunuh diri ini juga boleh disebabkan oleh faktor kesihatan dan cara hidup sosial yang lebih terbuka. Keadaan ini sering melanda golongan pemuda-pemudi, terutama golongan yang diketahui berpenyakit yang tidak dapat disembuhkan dan sentiasa beremosional kerana mengingatkan kematian. Perasaan tertekan dan beremosi inilah yang biasanya mendorong golongan ini untuk membunuh diri.

f. Skizofrenia

Beberapa kajian menunjukkan bahawa hanya 5 peratus daripada kes bunuh diri melibatkan individu yang menghidap penyakit skizofrenia. Biasanya masalah ini berlaku akibat delusi atau halusinasi yang dialami oleh seseorang individu, termasuk kes-kes dalam kalangan individu yang mempunyai simptom skizofrenia. Misalnya, pesakit mungkin mendengar suara yang menyuruhnya membunuh diri dengan cara terjun dari sebuah bangunan yang tinggi. Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa golongan pemuda-pemudi

yang mempunyai symptom penyakit melalui biologikal atau persekitaran juga mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

5.4.4 Bunuh Diri yang Dianggap Sebagai Devian

Bunuh diri dianggap devian kerana tingkah laku ini menyimpang daripada norma kehidupan. Individu yang membunuh diri menganggap diri mereka mempunyai hak untuk membunuh diri, tetapi masyarakat menganggap tindakan membunuh diri adalah salah dari segi norma kehidupan. Bunuh diri boleh memberi kesan buruk kepada keluarga mangsa kerana perbuatan itu menimbulkan stigma dalam kalangan masyarakat. Agama turut melarang seseorang itu membunuh diri. Agama anutan ramai di Malaysia seperti agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian melarang keras penganutnya daripada membunuh diri. Islam melarang membunuh diri kerana hanya Tuhan yang boleh memberi dan mengambil kehidupan. (Ong & Yoeh, 1992)

Novel *Kanavukalīṅ Cuyamvaram* (1991) karya Aravindan mengisahkan bahawa Elango bercinta dengan Elaveni. Ibu bapa Elaveni tidak merestui percintaan mereka. Pada suatu hari, ayah Elaveni menjemput Elango untuk berbincang tentang perkahwinan anaknya. Elango tidak mempunyai ibubapa. Emak Elango meninggalkan Elango dan berkahwin dengan orang lain. Ayah Elango bermastatutin di negara India dan berkahwin

dengan orang lain. Elango tidak mempunyai orang yang lebih tua untuk membincangkan perkahwinannya. Elango bekerja sebagai seorang editor di sebuah media percetakan.

Setelah menjemput Elango ke rumahnya, ayah Elaveni memarahi Elango dan menghina beliau dengan menyatakan bahawa Elango adalah anak yatim piatu dan tidak tahu keturunan kastanya. Justeru dia tidak mahu mengahwinkan anaknya kepada Elango. Melihat kejadian ini, Elaveni tidak dapat menerima hakikat bahawa kekasihnya mendapat malu akibat tidak tahu keturunan kasta. Elaveni membunuh diri setelah mendapati ayahnya tidak mengahwinkan dia dengan kekasihnya. Oleh itu, Elaveni membunuh diri dan kejadian ini memberi pengajaran kepada golongan ibu bapa yang menentang cinta akibat berlainan kasta.

“ Kepada ibu bapa yang dikasihi, sebelum menghembuskan nafas terakhir saya ingin memberitahu sesuatu. Bagi kamu keturunan kasta lebih penting daripada anaknya sendiri. Biarlah kamu mencari iktibar dan bertaubat atas kesilapan anda. Kamu hendaklah berubah. Itu merupakan kejayaan yang saya peroleh atas pemergian saya.” (Aravindan,1991, hlm.40)

Dalam novel *Kātaliṅāl Alla* (1999), pengarang R.Karthigesu mengisahkan Ganesan bercinta dengan Agila. Mereka berkenalan di Universiti sewaktu mereka sedang belajar untuk mendapatkan ijazah sarjana muda di Universiti Pulau Pinang. Ganesan dipelihara oleh makcik saudara dan membiayai perbelanjaan Ganesan. Walaupun Ganesan ada ibu bapa tetapi mereka tidak mampu menyekolahkan Ganesan dan makcik Ganesanlah yang

membelanjakan duit pelajaran sehingga menara gading. Makcik Ganesan ada seorang anak perempuan yang bernama Malliga yang gilakan Ganesan. Makcik Ganesan sanggup membelanja untuk Ganesan dengan anggapan Ganesan akan mengahwini anaknya Malliga. Malliga sanggup membunuh diri jika tidak dapat mengahwini Ganesan.

“ saya akan mengahwini anda sahaja. Jikalau abang tidak menjadi suami saya maka saya membunuh diri, ini adalah benar dan memang benar”

(Aravindan,1999,hlm.221)

“ membunuh diri adalah cerita rekaan sahaja. Ini adalah salah satu helah. Bukan mudah untuk seorang perempuan untuk membunuh diri”

(Aravindan,1999,hlm.224)

“ perempuan itu telah meminum racun. Mereka telah membawa ke hospital. Ganesan menuju ke Klang untuk melihatnya”(Aravindan,1999,hlm.267)

Watak Elaveni dan Malliga digambarkan sebagai golongan pemudi yang lemah semangat dan tidak berani menghadapi dugaan dan rintangan hidup. Golongan pemudi wanita seharusnya berani menentang cabaran yang menjadi penghalang kemajuan hidupnya. Sesuatu masalah dapat diatasi jika berbincang dan mencari jalan penyelesaian. Tetapi membunuh diri bukan penyelesaian bijak mengharungi dugaan hidup.

5.5 Devian dan Kes Lari dari Rumah

Setiap manusia yang hidup sudah tentu sedikit sebanyak mempunyai keinginan atau dorongan untuk lari dari rumah. Bagi sesetengah individu, mereka mungkin berasa bimbang untuk lari dari rumah kerana memikirkan tempat yang akan mereka tinggal selepas lari dari rumah. Masalah ini sukar ditentukan puncanya kerana segelintir golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah biasanya disebabkan oleh masalah yang berlaku dalam keluarga dan ada juga kerana cuba mencari peluang untuk hidup bebas tanpa sebarang kawalan. Masalah golongan pemuda-pemudi lari dari rumah merupakan satu isu yang telah lama terjadi. Namun, ia hanya menjadi tumpuan setelah timbul masalah sosial lain yang melibatkan masyarakat umum.

Pada kebiasaannya, golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah akan berhadapan dengan masalah lain yang lebih berat sehingga mampu mengancam nyawanya sendiri. Masalah ini mungkin wujud kerana faktor persekitaran dan juga kerana diri sendiri.

5.5.1 Punca Remaja Lari dari Rumah

- a. Faktor individu

Faktor individu merupakan salah satu punca golongan pemuda-pemudi lari dari rumah. Hal ini berlaku kerana golongan pemuda-pemudi masih mencari identiti diri, misalnya golongan pemuda-pemudi mahu mengetahui keupayaan mereka untuk hidup berdikari. Kajian membuktikan bahawa faktor mencari identiti merupakan antara bukti golongan pemuda-pemudi lari dari rumah. Faktor ini disokong oleh Jones (1988) yang mengenal pasti beberapa jenis personaliti golongan pemuda-pemudi yang mengalami kecelaruan emosi mendorong kepada perbuatan lari dari rumah.

b. Kebosanan

Terdapat juga segelintir golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah kerana masalah sosialisasi, iaitu kegagalan untuk berkomunikasi dengan masyarakat di sekeliling, terutama dengan saudara terdekat mereka. Mereka mulai bosan tinggal di rumah kerana tidak wujud interaksi dalam keluarga. Hal ini jelas menunjukkan golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah datang dari pelbagai jenis latar belakang (Dacey & Kenny, 1994). Hersch (1998) mendapati 85 peratus daripada remaja yang melarikan diri mengalami kemurungan.

c. Tekanan

Tekanan merupakan satu perkara biasa yang dialami oleh setiap manusia yang hidup. Kegagalan mengatasi tekanan akan menyebabkan seseorang mula bertindak menunjukkan tingkah laku di luar norma-norma kemanusiaan. Bagi golongan pemuda-

pemudi yang lari dari rumah, tekanan mungkin berlaku kerana tekanan belajar yang terlalu tinggi, ataupun mempunyai masalah dengan keluarga. Golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah tidak tahan dengan tekanan dan cuba melarikan diri sebagai satu-satunya jalan penyelesaian. Kajian yang dilakukan oleh Dacey & Kenny (1994) menunjukkan remaja yang melarikan diri mengalami tekanan hidup yang tinggi. Kajian juga menunjukkan secara purata golongan pemuda-pemudi bermasalah mengalami tekanan empat kali lebih tinggi daripada golongan pemuda-pemudi biasa.

d. Keluarga

Masalah sosial dalam kalangan golongan pemuda-pemudi berlaku disebabkan kerengangan hubungan golongan pemuda-pemudi dengan keluarga. Hal ini boleh berpunca daripada proses sosialisasi golongan pemuda-pemudi tersebut dengan keluarganya tidak berlaku secara normal. Apabila institusi keluarga leka dan cuai menangani masalah golongan pemuda-pemudi maka ini akan mendorong golongan pemuda-pemudi terlibat dalam masalah sosial. Dalam hal ini, golongan pemuda-pemudi cenderung untuk mendapatkan perhatian luar akibat daripada masalah yang dialami dalam lingkungan keluarga. Kajian perbandingan oleh Fatimah (1994) menunjukkan bahawa anak remaja yang lari dari rumah mempunyai tahap komunikasi, kasih sayang dan pengawasan ibu bapa yang rendah, jika dibandingkan dengan remaja yang tidak lari

dari rumah. Maka, jelas bahawa faktor sosialisasi daripada ibu bapa dan keluarga terdekat memberi faktor yang besar kepada permasalahan golongan pemuda-pemudi lari dari rumah.

Selain itu, golongan pemuda-pemudi boleh terdorong untuk keluar atau lari dari rumah kesan daripada konflik yang berlaku dalam keluarga. Umpamanya, ibu bapa yang bertengkar akibat daripada ketiadaan kata sepakat. Malah, masyarakat juga bersikap ego terhadap pendapat dan kehendak sendiri. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai pemimpin dalam keluarga juga boleh menimbulkan konflik dalam sesebuah keluarga. Keluarga jenis *nukleas* yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang besar sering menimbulkan masalah untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan mereka.

Apabila berlaku konflik dalam lingkungan keluarga maka, perkara ini menjadi punca kepada timbulnya kecelaruan perasaan dalam kalangan remaja. Antara masalah yang sering dihadapi dalam institusi keluarga adalah isu seperti keluar dengan rakan sebaya, keputusan peperiksaan, pakaian dan banyak lagi. Selain itu, faktor kemiskinan dan punca pendapatan yang kurang juga mengundang krisis keluarga dan golongan pemuda-pemudi mengambil keputusan lari dari rumah. Sesetengah golongan pemuda-pemudi pula melarikan diri kerana ingin menyembunyikan masalah mereka daripada keluarga seperti

mengandung, gagal dalam peperiksaan dan terlibat dalam kegiatan homoseksual (Chong, 2000).

Menurut Umi Kalthum (1993), keadaan celaru dalam keluarga merupakan satu faktor kuat yang mampu mempengaruhi jiwa dan minda golongan muda. Krisis sebegini dalam institusi keluarga merupakan antara punca utama yang menolak remaja keluar dari rumah. Oleh hal yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa keadaan harmoni dalam keluarga menjadi asas kepada kerukunan masalah sosial sifar.

e. Persekitaran

Kajian yang dilakukan oleh *United Nations Educations, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) di kawasan Asia pada tahun 1997, menyimpulkan antara sebab golongan pemuda-pemudi melarikan diri dari rumah kerana majoriti daripada mereka datang dari kawasan perumahan yang kurang memuaskan, iaitu kawasan setinggan dan rumah pangsa yang sempit. Faktor persekitaran di kawasan setinggan juga menyebabkan golongan pemuda-pemudi terdedah kepada aktiviti anti-sosial.

Peningkatan masalah golongan pemuda-pemudi lari dari rumah berlaku kerana kurangnya perhatian dan tanggungjawab ibu bapa terhadap golongan pemuda-pemudi. Ibu bapa tidak dapat meluangkan masa dengan anak kerana mengejar kebendaan dan faktor

kesibukan kerja. (Sabitha & Mahmood, 1994) Senario ini membuka ruang dan memberi kebebasan kepada anak golongan pemuda-pemudi untuk mudah terjebak dalam kancuh gejala sosial. Oleh itu, jelas bahawa cara hidup materialistik turut menjadi penyumbang kepada berlakunya gejala pemuda-pemudi lari dari rumah.

Secara asasnya, ibu bapa yang bersikap atau mempunyai cara hidup negatif banyak menjadi punca kepada berlakunya masalah golongan pemuda-pemudi lari dari rumah. Menurut Speck (1988), tingkah laku negatif ibu bapa seperti ketagih alkohol, dadah dan sering keluar masuk penjara akan menyebabkan mereka mempunyai anak yang bermasalah. Golongan pemuda-pemudi dari keluarga bermasalah seperti ini mempunyai kecenderungan sebanyak lima kali lebih tinggi untuk melarikan diri, jika dibandingkan dengan remaja yang melarikan diri kerana perkara-perkara seperti cinta, pengaruh rakan atau tekanan daripada ibu bapa (Speck,1988).

Terdapat juga faktor gaya pendidikan ibu bapa yang membawa kesan kepada timbulnya masalah golongan pemuda-pemudi lari dari rumah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Khuzaimah (2001) dan Van der Plough *et al.* (1997) menunjukkan wujud perkaitan antara cara gaya ibu bapa dengan salah laku remaja. Cara gaya *autoritarian* memberi implikasi negatif kerana ibu bapa tidak memberi peluang kepada remaja untuk berinteraksi dalam suasana yang bebas dan harmoni. Menurut Van der Plough *et al.*

(1997), ibu bapa yang mengamalkan cara gaya sebegini mempunyai anak-anak yang mudah terdorong untuk lari dari rumah. Menurut teori Erik Erikson (1964), usia 17 tahun adalah usia seseorang itu meningkat alam remaja (Mohd. Sharani Ahmad, 2005).

Pada usia ini berlaku pelbagai konflik personaliti. Selain itu, keinginan terhadap kebebasan dan bersosial melonjak pada usia ini. Sekiranya cara gaya *autoritarian* diamalkan oleh ibu bapa, ia boleh menimbulkan rasa tertekan kepada golongan pemuda-pemudi tersebut. Perasaan ini boleh menjadi penyebab kepada pelbagai tindakan negatif yang mungkin diambil oleh golongan pemuda tersebut. Oleh itu, jelas bahawa faktor cara gaya *autoritarian* yang diamalkan oleh sesetengah ibu bapa boleh memberi kesan kepada timbulnya masalah golongan pemuda-pemudi lari dari rumah.

f. Gangguan emosi

Satu lagi faktor yang menyebabkan golongan pemuda-pemudi a lari dari rumah kerana adanya gangguan seksual dan fizikal daripada anggota keluarga. Gangguan seksual yang sering dihadapi biasanya daripada bapa atau abang kandung serta saudara tiri (Umi Kalthum, 1993). Menurut Simons dan Whitbeck (1991), salah satu sebab remaja lari ialah untuk mengelakkan daripada didera oleh ibu bapa. Pada umumnya penderaan dari segi fizikal dialami oleh lelaki manakala perempuan mengalami penderaan seksual.

g. Rakan Sebaya

Dalam usia muda, pelbagai individu boleh mendominasi kehidupan golongan pemuda-pemudi. Pada usia ini juga, golongan pemuda-pemudi lebih selesa meluahkan perasaan atau masalah mereka kepada rakan sebaya. Perkara ini jelas kelihatan pada golongan pemuda-pemudi yang mempunyai hubungan renggang dengan keluarga. Kajian yang dilakukan oleh Windle (1989) dan Speck *et al.* (1988) menunjukkan bahawa majoriti golongan pemuda-pemudi yang lari dari rumah mempunyai pengaruh dan sokongan rakan sebaya.

Seiring dengan ini, tingkah laku delinkuen dipelajari bersama-sama dengan rakan sebaya. Pengaruh teman lelaki juga merupakan salah satu faktor yang cukup kuat mempengaruhi remaja Malaysia untuk lari dari rumah khasnya remaja perempuan (Sabitha *et al.*, 1994; Fatimah, 1994). Kekasih adalah tempat untuk mereka meluahkan perasaan dan masalah mereka. Remaja mudah terpengaruh dan tertarik dengan pujuk rayu kekasih, sehingga mereka lupa tanggungjawab terhadap pelajaran dan keluarga. Apabila keluarga tidak merestui hubungan, maka remaja yang terbabit biasanya mengambil keputusan untuk lari bersama kekasih.

Novel *Oru Tivukkulle* karya Nirmala Perumal (2009) mengisahkan bahawa Murugan dan Muthaiye merupakan sepasang kekasih yang lari dari rumah akibat faktor kasta masyarakat India. Mereka sebenarnya lahir di India dan melarikan diri ke Tanah

Melayu melalui laluan kapal laut dan sampai di Pelabuhan Klang. Mereka dapat mendirikan rumahtangga di sebuah ladang di Pulau Carey. Anak-anaknya telah membesar dan mereka pun sudah tua. Pada suatu hari apabila Murugan dan Muthaiye sedang membersihkan ladang kelapa sawit, abang kepada Muthaiyee telah memenggal leher Murugan dan insiden ini menyebabkan Muthaiyee menghembuskan nafas terakhirnya. Abang Muthaiyee berbuat demikian kerana Murugan telah melarikan adiknya, Muthaiyee tanpa pengetahuan keluarga mereka. Keluarga Muthaiyee menghalang percintaan mereka atas alasan Murugan berketurunan kasta rendah. Walaupun Murugan dan Muthaiyee telah berumur tetapi faktor kasta menyebabkan Murugan dibunuh dengan kejam oleh abang kandung Muthaiyee.

Teori psikoanalisis Freud (1923) menekankan struktur keperibadian. Antaranya ialah *id*, *ego* dan *superego*. Dari segi *id*, ia berkait rapat dengan aspek biologis dan merupakan sistem semula jadi dalam keperibadian. *Id* adalah subjektif manusia yang dibawa sejak lahir. Ia termasuklah naluri yang menggerakkan *ego* dan *super ego*. Tenaga yang ada dalam identiti ini akan meningkat kerana dirangsang melalui faktor dalaman mahupun luaran. Apabila tenaga ini meningkat, maka ia akan menimbulkan tegangan dan mewujudkan pengalaman yang tidak enak.

Dalam contoh novel ini, watak Murugan dan Muthaiyee mewarisi ciri-ciri *id*, *ego* dan *superego*. Dapatlah disimpulkan bahawa *id* digunakan untuk menghilangkan ketidakpuasan dan mengejar keseronokan. *Ego* pula berkait rapat dengan aspek psikologis daripada keperibadian dan ia timbul kerana individu mempunyai hubungan baik dengan persekitaran. Ia juga dipandang sebagai aspek eksekutif keperibadian kerana ia mengawal jalan-jalan yang ditempuhinya manakala *superego* pula berkait rapat dengan sosiologi keperibadian dan ia mewakili nilai-nilai tradisional masyarakat. Ia lebih ke arah kesenangan, menentukan had yang benar dan salah dan bertindak dengan moral masyarakat. Jadi, daripada ketiga-tiga aspek ini dapatlah kita kaitkan bahawa tingkah laku Murugan dan Muthaiyee melarikan diri merupakan akibat daripada tekanan (*id*), justeru keinginan hati dalam diri seseorang itu mendesak untuk dia mencapai keseronokan dan mengambil keputusan untuk melarikan diri (*ego*). Namun, individu itu juga berfikir natijah atau akibat jika dia melarikan diri sama ada baik atau tidak (*superego*).

“ Mereka berani lari daripada ikatan sosial yang mahukan berkahwin daripada kasta yang sama, mereka berdua mempercayai satu sama lain dan mempunyai semangat cinta yang kuat” (Nirmala Perumal,2009, hlm. 37)
“meranapkan pemikiran kolot berkasta sama untuk berkahwin dan bersatu dalam cinta dan menentang keluarga yang menghalang perkahwinan mereka”
(Nirmala Perumal,2009,hlm.37)

Dialog-dialog tersebut mengukuhkan pendapat Sigmund Freud bahawa ciri-ciri *id*, *ego* dan *superego* sememangnya memperlihatkan dalam watak Murugan dan Muthaiye yang berkait dengan sosiologi keperibadian dan tradisional masyarakat.

Sementara, Teori Perkembangan Psikososial (Teori Erikson) merujuk kepada cara seseorang menjalinkan hubungan dengan orang lain yang membentuk pengertian diri dan menjadi diri sebahagian daripada ikatan sosial. Dalam novel *Oru Tivukkullē* karya Nirmala Perumal (2009) pasangan Murugan dan Muthaiyee melarikan diri dari rumah dan negara kerana ikatan sosial yang tidak membenarkan berkahwin akibat berlainan kasta.

Perkembangan remaja terletak pada tahap yang kelima, iaitu identiti lawan kekeliruan yang berlaku semasa meningkat remaja. Dalam novel *Oru Tivukkullē* karya Nirmala Perumal (2009) pasangan Murugan dan Muthaiyee mengalami identiti lawan kekeliruan. Mereka mencari identiti diri dan risau tentang perkara yang akan terjadi kepada mereka pada masa hadapan. Pada tahap ini, ibu bapa perlu memberi peluang kepada golongan pemuda-pemudi untuk mencuba peranan berkenaan. Jika golongan pemuda-pemudi berjaya mencari peranannya, maka golongan pemuda-pemudi itu akan berjaya membentuk identiti yang positif. Sebaliknya, jika ibu bapa cuba memberi tekanan ke atas

golongan pemuda-pemudi untuk memainkan pelbagai peranan maka golongan pemuda-pemudi akan mengalami kekeliruan identiti.

Pendekatan psikologi sosial juga boleh dikaitkan dengan isu melarikan diri. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Alfred Adler (1927), iaitu Bapa Psikologi Individu. Adler menjelaskan bahawa individu memiliki sifat unik dan sifat-sifat peribadi. Adler menambah bahawa setiap orang mempunyai motif, sifat dan nilai khas yang membawa kepada corak hidup yang bersifat individual. Misalnya, perbuatan melarikan diri berkemungkinan disebabkan oleh sifat manusia yang unik yang mempunyai pendapat berbeza daripada orang lain. Mereka menjangkakan bahawa dengan melarikan diri, segala masalah boleh diselesaikan.

“ walaupun Murugan dah berumur, tetapi akibat kasta dan abang Muthaiyee sanggup menunaikan kehendak bapa untuk membunuh Murugan kerana melarikan diri kakak Muthaiyee...” (Nirmala Perumal, 2009, hlm. 89)

“ dua orang memegang tangan Murugan dengan kuat. Dua orang memegang Sivapalan. Dengan menggunakan parang yang dibawa untuk memenggal kepala Murugan. Badan dan kepala jatuh ke tanah. Muthaiyee menghembuskan nafas terakhir” (Nirmala Perumal, 2009, hlm. 89)

Adler (1927) yang memperkenalkan dua dorongan, iaitu dorongan masyarakat yang menyebabkan seseorang menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling dan yang kedua, membolehkan seseorang itu mengabdikan kepada diri sendiri. Adler menyatakan bahawa individu yang berhadapan dengan masalah rendah diri disebabkan oleh tekanan. Tekanan wujud dalam hubungan sosial, hubungan antara peribadi, ikatan diri dalam kelompok dan

sebagainya. Oleh yang demikian, keinginan seseorang itu untuk melarikan diri berpunca daripada tekanan dan ancaman kepada masyarakat.

Dalam novel *Uravenna Uravo* (1973) karya M.Ramaiyah mengisahkan bahawa Velu melarikan diri daripada masyarakat melabel beliau sebagai pembunuh kawan Segar. Secara tidak sengaja Velu menolak Segar akibat pertelingkahan main judi dalam kalangan kawan-kawannya. Pada pandangan Velu kawannya terbunuh akibat terkena paku di badannya. Melihat keadaan itu Velu melarikan diri ke Kuala Lumpur menaiki kereta api. Dia berkenalan dengan Manikam yang meminta Velu berlakon sebagai anak kepada seorang jutawan. Sebenarnya jutawan Vaithialingam kehilangan anak sejak kecil lagi. Dia mengamanahkan Manikam untuk mencari anaknya yang hilang itu. Manikam hendak membolot harta orang kaya itu dengan memperalatkan Velu sebagai anaknya. Velu tidak sampai hati bersubahat dengan Manikam atas curahan kasih sayang ibu bapa terhadapnya. Berat hati Velu untuk menderhaka kepada ibu bapa mereka yang dipercayai Velu sebagai anak kandung sendiri. Akhirnya pihak polis menangkap Manikam dan melepaskan Velu kerana Segar masih hidup dan perkara itu berlaku secara tidak sengaja.

Dalam watak Velu ciri-ciri *Id* yang dihuraikan oleh Sigmund Freud terserlah. Velu tidak mahu masyarakat memandang beliau sebagai seorang pembunuh.

Beliau hendak keluar daripada tafsiran itu yakni *Id*, Velu ingin lari daripada kenyataan masyarakat dan tidak mahu dia dilabel sebagai pembunuh.

Sewaktu berada di keretapi bersama Manikam beberapa orang pegawai polis membawa seorang banduan bersama mereka. Melihat kepada polis yang berpakaian seragam Velu merasa amat takut dan kluatir untuk melihat mereka. Dia takut pegawai polis hendak memberkas beliau atas kesalahan membunuh Segar. *“mereka mencari saya ke....? Mereka ke arah saya...? Saya pasti akan tertangkap”* (Ramaiyah, M.1973, hlm.18)

Dalam perkara ini, Velu mempunyai sifat *Id* yang mengongkong beliau, iaitu perbuatan salah laku yang dilakukan terhadap kawannya Segar. Justeru beranggapan pihak polis memburu beliau atas kesalahan jenayahnya. *“Sanubari hati tidak mengizinkan saya. Hidup di atas dosa. Baik menderita di jalanan daripada hidup mewah di istana”* (Ramaiyah, M.1973, hlm.2)

Velu menghadapi tekanan jiwa apabila mendapati kawannya mati setelah ditolak. Mengikut Freud, tekanan jiwa yang dialami oleh Velu tidak mampu menguruskan diri. Dengan itu, Velu bertindak keluar daripada jiwa yang menghantui pemikirannya. *Superego*

dan *ego* pada diri Velu menyebabkan dia tidak stabil. Dengan demikian seseorang itu cuba hendak keluar daripada keadaan tertekan itu.

“ Anak yatim piatu memerlukan kasih sayang. Mereka menyayangi saya. Tidak ada insan yang sayang pada saya seperti ini. Kasih ibu membawa syurga dan penting untuk saya.... ” (Ramaiyah, M.1973, hlm.30)

Velu tidak mahu menderhaka terhadap ibu bapa yang amat menyayanginya. Naluri hati tidak mengizinkan dia untuk berbuat demikian. Keadaan ini disamakan dengan teori Sigmund Freud apabila menghadapi “kecemasan” dalam kehidupan. Yakni membantu individu supaya mengenali diri, merancang dengan bijak dan serta menyelesaikan masalah dengan rasional. Selain itu, golongan pemuda-pemudi dapat menguruskan aktiviti seharian dengan baik selaras kehendak masyarakat setempat.

5.6 Devian dan Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumahtangga berlaku apabila salah seorang mengamuk dan tidak dapat mengawal emosi. Umumnya lelaki mendominasi kaum perempuan dan sebaliknya. Si pelaku cuba membuatkan mangsa merasa takut, mencederakan mangsa secara fizikal, melakukan perbuatan berbentuk seksual.

Keganasan rumah tangga hendaklah dielakkan dari peringkat awal. Jika dibiarkan ia akan memberi kesan kepada institusi keluarga. Si mangsa akan terdedah kepada

gangguan emosi dan mental. Perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak akan memberi kesan yang tidak baik untuk jangka masa panjang. Kanak-kanak yang melihat pergaduhan di antara ibu bapa yang berakhir dengan kecederaan akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap kanak-kanak. Kemungkinan si anak akan mengulangi apa yang dipelajari dari ibu bapa mereka apabila mereka meningkat dewasa kelak. Mereka juga berpotensi untuk menjadi pendera.

Selain itu, pergaduhan antara ibu bapa juga berakhir dengan penceraian. Anak-anak tidak dapat kasih sayang sepenuhnya daripada ibu bapa dan mereka akan tertekan dan terlibat dalam aktiviti anti-sosial seperti gangsterism, vandalism, penagihan dadah dan masalah sosial lain.

5.6.1 Faktor-Faktor keganasan rumah tangga

a. Tekanan

Faktor tekanan juga mengundang keganasan rumah tangga. Ibu bapa yang tertekan akibat sesuatu masalah dan tidak dapat mengawal emosi menyebabkan mereka melepaskan tekanan kepada ahli keluarga yang lemah seperti kanak-kanak, orang tua dan wanita. Tekanan biasanya berpunca daripada pelbagai aspek seperti masalah dalam pekerjaan, masalah kewangan, emosi yang tidak stabil dan sebagainya.

Pada kebiasaannya, suami atau isteri yang mempunyai prestasi yang baik dalam pekerjaan kurang melakukan keganasan terhadap keluarga berbanding dengan golongan yang mempunyai prestasi yang tidak baik dalam pekerjaan akan cenderung melakukan keganasan rumahtangga. Golongan yang tidak mempunyai prestasi yang baik sering dimarahi oleh ketua dan mereka tidak berani untuk bertindak balas. Mereka akan melepaskan tekanan yang terhasil di tempat kerja apabila pulang ke rumah dan biasanya isteri atau anak-anak akan menjadi mangsa. Apabila mereka melakukan keganasan mereka akan berasa puas dan tenang.

b. Gangguan mental

Melihat dari sudut perubatan jiwa, kecelaruan mental juga menyebabkan seseorang yang bertingkah laku ganas akibat kecederaan yang dialami pada otak, panas baran dan agresif, genetik daripada baka garang, tekanan hidup dan faktor sekeliling seperti masalah pekerjaan, kewangan dan sebagainya. Gangguan mental seperti kecelaruan personaliti, kecelaruan *mood*, kecelaruan kebimbangan, individu yang mengalami skizofrenia dan masalah mental biasanya mereka akan melakukan keganasan.

Pada kebiasaannya, individu yang mengalami gangguan mental tidak sedar akan perbuatan yang dilakukan. Apabila menghadapi masalah tekanan mereka tidak dapat mengatasinya dengan cara yang normal seperti orang lain. Oleh itu, mereka kadang-kadang

akan melakukan keganasan rumah tangga dengan mencederakan orang lain atau membunuh.

c. Tiada sokongan keluarga

Ketiadaan sokongan daripada keluarga bermaksud pasangan ataupun anak-anak tidak mempedulikan tanggungjawab antara satu sama lain. Mereka lebih mementingkan diri sendiri dan kerjaya. Struktur kekeluargaan tidak lagi diamalkan, yakni peranan sebagai ibu, ayah dan anak tidak lagi wujud.

Sebagai contoh, apabila pasangan dalam keadaan keletihan selepas balik dari kerja, interaksi atau komunikasi antara pasangan kurang diamalkan. Hal ini menambah tekanan terhadap pasangan sama ada ibu atau bapa yang bekerja dan hal ini memudahkan keganasan rumah tangga berlaku. Apabila masalah di tempat kerja berlaku, sokongan moral daripada pasangan kurang diamalkan seperti menenangkan pasangan dan memberi nasihat kepada pasangan. Secara tidak langsung ini dapat mengurangkan tekanan hidup.

d. Kelemahan mangsa

Punca keganasan rumah tangga juga disebabkan oleh kelemahan mangsa itu sendiri. Sebagai contoh, pertengkaran yang kecil antara si suami dan isteri menyebabkan

ikatan keluarga menjadi renggang. Si isteri yang mengalah lebih banyak menyebabkan si suami menjadi agresif dan dominan lalu mencederakan si isteri. Mangsa yang lemah seperti si isteri tidak berdaya melawan dan memendam rasa dan menangis. Yakni si isteri akan mengalami tekanan emosi dan mental.

Selain itu, mangsa sendiri tidak mengetahui hak-hak mereka sekiranya mereka dianiaya oleh pasangan. Mereka kurang pengetahuan tentang hak-hak, peraturan dan undang-undang yang boleh melindungi diri sekiranya dianiaya atau didera oleh pasangan. Begitu juga dengan kanak-kanak, mereka takut untuk membuat laporan dan tidak mengetahui hak mereka sebagai mangsa. Mereka menganggap perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa itu adalah untuk mendisiplinkan mereka sehingga pada tahap yang serius. Hal ini juga memperlihatkan kelemahan mangsa terhadap aspek perundangan.

5.6.2 Kesan keganasan rumah tangga terhadap isteri

a. Kebimbangan dalam kalangan wanita

Laporan tentang jumlah peningkatan isu keganasan rumah tangga mengejutkan banyak pihak menyebabkan timbul kebimbangan terhadap wanita yang berstatus isteri. Mereka beranggapan bahawa jika timbul kesilapan atau pertengkaran dengan pasangan sudah pasti jenayah itu timbul. Walaupun ia tidak semestinya benar, tetapi sedikit sebanyak keganasan rumah tangga mempengaruhi minda mereka.

b. Penderitaan mental dan fizikal

Tidak ramai isteri yang mengalami penderaan mental dan fizikal oleh suami masing-masing. Tidak kurang juga yang mengalami masalah mental selepas menerima penderaan yang teruk daripada suami yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga dan menguruskan perihal isteri dan anak-anaknya.

c. Kehilangan semangat dan perubahan watak

Selepas menderita akibat perbuatan suami, isteri tadi turut hilang semangat dan mengalami perubahan watak akibat daripada tekanan yang dialaminya. Ramai daripada mereka yang tidak tahu mengambil tindakan selanjutnya selepas didera suami. Keganasan rumah tangga merupakan cabaran yang hebat kepada wanita dalam menjalankan peranannya sebagai pembina bangsa. Wanita yang mengalami keganasan di tangan suami bukan sahaja menjadi lemah secara fizikal, malah akan hilang motivasi diri.

5.6.3 Kesan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak

a. Kesan Emosi dan Fizikal

Pertengkaran antara suami dan isteri akan memberi kesan buruk terhadap emosi dan fizikal anggota keluarga. Keganasan rumah tangga bukan sahaja membawa perubahan emosi dan psikologi, malah ikatan kekeluargaan menjadi renggang. Lantaran itu, ahli

keluarga tidak dapat mengecapi hubungan kasih sayang dan keakraban dalam keluarga sendiri.

b. Remaja lari dari rumah

Pada hakikatnya, keganasan rumah tangga termasuk dalam pergerakan lingkaran ganas (*vicious circle*). Masalah keluarga yang kompleks dalam rumah tangga menyebabkan kanak-kanak atau remaja lari dari rumah. Bagi remaja perempuan misalnya, mereka akan mencari orang lain yang akan menyayangi mereka selain anggota keluarga sendiri, misalnya teman lelaki.

c. Bersikap ganas dan agresif

Kanak-kanak yang tinggal dalam keluarga yang porak-peranda, secara emosi dan psikologi akan terpengaruh dengan perlakuan ganas yang dihadapi pada zaman kanak-kanak. Kanak-kanak yang selalu melihat keganasan yang melibatkan senjata atau pisau berpotensi menjadi seorang yang ganas dan agresif seperti suka menyerang dan suka berkelahi apabila mereka dewasa kelak. Hal ini demikian kerana kejadian yang dilihat daripada keluarganya akan terbawa-bawa sepanjang hidup mereka.

Dalam teori pembelajaran juga menyatakan bahawa manusia melakukan sesuatu tindakan selepas melihat tingkah laku atau tindakan daripada orang lain. Begitulah yang

terjadi terhadap tindakan melakukan keganasan, yakni orang yang melihat tindakan ganas dalam rumah seperti merogol, serangan dan membunuh akan mempelajari dan mengikuti perkara yang dilakukan ke atas keluarga mereka sendiri. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada keluarganya nanti tetapi juga kepada ahli komuniti.

d. Kesan kemurungan

Ibu bapa yang bertindak melakukan keganasan dengan menggunakan alat senjata seperti pisau akan menyebabkan berlaku kemurungan dalam kalangan kanak-kanak (Compas, 1987; Grych & Fincham, 1990; Rutter, 1983). Biasanya, kanak-kanak yang mengalami kemurungan akan memperlihatkan tanda-tanda seperti berasa sedih dan takut atas kejadian yang berlaku. Perasaan yang mereka alami termasuklah berasa risau tentang keselamatan ibu dan diri mereka sendiri.

e. Mengalami kesepian

Hasil kajian ahli psikologi menunjukkan kanak-kanak yang tidak mengecapi kebahagiaan di rumah mempunyai keyakinan diri yang kurang, kurang kemampuan atau daya tahan untuk menyelesaikan masalah dan sering dipengaruhi perasaan kesepian. Untuk mencari jalan keluar daripada masalah rumah tangga, maka wujudlah budaya lepak, lari dari rumah, penagihan dadah, melakukan jenayah vandalisme, pelacuran dan bunuh diri.

Keganasan rumah tangga menjadi isu masyarakat lebih-lebih lagi apabila ia menyentuh perasaan orang ramai seperti kes kematian dan penderaan kanak-kanak. Oleh yang demikian, setiap individu perlu bertindak untuk tidak melakukan keganasan rumahtangga. Dikhuatiri isu keganasan rumah tangga akan menghancurkan masa depan institusi kekeluargaan di negara ini.

Cūtāṭṭam āṭum Kālam (2005) karya R. Karthigesu mengisahkan kesan keganasan bapa dan makcik Kathir terhadap anak kandungnya. Dalam masa yang sama watak Kathiresan teringin bertemu ibunya yang meninggalkan beliau sewaktu masih kecil lagi. Kathiresan merupakan anak kepada Arumugam yang tidak disukai oleh bapanya. Emaknya telah melahirkan anak kembar tak iras. Anak lelaki lahir dalam keadaan cacat dan seorang anak perempuan lahir dalam keadaan normal. Emaknya takut suaminya akan membunuh anak yang lahir dalam keadaan tidak normal (cacat anggota). Justeru itu, emaknya membawa anak yang cacat dan meninggalkan rumah. Emak mertua tidak mahu menjaga anak perempuan itu lalu membunuhnya.

Apabila diketahui ramai, emak mertua memberitahu bahawa emak kandungnya membunuh anak itu dan melarikan diri dengan anak yang satu lagi. Tohman dilepaskan kepada emaknya. Arumugam, ayah kepada Kathiresan selalu memaki anaknya dan melepaskan geram terhadapnya. Makcik Kathiresan (Kathir) selalu mengenakan Kathir

dengan memberitahu pada ayah Kathir bahawa dia mencuri duit simpanannya dan selalu kurang ajar terhadapnya. Arumugam marah terhadap Kathir dan mendera anaknya. Makcik Kathir selalu mendera anaknya dengan memanaskan sebatang sudu dan memukul Kathir.

“ Hari ini tak ada makanan untuk mu. Bapa balik nanti kamu akan kena ”

(Karthigesu,R.2005,hlm.63)

Setelah ayahnya balik makcik mengenakan Kathir dengan memberitahu bahawa Kathir biadab terhadapnya dan tidak menghormatinya. Ayahnya mengambil sebatang kayu api dan memukul Kathir sekuat mungkin.

“Anak pelacur. Kamu cakap pasal kasta. Nah, mari saya ajar kamu cukup-cukup”

(Karthigesu,R.2005, hlm.64)

Tindakan bapa mengikat dan memukul Kathir bukan merupakan kali pertama. Setiap kali ayahnya tidak berada dalam *mood* yang baik, yang menjadi mangsa ialah anaknya. Arumugam mengikat kedua-dua tangan anaknya. Beliau memanaskan besi panas dalam dapur gas. Selepas itu mengenakan Kathir di mulut dan di tangan
(Karthigesu,R.2005,hlm.71).

“mereka memukul dan mendera saya dengan benda panas. Saya tidak dapat menerima kesakitan itu” Kathir mengadu kepada guru kelas (Karthigesu,R.2005, hlm.75).

Sepertimana yang diuraikan oleh Erik Erikson, identiti *ego* berkembang melalui hubungan sosial. Akibat pengalaman baru dan penerimaan maklumat baru sewaktu berinteraksi dengan orang lain membolehkan identiti *ego* sentiasa berubah. Rasa kecekapan seseorang membolehkan berlaku perubahan tingkah laku. Jika *ego* tidak ditangani dengan baik maka ia akan membawa tingkah laku devian yang lain (Erik Erikson, 1994). Tindakan bapa Kathir mengekalkan egonya terhadap anak menyebabkan Kathir lari dari rumah.

Melihat kepada watak Arumugam dan makcik Kathir, pengarang memperlihatkan bahawa penderaan kanak-kanak sering berlaku dalam rumah dan terlindung daripada pengetahuan orang ramai. Kathir selalu menjadi mangsa penderaan mereka lalu bertekad meninggalkan rumah dan mencari langkah untuk menyelamatkan diri daripada didera oleh mereka. Ini sudah tentu memberi kesan buruk terhadap emosi dan fizikal diri Kathir. Penderaan daripada mereka bukan sahaja membawa perubahan emosi dan psikologi, malah ikatan kekeluargaan menjadi renggang dan kanak-kanak tidak dapat mengecapi hubungan kasih sayang dan keakraban dalam keluarga sendiri.

5.7 Devian dan Salah Laku Seks

Perlakuan seks biasa dilakukan oleh dua orang berlainan jantina dan tidak terkeluar daripada landasan norma masyarakat dan agama. Umumnya hubungan seks yang normal tidak meninggalkan kesan sampingan lain (Kartini,1981).

Kartini (1981) juga menambah bahawa menyatakan ciri-ciri penyelewengan seks adalah tidak bertanggungjawab, didorong oleh paksaan dan impuls yang tidak normal. Definisi ini jelas menunjukkan bahawa penyelewengan seks melibatkan perhubungan seks dengan berlainan jantina atau jantina yang sama dan menggunakan objek tertentu. Pesakit itu tidak dapat merasakan kepuasan nafsu melalui persetubuhan biasa.

5.7.1 Maksud homoseksual

Homoseksual merupakan suatu penyakit yang kompleks dan rumit. Homoseksual juga adalah orientasi seksual yang membawa kepada tingkah laku devian, khayalan dan kecenderungan terhadap jantina sejenis. Menurut Pakar Psikiatri Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr. Hatta Sidi (2001), istilah tersebut boleh diguna pakai untuk kaum lelaki atau wanita yang boleh dikelaskan sebagai lelaki homoseksual (*gay*) atau perempuan homoseksual (*lesbian*).

Orientasi seksual lebih melibatkan perasaan romantik dan cinta terhadap golongan sesama jenis. Homoseksual bermaksud cenderung atau tertarik dari segi seks pada orang yang sama jantainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 1987). Contohnya, seseorang lelaki itu adalah homoseksual jika perhubungan cinta dan seksualnya hanya dengan lelaki.

Kini, isu homoseksualiti dan pelacuran menjadi suatu perkara yang biasa di Malaysia. Setiap perkara atau tingkah laku yang wujud di dunia ini mesti mempunyai sebab. Tidak ada perkara yang berlaku tanpa sesuatu sebab. Apakah yang menyebabkan kedua-dua fenomena ini berlaku?

Adakah kegiatan pelacuran dipengaruhi oleh baka? Jika ya, bermaksud semua pelacur adalah dilahirkan dan bukan dilatih, tetapi hingga kini tiada sebarang teori dan kajian yang menyatakan bahawa baka mempengaruhi kegiatan pelacuran. Hal ini membuktikan bahawa tiada seorang pun dilahirkan sebagai pelacur.

Apabila kita meneroka teori-teori Sigmund Freud (1924), kegiatan pelacuran boleh dikatakan berpunca daripada sifat semulajadi. Freud (1924) menyatakan bahawa setiap individu tidak boleh lari daripada keinginan seksualiti. Semua manusia dikurniakan dengan naluri ini. Setiap peringkat perkembangan manusia yang dikemukakan oleh Freud berorientasikan seksualiti. Bermakna, setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya satu

black dot. Apabila seseorang tidak memenuhi kepuasan yang maksimum pada setiap peringkat, ia akan mempengaruhi masa depan mereka. Salah satu cara untuk memenuhi kepuasan seksualiti adalah dengan melibatkan diri dalam kegiatan pelacuran sama ada lelaki atau perempuan. Dalam kegiatan pelacuran seseorang itu akan melayan ramai orang. Oleh itu, mereka mendapat kepuasan yang berbeza mengikut pelanggan. Dengan ini, mereka dapat mencapai atau memenuhi kepuasan dari segi seks.

Dalam kehidupan masa kini, wang adalah satu elemen yang penting. Sebagai manusia normal, kita lebih suka membuat kerja yang mudah dan cepat untuk mendapatkan wang. Kini, setiap individu harus bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan sesuatu kerja, tetapi situasi persaingan tidak berlaku dalam dunia pelacuran kerana semua pelacur mempunyai peluang. Oleh itu, ia tidak menyusahkan dan memudahkan lagi seseorang untuk melibatkan diri. Pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta hanya membolehkan pekerja mendapat gaji sekali dalam sebulan atau dua kali dalam sebulan. Tambahan pula, gaji mereka mempunyai kadar atau had tertentu, sedangkan dalam kegiatan pelacuran setiap kali mereka melayan pelanggan mereka akan mendapat gaji serta gajinya ditentukan oleh kekayaan pelanggan. Semakin kaya pelanggan yang dilayan, maka semakin tinggi gaji yang diterima. Hal ini menyebabkan kebanyakan golongan miskin terlibat dalam kegiatan pelacuran untuk mengatasi masalah kewangan.

Kita selalu menyalahkan orang yang terlibat dalam kegiatan pelacuran tanpa mengambil kira puncanya. Terdapat juga pelacur yang melibatkan diri dalam kegiatan pelacuran disebabkan oleh pihak lain seperti ibu bapa, penjaga, suami dan bapa ayam. Golongan ini menggunakan pelacur bagi mendapatkan keuntungan untuk diri sendiri. Dalam kes ini, pelacur dianggap sebagai mangsa dalam kegiatan pelacuran.

5.7.2 Sosial

Dari segi sosial pula, seseorang individu itu lebih banyak berhubung atau bergaul dengan kaum sejenis. Misalnya, seseorang individu sama ada lelaki atau perempuan yang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada kaum sejenis akan menyebabkan mereka lebih suka kepada kaum sejenis dan secara tidak langsung akan mendorong mereka kepada masalah homoseksual. Lebih-lebih lagi apabila mereka menerima tingkah laku yang negatif daripada kaum lawan sejenis.

Selain itu, ia juga mungkin disebabkan oleh pergaulan yang bebas dengan pengamal homoseksual. Pergaulan yang bebas ini akan menarik diri mereka terjerumus kepada amalan homoseksual. Begitu juga dengan persekitaran tempat tinggal yang sedikit banyak mempengaruhi perkembangan tingkah laku seseorang. Misalnya, pengamal homoseksual di kawasan tempat tinggal seperti pelajar yang tinggal di asrama, di penjara dan tempat-tempat tinggal yang mengasingkan antara lelaki dan perempuan.

Kerisauan terhadap *homoeritisme* tidak semestinya menggambarkan identiti seksual, hala tuju atau corak hidup pada masa hadapan. Keinginan terhadap jantina yang sama juga tidak semestinya merupakan petunjuk kepada homoseksualiti. Bagi sebahagian remaja pula, perasaan *homoeritisme* ini mungkin timbul akibat kegagalan mereka menyertai kegiatan erotik yang biasa. Mitchell (1973) menganggap hal ini sebagai hasil daripada peristiwa yang dinamakan panik homoseksual.

Novel *Peñ Kutirai* karya Syed Beer Muhammad (1997) mengisahkan watak Kamaleveni yang ingin berjaya dalam hidup dan mahu kehidupan kaya raya. Untuk menunaikan hasrat itu, beliau sanggup buat apa sahaja termasuk melacurkan diri sendiri. Watak Kamaleveni merupakan watak yang luar biasa yang hendak digambarkan oleh pengarang. Mengikut adat dan budaya masyarakat India watak seperti Kamalaveni amat ketara dilihat dalam cerpen mahupun dalam novel.

Kamaleveni sebelum berkahwin telah menikmati hubungan seks bersama suami kakak kandung. Walaupun beliau tahu itu suami kepada kakak kandung tetapi sanggup melakukan perbuatan terkutuk tersebut. Apabila Kamalaveni dilamar, dia bersetuju untuk berkahwin dengan anggapan bakal suami itu merupakan seorang ejen insurans dan banyak duit. Dengan demikian hidupnya akan mewah nanti. Pendapatan suaminya merosot dan

kehidupan beliau tidak semewah dahulu. Kamaleveni mempunyai kawan karib bernama Nagaletchumi yang juga rakan sekerja. Oleh kerana Kamaleveni inginkan kehidupan mewah maka beliau mula tertarik kepada pegawai atasan iaitu Maniam. Susuk badan dan kecantikan semulajadi Kamalaveni mengugat keimanan Maniam dan beliau tertarik kepada Kamalaveni sehingga sanggup menjadikannya perempuan simpanan.

Kamaleveni dinaikkan pangkat dan dibayar gaji lumayan. Hubungan Kamalaveni dengan suaminya diketahui oleh isteri Maniam. Maniam juga telah melakukan pecah amanah dan dipecat jawatan. Akhirnya Kamalaveni bercerai dengan suami dan berjumpa kawan karib Nagaletchumi dan menetap sementara di rumah kawan. Nagaletchumi tidak suka Kamalaveni berada di rumahnya. Beliau takut Kamaleveni akan merampas suami daripadanya. Kamalaveni pernah melakukan hubungan seks dengan kawan suami Nagaletchumi. Kamalaveni sanggup tidur dengan sesiapa sahaja demi wang.

Kamalaveni juga dapat berkenalan dengan perempuan Eropah yang lesbian. Kamaleveni terikut dengan budaya hidup mereka yang terlalu sosial. Akhirnya Kamaleveni mengikut mereka dan mengalami kehidupan baru, iaitu lesbian dan bersosial. Perkataan yang disebutkan oleh Kamaleveni sebelum menyertai kumpulan *lesbian* adalah seperti berikut:

“ pengalaman hidup saya yang penuh dengan rintangan dan dugaan telah mengubah hidup saya. Lelaki-lelaki yang inginkan saya hanya mementingkan

badan saya. Lelaki sangat teruja apabila nafsu gilanya tercapai dan dinikmati. Mulai hari ini saya tidak membenarkan lelaki menyentuh saya. Saya membenci lelaki dan saya minat pada mereka (lesbian)” (Syed Beer Muhammad, 1997, hlm. 103)

Watak Kamaleveni sepertimana dirungkaikan oleh Erik Erikson ingin melalui identiti krisis. Beliau juga mengenali diri sendiri. Mengikut pandangannya, adalah tidak salah untuk mencapai kebenaran hidup. Untuk mencapai kehidupan mewah seseorang boleh buat apa sahaja walaupun itu melanggar norma hidup. Beliau tidak mahu hidupnya ditentukan oleh suami dan masyarakat sekeliling. Apabila dua orang bersetuju melakukan perbuatan terkutuk seperti sumbang mahram maka perbuatan itu tidak berdosa. Demi mengelakkan diri daripada adat dan budaya masyarakat beliau memilih jalan untuk membuka lembaran baru dalam hidupnya dengan menjadi lesbian.

Sigmund Freud (1971) berpendapat bahawa alam golongan pemuda-pemudi merupakan alam dari kanak-kanak menuju ke alam dewasa. Golongan pemuda-pemudi akan terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan penglibatan mereka lebih hebat daripada zaman kanak-kanak. Proses sosialisasi yang kurang sihat akan membantutkan kerukunan keluarga dan pembentukan modal insan yang baik.

Dalam novel *Kākitappū* (1971) karya M. Gurusamy mengisahkan seorang janda yang kehilangan suaminya akibat kemalangan. Sepanjang kehidupan beliau tidak dapat

berasmara dengan suaminya akibat tiada kelakian pada suaminya (yang tidak berupaya melakukan seks). Si wanita teringin melepaskan hawa nafsu terhadap Balu, kawan baik suaminya yang juga guru di sekolah rendah. Walaupun Balu belum berkahwin tetapi beliau tidak mahu menerima si wanita ini. Kemudian dia berkenalan dengan seorang jejaka muda yang bernama Mohan. Lama-kelamaan mereka dilamun cinta dan mereka melakukan hubungan seks. Walaupun begitu, akhirnya Mohan berkahwin dengan wanita lain. Si wanita janda menjadi sebatang kara dan kesempatan ini digunakan oleh Mandur kerani untuk merogolnya. Kesempatan ini juga digunakan oleh seorang doktor di ladang dan meminta si wanita ini untuk memuaskan hawa nafsuya.

“Lelaki semua mementingkan diri sendiri. Apabila memperoleh apa yang mereka hendak maka mereka akan melupakan wanita...” (Gurusamy,M.1971,hlm. 33)

*“Kesucian untuk wanita sahaja ke! Lelaki pun mesti suci. Kenapa tiada keadilan yang sama untuk lelaki dan wanita”
(Gurusamy,M.1971, hlm.50)*

Kesucian anak dara adalah penting untuk keharmonian keluarga. Jangan sekali mencemarkan kesucian wanita. Warga sejagat mementingkan kemuliaan wanita dalam menjaga kesucian wanita yang soleh. Wanita seharusnya menerima dan menghayati kesucian tersebut (Gurusamy,M.1971,hlm.66).

a. Seks sebelum kahwin

Hubungan seksual yang tidak dibenarkan oleh hukum agama yakni diertikan sebagai persetubuhan luar nikah. Mengikut definisi ahli-ahli sosiologi, seks haram adalah bentuk seks yang tidak dibenarkan oleh institusi perkahwinan antara lelaki dan perempuan melibatkan pasangan kekasih yang cenderung melakukannya sebelum mempunyai ikatan sah sebagai suami isteri.

Pengarang-pengarang novel Tamil Malaysia mengutarakan tema seks sebelum kahwin. *Pēcum ūmaika!* (1991) karya C. Sockalingam mengisahkan bahawa Geetha merupakan seorang gadis sunti kehilangan maruah akibat dicabuli oleh kekasihnya Sangkar. Kawan baik Sangkar, iaitu Parthiban mengahwini Geetha yang telah insaf akan kesalahannya.

Geetha merupakan anak murid Parthiban yang mengajar tarian klasik India Bharatanatyam. Parthiban mahu Geetha menjadi terkenal dalam tarian klasik. Apabila Sangkar menziarahi kawan Parthiban, dia mula minat terhadap Geetha. Sangkar menjanjikan pada Geetha bahawa dia akan mengahwini Geetha dan memaksa melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Sebenarnya Sangkar ingin menjadikan Geetha sebagai seorang perempuan simpanan yang dapat memuaskan nafsu apabila perlu. Apabila permintaan beliau ditolak maka Sangkar bercadang untuk tidak mengahwini Geetha dan

meninggalkannya. Geetha hamil sebulan, perkara ini diketahui oleh Parthiban dan amat dukacita mengenangkan nasib yang terjadi pada anak muridnya lalu mengahwininya.

“ tidak baik melakukan hubungan seks sebelum perkahwinan. Sekarang tidak perlu” (Sokalingam,C.1991,hlm.56)

*“ saya akan mengahwini anda bulan depan. Tidak perlu takut”
(Sokalingam,C.1991,hlm.57)*

Apabila Sangkar memujuk Geetha untuk melakukan seks di hotel, Geetha menolak dan memberitahu bahawa dia bukan perempuan seperti itu.

“ kalau kamu bukan perempuan macam itu mengapa kamu bersetuju apabila saya minta pada hari itu ” (Sokalingam,C.1991,.hlm.64)

Kamu dicemar dari segi badan sahaja. Tetapi sifat dalam sanubari hati kamu tidak dicemari. Kamu masih suci. Apabila kamu insaf kesalahan anda tuhan telah memaafkan anda dan menerima anda” (Sokalingam,C.1991,hlm.114)

Adakalanya, perhubungan bebas ini dilakukan sebagai rasuah. Walaupun perbuatan ini adalah dikutuk dari segi budaya dan agama tetapi untuk kepentingan diri ada golongan pemuda-pemudi sanggup melakukannya. Ini telah digambarkan dalam novel novel *Alakin ārātanaṅai* (1992) karya M.Ramaiyah. *Alakin ārātanaṅai* merupakan sebuah novel yang menceritakan salahlaku seorang gadis sunti yang kehilangan maruah diri sebelum perkahwinan. Latha adalah seorang guru sekolah rendah Tamil yang sedang bercinta dengan Ragunathan. Latha juga bercita-cita tinggi untuk bertanding dalam pertandingan ratu cantik dunia. Dia sengaja menunda perkahwinan demi mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik itu. Sehari sebelum pertandingan, Latha berjumpa para hakim ratu

cantik dunia dan menawarkan rasuah. Rasuah itu termasuklah melacurkan diri pada mereka. Walaupun Latha dinobatkan sebagai ratu cantik dunia tetapi Latha telah melacurkan diri kepada para hakim. Akhirnya dia mengandung dan diketahui oleh kekasih dan perkahwinan mereka tidak berjaya.

Dalam novel *Alakiṅ ārāṭaṇai* , Latha digambarkan sebagai seorang anak dara yang kehilangan maruah diri dan perkara ini amat ditegah oleh masyarakat India. Ibu bapa yang mempunyai anak dara inginkan anak-anak mereka suci dari segi badan dan minda. Apabila kesucian dinodai maka itu akan menjatuhkan air muka ibu bapa dan mereka terpaksa menanggung malu akibat perbuatan terkutuk anak mereka.

Kecantikan wanita semula jadi adalah kurniaan Tuhan Yang Maha Esa. Jika seseorang berkahwin apabila sampai waktu dan mendirikan rumahtangga maka kehidupan mereka akan lebih sempurna jika pasangannya sejiwa dan sehati. Ramai di antara perempuan yang cantik secara tidak langsung mempunyai sifat *ego* sepertimana yang diuraikan oleh Sigmund Freud. Apabila sikap *ego* dipentingkan maka si wanita mula rasa bongkak dan keras kepala. Dalam watak Latha, dia pernah berkata bahawa kecantikan adalah kurniaan tuhan dan apa salahnya saya menggunakannya untuk kemajuan saya.

“ Saya menaruh harapan pada kecantikan saya. Saya pasti akan menang. Jika si perempuan sudah berhajat maka sudah pasti akan berjaya” (Ramaiyah,M.1992,hlm.25) “Seorang perempuan perlu mempunyai sifat sopan-santun. Kesopanan akan meninggikan seseorang.” “berpakaian singkat dan berdiri di hadapan lelaki, adakah itu dipanggil bersikap sopan santun ? (Ramaiyah,M. 1992,hlm.30) “ Kamu mahu saya berkahwin dengan seorang lelaki dan mengorbankan kejelitaan saya ? “ Ya. Kecantikan dan kejelitaanmu hanya perlu rasai dan dinikmati oleh suami sahaja. Itulah yang dipanggil ikatan perkahwinan” (Ramaiyah,M.1992,hlm.31)

Latha mengetahui dia hamil 3 bulan dan kekasihnya tidak menerima beliau kerana berlaku curang terhadapnya. Akhirnya Latha membuat keputusan untuk meninggalkan Ragu dan mengikut takdir. Dia menyesali perbuatan yang curang dan menjatuhkan air muka keluarga. Pengarang cuba mengaitkan watak Latha dengan prinsip masyarakat yang tidak mahu menerima perempuan yang hilang maruah diri.

b. Hubungan seks yang dilarang

Dalam novel *Tirppu Nālai* (2001) karya M.Ramaiyah mengisahkan bahawa Murugesu dilahirkan secara cacat dan tidak diminati oleh gadis. Walaupun begitu seorang gadis jelita telah mengahwini Murugesu. Mythili sebenarnya merupakan seorang gadis yang mengandung selama empat bulan (anak di luar nikah) hasil hubungan seks dengan Sugumaran, iaitu seorang pengurus kilang tempat Myhtili bekerja.

“ Belum pun enam bulan tetapi melahirkan anak. Emaknya telah menipu kami. Mereka tahu anaknya hamil tetapi mengahwinkan anak dengan kamu.” (Ramaiyah,M.2001, hlm.156)

Myhtili berbohong kepada Murugesu dengan menyatakan bahawa anak kandungan itu hasil daripada angkara Pengurus kilang yang mencampurkan bahan campuran dalam minuman. Kemudian merogol saya dan saya kini mengandung empat bulan (Ramaiyah,M.2001,hlm. 151).

Murugesu terlalu sedih mengenangkan nasib yang terjadi kepada isteri dan menasihati isteri.

“ mengapa kamu nak bunuh diri. Itu adalah perbuatan seekor binatang mencabuli kamu. Bukan salah kamu, lupakan peristiwa pahit tersebut” (Ramaiyah,M.2001,hlm.151)

Dalam masa yang sama Murugesu ada seorang kawan yang bernama Pannerselvam yang ketiadaan isteri. Apabila Murugesu menanya tentang isterinya, Pannerselvam memberitahu bahawa isterinya telah lari bersama warga Bangladesh (Ramaiyah,M.2001,hlm.154).

Pada suatu hari apabila Pannerselvam melihat isteri Murugesu iaitu Myhtili di hospital, dia amat terkejut mengetahui Murugesu telah menjadi suami kepada Myhtili. Pannerselvam memberitahu Murugesu bahawa Myhtili menipu kamu dan tidak menceritakan keadaan sebenar. Myhtili sebenarnya ada hati pada Sugumaran dan sanggup

menerima anaknya walaupun belum berumah tangga. Dia juga memberitahu bahawa ayah sebenar anak Myhtili ialah Sugumaran.

*“ Sugumaran adalah ayah kepada anak anda. Myhtili layak menjadi perempuan simpanan daripada menjadi isteri kepada anda.”
(Ramaiyah, M.2001, hlm.165)*

Murugesu mulai sangsi perbuatan isterinya. Myhtili sanggup bekerja sesi malam (syif malam) meskipun ditentang oleh suaminya. Pelbagai alasan diberi oleh Myhtili semata-mata untuk memenuhkan hawa nafsu Sugumaran. Malahan Sugumaran berani datang ke rumah sewaktu ketiadaan Murugesu. Anak yang baru lahir tidak diendahkan. Pada suatu hari Myhtili dan Sugumaran sewaktu melakukan hubungan seks, Myhtili telah membuang sepuntung rokok daripada mulut Sugumaran dan mencampak keluar. Rupa-rupanya rokok itu terkena buaian bayi lalu bayi Myhtili pun mati. Myhtili tidak tahu apa hendak buat lalu menuduh Murugesu yang membakar anaknya. Akhirnya Murugesu ditangkap oleh polis dan dipenjarakan.

Hubungan seks yang luar dari perkahwinan akan membawa seksa dan dusta. Myhtili seorang yang gila seks telah mengadakan hubungan sulit dengan Sugumaran yang menjadi kekasih dahulu, walaupun dia berkahwin dengan Murugesu. Ini telah membawa padah kepada keluarga Myhtili dan Murugesu. Manakala, Sugumaran yang menjadi pengurus kilang hanya mahu hubungan seks dengan Myhtili tetapi tidak mahu berkahwin dan mendirikan rumahtangga.

Sebuah lagi novel karya M.Ramaiyah iaitu *Mana ūṇaṅkaḷ* (2001) mengisahkan bahawa Pasupathi seorang guru di sekolah rendah merupakan seorang kaki perempuan. Beliau ingin melakukan hubungan seks dengan gadis belasan tahun. Sebelum berpindah ke sekolah baru Pasupathi telah melakukan hubungan seks dengan seorang guru muda yang bernama Pavalam. Pasupathi dipaksa ditukarkan ke sekolah baru. Pavalam melahirkan seorang anak perempuan yang bernama Parimalam.

Di sekolah baru berita tentang kehadiran seorang guru muda, iaitu Parimalam menggemirakan Pasupathi. Pasupathi sebenarnya sudah berumah tangga dan mempunyai empat orang anak. Guru muda yang bernama Parimalam sebenarnya merupakan anak luar nikah Pavalam bersama Pasupathi. Pasupathi tergilakan Parimalam dan ingin mengahwininya. Pasupathi menjemput Parimalam ke rumah. Pasupathi berbohong kepada Parimalam bahawa isterinya meninggalkan beliau dan tidak kisah tentang anak-anaknya. Dia bersusah payah menyara keluarga dan Parimalam cukup sedih melihat penderitaan yang dialami oleh Pasupathi.

Sebenarnya isteri Pasupathi meninggalkan beliau atas alasan suaminya seorang kaki perempuan. Pasupathi ingin memuaskan hawa nafsu dengan gadis sunti. Pasupathi memang menunggu peluang untuk memenuhi kehendak hati. Semasa di ladang, pasupathi

minat terhadap seorang perempuan janda. Setelah kehilangan suami, Pasupathi meniduri perempuan janda itu. Malahan anak janda itu pun jadi hamba nafsu Pasupathi.

“ manusia tak guna. Kamu berjanji untuk mendapatkan sivil kewarganegara untuk anak saya. Saya percaya kamu dan hantar anak perempuan saya bersama kamu. Tetapi kamu meniduri anak saya juga ” (Ramaiyah, M.2001, hlm 83)

Nenek Parimalam terkejut apabila cucunya memberitahu hasrat untuk berkahwin dengan Pasupathi yang sudah berumahtangga. Beliau terikut bersama Parimalam untuk bertemu Pasupathi. Rupa-rupanya Pasupathi yang dimaksudkan oleh Parimalam ialah lelaki yang merosakkan hidup anaknya Pavalam. Nenek mengutuk Pasupathi yang tergamak hendak mengahwini anaknya sendiri. Pasupathi amat kesal dengan tindakannya dan menghembuskan nafas terakhir.

Novel *Kanakāmyapuramum Kiliñcalkalum* karya M.A. Ilanchelvan (1999) mengisahkan Viji seorang wanita yang terlalu sosial dan seksi. Beliau terlalu sosial dengan rakan sekerja dan berpakaian moden. Bapa Viji merupakan seorang kaki perempuan yang selalu sangsi dengan tingkah laku isteri. Ibu Viji merupakan seorang perempuan yang soleh dan cantik. Bapa Viji selalu curiga terhadap isteri dan selalu menyindir ibu Viji sehingga memberitahu bahawa anak kelahiran Viji mungkin anak luar nikah. Pada suatu hari ibu Viji menghembuskan nafas terakhir atas penderitaan yang dilalui bersama

suaminya. Sejak kematian ibunya, Viji terlalu sosial dengan lelaki dan mula memakai pakaian seksi.

Viji ada seorang kawan yang bernama Suganthi yang sopan-santun dan datang dari keluarga baik. Pada suatu hari, Viji memperkenalkan Suganthi kepada kawan baik Viji, iaitu Vinothan yang juga seorang pelukis tempatan. Viji selalu menjadi model kepada Vinothan dengan berpakaian seksi. Perkara ini ditegur oleh Suganthi dan memarahinya. Suganthi minat terhadap Vinothan dan akhirnya berkahwin dengannya.

Rakan sekerja Viji, iaitu Sangkar dan Madhavan memang menggilakan Viji yang seksi dan bersosial. Anggapan mereka bahawa Viji senang untuk berasmara. Tetapi Viji walaupun bersosial tetapi dia tahu had berkomunikasi dengan lelaki. Pada suatu hari Sangkar dan Madhavan telah merogol Viji di rumahnya. Akhirnya Viji mengandung dan menyesal kejadian yang melanda hidupnya.

Viji selalu pergi ke rumah Suganthi untuk berbual dan menghabiskan masa lapangnya. Suganthi ada seorang adik lelaki yang bernama Mohan yang belasan tahun. Viji selalu beramah mesra dengan Mohan dan ada kalanya melampau batas dengan mencium Mohan di pipinya. Mohan merasa Viji merupakan seorang istimewa dan mula mencintainya. Walaupun Mohan sedia maklum bahawa Viji sedang mengandung tetapi dia

sedia menjadi bapa kepada anak Viji dan menerima Viji dengan hati terbuka. Viji memberitahu Mohan bahawa dia masih muda dan dia tidak sesuai untuknya. Viji menyesal bahawa perbuatannya yang terlampau sosial dan pakaian yang seksi telah menyebabkan Mohon tergilakan Viji.

“ Setiap lelaki memandang saya dengan sesuatu harapan dapat memuaskan nafsu mereka. Saya tak kisah. Jika ada insiden di luar jangkaan misal kata orang merogol saya, itu pun saya tak kisah. Saya rela menikmati kehidupan mengikut cita rasa saya.” (Ilanchelvan,M.1999,hlm.239)

“ Badan ini akan dimakan oleh tanah. Apa salah kalau manusia makan badan ini” (Ilanchelvan,M.1999,hlm.239)

“ Viji,seorang perempuan yang cantik dan seksi. Tetapi dia bagaikan bunga hiasan sahaja dan bunga itu tidak sesuai untuk upacara sembahyang. Hanya sesuai untuk dipamerkan kepada semua. Kecantikan dan rupa seksi hanya barang perhiasan sahaja. Tidak sesuai untuk menjadi keluarga bahagia. Lagipun orang lelaki tidak mahu bakal isteri menjadi bahan seksi dan sosial untuk semua.” (Ilanchelvan,M.1999 hlm.254)

“adakah saya layak menjadi bahan perbualan dan perempuan yang menaikkan hawa nafsu lelaki sahaja?...adakah perempuan seperti saya tidak boleh menjadi wanita soleh? Tak layak ke saya menjadi isteri kepada suami yang baik? Atau saya tidak boleh menjadi ibu yang menyayangi anak? (Ilanchelvan,M.1999,hlm. 254)

Dialog-dialog di atas jelas menunjukkan bahawa seorang anak dara perlu mematuhi lunas-lunas hidup dan menghormati pantang larang keluarga dan adat resam masyarakatnya. Seseorang perempuan terpaksa menerima balasnya apabila melanggar norma hidup masyarakat.

5.8 Devian Parasit dan Keluarga

Dalam zaman pasca moden ini, ibu bapa sanggup mengorbankan kebahagiaan mereka demi kesejahteraan anak-anak. Zaman dulu pendidikan tidak diutamakan untuk anak-anak perempuan dengan alasan anak perempuan bakal menjadi menantu orang lain. Tetapi keadaan ini berubah apabila ibu bapa tidak mampu menunaikan wang hantaran kepada menantu lelaki.

Ibu bapa berpendapat jika anak perempuan memperoleh ijazah dan bekerja berjawatan tetap maka jodoh pasti akan mendekati mereka. Dewasa sekarang pihak lelaki mencari wanita idaman yang ada jawatan tetap dan berpelajaran. Atas faktor inilah ibu bapa sanggup ikat-perut untuk memberi pelajaran yang mencukupi kepada anak-anak sehingga mereka boleh berdikari. Dalam masa yang sama ibu bapa berharap anak-anak mereka akan menjaga mereka pada hari tua nanti. Harapan seperti ini sudah menjadi kebiasaan kepada orang tua dan mereka menaruh harapan tinggi kepada anak lelaki. Keadaan ini berubah sejak kebelakangan ini yang mana anak lelaki tidak mpedulikan ibu bapa dan mereka terikut dengan naluri dan cita rasa mereka yang ingin membelanja duit sesuka hati sehingga tidak kisah tentang ibu bapa mereka. Harapan dan pergantungan hidup mula berubah kepada anak perempuan yang akan menjaga ibu bapa pada hari tua

nanti. Walaupun anak perempuan sudah berumah tangga secara nalurnya anak perempuan ada hati untuk memberi duit kepada ibu bapa yang tersayang.

Dahulu anak perempuan memang bercita-cita untuk mengahwini lelaki yang tampan dan mempunyai pendapatan yang lumayan. Keadaan ini berubah apabila anak perempuan mereka tidak mengharapkan pendapatan lelaki setelah mendapat segulung ijazah dan berpendapatan tetap, mereka boleh berdikari tanpa sokongan kaum lelaki. Orang lelaki walaupun tidak berpelajaran tinggi tetapi mereka ingin mengahwini si perempuan yang bekerja dan berpelajaran. Tipu helah lelaki tidak diketahui oleh si perempuan sehinggalah akhirnya mereka tertipu dengan kata-kata manis kaum lelaki dan menyesal pada kemudian hari.

Novel karya *Vilalūm Nīrum* (1999) karya M. Ramaiyah mengisahkan bahawa Kayalvili merupakan seorang perempuan yang berpelajaran tinggi dan berjawatan tetap akhirnya tertewas dengan tipu helah Kumaravelu. Kayalvili terpedaya dengan kata-kata manis Kumaravelu dan bakal ibu mertua maka bersetuju mengahwini Kumaravelu. Perkahwinan berlaku tanpa restu ibu bapa Kayalvili.

Kumaravelu seorang yang tidak berpelajaran tinggi dan hidup dalam kesusahan. Emak Kumaravelu memang teringin menjadikan Kayalvili menantu demi kesejahteraan

keluarga. Pendapatan Kayalvili amat perlu untuk menyara keluarga yang miskin. Apabila Kayalvili menyedari niat sebenar emak mertua maka Kayalvili meninggalkan rumah dan menghantar notis bercerai. Kayalvili menyesal perbuatan yang tidak mendengar nasihat ibu bapa dan tidak menghormati mereka. Walaupun Kayalvili berpelajaran tetapi dia gagal memahami niat sebenar suami dan emak mertua. Akhirnya Kayalvili bertekad untuk meneruskan hidup dan berdikari.

Tindakan emak mertua yang mementingkan diri dan sanggup melangsungkan perkahwinan berdaftar tanpa berunding dengan keluarga Kayalvili menunjukkan perbuatan licik emak mertua. Sebenarnya dalam budaya masyarakat India sebelum memilih pasangan hidup, pihak ibu bapa lelaki akan merisik pihak bakal menantu. Ekoran daripada perkara itu, ayah mertua yang cacat anggota badan menegur isteri yang tidak berbincang dengan keluarga besan.

“ itulah saya dah berkali-kali beritahu, ibu dan anak melangsungkan perkahwinan berdaftar tanpa pengetahuan besan, macam inilah akan berlaku. Anak kamu masih mentah dan sepatutnya kamu yang tegur dan betulkan kesilapannya. Sekarang semua orang sudah tahu tentang perkara ini dan kamu berdua telah mengaibkan nama baik keluarga ini”
(Ramaiyah, M. 1999, hlm. 214)

Seorang anak perempuan walaupun berpelajaran dan berjawatan tetap perlu mematuhi budaya hidup sesebuah keluarga. Keegoan seperti saya tahu semua dan saya

selalunya betul akan membawa padah sepertimana yang dipaparkan dalam watak Kayalvili. Seorang wanita mesti berhati-hati apabila memilih teman hidup dan sewajarnya berbincang dengan ahli keluarga tersayang sebelum meneruskan hidupnya.

“anak kamu yang mengekori saya. Dia memperkenalkan diri sebagai seorang jurutera dan sedang mencuba nasib mencari pekerjaan. Dia menanamkan kepercayaan dalam jiwa saya. Saya percaya dia berpelajaran dan jika ada masalah nanti faktor pelajaran dapat mengatasi masalah tersebut. Selepas enam bulan berkenalan, anak kamu menipu saya dengan memberitahu saya bahawa dia bekerja di sebuah kilang dan apa yang diberitahu sebelum ini tidak benar” (Ramaiyah, M.1999, hlm.188)

“jadi kamu nak beritahu saya bahawa anak saya telah memperdayakan kamu dan menipu kamu ?” “saya rasa anak saya tidak membuat kesalahan besar. Jika hendak peroleh perempuan yang diminati, maka tak salah jika dia berbohong. Kamu dah masuk rumah saya dan sudah pun berkahwin secara daftar. Tak payah ungkit perkara lama.” Ujar emak mertua (Ramaiyah, M.1999, hlm.189).

Pada umumnya, wanita dalam masyarakat India dianggap sebagai seorang yang patuh kepada tradisi dan budaya. Apabila wanita itu, menganggap dirinya sebagai seorang yang cukup matang dan boleh berdikari dari segi mengambil keputusan mengenai kehidupannya, maka orang seperti ini dianggap sebagai devian. Di sini, Kayalvili, walaupun seorang yang masih berada dalam kongkongan tradisi dan budaya tetapi keangkuan beliau menentang ibu bapanya menggolongkannya beliau sebagai golongan pemudi devian.

Sigmud Freud (1971) mengkaitkan hubungan Kayalvili, emak mertua dan Kumaravelu, iaitu suaminya dengan *Ego*. Pengalaman realiti seperti pemikiran logik mendasari *Ego*. Jika sesuatu keperluan tidak dapat dipenuhi melalui *Id* maka *Ego* akan mencari keperluan secara rasional untuk mengatasi kekecewaan secara munasabah. Selain itu, *Ego* juga membuat pelarasan seiras peraturan sosial supaya seseorang itu mendapat kepuasan apabila tindakan seseorang dapat diterima oleh ahli masyarakat. Sebaliknya apabila *Ego* tidak memenuhi keperluan *Id* maka konflik akan menonjol dan seseorang individu akan membela diri disebabkan konflik yang wujud pada diri sendiri.

Kayalvili dalam warkah kepada suami ada menyebut bahawa,

“ walaupun saya sekarang berseorangan tetapi saya tidak gentar menempuhi hidup. Saya ada segulung ijazah dan pekerjaan tetap yang dapat menyara saya. Saya membuat keputusan untuk bercerai dengan suami apabila saya mengetahui niat sebenar mereka. Saya terleka mementingkan kenikmatan hidup dan cinta telah menghalang daripada saya lebih berhati-hati dalam mengharungi hidup saya. Saya terlambat memahami hakikat sebenar si suami dan emak mertua. Maafkan saya ”
(Ramaiyah, M. 1999, hlm. 213)

Di samping itu, Kumaravelu juga merupakan seorang devian kerana beliau ingin hidup sebagai parasit. Kumaravelu yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap membuat tipu helah untuk mengahwini Kayalvili supaya kehidupan beliau akan menjadi mewah. Ini adalah perangai parasit, iaitu hidup dalam kemewahan orang lain.

Rumahtangga yang sejahtera dapat membentuk keluarga sebagai pewaris keturunan mereka. Adunan ahli keluarga yang baik dapat melahirkan rukun keluarga dan membentuk suasana yang harmoni dalam institusi keluarga. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk keluarga yang sihat.

Nilai murni seperti bertolak-ansur dan bekerjasama merupakan nilai yang baik yang memacu pembentukan keluarga yang baik. Apabila tidak ada nilai persefahaman antara suami dan isteri akan menyebabkan hubungan keluarga retak dan boleh membawa kepada perceraian. Jika salah seorang dapat mengalah dan bertolak-ansur dan dapat memberi ruang kepada pasangan untuk menyedari kesilapan dan membetulkan diri maka ini dapat mengelakkan perceraian.

Rumahtangga yang aman yang sentiasa memahami masalah atau keperluan ahli keluarga akan melahirkan persekitaran yang harmoni dan seterusnya membentuk keluarga yang sihat. Oleh itu, ahli keluarga terutama ibu bapa hendaklah menjaga rukun keluarga dan mencari kebahagiaan kerana di situlah pembentukan modal insan yang baik akan dibentuk dan suatu hari nanti akan membanggakan bangsa dan rakyat.

Karya S.P. Bama yang bertajuk *Tāyāka Vēṅṭum* (2009) mengisahkan isu tentang seorang isteri yang tiada anak untuk sekian lama dan membuat keputusan untuk

melahirkan anak melalui kaedah *In-Vitro* atau bayi tabung uji. Pasangan Chandran dan Menaga telah lama berkahwin tetapi tidak dikurniakan anak. Menaga selalunya sedih mengenangkan nasib yang terjadi padanya. Abang Chandra, iaitu Rajaram telah berkahwin dengan Revathy dan mempunyai empat orang anak. Mereka bersama ibu bapa dan adik sekeluarga hidup serumah. Menaga walaupun tiada anak tetapi menganggap anak Revathy seperti anaknya. Revathy sayang kepada Menaga dan teringin menolong Menaga untuk mendapatkan anak bagi menyambung zuriat keluarga.

Revathy mencadangkan Menaga dan suaminya berjumpa doktor pakar dan mendapatkan nasihat daripadanya. Chandran dan Menaga bersetuju untuk mendapatkan pemeriksaan doktor. Setelah mencuba kaedah memasukkan benih suami ke dalam rahim isteri Menaga, usaha untuk mendapatkan anak masih tidak berjaya. Dengan demikian Revathy mencadangkan kepada Menaga agar mengambil benih suaminya iaitu Rajaram dan disimpan di dalam rahim Menaga. Pada mulanya idea ini tidak digemari oleh suaminya. Tetapi apabila didesak oleh Revathy maka Rajaram pun bersetuju dengannya.

Menaga dapat melahirkan seorang anak lelaki bernama Pavithran hasil daripada benih kepunyaan Rajaram. Chandran begitu gembira kerana dia sudah menjadi bapa dan dia tidak perlu kluatir tentang sindiran kawan-kawannya. Sewaktu Menaga hamil, Rajaram membelikan buah mangga yang diminati oleh Menaga. Rajaram mengambil berat tentang

Menaga sebab beliau adalah isteri adik dan sedang mengandung. Dia tidak mempunyai niat negatif atau hawa nafsu terhadap Menaga. Chandran tidak menyenangi tindakan abang yang mengambil berat tentang isterinya. Anak keempat Revathy, iaitu Sasi amat sayang kepada Chandran. Ramai ahli keluarga termasuk ibu Chandran memberitahu anak itu mempunyai tingkahlaku sama seperti Chandran. Tetapi keadaan sebaliknya berlaku pada anak Chandran. Apabila anak Chandran sedang membesar tingkah laku anaknya sama seperti abangnya Rajaram. Perkara ini tidak disenangi oleh Chandran.

Chandran selalu bertengkar dengan isteri dan dia menyesal membenarkan Menaga menerima benih abang di dalam rahim isterinya. Dia juga sentiasa dalam kemurungan apabila melihat keadaannya yang tidak dapat menghasilkan anak sendiri. Anak Chandran lebih rapat dengan Rajaram. Melihat keadaan tersebut, Chandran membuat keputusan untuk meninggalkan rumah bersama anak kedua Rajaram iaitu Sasi. Dia tidak mahu membawa anaknya sendiri bersama keluarganya. Alasan yang diberi kepada keluarganya ialah anak yang baru lahir masih kecil dan memerlukan kasih sayang daripada ahli keluarga. Sebenarnya Chandran tidak menyukai anak itu dan masih beranggapan anak itu adalah anak abang dan mempunyai ciri-ciri abang.

Pengarang novel *Tāyāka Vēṇṭum* (2009) membawa mesej bahawa suami yang tidak dapat menghamilkan isteri menghadapi banyak masalah. Apabila benih itu kepunyaan

abang kandung sendiri, maka ia menimbulkan masalah baru dalam keluarga. Watak Chandran digambarkan sebagai devian yang mengalami gangguan emosi dan sentiasa dalam kemurungan.

“ anakku, mengapa saya dilanda banyak masalah? Apakah dosa saya? “Saya sekarang mengalami masalah jiwa. Hati saya tidak tenteram. Mengapa? tingkahlaku saya sudah berubah? “Adakah betul kamu anak abang saya? Kamu milik dia ke?”

“Bukan! Bukan! Kamu dikandung oleh isteriku. Dia adalah emak kamu. Dia kepunyaan saya. Oleh kerana dia mengandung kamu, kamu juga adalah hak saya. Saya tidak akan beri kepada sesiapa. “Kamu hendaklah panggil saya dengan gelaran bapa.” (Bama,S.P. 2009,hlm.161)

“ em jika diberi pensel kamu akan patahkan pensel itu atau mencalarkan di dinding. Pavithran bukan macam kamu. Dia berperangai macam abang kamu ” (Bama,S.P.2009,hlm.183)

Menaga amat marah dan sedih apabila Chandran memperli Pavithran apabila dia menyuap Rajaram. Dengan nada yang marah Chandran memberitahu,“ mengapa anak kamu terpinga-pinga. Dia boleh menyuap bapanya tetapi tidak boleh menyuap saya”.“adakah saya seorang lelaki? Betulkah kamu berpuas hati dengan saya?” (Bama,S.P.2009,hlm.201)

Akhirnya Chandran tidak dapat menghadapi dugaan dan cabaran hidup dan mengambil keputusan untuk meninggalkan rumah. Dia sanggup meninggalkan ibu bapa dan keluarga abang. Dia juga sanggup berpisah dengan anaknya Pavithran yang bukan anak daripada zuriat kelahirannya. Justeru, watak Chandran mengakibatkan sebuah keluarga bahagia menjadi keluarga devian.

Chandran dianggap parasit devian yang memusnahkan keluarga bahagia. Keegoan terserlah apabila dia mahu masyarakat melabelkan dia sebagai seorang ayah atau lebih sebagai seorang lelaki. Dia tidak mahu dilabel sebagai seorang lelaki mandul. Untuk itu dia sanggup bersetuju menerima benih atau baka abang dimasukkan dalam rahim isteri melalui kaedah bayi tabung uji. Apabila anaknya menampakkan ciri personaliti abang maka kejadian itu tidak dapat diterima olehnya lalu meninggalkan rumah. Mengikut teori Sigmund Frued, *ego* Chandran lebih dominan daripada *Id* beliau. *Superego* Chandran menyebabkan dia sanggup meninggalkan rumah dan anaknya yang bukan daripada zuriatnya.

Dalam masa yang sama pengarang memuji dan menyanjung tinggi watak Revathy. Walaupun Revathy merupakan menantu perempuan tetapi dia sangat prihatin dan mengambil berat tentang Menaga. Zaman moden sekarang walaupun dunia teknologi berkembang dalam menghasilkan bayi buatan atau bayu tabung uji tetapi tiada seorang ahli keluarga yang sanggup meminta suaminya untuk meminjam benih untuk disimpan dalam rahim ibu yang memerlukan anak. Tindakan berani Revathy patut menjadi contoh keluarga bahagia.

“ kamu berdua tidak akan menghasilkan benih bersama. Kamu beri benih kamu dahulu dan selepas itu kamu akan balik. Selepas itu lupakan sahaja”
(Bama,S.p.2009,hlm.11)

“ jangan takut Revathy, benih suami akan diletakkan dalam rahim kamu.itu sahaja..” (Bama,S.P.2009,hlm.30)

Kata-kata yang diucapkan oleh Revathy kepada Menaga memberi nafas baru kepada Menaga untuk lebih bersemangat dan memotivasikan beliau untuk mengandung anak. Kata-kata perangsang seperti ini sesungguhnya menjamin keluarga baik dan bersatupadu. Demi menjaga hubungan silaturahmi keluarga dan keharmonian keluarga tersayang, Revathy ditonjolkan sebagai insan yang membawa pemikiran dan budaya yang baru dalam keluarga masyarakat India.

Mōkaṅka! karya M.A Ilanchelvan (1980) mengisahkan bahawa Vijayan dan Nirmala merupakan pasangan pengantin yang baru kahwin. Vijayan mempunyai seorang adik perempuan yang bernama Manjula dan seorang adik lelaki yang bernama Manogaran yang juga seorang guru yang belum berkahwin. Mereka tinggal serumah bersama ayah Sivasankaran dan ibu Janaki.

Vijayan berjawatan tinggi dan berpendapatan tinggi tetapi seorang kaki perempuan. Selalu berurusan luar negeri dan tidur dengan perempuan lain. Vijayan berminat kepada seorang pekerja perempuan yang baru melaporkan diri untuk bertugas di pejabatnya. Dia cuba hendak mendapatkan perempuan itu. Vijayan cuba merogol perempuan itu dan

akhirnya ditangkap oleh polis. Sebenarnya Nirmala pun tahu akan perangai buruk suaminya.

Watak Vijayan dianggap devian dalam keluarga ini. Seorang lelaki yang telah berkahwin seharusnya menjadi suami yang setia kepada isteri. Perangai buruk Vijayan sebagai devian menghancurkan keluarga yang baik. Vijayan seharusnya menjadi contoh yang baik kepada isteri dan ahli keluarga yang lain.

Pada suatu hari apabila berbual dengan Manoharan, iaitu adik suaminya, Nirmala terlanjur kata bahawa sebenarnya dia tidak gembira hidup dengan Vijayan. Mulai hari itu, Manoharan menaruh hati terhadap Nirmala. Apabila Manoharan memegang tangannya barulah Nirmala tahu isi hati sebenar Manoharan. Nirmala menasihati Manoharan bahawa perbuatannya adalah salah dan bertentangan dengan budaya masyarakat India. Nirmala meminta Manoharan memanggil dia dengan panggilan kakak ipar dan lupakan insiden buruk itu dan seterusnya meminta Manoharan lebih bertanggungjawab terhadap keluarga ini.

Manoharan tidak wajar memandang kakak ipar sebagai gadis impian untuk memuaskan nafsu. Kakak ipar seharusnya dihormati dan disegani. Tindakan Manoharan bercanggah dengan rukun keluarga. Dalam cerita epik Ramayana, Seetha menunjukkan

kesetiaan tidak belah bahagi kepada Rama. Adiknya Letchumanan terlalu taat kepada abang dan kakak iparnya.

“ Seetha seorang perempuan suci bukan disebabkan dia berkahwin dengan Rama. Rukun agama Hindu mengatakan bahawa Seetha jika berkahwin dengan Ravana pun dia akan menjaga kesucian sebagai seorang isteri soleh kepada suami yang dikahwini. Kesetiaan Seetha tetap terpelihara jika dia setia kepada suami yang dikahwini” (Ilanchelvan, M. 1980, hlm 136)

Kata-kata tersebut memberi tamparan hebat kepada Manoharan bahawa Nirmala tetap akan menjaga kesucian terhadap Vijayan iaitu abang kepada Manoharan. Manoharan tidak boleh mengambil tempat Vijayan walaupun suaminya bukan suami yang setia.

Manjula iaitu adik Vijayan merupakan seorang perempuan yang suka bergaul mesra dengan lelaki. Dia bercinta dengan Suresh. Oleh kerana terlalu percaya dan yakin dengan Suresh maka Manjula telah melakukan seks dengan Suresh dan sedang mengandung. Keadaan ini akhirnya diketahui oleh keluarga. Adik lelaki Nirmala bersetuju menerima Manjula kerana dia mencintai Manjula. Dia juga sanggup menerima anak Manjula dan sanggup memberitahu keluarganya bahawa Manjula dan dia pernah bersatu sebelum ini dan memohon maaf atas kesilapan itu. Walaupun adik Nirmala menerima Manjula tetapi Manjula merasakan bahawa dia hilang kesucian anak dara maka dia tidak layak hidup di bumi ini dan akhirnya menghembuskan nafas terakhir. Manjula tidak dapat menerima kata-kata Suresh yang menipunya setelah berasmara dengannya.

“ saya tidak mempercayai anda....”

“ adakah kamu sangsi saya...”

“kamu berbual dengan lelaki lain.....”

“Oh!baru kamu tahu saya berbual dengan lelaki lain. Kamu yang mengekori saya...”

“ saya beranggapan kamu perempuan sunti dan suci...’

“ kamu terus bersetuju....perempuan yang datang dengan keluarga baik tidak akan bersetuju untuk melakukan seks sebelum perkahwinan” (Ilanchelvan,M.1980,hlm.140)

Dialog-dialog tersebut membuktikan bahawa seorang anak dara yang berpakaian seksi dan bersosialisasi tinggi sehingga melanggar budaya masyarakat akan dipandang rendah. Seorang anak dara perlu mematuhi peraturan hidup sebelum berkahwin. Pergaulan bebas dan mudah mempercayai kekasih akan mengundang masalah baru dan akhirnya membawa padah kepada diri dan keluarga.

Walaupun dia merupakan seorang gadis sunti tetapi masyarakat terutamanya kaum lelaki tidak akan percaya bahawa dia masih anak dara atau suci. Lelaki jika dapat peluang akan menggunakan dengan sebaik-baiknya dan meninggalkan perempuan tersebut sepertimana yang dilakukan oleh Suresh terhadap Manjula. Gelagat Suresh sepertimana dicirikan Oleh Sigmud Freud iaitu mementingkan *Id* dan memenuhi naluri kepuasan. Dengan demikian Suresh dianggap devian parasit dalam hidup Manjula dan akhirnya memusnahkan kehidupannya.

5.9 Rumusan

Alam remaja ke alam dewasa merupakan suatu zaman yang penting dalam pembentukan modal insan yang baik. Dalam peringkat zaman inilah golongan pemuda-pemudi akan didedahkan dengan pelbagai masalah sosial mahupun masalah keluarga. Jiwa mereka mudah diresapi dengan nilai negatif dan mereka mula menjadi devian yang tidak dihormati oleh masyarakat. Jika ibu bapa gagal memaparkan suri teladan yang baik maka golongan pemuda-pemudi mudah terjebak dalam gejala yang tidak sihat. Justeru, ramai golongan pemuda-pemudi devian mula melanggar norma hidup masyarakat. Oleh itu, peranan institusi keluarga amat penting bagi menghindari pembentukan golongan pemuda-pemudi devian. Peranan ibu bapa sebagai suri teladan dalam pembentukan tingkah laku yang baik akan melahirkan generasi golongan pemuda-pemudi yang membanggakan bangsa dan negara. Ibu bapa hendaklah menitikberatkan perkembangan modal insan yang baik agar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Para penulis memaparkan perwatakan devian dalam novel Tamil Malaysia (1970-2010) agar generasi baru menjadikan watak devian sebagai pengajaran dalam hidup mereka. Sesungguhnya perwatakan devian dalam novel Tamil dijadikan iktibar dan watak negatif akan menghancurkan kehidupan sendiri kelak.

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1 Hasil Kajian

Novel merupakan satu cebisan realiti hidup yang dibawa oleh penulis untuk mencelikkan pembaca supaya meneliti kehidupan diri sendiri dan ia juga akan memberi pengajaran yang kritis kepada seseorang. Walaupun novel dihasilkan dengan imiginasi dan unsur hiburan namun ia masih mengandungi isu globalisasi untuk mencambahkan pemikiran para pembaca. Seorang penulis novel akan membawa peristiwa yang pernah berlaku dalam kehidupannya sebagai paparan dalam novel untuk mengekalkan realitinya. Peristiwa yang pernah dilalui, pernah dibaca dan diteliti sama ada secara persendirian atau melalui pemerhatian akan menjadi sebagai sumber untuk menulis novel-novelnya.

Adakalanya, kecemerlangan dan kejayaan seseorang dalam kehidupan boleh diperlihatkan dalam sesebuah karya. Ini akan mengangkat watak yang dicipta oleh seseorang penulis dalam novel yang dihasilkannya. Perjuangan seseorang individu dengan masyarakat untuk mengecapi kejayaan dalam sesuatu bidang seringkali ditonjolkan dalam sesebuah karya. Kejayaan dan kegagalan individu dalam kehidupannya juga dibawa dalam

penghasilan sesebuah novel. Isu kehidupan yang dilihat sebagai unsur instrinsik yang berlaku dalam seseorang individu serta masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat dengan jelas digambarkan dalam novel-novel. Kebanyakan novel telah mula mendukung dan memaparkan isu-isu semasa.

Kajian ini adalah suatu lembaran yang meneliti ghairah generasi muda dan dalam masa yang sama menyarankan mereka supaya mewarisi aspek budaya dan pemikiran. Ia juga menjadi aspirasi penulis-penulis novel Tamil pada keseluruhannya. Justeru itu, penulis-penulis novel sangat jelas dalam pembentukan perwatakan dalam novel-novel mereka kerana ia boleh maanfaat masyarakat dan generasi akan datang.

Mereka menonjolkan perwatakan suri teladan seperti Kanniappan dalam novel, *Cemmaṇṇum Nīla Malarum* (1970). Watak tersebut telah menunjukkan ciri kepimpinan yang sangat baik di mana ia boleh dicontohi oleh belia masyarakat India. Dalam novel ini golongan pemuda, iaitu Kanniappan merupakan watak utama. Dengan kerjasama rakan-rakannya dia cuba menyatukan penduduk ladang Tanah Merah daripada berlakunya masalah perpecahan ladang. Kanniappan menegaskan kepada penduduk ladang tentang kepentingan perpaduan dan mengesyorkan kepada mereka bahawa ladang tersebut boleh dibeli melalui koperasi ladang jika semua penduduk bersatu. Malangnya, Kanniappan tidak mendapat kerjasama daripada penduduk ladang tersebut dan akibatnya penduduk ladang

hilang pekerjaan dan Kanniappan rasa kecewa setelah menceburi rancangan Felda yang diperkenalkan oleh kerajaan. Penulis mencipta watak Kanniappan supaya generasi muda menjadikan watak tersebut sebagai suri teladan dalam hidup dan berharap golongan pemuda-pemudi berbakti kepada masyarakat setempat dan menjaga kebajikannya.

Watak Sooriya dalam novel *Tēṭiyirukkum Taruṇaṅkaḷ* (1993) telah mempamerkan seorang anak yang harus dicontohi. Dia telah memenuhi hasrat ayahnya, iaitu meningkatkan pelajarannya sehingga ke pusat pengajian tinggi. Sooriya juga merealisasikan misteri kelahirannya dengan mencari dan menemui ibu kandungnya tanpa membawa malu pada sesiapa pun. Watak suri teladan Sooriya merupakan seorang watak yang memenuhi keinginan bapa dan ingin mengetahui ibu kandungannya. Justeru itu, jelas memaparkan bahawa Sooriya merupakan seorang anak yang bertanggungjawab.

Dalam novel *Cuṇṇuḷ* (1994) hasil karya M.Ramaiyah, menonjolkan watak Kannan sebagai seorang yang bercita-cita tinggi untuk kejayaan masyarakat. Kannan merupakan seorang suri teladan atau *role model* kepada masyarakat India. Beliau merupakan seorang yang mempunyai prinsip hidup. Beliau berpendapat golongan pemuda tidak seharusnya mensia-siakan masa dan ingin membuka mata anak-anak muda yang tidak ada prinsip dalam kehidupan mereka. Beliau mahu golongan pemuda lelaki dan

perempuan mempunyai cita-cita tinggi terhadap kemajuan diri dan seterusnya membantu meningkatkan generasi muda nanti.

Kannan juga berpandangan jauh dan berwawasan tinggi. Kannan berucap di hadapan golongan pemuda lelaki dan perempuan semasa mengumpul dana untuk membeli tanah. Beliau tidak mahu apabila berlaku pemecahan ladang dan penjualan ladang, masyarakat India terpinggir. Beliau tidak mahu masyarakat India menjadi masyarakat jalanan yang diusir oleh penjajah baharu. Setiap orang mesti membeli sebuah rumah demi kesejahteraan keluarga. Sememangnya Kannan mempunyai ciri seorang pemimpin yang disegani dan dicontohi oleh generasi muda yakni watak usahawan muda terserlah dalam watak Kannan. Watak-watak pemimpin berjiwa rakyat seperti Kannan dikehendaki oleh masyarakat Tamil dan generasi muda hendaklah dipimpin dengan betul agar tidak lari daripada landasan hidup.

Dalam novel *Pāl Marakkāṭṭinilē* (1980) pengarang Agilan mencipta watak Balan sebagai seorang golongan pemuda yang mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin dan seorang berjiwa masyarakat. Dia bersama kawan Ganesan dan rakan-rakannya mengumpulkan tenaga golongan pemuda-pemudi untuk menubuhkan koperasi agar dapat membeli tanah daripada majikan. Seruan demi seruan dilontarkan kepada generasi muda agar mereka bangkit dari kegelapan hidup dan mula mengenali erti kehidupan sebenar. Jika hidup seperti katak di bawah tempurung maka ranaplah impian golongan pemuda-pemudi

untuk menyuarakan pendapat. 'Berdiri teguh, bercerai roboh' merupakan konsep hidup untuk bersatu teguh menubuhkan koperasi. demi membeli sebidang tanah. Seruan terhadap golongan pemuda-pemudi perlu untuk kesejahteraan masyarakat. Untuk itu, penciptaan watak seperti Balan amat dikehendaki oleh masyarakat Tamil agar dapat membuka minda generasi muda sekarang.

Dalam novel *Caṅkamam* (1995) karya M.Ramaiyah, watak Gunalan dicirikan sebagai seorang yang berjaya dalam kehidupan. Gunalan merasakan bahawa golongan pemuda-pemudi di ladang perlu dibantu oleh golongan terpelajar. Golongan pemuda-pemudi yang ingin mencuba nasib di bandar perlu berhati-hati apabila berdepan dengan anasir-anasir yang boleh membawa keburukan kepada golongan pemuda-pemudi. Sememangnya golongan pemuda-pemudi ini perlu dipimpin dan dididik agar tidak terpesong daripada impiannya untuk maju dalam kehidupan. Masyarakat Tamil sejak zaman *Sangam* (zaman prasejarah India) telah menitikberatkan kepentingan pendidikan. Ilmu yang ada pada seseorang hendaklah digunakan sebaik-baiknya agar dapat memimpin masyarakat yang tidak ada halatuju. Penciptaan watak seperti Gunalan dapat memandu golongan pemuda-pemudi dengan tujuan hidup yang betul. Masyarakat Tamil percaya, apabila tujuan hidup dapat dipimpin maka kebarangkalian golongan pemuda-pemudi yang lari daripada landasan hidup akan berkurangan. Justeru golongan pemuda-pemudi boleh memimpin generasi muda dengan baik. di kemudian hari.

Dalam karya R.Kartigesu yang bertajuk *Vāṇattu Vēlikaḷ* (1981), watak Kundan ataupun Kunasegaran ditonjolkan sebagai seorang golongan pemuda yang gigih berusaha dan berani menghadapi cabaran. Dia tidak mudah putus asa apabila setiap kali menemui kegagalan. Sebaliknya dia menjadikan kegagalan tersebut sebagai satu pengalaman berharga untuk dijadikan pengajaran dan panduan. Akhirnya Kundan berjaya dalam kerjayanya sebagai peguam dan beliau juga merupakan seorang usahawan yang memiliki suatu bangunan yang dinamakan sebagai “Wisma Kuna”. Ini adalah suatu aspirasi dalam budaya Tamil di mana hikayat-hikayat menonjolkan watak-watak yang tidak putus asa dalam mencapai cita-citanya.

Novel *Nēram Vantuvittatu* (1980), karya M.Durairaj mengisahkan Amuthan bercita-cita tinggi untuk mengubah pemikiran golongan pemuda-pemudi di ladang untuk bergerak maju dalam kehidupannya. Pemaparan watak Amuthan dalam novel *Nēram Vantuvittatu*, jelas memperlihatkan sifat kepimpinan yang ada pada diri Amuthan. Apabila Amuthan berjaya dalam hidup. Beliau mahu golongan pemuda-pemudi melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan ingin mengubah hidup mereka. Beliau sanggup menghantar golongan pemuda-pemudi ke program usahawan muda. Yakni ciri seorang pemimpin bangsa dapat dilihat pada watak Amuthan. Sebenarnya, masyarakat Tamil sememangnya berjaya dalam perniagaan anatarabangsa sejak dahulu. Peribahasa “*Tiraikaṭal oṭiyum*

tiraiyaiyum tēṭu” iaitu seseorang hendaklah berani menempuh lautan ganas untuk mengaut keuntungan adalah asas pemikiran perniagaan dalam budaya masyarakat Tamil yang masih dipegang kukuh.

Novel *Tuyarappātai* (1978) karya K.Perumal, mengisahkan bahawa minuman alkohol memang membawa kemudatan kepada kesihatan dan menjadikan badan kita lemah. Dalam novel ini, watak Muthukarupam melakukan banyak pembaharuan dalam proses pencegahan minuman keras di ladang mereka. Oleh itu, sebagai seorang yang bertanggungjawab beliau telah sedaya upaya menangani masalah minuman alkohol tersebut. Masyarakat Tamil dari zaman dulu lagi, tidak suka kepada pemuda yang ketagih arak. Melalui kuplet *Thirukkural* (Pujangga Tamil Klasik) ditekankan bahaya mengambil arak dan akibatnya. Masyarakat Tamil sehingga sekarang masih mewarisi nilai yang dibawa oleh kuplet *Thirukkural* tersebut. Namun ada juga yang tidak mahu ikut ajaran dan nasihat yang terkandung dalam sastera Tamil Klasik sehingga menghancurkann diri kerana ketagih alkohol.

Dalam novel *Viḷaḷum Nīrum* (1999) karya M.Ramaiyah, watak Thangavello menanggung semua beban keluarga dan menyara keluarga dengan baik. Watak Thangavello mempunyai sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam menyara keluarga

dengan sempurna. Selain daripada itu, watak yang bernama Kayalvizhi mempunyai semangat yang tinggi dan berdikari dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap ketabahan hati golongan pemuda-pemudi seperti Kayalvizhi, Thangam, Portkodi, Maruthan dan Ratha yang berani menyuarakan pendapat dan menghadapi rintangan dan dugaan. Kesungguhan mereka dalam mencapai matlamat hidup hendaklah dijadikan teladan oleh golongan pemuda-pemudi sekarang. Dunia sekarang ingin melihat golongan pemuda-pemudi yang berani kerana benar dan tabah menghadapi rintangan dan dugaan hidup. Golongan pemuda-pemudi yang bertanggungjawab, bersifat pemimpin, berani dan sikap berdikari merupakan nilai yang amat diharapkan oleh masyarakat Tamil agar memimpin masyarakat mencapai kegemilangan.

Novel *Cuvaṭukaḷ* (1994) karya M. Ramaiyah memperlihatkan watak Kannan menyimpan duit yang cukup sebelum melangsungkan perkahwinan. Golongan pemuda-pemudi generasi sekarang harus mencontohi Kannan, iaitu merancang sebelum melakukan sesuatu perkara demi kehidupan yang sempurna. Di sini juga pengarang mengangkat konsep berdikari yang selalunya disanjung tinggi dalam masyarakat Tamil.

Novel berjudul *Ilaṭciya Payaṇam* (1983) membawa watak Maruthan yang merupakan seorang suri teladan masyarakat Tamil. Maruthan telah memujuk dan berusaha menyatukan penduduk ladang untuk memperjuangkan nasib malang dan ingin mencari

kebebasan kepada mereka. Perwatakan golongan pemuda seperti Maruthan hendaklah dijadikan idola oleh kaum muda generasi sekarang. Pemimpin yang berjiwa rakyat seperti Marutan dapat membantu rakyat dan menaikkan imej rakyat agar berdaya saing dan mencari kecemerlangan demi bahasa, bangsa dan negara.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati watak dan perwatakan suri teladan golongan pemuda-pemudi novel Tamil Malaysia (1970-2010) dapat dianalisis dengan menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Watak-watak utama yang diuraikan dalam novel tersebut banyak menunjukkan unsur-unsur *id*, *ego* dan *superego* dalam konflik yang melanda diri mereka. Hal ini ditonjolkan oleh pengarang melalui perwatakan yang dibawa oleh seseorang menerusi jalan cerita yang digarap oleh pengarang.

Peralihan alam remaja ke alam dewasa merupakan suatu zaman yang penting dalam pembentukan modal insan yang baik. Dalam peringkat zaman inilah golongan pemuda-pemudi didedahkan dengan pelbagai masalah sosial mahupun masalah keluarga. Jiwa mereka mudah diresapi dengan nilai negatif maka mereka mula menjadi devian yang tidak dihormati oleh masyarakat. Jika ibu bapa gagal memaparkan suri teladan yang baik maka golongan pemuda-pemudi mudah terjebak dalam gejala yang tidak sihat. Justeru, ramai golongan pemuda-pemudi devian mula melanggar norma-norma hidup masyarakat. Oleh

itu, peranan institusi keluarga amat penting bagi menghindari pembentukan golongan pemuda-pemudi devian. Peranan ibu bapa sebagai suri teladan dalam pembentukan tingkah laku yang baik akan melahirkan generasi golongan pemuda-pemudi yang membanggakan bangsa dan negara. Ibu bapa hendaklah menitikberatkan perkembangan modal insan yang baik agar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Para penulis berjaya memaparkan watak-watak negatif dalam novel Tamil Malaysia agar generasi baru menjadikan watak devian sebagai pengajaran dalam hidup mereka. Sesungguhnya perwatakan devian dalam novel Tamil dijadikan iktibar dan panduan hidup. Perwatakan negatif akan menghancurkan kehidupan sendiri kelak.

Kumpulan “Karat Geng” yang digambarkan dalam novel *Kāṭalināl Alla* (1999) telah menjadi contoh kepada pemuda devian. Mereka ini adalah golongan yang berasal dari keluarga miskin tetapi setelah menjejak kaki di menara gading, mereka melupakan diri dan menjerumus dalam kegiatan gejala sosial negatif. Kumpulan ini ditonjol oleh penulis kerana para pembaca akan dapat mempertimbangkan keadaan sebenar belia sekarang yang tidak dikawal. Ini adalah suatu keadaan yang sangat merbahaya di mana ia akan merosakkan keseluruhan generasi muda. Golongan pemuda-pemudi devian ini akan terlibat dalam aktiviti kurang sihat seperti penglibatan dalam gangsterism, pengambilan dadah dan akhirnya mensia-siakan alam dewasa.

Musuh nombor satu negara Malaysia ialah isu penyalahgunaan dadah. Ini adalah kerana masalah penyalahgunaan dadah bukan sahaja menghancurkan masa depan belia negara yang dianggap tiang negara malah telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi yang ketara. Oleh yang demikian, untuk menyahut seruan kerajaan ini, maka penulis-penulis novel Tamil telah menjadikan isu penyalahgunaan dadah ini sebagai tema dalam novelnya.

Pemaparan watak-watak devian seperti watak Velu dalam novel *Cuvaṭukaḷ*, watak Kumaresan dalam novel *Ūmai Kaṇavukaḷ*, watak Karthigeyen dalam novel *Suvar* dan watak Sangkaran dalam novel *Pacittirukkum Iḷam Kocukkaḷ* turut memaparkan watak devian yang dihuraikan oleh Erik Erikson. Apabila golongan pemuda-pemudi gagal mengenali diri, maka mereka akan terdedah kepada krisis identiti. Golongan pemuda-pemudi yang tidak dapat menilai yang baik dan buruk dengan mudah terdedah kepada anasir yang kurang sihat dan menjadi devian sosial.

Pengambilan sejenis dadah Heroin oleh kawan baik Murugan menyebabkan keluarganya porak-peranda. Akibat pengambilan Heroin ini, Murugan tidak mengenali realiti sehingga membolehkan seseorang itu bertindak di luar tabii. Isteri tidak melayani suami apabila perbuatan itu di luar tabii akibat mengambil dadah Heroin. Masalah ini mengundang salah faham antara suami isteri dan isteri Murugan terpaksa meninggalkan rumah dan bermalam di rumah emaknya. Dengan demikian para penulis hendak membawa

mesej bahawa pengambilan dadah akan menyebabkan institusi keluarga tidak aman dan porak-peranda.

Dalam novel yang bertajuk *Ūmai Kaṇavukaḷ*, Kumaresan dijadikan orang tengah dalam aktiviti pengedaran dadah. Kumaresan ditangkap oleh polis dan berita penangkapan Kumaresan diberitahu kepada keluarga dan masyarakat setempat tidak mahu menjalinkan hubungan dengan keluarga yang terlibat dalam kes dadah. Penulis novel menyedarkan golongan pemuda-pemudi tentang perlunya mengetahui pekerjaan yang dibuat dan bukannya mencemarkan nama baik keluarga tersayang.

Novel yang bertajuk *Suvar* (1997) karya C.Sockalingam mengisahkan bahawa Karthigeyan seorang pelajar sekolah terjebak dalam kancah dadah. Faktor keluarga dan rakan sebaya menyebabkan Karthigeyen menjadi penagih dadah. Dalam masa yang sama Karthigeyen tidak mendapat kasih sayang daripada bapanya. Lama-kelamaan Karthigeyen ketagih dadah. Ibu bapa perlu mengetahui keperluan anak dan memberi kesayangan penuh kepada anak-anaknya. Krisis identiti sosial menyebabkan seseorang anak terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat. Masyarakat hendaklah disedarkan pentingnya kasih sayang dalam sesebuah keluarga. Penulis tempatan membawa kesedaran kepada masyarakat melalui pemaparan watak-watak devian seperti Karthigeyen.

Watak utama dalam novel yang berjudul *Pacittirukkum Ilam Kocukka!* (1978), iaitu pemuda devian Sangkaran merupakan seorang penganggur yang telah bersubahat dengan rakan-rakannya untuk terjerumus ke dalam najis dadah. Watak devian Sangkaran yang terjerumus dalam kegiatan dadah ini telah menyebabkan dia sanggup memenuhi hawa nafsunya sehingga menukarkan isteri dengan rakannya. Akhirnya, Sangkaran telah sedar diri apabila mengetahui orang yang diajak untuk berasmara merupakan adik kandungnya sendiri. Dadah menyebabkan seseorang hilang akal fikiran dan tergamak melakukan perbuatan terkutuk.

Kejahilan dan ketidaksedaran pemuda-pemudi yang sanggup melakukan kegiatan negatif seperti minum minuman keras seperti samsu, terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah dan mengadakan hubungan seksual yang keterlaluan hendaklah diperbetulkan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis novel telah mengkritik golongan pemuda-pemudi yang tidak sedar diri tentang tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat.

Penulis-penulis novel melalui penciptaan watak-watak devian telah berperanan menasihatkan golongan pemuda-pemudi ladang supaya tidak terlibat dalam gejala negatif. Contohnya, kehidupan Sangaran musnah akibat ketiadaan disiplin diri dan pendidikan yang berkesan.

Isu dadah ini turut menjadi tema dalam novel Tamil yang berjudul *Cirai Tappiya Paravai* (1980). Dadah musuh nombor satu negara dan membawa kesan negatif kepada masyarakat diperjelaskan dengan terperinci oleh penulis melalui watak yang diciptanya, iaitu Singgaram dan Jambulingam. Kedua-dua orang ini digambarkan sebagai pengedar dadah dalam novel Tamil ini. Penulis novel menjelaskan bahawa pengedar tidak boleh terlepas dari tali gantung, akhirnya kedua-dua orang tersebut telah berjaya diberkas polis.

Dalam novel *Neruppu Kōṭukaḷ*, watak Veerasamy digambarkan sebagai golongan pemuda-pemudi devian, yang ingin menuang asid pada muka Segar dengan membayar duit kepada kaki pukul dan kumpulan *gangster*. Masyarakat Tamil amat tidak menyukai golongan pemuda-pemudi terlibat dalam gangsterim dan mencemarkan nama baik masyarakat India.

Dalam novel *Oru Tivukkullē* karya Nirmala Perumal (2009), pasangan Murugan dan Muthaiyee mengalami krisis identiti lawan kekeliruan. Mereka mencari identiti diri dan risau tentang perkara yang akan terjadi kepada mereka pada masa hadapan. Perkembangan golongan pemuda-pemudi mengikut pandangan psikoanalisis terletak pada tahap yang kelima, iaitu identiti lawan kekeliruan yang berlaku semasa meningkat usia. Pada tahap ini, ibu bapa perlu memberi peluang kepada golongan pemuda-pemudi untuk mencuba peranan berkenaan. Jika golongan pemuda-pemudi mengetahui peranannya,

maka golongan pemuda-pemudi berjaya membentuk identiti yang positif. Sebaliknya, jika ibu bapa cuba memberi tekanan ke atas golongan pemuda-pemudi maka golongan pemuda-pemudi akan mengalami kekeliruan identiti dan cenderung terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang kurang sihat.

Dalam novel *Alakiṅ ārāṭaṅai*, Latha digambarkan sebagai seorang anak dara yang kehilangan maruah diri dan perkara ini amat ditegah oleh masyarakat India. Ibu bapa yang mempunyai anak dara inginkan anak-anak mereka suci dari segi badan dan minda. Apabila kesucian dinodai maka itu akan menjatuhkan air muka ibu bapa dan mereka terpaksa menanggung malu akibat perbuatan terkutuk anak mereka. Penulis novel berjaya memaparkan watak-watak wanita yang terlanjur dari norma hidup.

Novel *Kanakāmyapuramum Kiliṅcalkaḷum* (1999) karya M.A. Elanchevvan mengisahkan Viji seorang wanita yang terlalu sosial dan seksi. Viji terlalu sosial dengan rakan sekerja dan berpakaian moden. Seorang anak dara perlu mematuhi lunas-lunas hidup dan menghormati pantang larang keluarga dan adat resam masyarakatnya. Seseorang perempuan terpaksa menerima balasannya apabila melanggar norma hidup masyarakat.

Hasil perbincangan ini, jelas kepada kita bahawa keperluan untuk mewujudkan masyarakat yang sifar devian dan sifar jenayah adalah suatu perjuangan yang bukan mudah jika tidak ditangani dari awal. Fungsi dan peranan masyarakat khususnya golongan pemuda-pemudi juga perlu diambil perhatian kerana mereka merupakan pelapis pemimpin pada alaf baru.

Hasil kajian juga mendapati bahawa golongan pemuda-pemudi merupakan harapan masyarakat Tamil. Pembentukan golongan pemuda-pemudi bukan setakat memiliki kecerdasan intelektual sebagai kekuatan dari segi keilmuan, akan tetapi perlu juga dibarisi dengan golongan pemuda-pemudi yang memiliki kecerdasan emosi kerana ia merupakan kekuatan dari segi afektif yang stabil dan mampu menghadapi cabaran dengan tabah dan proaktif.

Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam mendorong individu untuk melepaskan geram dan tekanan dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian. Malangnya tindakan mereka bukan sahaja memudaratkan diri sendiri, malahan turut memudaratkan orang lain apabila tingkah laku devian itu bertukar menjadi pelakuan jenayah. Masyarakat Tamil tidak mahu golongan pemuda-pemudi terlibat dalam aktiviti

gangsterism dan menjatuhkan maruah masyarakat. Masyarakat Tamil berpendapat devian yang terlibat dalam aktiviti gangsterism perlu diperbetulkan dan ditangani dengan bijak.

Masyarakat Tamil tidak boleh menerima hakikat yang mengatakan orang membunuh diri akibat lemah semangat. Devian seperti Malliga perlu diperbetulkan dan ditunjukajar agar kembali menikmati kehidupan yang diberi oleh Yang Maha Berkuasa. Penulis novel mencipta watak devian seperti Malliga agar watak itu menjadi teladan kepada golongan pemuda-pemudi agar jangan terlalu ikut perasaan dan mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Selain dari itu, buruh-buruh India yang telah berhijrah ke Tanah Melayu mengalami serba kekurangan dan ada antara mereka yang telah membunuh diri akibat tertipu dan gagal memperolehi pekerjaan. Akibatnya ramai pekerja dan gadis tempatan telah membunuh diri. Terdapat juga antara gadis di ladang getah yang telah dirogol dan dianiaya oleh pihak pentadbir dan majikan ladang. Akibat daripada kekurangan pendidikan dan kesedaran, ramai pekerja telah membunuh diri. Pengkaji mendapati perkara sebenar sebegini tidak dijelaskan dalam novel-novel Tamil dengan terperinci dan mendalam oleh penulis-penulis novel Tamil Malaysia.

Pada realitinya, sejak akhir-akhir ini masyarakat Tamil mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial seperti lari dari rumah yang melanda golongan pemuda-pemudi. Kes lari dari rumah hendaklah dijadikan iktibar agar watak devian diperbetulkan dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendungnya dari terus menjadi barah dalam masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil ingin melihat golongan pemuda-pemudi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan bangsa dan negara secara keseluruhannya.

Masyarakat Tamil mendapati bahawa ketirisan nilai dan keutuhan akhlak dalam kalangan masyarakat menjadi satu persoalan yang signifikan untuk difikirkan dan dikupas bersama bagi menghadapi cabaran era globalisasi. Masyarakat Tamil ingin suatu kajian yang mendalam perlu dilakukan terhadap perasaan dan persepsi golongan pemuda-pemudi mengenai isu seksual bagi memperoleh maklumat yang bermanfaat dalam membentuk strategi intervensi yang terbaik bagi menangani permasalahan ini. Hasil kajian mendapati bahawa watak suri teladan yang dicipta oleh penulis lebih menitik-beratkan aspek pembinaan sahsiah golongan pemuda-pemudi dan pembentukan masyarakat yang lebih unggul dan berkualiti. Watak suri teladan yang diilhamkan oleh penulis dijadikan pedoman hidup manakala watak devian hendaklah dijadikan batasan hidup. Masyarakat hendaklah

menilai watak devian dan seterusnya mengambil langkah untuk membetulkan watak devian agar ia menjadi pengajaran dan iktibar dalam hidup seseorang.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penulis-penulis novel membuat beberapa gagasan semasa menonjolkan perwatakan golongan pemuda-pemudi suri teladan dalam penulisan mereka. Antaranya ialah pemaparan watak kepimpinan dalam keluarga dan masyarakat. Selain itu, sikap bertanggungjawab, sikap kelakuan yang baik, usaha berdikari dan pemikiran rasional juga merupakan gagasan yang diilhamkan oleh penulis sebelum menonjolkan watak-watak suri teladan. Dalam novel Tamil Malaysia, perwatakan *role model* juga dapat diperlihatkan dalam gagasan kecemerlangan pendidikan dan penglibatan golongan pemuda-pemudi dalam kecemerlangan dalam ekonomi atau perniagaan. Suri teladan generasi muda atau belia mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara. Golongan pemuda-pemudi dianggap sebagai pemimpin masa kini dan masa hadapan mesti bergerak dalam kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif dan efektif serta memberikan komitmen yang lebih kukuh. Masyarakat Tamil sememangnya mengharapkan komitmen penuh daripada golongan pemuda-pemudi untuk memajukan bangsa. Dalam masa yang sama masyarakat Tamil inginkan golongan pemuda-pemudi devian diperbetulkan dan dipimpin dengan baik. Ini adalah kerana kesedaran golongan pemuda-pemudi perlu wujud

dan berkembang sehaluan dengan cita-cita pembinaan budaya bangsa ke arah kewujudan satu negara yang bermaruah dan bermartabat tinggi.

Penulis-penulis novel Tamil juga tidak lupa untuk memaparkan beberapa unsur budaya yang harus diangkat oleh pemuda-pemuda supaya adat resam dan kepercayaan diikuti secara berterusan dari generasi ke generasi. Unsur pakaian adalah sangat mustahak dalam kehidupan masyarakat India, iatu semasa hari perayaan dan perkahwinan semua digalakkan memakai pakaian tradisional. Dalam novel *Tuyarappātai* (1978) watak Solaiyammal mengamalkan memakai Sari dan Pottu serta menghiasi rambut dengan bunga mawar. Ini adalah suatu amalan wajib untuk seorang wanita India. Maka, kesinambungan warisan budaya wanita India dipentingkan oleh karyawan novel-novel Tamil Malaysia.

Kajian juga mendapati masyarakat Tamil Malaysia digambarkan sentiasa mengamalkan amalan pakaian sopan dan menuruti amalan pakaian yang bersesuaian berdasarkan tempat dan situasi. Penggunaan pakaian tradisional orang India seringkali digambarkan dalam pelbagai situasi di rumah, kuil dan tempat kerja. Wanita India yang lebih muda digambarkan dalam pakaian *Chuditar*. Sari digunakan sebagai pakaian simbolik yang lebih menunjukkan usia wanita yang lebih tua. Gambaran ini adalah kurang tepat kerana Sari masih menjadi pilihan gadis India di Malaysia dan juga pilihan wanita yang berusia pertengahan umur.

Hasil kajian mendapati bahawa novel-novel Tamil Malaysia membicarakan nilai budaya sejagat sebagai sebahagian daripada nilai hidup masyarakat India di Malaysia. Hampir kesemua novel Tamil memaparkan nilai sejagat secara langsung dan secara tidak langsung. Ini termasuklah nilai seperti memelihara perpaduan keluarga dan masyarakat, tanggungjawab ahli keluarga mengikut kedudukan dan peranan masing-masing, nilai kasih sayang, hormat-menghormati, kejujuran, bantu-membantu, insaf atas kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, memohon maaf, memaafkan orang lain, bekerjasama, murah hati, membalas budi, menjaga maruah diri dan keluarga, berbudi bahasa, menghargai sumbangan orang, pengorbanan, berfikiran terbuka, berfikiran positif dan sebagainya. Nilai ini adalah sesuatu yang dikongsi oleh masyarakat bertamadun. Oleh itu nilai ini tidak boleh dikatakan nilai jati diri sesuatu kaum tetapi boleh dikatakan sebagai nilai jati diri sesuatu masyarakat dalam konteks negara.

Pengkaji mendapati penulis-penulis novel Tamil Malaysia menggunakan novel sebagai suatu wadah untuk menyalurkan mesej yang berguna kepada golongan pemuda-pemudi. Melalui penciptaan watak suri teladan dan devian membolehkan golongan pemuda-pemudi terutama pembaca novel memikirkan jalan terbaik dalam merancang, menjaga dan mengorak langkah dalam hidupnya. Sesungguhnya kehidupan golongan

pemuda-pemudi lebih bermakna jika dapat menilai jati diri sebagai pendokong tradisi, warisan dan aspirasi masyarakat Tamil di Malaysia.

Sehubungan itu, novel-novel yang dicipta oleh penulis telah mengutarakan kepincangan perwatakan dan perwatakan yang dicontohi, supaya ia akan diamati oleh khalayak dan menjadi pedoman dalam kehidupan, iaitu yang baik disimpan dan yang buruk dijadikan sebagai teladan. Justeru itu, novel bukanlah semata-mata merupakan satu alat yang dicipta untuk mendedahkan kekurangan dan kepincangan dalam masyarakat dan politik tetapi novel memainkan peranan yang penting, iaitu memunculkan pemikiran sosial dalam pembentukan golongan pemuda-pemudi suri teladan dan pengajaran yang berkesan. Tambahan pula, watak-watak yang dicipta oleh penulis, juga berperanan memaparkan segala masalah dalam masyarakat dan mengungkapkan mesej berkesan sebagai pengetahuan kepada masyarakat umum. Golongan pemuda-pemudi yang dicipta oleh penulis, iaitu golongan pemuda-pemudi suri teladan dan devian hendaklah dijadikan pedoman dan landasan dalam mengharungi kehidupan generasi belia sekarang.

6.2 Cadangan Kajian

Berdasarkan pada tajuk kajian ini, dicadangkan beberapa tajuk kajian yang boleh dikaji dalam membuat penambahbaikan dalam bidang sastera . Kajian boleh dibuat

terhadap komponen kecerdasan emosi remaja. Penulis karya remaja boleh dikaji untuk menerapkan komponen kecerdasan emosi yang memberi kesan yang besar kepada proses kedewasaan dan kematangan remaja. Karya kesusasteraan sangat berpengaruh untuk membentuk sahsiah dan jati diri remaja kerana elemen yang terdapat dalam karya sastera seperti ilmu dan kemahiran serta nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi mampu mendidik remaja.

Kajian juga boleh dibuat dalam komponen sastera Bahasa Tamil di sekolah. Kajian yang memberi manfaat kepada guru khususnya guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil dan matapelajaran Kesusasteraan Tamil. Guru-guru dan murid-murid dapat menghayati perwatakan dalam sastera novel Tamil. Para murid perlu menghayati jalan cerita dan menghayati setiap peristiwa yang berlaku dan kaitkan dengan perwatakan dalam karya. Karya sastera adalah agen pembentuk akhlak yang sangat bermakna. Kajian teks tidak diajar sekadar untuk menjawab soalan peperiksaan semata-mata kerana yang penting dalam karya sastera ialah penghayatan nilai kemanusiaan. Kajian berbentuk Komsas ini diharapkan dapat membantu guru-guru untuk mencapai objektif pendidikan dalam domain afektif merangkumi proses fisiologi, serta perlakuan yang berkait rapat dengan emosi dan perwatakan dalam karya novel.

Kajian Komsas perlu kerana dapat memberi garis panduan kepada Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah untuk memasukkan komponen perwatakan suri teladan dan devian supaya melahirkan insan yang seimbang dan holistik seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan menepati keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPM) 2013-2025. Selain itu, kajian perwatakan dalam novel perlu supaya kualiti pelajar yang dilahirkan melalui sistem pendidikan negara terutamanya dari segi etika dan kerohanian diharapkan dapat menghadapi cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa. Dengan adanya tahap kecerdasan emosi dan kematangan yang tinggi, golongan pemuda-pemudi dapat menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak serta berani melakukan sesuatu yang betul.

Seterusnya, diharapkan dapatan kajian lanjut juga mampu membantu ibu bapa dan ahli masyarakat untuk memilih buku-buku yang bermutu untuk dibaca oleh anak-anak mereka. Ibu bapa dan ahli masyarakat harus sedar bahawa komponen kecerdasan emosi yang boleh menilai watak suri teladan devian akan membolehkan mereka dapat mengawal diri daripada perkara-perkara yang tidak bermoral atau kurang sihat.

Kajian juga boleh dijalankan dalam aspek sumbangan dari sudut pembuktian dan penelitian nilai tambah yang terkandung dalam bahan sastera seperti novel. Karya sastera bukan sahaja memperlihatkan kandungan nilai murni malahan mempunyai nilai tambah

yang dapat diteroka dan diteliti dari perspektif pemikiran yang lebih tinggi berlandaskan aspek jati diri. Watak-watak suri teladan yang memiliki sahsiah terpuji dan berjati diri tinggi mengutamakan penghormatan, kerjasama dan ketinggian adab berkomunikasi boleh dijadikan bahan kajian lanjutan dalam bidang sastera. Lanjutan itu, kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan menerusi pendedahan kepada generasi muda tentang tatacara yang berhemah dan pentingnya mengekalkan jati diri sesuatu masyarakat melalui kajian bahan sastera.

Oleh sebab kajian ini menggunakan genre novel, maka disarankan kajian-kajian seterusnya boleh dibuat dalam penerokaan secara mendalam dengan menggunakan genre sastera yang lain seperti cerpen, puisi dan drama. Tambahan pula, kajian perbandingan antara watak suri teladan dan devian golongan pemuda-pemudi boleh dikaji dengan novel-novel bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa lain.

Cadangan kajian tentang gender juga boleh dikaji dalam memperlihatkan perwatakan suri teladan dan devian. Kajian tentang feminisme boleh dibuat berdasarkan novel-novel yang diterbitkan sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Sumbangan wanita dalam pembentukan sahsiah golongan pemuda turut boleh dikaji.

Sesungguhnya kajian-kajian lanjutan hendaklah dibuat dalam memperlihatkan mutu sastra dan memartabatkan keindahan dunia sastra. Kajian-kajian yang membina dan penerapan nilai tambah dalam kajian sastra dapat melahirkan kehebatan mutu sastra dan seterusnya menaikkan mutu seni untuk sastra dan sastra untuk seni.

University of Malaya

BIBLOGRAFI

Sumber Utama

- Akilaṅ. (1980). *Pālmarak Kāṭṭiṇilē*. Maturai: Pari Puttaka Paṅṅai.
- Akkiṇi. (1980). *Paṭṭuppulukkaḷ*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyiṭu.
- Añcalai Kirusṅaṅ. (1981). *Kaviyattilē oru kaṅṅīr*. Perlis: Añcalai kirusṅaṅ.
- Aṅṅamēri, Ta. Mu. (1973). *Cantaṅat tilakam*. Kōlālampūr: Malarviḷi Patippakam.
- Aṅṅāṅantaṅ, Cā. Ā. (1979). *Maravaḷḷik kiḷaṅku*. Pattumalai: Pattumalai Tamil ḷaiñar Maṅimaṅṅam.
- Aṅṅucelvaṅ, Mu. (1991). *Vilāṅkukaḷ*. Kōlālampūr. Tamil Nēcaṅ (M) Sdn. Bhd.
- Aravintaṅ (Ippō). (1991). *Kaṅavukaḷiṅ cuyamvaram*. Kōlālampūr: Verri Mayil (M) Sdn. Bhd.
- Aṅṅvāṅantaṅ, Me. (1981). *Caṅkamam*. Kuala Lumpur: Pacific Press Sdn.Bhd.
- Aruṅ Appāturai. (1983). *Pātai māriya payaṅaṅkaḷ*. Cuṅkai Paṭṭāṅi: Aruṅ. Nilayam.
- Bāmā, Es. Pi. (2009). *Tāyāka vēṅṅum*. Kōlālampūr: Umā Patippakam.
- Cāminātaṅ, Ja. (1970). *Mañcaḷ kayiru*. Maturai: Amutā Nilaiyam.
- Caṅmukam, Ar. (1993). *Cayām maraṅa rayil*. Kōlālampūr: Jeyapakti Patippakam.
- Cantiracēkaraṅ, Vī. Ku. (1971). *Payaṅam*. Kōlālampūr: Malarviḷi Patippakam.
- Cantiracēkaraṅ, Vī. Ku. (1981). *Nirainta veḷiyil nīlavāṅam*. Kōlālampūr: Malarviḷip Patippakam.

Cantiracēkaraṇ, Vī. Ku. (1997). *Nittilap pū*. Cilānkūr: Malarviḷi Patippakam.

Cantirakāntam, Pa. (1976). *Aḷutāl unṇaip peralāmē!*. Kōlālampūr: Citrālayā Kiriyeṣaṇs.

_____. (1985). *Āṭum mañcaḷ ūñcal*. Kōlālampūr: Kalai ilakkiyap Paṇṇai.

_____. (2006). *Amutacurapikaḷ*. Kōlālampūr: Kalai ilakkiyap Paṇṇai.

Cantiraṇ, Na. (1971). *Alli malar*. Putukkōṭṭai: Matarās Nippan Piras.

Carasvati Arikiruṣṇaṇ. (1995). *Nāṇum oru tamīḷp peṇṭāṇ*. Ceṇṇai: Kārttik Patippakam.

Ceṅkuṭṭuvaṇ, Nā. Ā. (1976). *Paḷamutirc cōlai*. Kōlālampūr: Maṇimēkalaip Patippakam.

_____. (1984). *Calañkaik kōlam*. Kōlālampūr: Mēkalā Paḷikēṣaṇs.

_____. (1984). *Mōka rākam*. Kōlālampūr: Mēkalā Paḷikēṣaṇs.

_____. (1985). *Vīṇai tēṭum nātam*. Kōlālampūr: Mēkalā Paḷikēṣaṇs.

_____. (1998). *Viṭiyalukkāka & vilāṅku*. Kōlālampūr: Tāymaiyakam.

_____. (2005). *Kālkaḷē nilluṅkaḷ*. Kōlālampūr: Tāymaiyakam.

Cokkaliṅkam, Ci. (1990). *Kōvil muḷutum kaṇṭēṇ*. Kiḷḷāṇ: Verri Mayil (M) Sdn. Bhd.

_____. (1991). *Maṇa vīṇai*. Kōlālampūr: Verri Mayil (M) Sdn. Bhd.

_____. (1991). *Pēcum ūmaikaḷ*. Kiḷḷāṇ: Verri Mayil (M) Sdn. Bhd.

_____. (1997). *Cuvar*. Cēlam: Tāy Patippakam.

Ilañcelvaṇ, Em. Ē. (1978). *Pacittirukkum iḷaṅkocukkaḷ*. Cuṅkai Paṭṭāṇi: Civā-eḷil Piracuram.

_____. (1980). *Mōkaṅkaḷ*. Kōlālampūr: Vāṇampāṭi Veliyiṭu.

İlavalaku, Ai. (2012). *İlaṭciyaṭ payaṇam*. Ciraṃpāṇ: Utayacūriyaṇ Nilaiyam.

Irāmaiya, Mā. (1976). *Etir vītu*. Ceṇṇai: Rāṇi Veļiyītu.

_____. (1992). *Aḷakiṇ ārātaṇai*. Cēlam: Puraṭcip Paṇṇai.

_____. (1994). *Cuvaṭukaḷ*. Cēlam: Puraṭcip Paṇṇai.

_____. (1995). *Caṅkamam*. Cēlam: Puraṭcip Paṇṇai.

_____. (2001). *Maṇa ūṇaṅkaḷ*. Ceṇṇai: Mitrā Veļiyītu.

_____. (2001). *Tīrppu nālai*. Ceṇṇai: Mitrā Veļiyītu.

_____. (2001). *Ūmai kaṇavukaḷ*. Ceṇṇai: Mitrā Veļiyītu.

_____. (2009). *Neruppuṭ cuṇai*. Taṅkā, Jokūr: İlakkiya Kuricil.

_____. (2009). *Payaṇaṅkaḷ muṭivatillai*. Taṅkā, jokūr: İlakkiya Kuricil.

_____. (2009). *Taraiyil pūtta tāmarai*. Taṅkā, Jokūr: Tamiḷar Caṅkam Taṅkā.

Jōcap, Vi. (1971). *Malēciya maṅkai*. Kāraikkuṭi: Poṇmuṭi Patippakam.

Kalyāṇi Maṇiyam, Nā. (2009). *Nīḷ tuyil*. Jokūr: Kalyāṇi Maṇiyam.

Kamalā, Cu. (1997). *Tīmalar*. Piṇāṅku: Aṅpāṇantaṇ İlakkiyaṭ Paricu Vāriyam.

Kantaṇ, A. (1979). *Oru toṇtaṇiṇ payaṇam toṭarkiraṭu*. Teluk intāṇ : Kīḷppērā Tamiḷ İlaiṅar Maṇi Maṅṅam.

Kāraikkilār. (1972). *Vaṇṇattup pūcci*. İppō: Kalvi Nilaiyam.

Kārttikēcu, Re. (1981). *Vāṇattu vēlikaḷ*. Piṇāṅku: Āciyāṇ Patippakam.

_____. (1993). *Tēṭiyirukkum taruṇaṅkaḷ*. Piṇāṅku: Arasu Typeset.

_____. (1998). *Antima kālam*. Cilāṅkūr: Mukil Eṅṅarpirais.

_____. (1999). *Kāṭaliṇāl alla*. Cilāṅkūr: Mukil Eṅṅarpirais.

_____. (2005). *Cūtāṭṭam āṭum kālam*. Ceṅṅai: Mithra Arts & Creations Pvt. Ltd.

Kejalaṭcumi Mārimuttu. (2009). *Pirāṭtam*. Keppōṅ: Ji. Mārimuttu.

Kompaṅ. (1979). *Avaḷ oru navaraca nāṭakam*. Kōlālampūr: Carikāṭ Mācicaṅs.

_____. (1980). *Cīrai tappiya paṅavai*. Kōlālampūr: Carikāṭ mācicaṅs.

_____. (1983). *Kōkilā eṅ kōkilā*. Kōlālampūr: Māci Caṅs Accakam.

Kumaṅṅaṅ, Ati. (1980). *Tūrattu nilavu*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyīṭu.

Kumāraṅ, Em. (1970). *Cemmaṅṅum nīla malarkaḷum*. Ceṅṅai: Tamilṅ Puttakālayam.

Kurucāmi, Mu. Cu. (1971). *Cumai tāṅki*. Ciṅkappūr: Vāṅi Veḷiyīṭu.

_____. (1971). *Kākitappū*. Ciṅkappūr: Vāṅi Veḷiyīṭu.

_____. (1972). *Ōr iravu*. Ciṅkappūr: Vāṅi Veḷiyīṭu.

Makēsvari, Na. (1980). *Putiya vāricu*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyīṭu.

Malaimāraṅ, Pa. (1971). *Iḷantēvi*. Pērāk: Tamilaracip Patippakam.

Maṅivaṅṅaṅ. (1977). *Imāvati*. Kōlālampūr: Pūlō Māju Accakam.

Muttu, El. (1980). *Uṅvukaḷ puṅitamāṅavai*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyīṭu.

_____. (1980). *Veḷiccaṅkaḷ veḷiṅuvattillai*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyīṭu.

Muttucāmi, Cī. (1980). *Vitaikaḷ pālaivaṅattil muḷaippattillai*. Kōlālampūr: Vāṅampāṭi Veḷiyīṭu.

Nirmalā Perumāl. (2009). *Oru tīvukkuḷḷē...!*. Putrāṅyā: Millenia Publication.

Pālamurukan, Kē. (2009). *Nakarntu koṅṅirukkum vācalkaḷ*. Pattumalai: Malēciyat Tamil Eḷuttāḷar Caṅkam.

Paḷaṅivēḷaṅ, Peri. (1987). *Antarattil toṅkum uravu!*. Tañcai: Tai Nūlakam.

Pāvai. (1998). *Kōṅkaḷ kōḷaṅkaḷāṅāl*. Kōḷālampūr: Mukil Eṅṅarpirais.

Perumāḷ, Kā. (1978). *Tuyarap pātai*. Cennai: Tamilp Puttakālayam.

Pīrmukam matu, Cai. (1997). *Peṅ kutirai*. Kōḷālampūr: Mukil Eṅṅarpirais.

Reṅkacāmi, A. (1993). *Putiyatōr ulakam*. Pirikpilṅs: Sri Rājēsvari Eṅṅarpirais.

Turairāj, Em. (1980). *Nēram vantuviṅṅatu*. Kōḷālampūr: Vāṅampāṅi Veḷiyiṅṅu.

Tuṅravi. (1980). *Terukkūttu*. Kōḷālampūr: Vāṅampāṅi Veḷiyiṅṅu.

Vēlumati, Es. (1980). *Itayaṅkaḷ*. Kōḷālampūr: Vāṅampāṅi Veḷiyiṅṅu.

Rujukan Bahasa Melayu

Abd. Rahman Hanafiah. (1990). “Kesusasteraan dalam Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Sebagai Mata Pelajaran: Satu Perbandingan”. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kesusasteraan dalam Pendidikan Bahasa Malaysia pada 6 dan 7 Oktober, anjuran Peserta Kursus 14 Minggu, IBKL.

Abdul Ahmad. (1998). “Konsep dan Falsafah Novel Remaja di Malaysia” dlm. *Dewan Sastera*, Mei hlm. 12-16.

_____ (1999). “Kesusasteraan Remaja: Suatu Kemungkinan Baru dalam Bidang Kerjasama Kesusasteraan Serantau”. Kertas Kerja dalam Seminar kesusasteraan II Mastera. Dewan Bahasa dan Pustaka. Brunei Darussalam. 23-24 November.

Abdul Ghabar Taib.(1995). *Cuma Lima Minit Anti Dadah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdullah Hassan.(2009). *Linguistik Am*. Selangor: PTS Professional Pub.

Abdul Majid. (1997). *Perbandingan Pencapaian Akademik di antara Pelajar-pelajar yang aktif dan tidak aktif dalam Sukan di bandar dan luar bandar*. Kertas projek, Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Muhammad Thani. (1990). *Intergrasi Sosial dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Samad Said.(2003). *Vanakam-Antologi yang Sempat Menghibur dan Mengajar Kertas Kerja dalam Diskusi Sasterawan Kaum India Anjuran Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karya Sasterawan India di Kuala Lumpur pada 16 Disember 2003*.

Abdul Wahab Ali.(1989). *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Tahir. (1989). *Proses Penciptaan Novel*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Bakar Abdul Hamid. (1992). *Kesusasteraan Malaysia Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Adilah. (1991). *Proses Penciptaan Novel Remaja*. Latihan Ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia.

Agensi Antidadah Kebangsaan.(2011). *Maklumat dadah 2010*. Selangor: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Ahchee Subramaniam. (1996).*Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia (1910-1970)*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

- Ahmad Haji Salleh Haji.(1962). *Peranan Surat Khabar dalam Perkembangan Sastera Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alauddin Sidal. (1985). *Hadiah Sebuah Pengorbanan (Antologi Cerpen Remaja)*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Alien Harun. (1976).*Penulis Berbakat. Santai Jiwa*. Mac-April,1976: Hlm 36-41.
- Anbalakan. (2008). *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- A.Rahim Abdullah. (1990). *Tema Hubungan Kaum dalam Karya Sastera di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Bee.(1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bangi: Tekno Edar.
- Azizan Bahari.(1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.
- Aziz Deraman, A.(2000). “ Kesusasteraan Kebangsaan dalam Sistem Pendidikan: Membentuk Masyarakat Madani di Malaysia” dlm. *Dewan sastera*, Februari Hlm 13-17.
- _____.(1974). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- _____.(2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik. (1981). *Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Baharuddin. (1991). *Tiga Catatan Perjalanan: Edisi pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar Hamid, A.(1976). *Diskusi Sastera Kesusasteraan Moden (Vol. Jilid 2)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balu Subramaniam. (2015).*Novel-novel Karya R.Karthigesu : Kajian Berdasarkan*

Teori Hermeneutik. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Bertens, K. (2006). *Etika dan moral untuk pengajian tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Chong Fah Hin.(2006). *Cerpen Mahua dan Cerpen Melayu: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Ding Choo Ming.(1995). *Fungsi dan Kewibawaan Pengarang*. Dewan Sastera, Oktober,1995: Hlm30-34.

_____.(1995). *Kepengarangan Itu Pembentukan Faktor Sosial*. Dewan Sastera. Mei,1995: Hlm 30-34.

Fatimah. (1994). *Kursus Perkahwinan*. Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi.

Hajijah Jais.(2004). *Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan terhadap Teori Teksdealisme*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Halimatun Adawiah.(2011). *Watak Abnormal dari Aspek Psikologi dalam Novel Remaja*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Halis Mohd. Hanafiah (2014). *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah,Universiti Putra Malaysia.

Hamzah Hamdani (ed.) (1990). *Konsep Dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____.(1988). *Kesusasteraan Malaysia: Masa Depan*. Dewan Sastera. Februari,1988: Hlm 22-24.

Hashim Awang. (1988). *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Ismail. (2003). *Pemikiran Kaum Muda di dalam novel-novel Melayu sebelum perang dunia kedua*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Haslina Hassan. (January 01, 2000). Gejala gengsterisme di kalangan pelajar: fenomena yang semakin meresahkan. *Dewan Masyarakat*, 38, 6, 14-16.
- Haslinda Abdullah. (2009). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasni Abas (ed.) (1996). *Inti Sari Pertimbangan dalam Penulisan Tesis Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta, S., Mohamed, H. S., & Ramli, H. (2006). *Seksualiti manusia: Keharmonian jalinan antara jantung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah Binti Hussin. (2000). *Pengaruh Alam Semulajadi Tempatan Dalam Reka Motif Tekstil Melayu Kelantan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Hizairi Othman. (1998). “Unsur Sains dan Fantasi dalam Novel Remaja” dlm. *Dewan Sastera*, Mei hlm. 24-29.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2006). *Indeks belia Malaysia 2006*. Putrajaya: IPPBM.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2008). *Indeks belia Malaysia 2006*. Putrajaya: IPPBM.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2006). *Indeks belia Malaysia 2011*. Putrajaya: IPPBM.
- Jamaludin, H. A. (2009). *Salah guna dadah: Sebab, akibat, cegah, dan rawat*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Jumali Selamat. (2001). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

Joseph Selvam. (1977). *Sastera Tamil Di Malaysia*. Melaka: Persatuan Penulis Negeri Melaka (PENAMA).

_____.(1976). *Penulis dan Sastera Tamil di Malaysia. Pertemuan penulis-penulis Melayu, Tamil dan Tionghua, 19 Jun 1976*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera.

Julia Unggai.(1998). “Hierarki Kehendak Manusia Maslow dalam Novel Remaja” dlm. *Dewan Sastera*, Mei 17-23.

_____(2002). *Aspirasi Komsas Dalam Bahasa Melayu*.Selangor: Longman Publications.

Kamus Dewan.(1996). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan.(1997). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartono, K. (1981). *Psychologi Wanita: Wanita sebagai ibu & nenek*. Bandung: Penerbit Alumni.

Kartono, K. (1988). *Patologi II: Kenakalan Remaja*. Jakarta: Rajawali.

Kementerian Pelajaran Malaysia.(1984). *Perangkaan mengenai Kadar Keciciran di Peringkat Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia bagi Tahun 1973-1983*. Unit Data: Bahagian dan Penyelidik Kerajaan Kuala Lumpur.

Khuzaimah, Z. (2001). *Pengaruh Sikap dan Cara gaya kebapaan terhadap salah laku Remaja Melayu Bersekolah*. Tesis Sarjana.Universiti Putra Malaysia.

Krishanan Maniam.(2006). *Penulisan Kreatif Melayu dan Penulis-Penulis Tamil Malaysia dalam Pengajian India: Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____.(1988). ‘*Sejarah dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India sebelum dan selepas Merdeka dan Sumbangan serta Peranannya dalam Masyarakat India*’

Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Kebangsaan.

- _____. (2001). *Masyarakat India Malaysia adalah Masyarakat Pinggiran: Satu Tinjauan umum, kertas kerja yang disampaikan dalam Symposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia Isu dan Cabaran abad ke-21 India pada 22 hingga 24 Julai 2001.* Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- _____. (2002). *Penulisan Kreatif Bahasa Malaysia dan Penulis Kaum India Malaysia' kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu ke-11 Anjuran UPSI dan Univeristi Peiking dan Dewan Bahasa dan Pustaka di Beijing, China pada 8-15 Oktober, 2002.*
- _____. (2003). *'Keinginan Kecil di Celah Daun. Kertas kerja dalam diskusi sasterawan kaum India' Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karya Sasterawan India di Kuala Lumpur Pada 16 Disember 2003.*
- _____. (2003). *'Penulisan kreatif Melayu dan Penulis-Penulis Tamil Malaysia' kertas kerja Symposium Penulis Pelbagai Kaum IV Anjuran GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka di Perlis pada 22 Ogos, 2003.*
- _____. (2004). *Pengucapan Puisi Penulis-penulis India di Malaysia' Kertas Kerja Symposium Penulis Pelbagai Kaum Anjuran GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka di Ipoh pada 18-21 Ogos, 2004.*
- _____. (2006) *'Penulis bukan Melayu Dalam Konteks Pembinaan Sastera Nasional' dalam Nasional Saleeh Rahamad, S,M Zakir dan Shamsuddin Othman(peny), Persuratan dan Peradaban Nasional. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).Hlm 545-560.*
- _____. (2006). *'Penulis Bukan Melayu dalam Konteks Pembinaan Sastera Nasional' kertas Kerja Seminar Persuratan dan Peradaban Nasional anjuran PENA di Coasta Rice Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 4 hingga 6 Ogos, 2006.*
- _____. (1998). *" Siru Kamban: Memperkenalkan yang Tidak diperkatakan" kertas kerja seminar Karya Generasi baru 11 (genre Cerpen) anjuran Bahagian Anugerah dan Penaratan sastera pada 21 November 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- _____. (1993). *'Sumbangan Penulis-Penulis India dalam Perkembangan*

*Kesusasteraan Kebangsaan' Dalam Jurnal Pengajian India: Univerisiti Malaya.*Jilid 5 : Hlm 143-149.

_____.(2006). *'Hanuman potret diri. Satu Kajian Dekonstruksi' kertas kerja diskusi novel kavyan, Anjuran Perpustakaan awam Selangor, Biro penulis Pena, Pertubuhan Sasterawan Kavyan dan Kelab Seni dan Sastera Kolej Segi 25 Mac 2006 di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.*

Kumarasamy, T. (2011). *Isu-isu Sosial yang digambarkan oleh novel-novel Tamil Malaysia sekitar 1990-an.*Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Laporan Persidangan Penulis-Penulis Malaya.(1962). Singapura: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan.

Laporan Tahunan Perhimpunan Agung MIC Ke-22.(1974). Kuala Lumpur: Mic Pusat.

Mahani Che Ibrahim.(1995). "Bahan Bacaan Remaja: Ke Mana Arah?" dlm. *Dewan Siswa*, Januari hlm.6-7.

Malaysia. (2008). *Jurnal pembangunan belia Malaysia.* Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).

Malaysia. (2014). *Statistik Belia Malaysia: Data Semasa.* Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Mana, S. (January 01, 2003). Judul, pengarang, dan naratif: Analisis cerpen Dewan sastera, Mei 2003. *Dewan Sastra : Majalah Kesusasteraan Bulanan*, 33, 6, 92-95.

Mana Sikana.(1996). *Teori Satera Teksdealisme.* Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____.(1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pasca Modenisme.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

_____.(1999). "Teksdealisme". Kertas Kerja dalam Kolokium Membina Sastera Sendiri. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember.

_____.(2000). “ Memanfaatkan Teori Teksdealisme” dlm. *Dewan Sastera*, Julai hlm. 79-82.

Maniam, T.(1990). *Suicide and parasuicide at a Hill Resort in Malaysia*. Kuala Lumpur: Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maniam, A.(1988). *Fertiliti di kalangan wanita kaum India yang bekerja di sektor Perladangan: Kajian kes di kawasan Rompin, Negeri Sembilan*. Latihan Ilmiah, Rancangan Pengajian Kependudukan, Universiti Malaya.

Maniam, K. (January 01, 2004). Meniti sastera bersama-sama Othman Puteh. *Dewan Sastra : Majalah Kesusasteraan Bulanan*, 34, 2, 17-18.

Maniam, K. (1989). *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970): Satu Kajian Perbandingan Tema dan Struktur*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Manonmani Devi. (2008). *Citra Wanita Dalam Novel-novel R.Karthigesu*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Marimuthu, T. (1991). *Plantation Workers in Malaysia*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., Pub. Division.

Marzuki.(1987). *Metodologi Riset*. Yogyakarta: BPF Universiti Islam.

Mohd.Hanafi Ibrahim.(2006). “*Sumbangan Penulis Pelbagai Kaum Dalam Genre Cerpen*” dalam Mohamaed Saleeh Rahmad, S, M Zakir dan Shamsudin Othman (peny). Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA). Hlm 535-544.

Muhammad Kasim.(1985). *Novel-novel Melayu sebelum perang dunia kedua: Hubungan tema dengan pandangan hidup Islam*. Tesis sarjana, Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaya.

Mohamad Mohktar.(2005). *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohamed Hatta. (1996). *Perubahan Psikologi di Kalangan orang dewasa*. (DEWAN KOSMIK, 55, 22-23.)

[Mohd. Azhar Su.](#) (2005). *Gaya Bahasa dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Mohd, I. M., Munirah, M., & Nor, H. M. S. (2006). *Menjadi Belia cemerlang*. Bentong: PTS Professional.

Mohd, J. M. (1994). *Dasar belia negara: Satu tinjauan*. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia.

Mohd Salleh Lebar. (1994). *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mohd.Sharani.(2005). *Psikologi Kanak-kanak*. Bentong: PTS Publications & Distributors.

Mohd. Shokkeri .(1998). *Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan 1990- 1995:Satu Kajian Psikologi*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Taib Osman.(1977). *Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd.Yunus Mohd.Noor. (1993). *Third Asian Workshop on Child and Adolescent Development: Preparation for Adulthood : proceedings of the workshop*. Kuala Lumpur: University of Malaya.

Munir Ali.(1989). *Kesusasteraan Melayu Moden*. Selangor: Flo Enteroprise Sdn.Bhd.

Nik Hassan Basri.(2003). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tg.Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

_____. (2007). *Komsas dan Tatabahasa Melayu Teras Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: Icon Region Sdn Bhd.

Nik Hassan Nik Ab. Kadir. (2007). *Kewajaran Pengajaran Komsas Dalam Bahasa Melayu, Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 5, Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norrodzoh Hj.Siren.(1997). *Diri: Satu Analisis Diri Remaja Dalam Novel Remaja Melayu Terpilih*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Nurhamizah Hashim.(2015). *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-novel Terpilih Azizi Hj Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Omar Mamat.(1995). *Nilai-nilai Moral dalam Novel Remaja*. Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia.

Othman, P. (1989). *Sastera Remaja ditinjau daripada beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman, P. (1997). *Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh.(1998). "Novel Remaja Malaysia: Perspektif Sejarah, Perkembangan, dan Tema" dlm. Dewan Sastera, Mei hlm. 7-11.

Panchana Saha.(1970). *Immigration of India Labour 1834-1900*. Delhi:People's Publishing House.

Rahman Shaari. (1988). *Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Krishnan.(1994) *Pengantar Tamadun India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

[Rajandaran Manickam](#).(2009). *Kajian Tema Novel-novel Terbitan Vanambadi*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Rajantharan.(1994). *Adat dan Pantang Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Rajantharan ,M.(2006). *Indian Malaysian: Origin, Classification, Kinship and Religious Belief dalam Journal of Indian Studies*. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian India.

Rohana Yusof.(1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohaty, M. M. (1998). *Memahami jiwa dan minda remaja*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Sabitha, M. (1994). *Budaya Lepak dan Wawasan Negara*. (JURNAL PARLIMEN MALAYSIA, 6, 54-59.)

Safian Hussain.(1980). *Hubungan Wira dan Wirawati dalam Novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Tesis Sarjana,Universiti Sains Malaysia.

Sagar Narayanan.(2009). *Satu Kajian Tentang Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India Yang Terpapar Dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1987)*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Samio Salleh.(1991). *Novel-novel Remaja Pemenang Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (1998-1989): Satu Analisis Tema dan Struktur*. Latihan Ilmiah,Universiti Malaya.

Sandhu,K,S.(1969). *Indians in Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.

Saroja Theavy. (2001). *Citra Watak Remaja dalam Novel-novel Othman Puteh*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Shannon Ahmad.(1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul, A. B. (2007). *Budaya yang tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Khariah Mohd.Zubir.(2007). *Perjuangan Perempuan dalam Karya pengarang Perempuan Malaysia dan Indonesia di awal abad ke-21: Satu Kajian Bandingan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Siti Khairiah Mohd.Zubir (2012). *Keperluan Masa Depan Pengajaran Kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sivasangarie Perumal.(2004). *Fungsi Adat Perkhawinan Masyarakat India dan Perubahannya*. Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, University Malaya.

Soerjono Soekanto.(1982). *Memperkenalkan Sosiologi*. Jakarta: Rajawali Press.

Supranto,J.(1974). *Metode Riset dan Aplikasinya di Dalam Riset Pemasaran*. Jakarta: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi.

Suriasumantri, J. S.(1990). *Ilmu dalam perspektif: : Sebuah Kumpulan Karangan Tentang Hakikat Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Suryabrata, S. (1982). *Perkembangan Individu*. Rajawali, Jakarta.

Talib Samat (1992). *Menangani Penulisan Kreatif Sastera Remaja*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teeuw,A.(1995). *Sastera dan Ilmu Sastera, Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thavaselvi Sinathamby.(1999). *Sumbangan Penulis India dalam Sastera Melayu Modern*. Latihan Ilmiah,Universiti Malaya.

Tuan Zainab.(2008). *Tanda Pemikiran dan Tanda Emosi dalam Sangeetha: Kajian Semiotik*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Turambi, W. S. (1996). *Remaja Harus Mengetahui*. Singapore: Southeast Asia Publishing House.
- Turiman, S., Haslinda, A., & Abd, H. S. (2009). *Belia dan pembangunan modal insan*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Umar, J. (1986). *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: DBP.
- Umi Kalthum. (1993). *Keruntuhan akhlak remaja akibat terhakisnya institusi keluarga*. (NEGARAWAN, 12-14.)
- Vairan, R. (2015). *Feminisme dalam novel Tamil Malaysia abad ke-21*. Tanjong Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Zaida. (2009). *Pemikiran dalam Novel Mohd. Affandi Hassan: Analisis dari Sudut Kajian budaya*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Rujukan Bahasa Inggeris

- Abrahamson, R.F.(1997). "Collected Wisdom: The Best Articles Ever written on Young Adult Literature and Teen Reading" dlm *English Journal* 86: 3 hlm. 50-54.
- Adams, G.R. (1983). *Adolescent Life Experiences*. Monterey: Brooks/Cole Publishing Company.
- Adler, A.(1927). *The practice and theory of individual psychology*. London: K. Paul, Trench, Trubner & Co.
- Airasian, P. W. (2001). *Classroom assessment: Concepts and applications*. Boston: McGraw-Hill.
- Allen Walter. (1965). *Reading A Novel*. London: Phoenix House Ltd.
- Allen,L.(2006). *The Development of Ethnic Identity during Adolescence*. *Development Psychology* (Vol.42,no 1.1-10.)

- Allport, F. H. (1961). *Theories of Perception and the Concept of structure: A Review and Critical analysis with an Introduction to a Dynamic-structural Theory of Behavior*. New York: Wiley.
- Ampalavanar, R.(1993). *Indian Communities in Southeast Asia*(Ed).Singapore: Times Academic Press.
- Arasaratnam,S.(1966). *Indian in Malaysia and Singapore*. London: Oxford Universiti Press.
- Auten, A.(1984). “ All About Adolescent Literature: Pro and Con” dlm. *Journal of Reading* 28: 10 hlm. 76-78.
- Barbour, W. (1994). *Illegal Immigration*. San Diego, CA: Greenhaven Press.
- Becker, C. (1953). *A Chimp in the family*. New York: J Messner.
- Carrol, P.S.(1997). “Today’s Teen, Their Problems, and Their Literature: Revisiting G.Robert Carlsen’s Books and Teenage Reader Thirty Years Later” dlm. *English Journal* 86. 3 hlm. 25-34.
- Charles Gamba.(1952). *The National Union of Plantition Workers(The History of the Plantation Workers Of Malaya 1946-1958)*. Singapore: Donald Moore For Eastern Universities Press.
- Childers, M. (1999). *Female Adolescence in the American Novel*.Tesis Doktor Falsafah.
Boston University.
- Coedes.(1968). *The Indianized Status of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Cohen, A. K. (1966). *Deviance and Control*.Oxford: Blackwell for the Oxford University Penal Research Unit.

Compas. (1987). *The Writer's Companion*. St Paul, Minnesota: Compas.

Dacey, J. S., & Kenny, M. (1994). *Adolescent development*. Madison, Wis: Brown & Benchmark.

Devapoopathy Nadarajah. (1965). *Women in Tamil Society, (The Classical period)*. Kuala Lumpur :Universiti Malaya.

Durkheim, E., & Pocock, D. F. (2010). *Sociology and Philosophy*. Abingdon, Oxon: Routledge.

Encyclopedia of Psychology Vol.1 1994. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Engler, B. (1979). *Personality Theories: An Introduction*. Boston: Houghton Mifflin.

Erikson, E. H.(1963). *Youth: Change and Challenge*. New York: Norton.

Erikson, E. H.(1964). *Insight and Responsibility*. New York: Norton.

Erikson, E.H.(1968). *Identities: Youth and Crisis*. New York: Norton

Freud, S.(1971). *The complete introductory lectures on psychoanalysis*. London: Allen & Unwin.

Freud, S.(1949). *Three Essays on the Theory of Sexuality*. London: Imago Pub. Co.

Freud, S., Riviere, J., Strachey, A., & Strachey, J. (1924). *Collected papers*. New York: The International psycho-analytical Press.

Fuhrmann, W., & Vogel, F. (1969). *Genetic Counseling: A guide for the practicing physician*. New York: Springer-Verlag.

Gale, B. W. (2010). *A World Apart: Female adolescence in the French novel, 1870-1930*. Lewisburg, PA: Bucknell University Press.

- Gelman, S.A. (1994). *Domain Specificity in Cognition and Culture*. Cambridge: University Press.
- Goldenson, R.M. (1984). *Longman Dictionary of Psychology and Psychiatry*. New York: Longman.
- Gonda, J. (1973). *A History of Indian Literature*. Wiesbaden: Harrassowitz.
- Grych, J. H., Seid, M., & Fincham, F. D. (June 01, 1992). Assessing Marital Conflict from the Child's Perspective: The Children's Perception of Interparental Conflict Scale. *Child Development*, 63, 3, 558-572.
- Hall, G. S. (1916). *Adolescence: Its Psychology and its relations to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion and education*. New York: D. Appleton.
- Hedge, R. (1998). *Translated Enactments: The Relational Configurations of the Asian Indian Immigrant Experience*. Mayfield: Mountain View.
- Hersch, P. (1998). *A tribe apart: A journey into the heart of American adolescence*. New York: Fawcett Columbine.
- Hoffman, A. M. (1996). *Schools, violence, and society*. Westport, Conn: Praeger.
- Hooker, V. M. (2000). *Writing a New society: Social Change Through the Novel in Malay*. St. Leonards, NSW: Asian Studies Association of Australia in association with Allen & Unwin.
- James, W. (1994). *The Varieties of Religious Experience: A study in Human Nature*. New York: Modern Library.
- Jersild, A. T. (1963). *The Psychology of Adolescence. Second edition*. Macmillan Co.: New York: Collier-Macmillan: London.
- Johnson, E. H. (1973). *Social problems of urban man*. Homewood, Ill: Dorsey Press.

- Jones, M. T., & Loughran, D. (1988). *The great Texas scare: A story of the runaway scrape*. Dallas: Hendrick-Long Pub. Co.
- Kazdin, Alan, E. (2000). *Encyclopedia of Psychology*. Oxford: Oxford University Press.
- Lambert, B.G. et al. (1972). *Adolescence "Transition form Childhood to Maturity"*. Belmont: Wadworth Pub. Co., Inc.
- Merton, R. K., & Parsons, T. (1938). *Social Structure and Anomie*. Indianapolis: Bobbs-Merrill.
- Muus, R.E. (1969). *Theories of Adolescence*. New York: Random House.
- Muus, R.E. (1990). *Adolescent Behavior dan Society*. New York: Mac Graw-Hill Publishing Company.
- Neelakandha Aiyer. (1938). *India Problems in Malaya, A Brief History In Relation to Immigration*. Kuala Lumpur: "The Indian" Office
- Ong, P. M. (1992). *Pluralism and residential patterns in Los Angeles*. Los Angeles, Calif.: Graduate School of Architecture and Urban Planning, University of California, Los Angeles.
- Pearsall, J., & Trumble, B. (1996). *The Oxford English reference dictionary*. Oxford, England: Oxford University Press.
- Phinney, J.S., Ong, A.D. (2007). *Conceptualization and Measurements of Ethnic Identity: Current Status and Future Directions Journal of Counseling Psychology*. 54(3): Hlm 271-184.
- Phinney, J.S. (1989). *Stages of Ethnic Identity in Minority Group Adolescents. Journal of Early Adolescence*. 9: Pg 34-49.
- Phinney, J.S. (1990). *Ethnic Identity in Adolescents and Adults: Review of Research. Psychological Bulletin*. 108: Pg 499-514.

- Phinney, J.S. (1990). *Stages of Ethnic Development in Minority Group Adolescents*. *Journal of Early Adolescence*, 9: Pg 34-49.
- Pitts, J., Chauhan, V., & Factor, F. (2001). *The RHP companion to working with young people*. Lyme Regis: Russell House.
- Portes, A. (1996). *The New Second Generation*. New York: Russell Sage.
- Pryor, R.J. (1975). *Movers and Stayers in Peninsular Malaysia: A Social and Economic Study*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Raja Krishnan. (1984). *J.R Indians in Peninsular Malaysia: A Study and Bibliography*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Rajakrishnan, Ramasamy. (1993). *Caste Consciousness Among Indian Tamils in Malaysia*. Singapore: Pelanduk Publications.
- Rajeswary Ampalavanar. (1981). *The India Minority and Political Change in Malaya 1945-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reffer, S. (July 01, 1922). *Studies in Palaeoathology*. *The American Journal of the Medical Sciences*, 164, 1, 125.
- Rice, F.P. (1998). *The Adolescent Development, Relationship and Culture*. Edisi Kelima. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
- Richard Winstedt. (1966). *Malaya and Its History*. London: Hutchinson University Library.
- Rogers, M., & Hammer, W. (1951). *A first book of tree identification*. New York: Random House.
- Rotheram-Borus, M. J., Mahler, K. A., Koopman, C., & Langabeer, K. (July 01, 1996). **SEXUAL ABUSE HISTORY AND ASSOCIATED MULTIPLE RISK BEHAVIOR IN ADOLESCENT RUNAWAYS**. *American Journal of Orthopsychiatry*, 66, 3, 390-400.
- Rogers, D. (1985). *Adolescents and Youth*. Edisi Kelima. New Jersey: Prentice Hall, Inc.

- Roose. (1965). *Changing Position of Malay Women dalam Barbara Ward(ed)*. Paris: Unesco.
- Rupert Emerson.(1966). *A Study In Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rutter, M., & Giller, H. (1983). *Juvenile delinquency: Trends and perspectives*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Sababathy, V.(1988). *Early Malaysian Tamil novels 1910-1960*. Master thesis, University Malaya.
- Sababathy, V. (1996). *Malaysian Tamil novels after independence*. Ph.D. Thesis, Universiti Malaya.
- Sababathy, V. (1999). *Malaysian Tamil novels before independence*. Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya Press.
- Sartre, J.P. (1948). *The psychology of imagination*. London : Routledge
- Scott,A,F.(1967). *Current Literary Terms*.London: Mocmillan Printers.
- Selvarathnam,V.(1971). *Indians Plantation Workers in West Malaysia*. New Delhi: Indians Abroad Asia and Afrika.
- Simons, R. L., & Whitbeck, L. B. (January 01, 1991). Sexual abuse as a precursor to prostitution and victimization among adolescent and adult homeless women. *Journal of Family Issues*, 12, 3, 1991.
- Simpson, J. A., Weiner, E. S. C., & Proffitt, M. (1993). *Oxford English dictionary*. Oxford England: Clarendon Press.
- Speck, P. (1988). *Being there: Pastoral care in time of illness*. London: SPCK

Steffenhagen, R. A. (January 01, 1980). Self-esteem theory of drug abuse. *Nida Research Monograph*, 30, 157-63.

Steinberg, L. D. (1996). *Adolescence*. New York: McGraw-Hill.

Subramaniam.(1980). *A Critical Study of Malaysian Tamil Short Stories (1930-1979)*. Master Thesis,Universiti Malaya.

Tajfel,H, Turner,J.C.(1986). *The Sosial Identity Theory of Inter-Group Behaviour*. Chigago: Nelson-Hall.

Thrasher, F. M. (1963). *The gang: A study of 1,1313 gangs in chicago. Abridged and with a new introduction by James F. Short*. Chicago: University of Chicago Press.

United Nations. (1999). *Youth policy formulation manual*. New York: United Nations.

World Heritage Committee. (1998). *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, Convention concerning the protection of the world cultural and natural heritage: World Heritage Committee, Twenty-first session, Naples, Italy 1-6 December 1997 : report*. Paris: Unesco.

Rujukan Bahasa Tamil

Akilan (1981). *Kathaik kalai*. Madras: Pari Puthakap Pannai.

Arumugam, A. (2008). *Caṅka ilakkiyattil kuṭumpam, uṭamai, aracu*. (2 ed.). Ariyalur: Paventhar Pathippakam.

Arunasalam,S.(1981) *Tamiḷ nāvalkaḷil kāntiya tākam*. Madras:Tevakotai, Kalati Nulagam.

Arun Mahadevan. (2010). *Kuḷantai vaḷarppu aṟiviyal*. Chennai: Kizhakku Pathippagam.

Baktavatsala Barati, C. (1990). *Paṇpāṭṭu māṇiṭaviyal*. Chennai: Manivasagar Pathippakam.

Bala Subramaniam, C.(1959). *Tamiḷ ilakkiya varalāru*. Chennai: Pari Nilayam.

Bala Subramaniam, K. V. (1994). *Caṅka ilakkiyattil camūka āyvukaḷ*. Tanjavur: Tamil Palkalai Kalagam.

Bala Sundaran, S. (1956). *Caṅka nūl kaṭṭuraikaḷ allatu paḷantamiḷar nākarīkam*. Chennai: The South India Saiva Siddhantha Works Publishing Society.

Balaji. (2001). *Caṅka ilakkiyam: Oru kaṇṇōṭṭam*. Chennai: Nagu Veliyeedhu.

Baskaratasu, I. (1987). *Aintiṇai uṇarttum uṇmai*. In *Ārām Ulaka Tamiḷ Mānāṭu Malar*. Chennai: Ulaga Tamil Araiychi Niruvanam.

_____. (2008). *Tamiḷar māṇiṭaviyal*, Puttanattam: Adaiyaalam Press.

_____. (2011). *Paṇpāṭṭu māṇiṭaviyal*. Thiruchirappalli: Adaiyaalam Press.

Cellam, V. T. (2000). *Tamiḷaka varalārum paṇpāṭum*. (3 ed.). Chennai: Manivasagar Pathippakam.

_____. (2009). *Tūya ilakkiyam: Kaṭṭurai kaḷañciyam*. New Delhi: Sakhitya Akademi.

_____. (2013). *Tamiḷ kātal*. Madurai: Meenakshi Puthaka Nilayam.

Dandayudham,R. (1978).*Caṅkailakkiyam–eṭṭuttokai*.Chennai:Tamil Puthagalayam.

- Dandayutham,R. (1979).*Camuka nāvakaḷ*.Chennai: Tamil Puthagalayam.
- Dandayutham,R. (1980). *Malēciya tamīl ilakkiyam*.Chennai: Tamil Puthagalayam.
- Dandayutham,R. (1986) *Oru nūrṛāṅṅu kāla malēciya tamīl pattirikkaikaḷum tamīl ilakkiyamum*. Kuala Limpur: Universiti Malaya
- Devaneyan, R. (2000). *Paṅṅai tamīl nākarikamum paṅpāṅum*. Chennai: Sharp Printers.
- Devaneyappavanar, N. (2009). *Paṅṅait tamīl nākarikamum paṅpāṅum*. Chennai: Poombukar Pathippakam.
- _____. (2011). *Tamiḷar matam*. Chennai: Poompukar Pathippakam.
- Geeta,K.V.(1979). *Tamil Navalkal orr Arimukam*. Chennai: Pary Nilayam.
- Govindan, K. (1992). *Āriyarkku murpaṅṅa tamīl paṅpāṅu*. Chennai: Appar Accakam.
- Ilavarasi, S. (2014). Paḷantamiḷarin vāḷvil irumpu. In R. Krishna Moorthy, R. Vengkadesan & M. Rajantheran (Eds.), *Payanpāṅṅiyal Pārvaīyil Tamīl Ilakkiyaṅkaḷum Āvaṅkaḷum* (Vol. 2, pp. 740-744). Chennai: Semmuthai Pathipakam.
- Ilavarasu, S. (2010). *Ilakkiya varalāru*. (7 ed.). Chennai: Manikkavasakar Pathippakam.
- Jakir Hussein. (2003). Paṅpāṅu: Oru viḷakkam. In A. Muttaiyah (Ed.), *Ulakat Tamiḷiyal Āyvu Vaḷarccik Karuttaraṅka Āyvu Mālai* (Vol. 1, pp. 499-502). Tanjavur: Tamil Uyarayvu Maiyam.
- Jambulingam, A. (1991). *Veḷināṅṅār kurippukkaḷ kāṅṅum tamīl camutāyam*. Chennai: Manivasagar Pathippakam.
- Jayaraman, N.V.(1987). *Malēciya Tamīl Nāval Vaḷarcci* (Perkembangan Novel Tamil Malaysia) Kuala Lumpur : Akhbar Tamil Nesan
- Jeeva Rani, R. (2014). Īmacciṅṅaṅkaḷ. In R. Krishna Moorthy, R. Vengkadesan & M. Rajantheran (Eds.), *Payanpāṅṅiyal Pārvaīyil Tamīl Ilakkiyaṅkaḷum Āvaṅkaḷum* (Vol. 2, pp. 823-829). Chennai: Semmuthai Pathipakam.

Jothi Rani, K. A. (2011). *Caṅka ilakkiyattil camuka āyvukaḷ*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.

Kailasabathy, K. (1968). *Tamiḷ nāval vaḷam*. Chennai: Pari Nilayam.

Kailasapathy, K. (2010) (4 ed.). *Paṅṅai tamiḷar vālvum vaḷipāṭum*. Chennai: Kumaran Publishers.

Kaliaperumal. (1997). *Ulagatamiḷzar Paanpaadduk Kalanchiyam*. Kuala Lumpur: Vallalaar Anbu Nilayam.

Kamus Ananta Vikatan. (1935). Chennai: Ananta Vikatan Press.

Kannan, K. (1994). *Paṅṅait tamiḷariṅ oli uṅarvum icai uṅarvum*. Chennai: New Century Book House Ltd.

Kannan, R. (2003). Paḷantamiḷ ilaṅkiyaṅkaḷil maruttuvam. In Siraj Unnisa Nazar, L. Uma Maheswari & Apitha Sabapathy (Eds.), *Tamiḷ Ilakkiyattil Aṅiviyal Cintanaikaḷ* (pp. 93-97). Chennai: Vanathi Pathippakam.

Kanthasamy. (1997). *Tamilar Panpadu Oru Vilakkam Dalam Ulagath Tamilar Panpattu Kalanjiam*. Kuala Lumpur: Vallalaar Anbu Nilayam. Hlm 1-7

Karunanithi, M. (2014). Paṅṅait tamiḷariṅ pōkkuvarattuc cāṅaṅkaḷ. In R. Krishna Moorthy, R. Vengkadesan & M. Rajantheran (Eds.), *Payanpāṭṭiyal Pārvaivil Tamiḷ Ilakkiyaṅkaḷum Āvaṅkaḷum* (Vol. 3, pp. 1191-1197). Chennai: Semmuthai Pathipakam.

Kathiraiver pillais. (1988). *Tamil moli akarathi, tamil-tamil dictionary*. Madras: Asian educational services.

Kavitha, R. (2003). *Tamiḷ ilakkiyattil aṛiviyal cintaṇaikal*. In Siraj Unnisa Nazar, L. Uma Maheswari & Apitha Sabapathy (Eds.), *Tamiḷ Ilakkiyattil Aṛiviyal Cintaṇaikal* (pp. 11-16). Chennai: Vanathi Pathippakam.

Krishna Kumari, S. (2003). *Caṅka ilakkiyattil peṅ kalvi*. In A. Muttaiyah (Ed.), *Ulakat Tamiḷiyal Āyvu Vaḷarccik Karuttaraṅka Āyvu Mālai* (Vol. 1, pp. 82-85). Tanjavur: Tamil Uyarayvu Maiyam.

Kuppusamy C.V. (1971) *Malēciya Tamiḷ Ilakkiyam (Sastera Tamil Malaysia)*. Delhi: Tamiḷ Caṅka Velli Viḷā Malar.

Latha, K. (2003). *Caṅka ilakkiyattil aṅkalan*. In Siraj Unnisa Nazar, L. Uma Maheswari & Apitha Sabapathy (Eds.), *Tamiḷ Ilakkiyattil Aṛiviyal Cintaṇaikal* (pp. 199-206). Chennai: Vanathi Pathippakam.

Letchumy, S. (1991) *Ilakkiya arumpukaḷ*. Kuala Lumpur: Jaya Bakti Sdn.Bhd.

Loganayagi, N. (1971) *Malēciya Mutal Nāvalkaḷ : (Novel-novel Tamil Awal di Malaysia)*. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Mageswaran, M. (2003). *Muruka vaḷippāṭṭiṅ tonmai*. In A. Muttaiyah (Ed.), *Ulakat Tamiḷiyal Āyvu Vaḷarccik Karuttaraṅka Āyvu Mālai* (Vol.1, pp.328-331). Tanjavur: Tamil Uyarayvu Maiyam.

Maha Letchumy, T. (1996). *Ilakkiyattil jōṭiṭam*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.

Malēciya Tamiḷ Nāval Karuttaraṅka Malar (1992) (Majalah Seminar Novel Tamil Malaysia). Kuala Lumpur :Uma Publications.

Mangayarkarasi, S. (2003). *Caṅka ilakkiyattil viṇveḷi aṛiviyal cintaṇai*. In Siraj Unnisa Nazar, L. Uma Maheswari & Apitha Sabapathy (Eds.), *Tamiḷ Ilakkiyattil Aṛiviyal Cintaṇaikal* (pp. 129-137). Chennai: Vanathi Pathippakam.

- Maniam, K. (1997). *Ikkāla tamiḷ nāvakaḷiṅ celnerikaḷ (1970-1995) : Aliran-aliran dalam novel Tamil semasa (1970-1995)*. Chennai: Kalaign Patippagam.
- Mathiyalagan (1985) *Malēciya Tamiḷ nāvakaḷ- ōr aṛimukam*. India: University Pondicherry.
- Mogan, V. (2012). *Re. Kārtikēcuviṅ antima kāla nāval ōr āyvu*. Madurai: Universiti Kamarajar.
- Nyana Sambanthan, A. S. (1999). *Ilakkiyak kalai*. Chennai: Appar Accakam.
- Panchavarnam, M. (2003). Vāḷvialum caṅkum. In A. Muttaiyah (Ed.), *Ulakat Tamiḷiyal Āyvu Vaḷarccik Karuttaraṅka Āyvu Mālai* (Vol. 1, pp. 569-571). Tanjavur: Tamil Uyarayvu Maiyam.
- Poovannan. (2001). *Tamiḷ ilakkiya varalāru*. Chennai: Saiva Siddantha Noolpatippu Kalagam.
- Rajantharan, M., & Sivapalan, G. (2004). *Adam resam masyarakat India*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri.
- Ramaiyah, M. (1978), *Malēciya Tamiḷ Varalāru*, Chennai: Puratchi Pannai
- Ramalingam, R. (1987). *Caṅka ilakkiyattil vēntar. chennai*. Chennai: Ainthinai Pathippakam.
- Ramalingam, M. (1975). *Naval Ilakkiyam*. Kuala Lumpur: Foong Tai Press.
- Ramanathan, K. (1964). *Caṅkakālat tamiḷar vāḷvu*. Chennai: Jeevan Press.
- Ramanathan, L. (1958). *Caṅkakālat tamiḷar vāḷvu*. Annamalalai Nagar: Annamalalai Palkalai Kalagam.

Ramanujam, B. (1959). *Tamiḷar kaṅṅa puṛa vāḷkai*. In *Tamiḷ oḷi*. Kuala Lumpur: Malayap Palkalzhaiakkalakath Tamil Peravai.

Ram Prakash. (1994). Hintu matam: Ōr arputam. Chennai: Shakti Printers.

Rangasamy, T.A. (2005). *Ilakkiyattil pakti*. In T. Paramasivam, P. Nalla Nayagi & P. Nalla Sivam (Eds.), *Tamiḷ Uṅarttum Pakti: Āyvu Mālai* (Vol. 1, pp. 44-49). Chennai: United Fine Graphics.

Rasa Manikkanar, M. (2010). S. Shanmugasundram (Ed.), *Caṅka ilakkiya varalāru: Mā.Rā,kaḷaṅciyam III*. Chennai: Kavya.

_____. (2011). *Tamiḷakak kalaiyum paṅpāṭum*. Chennai: Saratha Pathippakam.

Sababathy, V. (1992). *Nāval karuttaraṅka malar*. Kuala Lumpur: Uma Pathipagam.

Sababathy, V. (1995). *Viṭutalaikku muntiya malēciya tamiḷ nāvalkaḷ*. Kuala Lumpur: Uma publications.

Sababathy, V. (1996). *Malēciya tamiḷ nāval valam*. Cidamparam: Man:iva:cakar Pathippakam.

Salini, I. (1995). *Caṅkat tamiḷariṅ maṅitanēya maṅinerikaḷ*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.

Sambasivam, S. (1986). *Sanga ilakkiyattil saiva sittantham*. In *Proceedings Of The Second International Saiva Siddhantha Seminar*. Kuala Lumpur: Dunia Publications.

Samba Sivanar, S. (2007). *Caṅka ilakkiyattil tamiḷar paṅpāṭu*. In *Tamiḷiyal Āyvu Cintaṅaikaḷ* (2 ed.). Chennai: Ulaga Tamil Araichi Niruvanam.

- Sarala, R. (2002). *Caṅka ilakkiyam (kaṭṭuraikaḷ)*. Chennai: Oli Pathippagam.
- Sasivalli, V. C. (1989). *Paṅṭait tamiḷar toḷilkaḷ*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.
- Selvam, J. (1977). *Sastra Tamil di Malaysia: Satu pengenalan*. Melaka: Persatuan Penulis Negeri Melaka.
- Singaravelu, K. (2014). Caṅka ilakkiyaṅkaḷil maruttuvac cintaṅkaikaḷ. In R. Krishna Moorthy, R. Vengkadesan & M. Rajantheran (Eds.), *Payanpāṭṭiyal Pārvaiyil Tamil Ilakkiyaṅkaḷum Āvaṅkaḷum* (Vol. 2, pp. 806-810). Chennai: Semmuthai Pathipakam.
- Soma Suntaranar, C.S.S. (2006). *Ulakat tamiḷ kalaik kaḷaṅciyam*. Chennai: Vijaya Rajeswari Pathippakam.
- Subramanian, K. (1987). *Caṅkakāla camutāyam*. (2 ed.). Chennai: New Century Book House Pvt.Ltd.
- Thachana Moorthy, A. (2001). *Caṅka ilakkiyaṅkaḷ uṅarttum maṅita uṅavukaḷ*. Tanjavur: Mangakarkarasi Pathippakam.
- _____. (2005). *Tamiḷar nākarikamum paṅpāṭum*. (2 ed.). Chennai: Yaal Veliyeetu.
- Tirunavukkarasu, K. D. (2009). *Tamiḷ paṅpāṭu*. Chennai: International Institute of Tamil Studies.
- Vaithiyalingam. (1996). *Tamil panpaadu varalaru*. Chennai: Annamalai Vallalaar Anbu Nilayam.
- Vaiyapuri Pillai, S. (1955). *Tamiḷar paṅpāṭu*. Chennai: Tamil Puththakalayam.
- Vaiyapuri Pillai, S. (1947). *Ilakkiyac cintaṅkaikaḷ*. Chennai: Nava Parati Piracuralayam.
- Varadarasu, M.(1990). *Malaysia Totta Tolilalarkal, Varalarum Piracanaikalum*. Kuala Lumpur: Iracakili Printers.

Varaga Pandian, A. (2001). *Yālnūl: Pāṇar kaivaḷi*. (2 ed.). Chennai: Appar Accakam.

Vityanandan, S. (1985). *Tamiḷar cālpu*. (3rd ed.). Chennai: Pari Puttaka Pannai.

Laman-Laman Web

WADAH PELAJAR IPG. (n.d.). Retrieved from
<http://pengajian-ipg.blogspot.com/2011/10/taksonomi-bloom.html>

தமிழ்நேசன். (n.d.). Retrieved from <http://tamilnation-tamilmani.blogspot.com>

Retrieved from <http://tamilo.com/tamil-population-education>

TEORI DAN KRITIKAN SASTERA. (n.d.). Retrieved from
<http://teorisastera.blogspot.com/2009/12/teori-pemikiran-bersepadu-4k.html>

பதிவுகள். (n.d.). Retrieved from <http://www.geotamil.com/pathivukalnew/>

Retrieved from <http://www.psychologymania.com/2012/04/bahagian-bahagian-otak.html>

Retrieved from <http://www.slideshare.net/vairam99/99-tamil-flowers>

கால வரிசையில் தமிழியல் வெளியீடுகள்: Journal of Tamil Studies. (n.d.). Retrieved from <http://www.ulakaththamizh.org/JOTSissues.aspx>

https://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/transformasi_nasional_2050/mobile/index.html